



PARLIMEN KEEMPAT BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN APLIKASI
MYSEJAHTERA DI BAWAH KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA (KKM),
KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
DAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

DR.18 TAHUN 2022



AHLI-AHLI

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14


1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] **- Pengerusi**
2. YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] **- Naib Pengerusi**
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
5. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
6. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
7. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
8. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
11. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
12. YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
13. YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
14. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin **- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat**

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC

(EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN APLIKASI MySejahtera



LATAR BELAKANG



KONSEP PEMBANGUNAN

CORPORATE SOCIAL
RESPONSIBILITY
(CSR)

TEMPOH:
1 APRIL 2020 - 31 MAC 2021

SYARIKAT: KPISOFT SDN BHD (ENTOMO)



TARIKH PELANCARAN

20 APRIL 2020

JUMLAH MODUL
15

(SEHINGGA 14.4.2022)

PENGIKTIRAFAN
ANTARABANGSA



PENGGUNAAN MySejahtera

- PENGASINGAN DAN PEMANTAUAN KES POSITIF COVID-19
- PENGESANAN KONTAK RAPAT
- PENILAIAN KENDIRI
- MAKLUMAT VAKSINASI DAN SIJIL

KONTRAK SEMASA CSR


- NON DISCLOSURE AGREEMENT (NDA) ANTARA MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN) DAN KPISOFT

PAKAR RUNDING APLIKASI

- MKN, MAMPU, MOSTI, KKM, DLL.
- PASUKAN PETUGAS PEMBOLEHDAYA DIGITAL (PPPD)
- NACSA : HAL EHWAL KESELAMATAN SISTEM

PENYIMPANAN DATA

- ALI BABA CLOUD - PUSAT DATA AIMS KUALA LUMPUR
- AKAN DIPINDAHKAN KE PUSAT DATA SEKTOR AWAM (PDSA)



KONTRAK SELEPAS CSR

- PELANTIKAN SECARA RUNDINGAN TERUS
- KONTRAK BARU DICADANGKAN KEPADA SYARIKAT MYSJ SDN BHD

PEMILIKAN DATA

- HAK PELESENAN TERMASUK HARTA INTELEK DIPUNYAI MYSJ SDN BHD

THIRD-PARTY SERVICES

- PEMBAYARAN KEPADA GOOGLE API DAN SMS BERJUMLAH RM 9,317,142.21

SAKSI & PROSIDING



TARIKH PROSIDING: 14.4.2022
SAKSI: YB MENTERI KEWANGAN &
YB MENTERI KESIHATAN



TARIKH PROSIDING: 26.4.2022
SAKSI: JPM (MKN, MAMPU & NACSA)

HALA TUJU MySejahtera

PENGAMBILALIHAN OLEH
KERAJAAN SEPENUHNYA

SEBAGAI SISTEM KESIHATAN
UTAMA NEGARA

RINGKASAN

PENEMUAN PAC

4 DISEMBER 2020 SIDANG MKN

Pembentangan permohonan bajet oleh MAMPU daripada MKN bagi tujuan pengambilalihan keseluruhan data MySejahtera termasuk migrasi data daripada Alibaba Cloud ke Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU.

- ✓ Peruntukan: RM5.88 juta daripada Tabung COVID-19 telah diluluskan.

26 NOVEMBER 2021 MESYUARAT JEMAAH MENTERI

Keputusan:

- ✓ Perolehan aplikasi MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat MySJ selama dua (2) tahun.
- ✓ Kerajaan akan mengambil alih keseluruhan aplikasi, termasuk migrasi data ke PDSA, MAMPU.
- ✓ RM 5.88 juta telah dipulangkan semula ke Tabung COVID-19

6 APRIL 2022 MESYUARAT JEMAAH MENTERI

Keputusan:

- ✓ Sistem MySejahtera akan dipindahkan kepada kerajaan secara keseluruhan.
- Semua data MySejahtera akan dipindahkan ke pusat data MAMPU.

RUMUSAN PAC

- 1 ▶ Pelantikan KPISoft tidak berlandaskan tatacara perolehan Kerajaan.
- 2 ▶ Kerajaan tidak jelas dengan hala tuju pembangunan aplikasi MySejahtera & keliru dengan pelantikan KPISoft, konsep CSR dan tempohnya, serta pemilikan aplikasi.
- 3 ▶ CSR dilihat digunakan untuk mendapatkan projek kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya.
- 4 ▶ Tindakan Kerajaan menolak cadangan pengkomersialan adalah wajar demi melindungi keselamatan data pengguna.
- 5 ▶ Harga siling sebanyak RM196 juta untuk perolehan MySejahtera selama 2 tahun adalah tinggi dan bercanggah dengan konsep CSR.
- 6 ▶ Aplikasi MySejahtera masih dimiliki syarikat pembangun aplikasi
- 7 ▶ Kerajaan masih belum mendaftarkan harga intelek (IP) bagi aplikasi MySejahtera di MyIPO setakat April 2022
- 8 ▶ MAMPU sebagai Jabatan Teknikal ICT dilihat berupaya mengambilalih pembangunan dan pengoperasian aplikasi MySejahtera.

SYOR PAC

- 1 ▶ Kerajaan semak semula kewajaran pemberian kontrak aplikasi MySejahtera secara rundingan terus & MAMPU harus mengambilalih keseluruhan aplikasi.
- 2 ▶ Kerajaan lebih *prudent* dalam proses perolehan dan mewujudkan garis panduan bagi tadbir urus CSR.
- 3 ▶ Kerajaan harus memiliki aplikasi MySejahtera sepenuhnya dan memastikan data pengguna tidak disalahguna oleh mana-mana pihak.
- 4 ▶ Aplikasi MySejahtera dijadikan alat pengurusan kesihatan awam negara selaras dengan pelan pendigitalan perkhidmatan kesihatan.



KANDUNGAN



PERKARA	Muka surat
INFOGRAFIK	i.
LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	1
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PERBINCANGAN	2
3. SKOP DAN METODOLOGI	3
4. LATAR BELAKANG	4
5. KETERANGAN SAKSI- SAKSI PROSIDING	5
5.1 Keterangan YB Menteri Kesihatan	5
a) Latar Belakang Aplikasi Digital Bagi Pengurusan Pandemik COVID-19	5
b) Pelantikan KPISoft Sdn. Bhd Sebagai Syarikat Pembangunan Aplikasi	6
c) Penggunaan Modul-modul Aplikasi MySejahtera	9
d) Perkhidmatan Aplikasi MySejahtera Secara CSR	11
(i) <i>Non-Disclosure Agreement</i> (NDA) antara MKN Dan KPISoft	11
(ii) Tempoh CSR Aplikasi MySejahtera	12
(iii) Proses Lantikan Secara Rundingan Terus Setelah Tamat Tempoh CSR	12
e) Penggunaan Dan Penyimpanan Data MySejahtera	14
5.2 Keterangan YB Menteri Kewangan	16
5.3 Keterangan MAMPU	19
a) Penglibatan NACSA Dan MAMPU	21
b) Penglibatan Syarikat KPISoft Sdn. Bhd.	21
c) Pelaksanaan Aplikasi MySejahtera Secara CSR	23
6. PENEMUAN PAC PARLIMEN	25
6.1 Punca Kuasa Pembangunan Aplikasi MySejahtera	25
6.2 Keputusan Memilih KPISoft Sebagai Pembangun Aplikasi MySejahtera	27
6.3 Pembangunan Aplikasi MySejahtera Secara CSR	37
6.4 Hala Tuju Aplikasi MySejahtera Setelah Tamat Tempoh CSR – Cadangan KPISoft	46
i. Pengkomersialan Aplikasi MySejahtera	47
ii. Bayaran Perkhidmatan Berjumlah RM138 Juta Setahun	49
6.5 Cadangan Kontrak MySejahtera Setelah Tamat Tempoh CSR	51
6.6 Cadangan Pelantikan MySJ Sdn. Bhd. Secara Rundingan Terus	56
6.7 Nilai Perolehan Aplikasi MySejahtera	67

6.8	Penyerahan Hak Pelesenan Aplikasi MySejahtera Kepada MySJ Sdn. Bhd.	72
6.9	Percanggahan Dalam Isu Pemilikan <i>Intellectual Property</i> (IP) Aplikasi MySejahtera	75
6.10	Kemampuan Dan Cadangan Kerajaan Malaysia Mengambil Alih Keseluruhan Sistem Aplikasi MySejahtera	87
6.11	Akses Penggunaan Data Aplikasi MySejahtera Sebelum Kontrak MySJ Sdn. Bhd. Dimuktamadkan	92
6.12	Rundingan Dengan MySJ Sdn. Bhd. Untuk Opsyen Masa Depan	96
7.	RUMUSAN PAC PARLIMEN	98
8.	SYOR PAC PARLIMEN	100
GLOSARI		-
AGENDA MESYUARAT		-
GAMBAR PROSIDING		-



**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG
PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN APLIKASI MYSEJAHTERA
DI BAWAH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM),
KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
DAN JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)**

1 PENDAHULUAN

Isu Pembangunan Dan Perolehan Aplikasi MySejahtera telah menjadi perdebatan dalam kalangan rakyat selepas Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) membentangkan Laporan Tindakan Susulan berhubung Perolehan Vaksin COVID-19 Dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia di Dewan Rakyat pada 24 Mac 2022.

Ia berikutan syor kelima PAC dalam Laporan PAC Parlimen berhubung Perolehan Vaksin COVID-19 Dan Penggunaannya Terhadap Rakyat Malaysia yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2021 yang menyatakan “**Kerajaan tidak harus membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera kerana pembangunannya adalah bersifat *Corporate Social Responsibility* (CSR). Kerajaan hendaklah mengambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera**

tanpa melibatkan apa-apa kos tambahan memandangkan ia telah menjadi sebahagian daripada sistem kesihatan negara.”

Kerajaan telah memutuskan untuk membuat pembayaran bagi penggunaan aplikasi MySejahtera bermula April 2021 sebagaimana dinyatakan dalam Rumusan 6.8 laporan tersebut iaitu **“PAC mengambil maklum jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Parlimen bahawa kerajaan akan mula membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera mulai April 2021. Walaupun pada asalnya aplikasi MySejahtera adalah dibangunkan secara *Corporate Social Responsibility* (CSR), PAC berpandangan konsep CSR telah digunakan sebagai satu mekanisme untuk mendapatkan projek kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya”**.

Sehubungan itu, PAC memulakan prosiding berhubung Pembangunan Dan Perolehan Aplikasi MySejahtera pada 14 April 2022.

2 OBJEKTIF PERBINCANGAN

Selaras dengan mandat dan punca kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77 (1) (d) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Seksyen III 11(b), Pekeliling Am No. 2 Tahun 1982 Organisasi Kementerian-Kementerian, PAC Parlimen telah mengadakan prosiding berkaitan Pembangunan Dan Perolehan Aplikasi MySejahtera yang bertujuan untuk menilai dan mengkaji sama ada pembangunan dan perolehan aplikasi ini telah dilaksanakan

dengan telus dan meneliti perancangan bagi pelaksanaan hala tuju aplikasi MySejahtera.

3 SKOP DAN METODOLOGI

3.1 Prosiding telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. memanggil pihak yang terlibat dalam pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera iaitu Yang Berhormat (YB) Menteri Kesihatan, YB Menteri Kewangan, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kewangan dan Pembangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), TKSU Pengurusan JPM, Ketua Pengarah (KP) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), KP Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Ketua Eksekutif (KE) Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA); dan
- ii. menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), MOF, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Akauntan Negara (JANM), Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2 Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	14 April 2022/ 10.00 pagi	Bil. 1(a)/2022	(i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): a) YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar, Menteri Kesihatan Malaysia b) YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh, KSU KKM (ii) Kementerian Kewangan (MOF): a) YB Senator Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia b) YBhg. Dato' Asri bin Hamidon, KSP
2.	21 April 2022/ 10.00 pagi	Bil. 1(b)/2022	(i) Jabatan Perdana Menteri (JPM): a) YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, TKSU Kewangan dan Pembangunan b) YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail, TKSU Pengurusan (ii) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU): YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, KP MAMPU (iii) Majlis Keselamatan Negara (MKN): YBhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad, KP MKN (iv) Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA): YBrs. Tuan Rahamzan bin Hashim, KE NACSA

4 LATAR BELAKANG

Aplikasi COVID-19 *Outbreak Management* yang diperkenalkan Kerajaan yang kemudiannya dinamakan MySejahtera telah dibangunkan secara CSR oleh syarikat KPISoft Sdn. Bhd. (KPISoft). Aplikasi MySejahtera mula digunakan secara meluas semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan mulai 18 Mac 2020. Aplikasi ini bertujuan untuk membantu pengawasan penularan wabak COVID-19 dalam negara yang mana penilaian kesihatan sendiri dapat

dilaksanakan oleh setiap individu, selain boleh berkomunikasi secara dua hala dan juga bagi tujuan pemantauan kesihatan sepanjang pandemik.

Dalam melaksanakan inisiatif pembangunan aplikasi tersebut, penglibatan dan kerjasama kementerian dan agensi Kerajaan seperti KKM, MKN, MAMPU dan NACSA adalah kritikal bagi pembangunan sistem aplikasi COVID-19.

Pembangunan aplikasi MySejahtera dibangunkan secara CSR oleh KPISoft. Walau bagaimanapun, PAC mendapati kerajaan akan mula membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera mulai April 2021.

5 KETERANGAN SAKSI-SAKSI PROSIDING

5.1 Keterangan YB Menteri Kesihatan

YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan perkara-perkara berikut:

a) Latar Belakang Aplikasi Digital Bagi Pengurusan Pandemik COVID-19

MKN selaku agensi yang bertanggungjawab menerajui pengurusan pandemik COVID-19 telah melihat keperluan untuk membangunkan satu aplikasi digital yang akan melancarkan pengurusan pandemik.

Seperti negara-negara lain, penggunaan aplikasi digital dilihat dapat membantu dalam pengurusan pandemik dengan berkesan. Bagi tujuan ini, MKN telah mengesyorkan kepada kerajaan supaya satu aplikasi digital dibangunkan dan KKM telah mendapatkan khidmat nasihat daripada MAMPU untuk melaksanakan penilaian kepada aplikasi mudah alih yang sesuai bagi tujuan pemantauan dan pengawalan COVID-19.

KKM bersama-sama pihak MAMPU dan MKN sebagai ahli pasukan projek terlibat dalam perancangan strategik dan penentu kepada pembangunan modul dan kegunaan aplikasi. Cadangan-cadangan konsep pembangunan sistem sama ada yang sedia ada atau yang baharu telah dihantar kepada MKN untuk dinilai.

Pasukan bertugas yang terlibat dalam penilaian aplikasi digital dikenali sebagai Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital (PPPD) COVID-19 yang dipengerusikan oleh MKN dan MAMPU. Ahli-ahli PPPD terdiri daripada KKM, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), NACSA dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

b) Pelantikan KPISoft Sebagai Syarikat Pembangun Aplikasi

Berdasarkan penilaian yang telah dibuat, PPPD telah memutuskan bahawa aplikasi yang dicadangkan oleh syarikat KPISoft merupakan penyelesaian yang terbaik selaras dengan keperluan ketika pandemik. Syarikat tersebut telah memenuhi kriteria pemilihan iaitu:

- (i) Sistem telah tersedia;
- (ii) Boleh *go live* dalam tempoh dua (2) minggu;
- (iii) Ditawarkan secara CSR untuk tempoh satu (1) tahun; dan
- (iv) Berdasarkan rekod prestasi baik untuk kerja-kerja yang lepas:
 - membangunkan sistem kecerdasan buatan (AI) untuk syarikat besar seperti Manulife Insurance, Zurich Insurance dan Etihad Railways; dan
 - menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada Kerajaan Dubai – *Smart Dubai Government*.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pada waktu itu MKN telah minta supaya cadangan-cadangan dihantar kepada MKN dan telah diterima daripada pelbagai syarikat. Cadangan sistem, sistem yang sudah siap dibangunkan dan juga pembangunan sistem baru. Jadi mereka yang telah menghantar proposal kepada MKN ada yang ada sistem yang sudah atau siap ready to use dengan izin. Ada juga yang telah mencadangkan supaya satu sistem baharu dibangunkan. Next. Satu Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital COVID-19 telah pun ditubuhkan. Pengerusinya adalah MKN dan MAMPU. Ahli-ahlinya adalah National Cyber Security Agency (NACSA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Platform penubuhan ini adalah:

- (i) *platform tadbir urus penggunaan teknologi digital pengurusan COVID-19;*

- (ii) menerima tanggungjawab dan mandat dalam mesyuarat KSU dan Ketua Perkhidmatan Khas Perancangan Strategik pada 23 Mac; dan
- (iii) menilai cadangan yang diterima daripada pelbagai syarikat berkaitan teknologi dalam pelbagai aspek untuk menangani pandemik COVID-19.

Maka PPPD telah memutuskan bahawa aplikasi yang dicadangkan oleh KPISoft merupakan penyelesaian yang terbaik selaras dengan keperluan ketika itu. Antara kriteria pemilihan adalah:

- (i) sistem itu sudah ready ataupun tersedia, tak perlu dibangunkan;
- (ii) boleh go live ataupun boleh diguna pakai dalam tempoh dua minggu;
- (iii) ditawarkan secara CSR untuk tempoh satu tahun; dan
- (iv) berdasarkan kepada rekod prestasi kerja-kerja yang lepas oleh KPISoft yang telah membangunkan sistem kecerdasan buatan untuk beberapa syarikat kewangan, insurans dan juga perkhidmatan pengurusan kepada Kerajaan Dubai iaitu Smart Dubai Government.

Jadi, dengan itu maka dilancarlah MySejahtera pada 20 April 2020.”

[Muka surat 4-5, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]


c) Penggunaan Modul-modul Aplikasi Mysejahtera

Pada 20 April 2020, sistem aplikasi digital yang dinamakan MySejahtera telah dilancarkan yang mana pada waktu tersebut hanya terdapat tiga (3) modul iaitu:

- (i) penilaian sendiri;
- (ii) pengesanan kontak; dan
- (iii) penyampaian maklumat sahih kepada masyarakat.

Sehingga 14 April 2022, terdapat sejumlah 15 modul yang dibangunkan oleh kerajaan bersama dengan syarikat KPISoft. Penambahan modul-modul baharu ini adalah berdasarkan penilaian yang telah dilakukan oleh pihak bertanggungjawab dan melibatkan fungsi yang lebih kompleks serta penggunaan aplikasi yang lebih meluas.

Sebanyak 15 modul yang dibangunkan dalam aplikasi MySejahtera seperti berikut:



(Sumber: Pembentangan KKM pada 14 April 2022)

Antara kepentingan aplikasi MySejahtera adalah arahan pengasingan dan pemantauan secara *virtual* yang mana penilaian sendiri secara digital melalui *home assessment* dapat dilaksanakan dan dilaporkan. Kesihatan individu yang dijangkiti COVID-19 dapat dipantau melalui aplikasi MySejahtera untuk diberikan rawatan terbaik sebelum kesihatan mereka merosot.

Di samping itu, data yang diperolehi melalui fungsi *check-in* di premis-premis boleh membantu individu memeriksa gejala yang ada pada mereka sekiranya menjadi kontak rapat kepada kes-kes positif.

Aplikasi MySejahtera adalah penting bagi setiap individu untuk mengetahui maklumat vaksinasi individu, jenis vaksin yang diterima dan juga penjanaaan sijil vaksinasi digital.

Aplikasi MySejahtera juga telah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Sebuah syarikat *analytic*, App Annie telah menyenaraikan MySejahtera sebagai antara aplikasi yang baik di dunia dan diiktiraf oleh Kesatuan Eropah (EU). Sebagai contoh, sijil vaksin yang dijana dalam MySejahtera telah disenaraikan dalam *European Union Digital COVID-19 Certificate*.

d) Perkhidmatan Aplikasi MySejahtera Secara CSR

(i) *Non-Disclosure Agreement* (NDA) antara MKN dan KPISoft

Sebelum pelancaran aplikasi MySejahtera, MKN bagi pihak Kerajaan telah memeterai satu Perjanjian Ketidakdedahan (*Non-Disclosure Agreement*) atau NDA dengan KPISoft pada 1 April 2020 yang mempunyai terma-terma berkenaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera yang dilaksanakan secara CSR.

Antara terma utama dalam perjanjian NDA ialah hak milik setiap data dan maklumat yang diperolehi menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera, adalah hak milik penuh dan mutlak Kerajaan sehingga satu kontrak baharu dimeterai.

*“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Okey Yang Berhormat, kita pergi kepada isu-isu yang dibangkitkan dalam prosiding sebelum ini dan juga yang sedang hangat dibincangkan oleh masyarakat umum. Pertamanya, pemilikan MySejahtera. Sebelum pelancaran aplikasi MySejahtera, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi pihak kerajaan telah memeterai satu Perjanjian Ketidakdedahan (*Non-Disclosure Agreement*) dengan KPISoft pada 1 April dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.*

Antara terma-terma yang penting yang saya ingin bangkitkan hari ini ialah hakmilik setiap data dan maklumat yang diperolehi menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera ialah hakmilik penuh dan mutlak kerajaan sehingga satu kontrak baharu dimeterai. Satu kontrak baharu belum lagi dimeterai dan masih lagi dalam rundingan dan akan kita sentuh kemudian.”

[Muka surat 8-9, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

(ii) Tempoh CSR Aplikasi MySejahtera

Tempoh CSR adalah mulai 1 April 2020 sehingga 31 Mac 2021. Kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat sama ada sepanjang atau selepas tempoh CSR tersebut.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pengurusan aplikasi MySejahtera secara CSR. Tempoh CSR tamat pada 31 Mac 2021. Kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat sepanjang tempoh CSR, malah kerajaan selain daripada third party services yang saya telah memberi keterangan terdahulu sewaktu saya datang ke sini iaitu Google API dan SMS services. Selain daripada pembayaran itu yang third party yang bukan dibayar khusus kepada Entomo ataupun KPI Soft, kita tidak pernah membayar apa-apa kepada pihak Entomo mahupun KPI Soft mahupun MYSJ setakat ini even past the CSR period.”

[Muka surat 10, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

(iii) Proses Lantikan Secara Rundingan Terus Setelah Tamat Tempoh CSR

Setelah tamat tempoh CSR, Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 telah bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan berdasarkan pencapaian prestasi penggunaan aplikasi serta teknologinya yang dinamik.

Memorandum Jemaah Menteri (MJM) pada 26 November 2021 telah memutuskan supaya perkhidmatan aplikasi MySejahtera diperolehi dari sudut *manage services* ataupun perkhidmatan yang diurus

dengan syarikat yang mengendalikannya dan perkhidmatan diperoleh secara rundingan terus dengan syarikat selama dua (2) tahun.

Pada 28 Februari 2022, MOF telah meluluskan permohonan KKM untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus namun tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tamat tempoh CSR, Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan kerana keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya. Pada waktu itu, kita bersetuju bahawa MySejahtera had performed over the last one year, more features were added on MySejahtera. Oleh yang demikian, kita setuju bahawa perkhidmatan MySejahtera diteruskan.

Selepas 31 Mac, pelbagai sesi rundingan telah pun diadakan antara MAMPU dan juga MySejahtera dan perkara ini boleh dirujuk kepada MAMPU dalam keterangan mereka nanti. Selepas rundingan antara MAMPU dengan MySejahtera dan saya dilantik sebagai Menteri Kesihatan pada Ogos 2021, saya minta supaya disegerakan satu perjanjian antara MySejahtera dan kerajaan selama dua tahun, next.

Maka, satu memorandum Jemaah Menteri pada waktu itu 26 November 2021 masih lagi dibawa oleh Menteri Tugas-tugas Khas kerana jurisdiction MySejahtera masih berada di bawah MKN MAMPU yang diwakili oleh Menteri Tugas-tugas Khas di dalam Jemaah Menteri dan memorandum Jemaah Menteri pada 26 November telah memutuskan supaya perkhidmatan MySejahtera diperoleh dari sudut manage services ataupun perkhidmatan yang diurus dengan syarikat yang mengendalikannya selama dua tahun dan supaya pemilikan MySejahtera dari segi pemilikan aplikasi secara total dan juga dari segi jurisdiction nya dipindahkan daripada MKN kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada 28 Februari, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan KKM untuk melaksanakan perolehan rundingan terus bersama dengan syarikat tersebut dan sekarang ini, kita sedang melaksanakan beberapa due diligence untuk memastikan kepentingan kerajaan terpelihara termasuklah semua komen yang kita dengar daripada rakan-rakan Ahli Parlimen dan sebagainya dan itu akan dimasukkan ke dalam perjanjian rundingan perjanjian kita. Ringkas sahaja, saya ada beberapa slide lagi supaya kita bagi peluang kepada Menteri Kewangan untuk juga menjawab.

Saya ingin maklumkan bahawa – ini sepintas lalu, Menteri Kewangan mungkin akan juga menyebut perkara ini. Surat 28 Februari untuk meluluskan perolehan secara rundingan terus daripada Perbendaharaan tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat.”

[Muka surat 10-11, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

e) Penggunaan dan Penyimpanan Data MySejahtera

Penggunaan data MySejahtera adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan Akta Perubatan 1971 (Akta 50). Data yang tersimpan dalam pangkalan data adalah terpelihara dan hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta aplikasi sokongan yang berkaitan dengan pandemik sahaja. KKM telah memastikan bahawa data ini terpelihara dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain melainkan pandemik COVID-19.

Penyimpanan data MySejahtera disimpan menggunakan perkhidmatan awan Alibaba yang mana server bagi perkhidmatan tersebut berpangkalan di AIMS *Data Centre* di Kuala Lumpur.

Dari aspek keselamatan aplikasi, MAMPU dan NACSA menjalankan ujian-ujian tertentu bagi memastikan aplikasi ini selamat sebelum dilancarkan. NACSA melalui *National Cyber Coordination and Command Centre* akan memantau keselamatan aplikasi MySejahtera secara berterusan. NACSA bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pencerobohan dan ketirisan data tidak berlaku. Data juga tidak dikongsi dengan agensi lain sama ada pihak Kerajaan ataupun swasta.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: MAMPU dan NACSA menjalankan ujian bagi memastikan aplikasi ini selamat melalui penetration dan vulnerability test sebelum dilancarkan. NACSA melalui National Cyber Coordination and Command Centre, memantau keselamatan aplikasi MySejahtera secara berterusan dan membantu dalam mengenal pasti tindakan pemulihan yang perlu dilaksanakan kalau sekiranya ada sebarang kerentanan (vulnerability). NACSA seterusnya melaksanakan semakan bagi mengesahkan tiada tindakan pemulihan yang telah dilaksanakan. Satu perkara lagi yang boleh disahkan dengan NACSA kemudian, memang ada audit trail kepada sesiapa yang akses kepada data tersebut.

Jadi, sesiapa yang masuk kepada pangkalan data dalam server kita, memang ada audit trail sesiapa yang log-in dan sebagainya. Kita sentiasa melihat kepada audit trail untuk memastikan hanya mereka yang ada kebenaran dapat akses kepada data tersebut. Ini memastikan bahawa tidak ada pencerobohan dan tidak ada ketirisan data. Data MySejahtera tidak boleh dikongsi oleh KKM dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta. Yang Berhormat,

banyak agensi kerajaan minta data MySejahtera daripada Kementerian Kesihatan, pihak NACSA tetapi kita tidak beri. Ini disebabkan ia hanya untuk kegunaan kesihatan sahaja, pandemik sahaja. Pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara dan hanya boleh digunakan untuk pandemik sahaja. Penyimpanan data MySejahtera Yang Berhormat, ada tuduhan yang mengatakan bahawa ia berpangkalan di luar negara.

Namun demikian, saya ingin maklumkan bahawa data MySejahtera disimpan menggunakan perkhidmatan awan Alibaba yang server nya berpangkalan di AIMS Data Centre di Kuala Lumpur yang berpangkalan di sini. The data is on shore.”

[Muka surat 9-10, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

5.2 Keterangan YB Menteri Kewangan

YB Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 menerangkan tentang dua (2) permohonan berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera yang diterima dan diproses oleh Kementerian Kewangan.

- a) Permohonan pertama adalah permohonan daripada MKN untuk mendapatkan kelulusan khas pembayaran luar kontrak. Permohonan ini merujuk kepada pembayaran untuk menampung kos langganan perkhidmatan pihak ketiga dan telah diluluskan oleh MOF melalui surat bertarikh 26 November 2021.
- b) Permohonan kedua yang diterima oleh MOF adalah daripada KKM susulan daripada keputusan Kabinet pada 26 November 2021 iaitu

perolehan aplikasi MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat MySJ Sdn. Bhd. (MySJ) dan tempoh kontrak adalah selama dua (2) tahun.

Permohonan ini telah diluluskan namun tertakluk kepada syarat-syarat oleh MOF bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan terjamin. Syarat-syarat yang ditetapkan oleh MOF adalah seperti yang telah dibentangkan semasa sesi prosiding pada 14 April 2022 seperti berikut:



(Sumber: Pembentangan MOF pada 14 April 2022)

“Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ada dua slide sahaja. Ini di mana saya akan memberi sedikit pencerahan dari sudut Kementerian Kewangan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada PAC atas jemputan untuk memberikan penjelasan.

Untuk makluman semua sesi pembentangan pada pagi ini untuk Kementerian Kewangan akan difokuskan kepada permohonan-permohonan berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera yang diterima dan juga diproses oleh Kementerian Kewangan. This slide untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, MOF telah menerima dua permohonan berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat KJ tadi. Pertama, permohonan daripada MKN. Ini untuk mendapatkan kelulusan khas pembayaran luar kontrak. This is the Google that KJ mentioned dan juga SMS lah. That one permohonan tersebut telah diluluskan oleh MOF melalui surat bertarikh 26 November.

Permohonan kedua yang diterima oleh MOF adalah daripada KKM bertarikh 27 Disember 2021. Ini sebenarnya susulan daripada keputusan Kabinet yang disebut oleh Yang Berhormat KJ tadi, 26 November yang antara lain bersetuju supaya MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan MySJ Sdn. Bhd.– Ini untuk kontrak dua tahun. KKM dilantik sebagai pemilik aplikasi which is what Yang Berhormat KJ has said just now. Ini peruntukan yang keputusan-keputusan seperti berikut.

Pertamanya yang disebut oleh Yang Berhormat KJ, KKM berpuas hati terhadap kewujudan ikatan yang sah daripada segi undang-undang antara syarat syarikat MySJ dan Entomo Malaysia selaku pembangun aplikasi MySejahtera. Peruntukan ini yang diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini. Semua peraturan perolehan dan aturcara kewangan yang berkuatkuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya. KKM bersama-sama agensi lain yang berkaitan hendaklah menyemak semula kos sebenar aplikasi MySejahtera

berserta kewajaran kos-kos yang terlibat dalam perolehan ini. Kos perolehan yang telah disemak hendaklah dijadikan asas pertimbangan dalam proses rundingan harga yang akan dilaksanakan.

Kelimana harga bagi perolehan secara pakej ini hendaklah dirunding ke paras terendah yang memperuntukkan in accordance with the Pekeliling Perbendaharaan. As Yang Berhormat KJ mentioned that the final hasil rundingan ini mesti dimuktamadkan oleh MOF. KKM juga hendaklah mewujudkan kontrak berasingan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga.

KKM perlu memastikan aplikasi dan data MySejahtera adalah milik kerajaan sepenuhnya. Itulah condition daripada Kementerian Kewangan juga. KKM juga hendaklah memastikan KPISoft, Entomo dan MySJ memberi surat jaminan undertakings supaya tidak ada mana-mana pihak yang akan menuntut pemilikan, hak cipta, pembayaran dan lain-lain.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, berdasarkan pembentangan saya tadi, saya ingin memberikan penjelasan bahawa pertimbangan MOF melalui surat bertarikh 24 Februari 2022 adalah berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2021. Syarat-syarat yang ditetapkan MOF kepada KKM juga adalah untuk memastikan kepentingan kerajaan terpelihara dan terjamin...”

[Muka surat 13-14, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

5.3 Keterangan MAMPU

YBrs. Puan Hanissul Jalis binti Md. Yusof [Pengarah Bahagian Pembangunan Aplikasi MAMPU] yang mewakili YBhg. Datuk Seri

Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah MAMPU] dalam prosiding Bil. 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 telah menyatakan terdapat keperluan membangunkan aplikasi khusus untuk pemantauan dan pengurusan pandemik COVID-19 berikutan kes harian COVID-19 semakin bertambah melebihi 100 peratus, malah mencapai sehingga 300 peratus mulai Mac 2020. Antara tujuan aplikasi tersebut adalah untuk membantu pengawasan penularan wabak COVID-19 dalam negara yang antara lain membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri.

Aplikasi MySejahtera dibangunkan secara kerjasama strategik antara KKM, JPM, MKN, MAMPU dan agensi-agensi lain. Berikut merupakan ringkasan fasa bagi pembangunan 15 modul dalam aplikasi MySejahtera:

Fasa Pembangunan 15 Modul



Modul-modul yang dibangunkan turut melibatkan integrasi data/ sistem dengan pihak MOSTI, NADMA, JPN

Modul saling berkait dengan *enhanced features*

13

(Sumber: Pembentangan MAMPU pada 21 April 2022)

a) Penglibatan NACSA dan MAMPU

Pembangunan aplikasi MySejahtera telah melibatkan beberapa agensi di peringkat nasional, termasuk MAMPU dan NACSA. MAMPU yang merupakan peneraju dalam pengurusan ICT sektor awam, berperanan sebagai pakar runding dalam pembangunan sistem aplikasi MySejahtera. Manakala NACSA yang merupakan agensi keselamatan siber negara, turut dilibatkan dalam pelaksanaan pembangunan aplikasi selaras dengan peranannya dalam pengurusan keselamatan siber negara yang melihat daripada aspek pembangunan bagi memastikan sistem dibangunkan dengan selamat.

b) Penglibatan Syarikat KPISoft Sdn. Bhd.

Berdasarkan keperluan mendesak semasa pandemik, KPISoft telah membentangkan cadangan aplikasi kepada *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) KKM untuk menguruskan pandemik COVID-19. KKM seterusnya telah membawa cadangan tersebut kepada MAMPU untuk mendapatkan khidmat nasihat untuk penilaian teknikal ke atas aplikasi yang dicadangkan oleh KPISoft. Seterusnya cadangan dikemukakan kepada MKN selaku peneraju pengurusan pandemik semasa PKP untuk meneruskan pembangunan aplikasi.

“Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: ... Untuk makluman ahli mesyuarat semua, KPISoft merupakan syarikat perkhidmatan pendigitalan. Kalau kita known from the name is KPI is Key Performance Indicator, pengurusan

prestasi secara mobil dengan penggunaan AI dengan juga augmented analytics.

Syarikat ini juga membangunkan aplikasi yang based kepada enterprise performance management sinonim dengan KPI kepada pelanggan sektor perkhidmatan kewangan kerajaan dan lain-lain telco. Seperti contoh mana yang telah dibangunkan oleh mereka Smart Dubai Government untuk UAE.

Pada atas keperluan mendesak semasa pandemik, syarikat telah membentangkan cadangan aplikasi kepada CPMC KKM iaitu terutama bagi pengurusan penyakit berjangkit untuk keperluan untuk menguruskan pandemik COVID-19. KKM seterusnya telah membawa cadangan tersebut kepada MAMPU untuk mendapatkan khidmat nasihat untuk penilaian teknikal ke atas aplikasi yang dicadangkan oleh syarikat.

MKN juga telah membawa kepada MKN, memandangkan MKN adalah peneraju semasa PKP untuk meneruskan pembangunan aplikasi selaras dengan peranan MKN pada masa tersebut.


Kita lihat sekarang kepada kronologi. Pada 23 Mac 2020, ini adalah pembentangan oleh syarikat semasa dalam mesyuarat Pemerkasaan Teknologi...

Tuan Pengerusi: *Syarikat yang dimaksudkan adalah syarikat KPISoft?*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *Ya saya."*

[Muka surat 17-18, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Berikut merupakan ringkasan mengenai latar belakang penglibatan Syarikat KPISoft dalam pembangunan aplikasi MySejahtera.



(Sumber: Pembentangan MAMPU pada 21 April 2022)

c) Pelaksanaan Aplikasi MySejahtera Secara CSR

CSR yang dilaksanakan selama setahun tidak melibatkan sebarang pembayaran kecuali pembayaran kos langganan perkhidmatan kepada pihak ketiga pada Disember 2021 sebanyak RM9.3 juta.

“Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Okey, kalau saya boleh ke slaid seterusnya Yang Berhormat iaitu pelaksanaan CSR sendiri dan perkara ini telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat tadi yang mana kita perlu menyatakan bagaimanakah tempoh setahun CSR dan pihak kami akan mendapatkan dokumen tempoh CSR yang dinyatakan selama setahun tersebut. Namun begitu, apa yang perlu di-emphasised di sini adalah kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat iaitu syarikat KPISoft dan Entomo atau Entomo sepanjang tempoh CSR tersebut.

Kerajaan pernah melaksanakan pembayaran sebanyak RM9.3 juta bagi pelaksanaan MySejahtera pada Disember 2021 untuk menampung kos langganan perkhidmatan pihak ketiga. Kos langganan perkhidmatan pihak

ketiga ini adalah perkhidmatan Google API services yang digunakan untuk pendaftaran vaksinasi dan juga kos perkhidmatan SMS. SMS di sini yang kita bayar adalah notifikasi. One-time password (OTP) kita tidak bayar, itu adalah CSR. Notifikasi di sini adalah notifikasi yang diterima melalui MySejahtera berdasarkan mengenai peringatan bagi temu janji dan juga keputusan pemeriksaan COVID-19 dan juga sekiranya terdapat isu terlupa password link akan dihantar. Itu merupakan contoh-contoh notifikasi yang dicaj.

So, pembayaran dibayar RM9.3 juta adalah perkhidmatan pihak ketiga.”

[Muka surat 38, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Berikut merupakan ringkasan kronologi bagi pelaksanaan aplikasi MySejahtera yang bermula dengan pembentangan oleh KPISoft pada 23 Mac 2020 sehingga pelancaran aplikasi pada 20 April 2020.



(Sumber: Pembentangan MAMPU pada 21 April 2022)

6. Penemuan PAC Parlimen

6.1 Punca Kuasa Pembangunan Aplikasi MySejahtera

Berdasarkan maklumat tambahan yang dikemukakan kepada PAC oleh pihak MKN/MAMPU/NACSA bertarikh 13 Mei 2022, berikut adalah punca kuasa pembangunan aplikasi MySejahtera:

- i. Pada 23 Mac 2020, Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Khas Perancangan Strategik PKP Bil 1/2020 yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah memutuskan agar Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital (*Digital Enablement Taskforce*) ditubuhkan bagi menyelaras serta meneliti keperluan dan aspek pembangunan sistem/ aplikasi teknologi digital untuk membantu Kerajaan mengurus situasi krisis dan bencana negara. Pada masa tersebut, fokus dan keutamaan Pasukan Petugas ini adalah untuk meneliti cadangan sistem/aplikasi bagi mengurus dan menangani wabak COVID-19. Pasukan Petugas ini akan diterajui oleh MKN.
- ii. Selanjutnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Mac 2020 telah memutuskan supaya MKN, JPM bersama-sama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM), MOSTI serta KKM menyusul pandangan dan cadangan agar satu aplikasi telefon pintar bagi membantu pihak berkuasa mengesan kontak rapat dan kes positif COVID-19 dibangun dan dilancarkan sebelum tamat PKP.

iii. Melalui surat bertarikh 27 Mac 2020 KP Keselamatan Negara telah menerima tawaran syarikat KPISoft untuk melaksanakan perkhidmatan pembangunan sistem aplikasi MySejahtera atas dasar CSR di mana syarikat bersetuju menanggung keseluruhan kos pembangunan sistem yang asas.

iv. Pembangunan aplikasi MySejahtera merupakan kerjasama strategik antara KKM, MKN, MAMPU dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang bertujuan untuk membantu rakyat (pengguna) melaksanakan penilaian kesihatan sendiri. Melalui aplikasi ini, para pengguna akan dapat mengenalpasti klasifikasi tahap kesihatan masing-masing dan sekiranya pengguna diklasifikasikan sebagai *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) atau *Confirmed Case*, pengguna akan dipantau dan aplikasi ini dapat memberi panduan kepada pengguna melalui maklumat dan notifikasi.

v. Selanjutnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2020 mengambil maklum berhubung pembangunan aplikasi MySejahtera yang dibangunkan secara kerjasama strategik antara KKM, K-KOMM, MOSTI, JPM, MKN dan MAMPU.

vi. Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 16 Tahun 2020 bertarikh 5 April 2020 bersetuju supaya aplikasi MySejahtera digunakan untuk memantau penularan COVID-19 di zon merah sebelum penggunaannya diperluaskan ke zon-zon lain.

6.2 Keputusan Memilih KPISoft Sebagai Pembangun Aplikasi MySejahtera

PAC dimaklumkan bahawa KPISoft telah berhubung dan bekerjasama dengan pihak KKM, secara spesifiknya di Bahagian Kawalan Penyakit, untuk membantu membangunkan satu sistem aplikasi mudah alih bagi pengurusan menangani wabak COVID-19.

Perkara ini telah dinyatakan dalam surat daripada KPISoft kepada YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, KP Keselamatan Negara bertarikh 24 Mac 2020 yang seterusnya memberikan cadangan pembangunan sistem *COVID-19 Outbreak Management* untuk kegunaan KKM dan MKN khusus untuk pengurusan pandemik.

Surat KPISoft tersebut bertajuk “Cadangan Pembangunan Sistem ‘Covid-19 Outbreak Management’ Untuk Kegunaan Majlis Keselamatan Negara Dan Kementerian Kesihatan Malaysia”. Antara kandungan surat KPISoft tersebut adalah seperti berikut:

“... 3. Untuk makluman seterusnya, berikutan wabak COVID-19 yang melanda negara, pihak kami telah berhubung dan bekerjasama dengan pihak Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak awal Mac 2020 untuk membantu membangunkan satu sistem aplikasi mudah alih bagi pengurusan menangani wabak COVID-19. Aplikasi mudah alih ini membolehkan KKM memantau dan menangani penularan wabak ini dengan lebih berkesan. Pihak kami telah mengadakan pembentangan demonstrasi sistem aplikasi mudah alih ini kepada Bahagian Kawalan Penyakit KKM.”

4. Pihak KKM telah memaklumkan supaya pihak kami mengangkat perkara ini kepada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang merupakan peneraju dan penyelaras dalam menangani wabak COVID-19 dan juga untuk perhatian Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) yang merupakan penyedia perkhidmatan ICT Kerajaan untuk pertimbangan agar pembangunan aplikasi ini diperluaskan untuk merangkumi penggunaan di peringkat nasional.

5. Sehubungan itu, pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak MKN boleh mempertimbangkan tawaran pihak kami untuk membantu Kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19. Untuk makluman tuan, aplikasi ini akan dibangunkan secara CSR (corporate social responsibility) sebagai memenuhi tanggungjawab sosial korporat di mana pihak kami akan menanggung keseluruhan pembangunan sistem yang asas.”

Surat maklumbalas kepada KPISoft daripada KP Keselamatan Negara pada 27 Mac 2020 menyatakan tawaran tersebut adalah diterima. Antara kandungan surat tersebut adalah seperti berikut:

“Sukacita dimaklumkan, pihak kami mengalu-alukan dan berbesar hati menerima tawaran pihak syarikat bagi perkhidmatan pembangunan aplikasi mudah alih ini”.

YBrs. Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan NACSA] dalam prosiding Bil 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 memaklumkan bahawa keputusan memilih KPISoft adalah berdasarkan keputusan akhir yang dicapai oleh PPPD. Perbincangan telah dibuat di bawah PPPD mengambil kira penilaian yang telah dilaksanakan oleh MAMPU yang mana sistem yang

dicadangkan oleh KPISoft dilihat sistem yang berupaya untuk menguruskan pandemik COVID-19 pada waktu pandemik bermula.

PAC dimaklumkan bahawa hanya satu (1) syarikat sahaja iaitu KPISoft yang terlibat dalam mesyuarat PPPD pada 23 Mac 2020 dan PPPD telah membuat keputusan menggunakan aplikasi MySejahtera daripada KPISoft pada hari yang sama.

***Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman:** ... taskforce kita wujud PPPD pada 23 hari bulan dan pada hari yang sama juga menunjukkan bahawa perlunya terdapat satu platform yang mengumpul beberapa agensi untuk berbincang berhubung dengan proposal kepada kerajaan. That was why on the same date, MKN berpandangan bahawa dalam pengurusan pandemik yang kita masih panik itu, kena ada platform. Kita tidak boleh buat unilateral decision. That was the point kenapa dalam masa satu hari, tiga perkara berlaku dengan serentak.*

***Tuan Pengerusi:** Ya, very well. So my question is, pada 23 Mac 2020, berapa syarikat yang terlibat? Satu atau beberapa buah syarikat yang telah pun dicadangkan? Ataupun hanya satu syarikat sahaja yang dibawa masuk oleh KKM kepada MAMPU dan MKN iaitu KPISoft Sdn. Bhd.*

***Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman:** Di peringkat saya, sefaham saya hanya satu syarikat dibawa masuk pada 23 hari bulan iaitu KPISoft Sdn. Bhd. pada ketika itu.*

***Tuan Pengerusi:** Okey. So maksudnya, soalan lanjut yang patut kami ajukan kepada KKM adalah apa yang berlaku sebelum 23 Mac 2020 dan bagaimanakah hanya sebuah syarikat sahaja yang dibawa kepada MAMPU dan juga MKN. Betul?*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Betul .

Tuan Pengerusi: So, di sini saya hendak tanya, pelantikan syarikat KPISoft ini, strictly speaking adalah daripada siapa? Diluluskan dalam mesyuarat peringkat mana? MKN atau mana?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh respons, di peringkat – sefaham saya, perbincangan telah dibuat di bawah Pasukan Petugas Pembolehdaya Digital dengan mengambil kira penilaian yang telah dilaksanakan oleh MAMPU dan di-tabled dalam mesyuarat tersebut, yang membawa kepada conclusion bahawa this system is the most ready at that particular point of time untuk menguruskan keadaan COVID-19 pada waktu tersebut yang mana pada waktu tersebut, pihak KKM mendapati bahawa kluster – pada waktu tersebut ialah kluster Sri Petaling – telah berpecah kepada subkluster. Pada waktu tersebut juga, kadar kematian dalam angka belasan yang mereka predict dan forecast sekiranya tiada aplikasi yang reach to the citizens untuk melaksanakan penilaian sendiri, akan ada keadaan sekiranya kerajaan tidak boleh reach everyone, akan berlaku sesuatu yang di luar kawalan pada waktu tersebut.”

[Muka surat 21, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Walaupun dengan keterangan **Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman** seperti di atas, PAC mendapati tidak ada minit atau dokumen sokongan berkenaan dengan pelantikan KPISoft untuk membangunkan aplikasi MySejahtera. Saksi-saksi tidak dapat menjawab dengan jelas siapa sebenarnya yang meluluskan pelantikan KPISoft dan dalam mesyuarat mana pelantikan tersebut dimuktamadkan.

Perbincangan KPISoft dengan KKM telah bermula seawal **19 Mac 2020**.

Tuan Pengerusi: Okey, puan. Saya hendak tanya berkenaan dengan prosedur pelantikan syarikat KPISoft Sdn. Bhd. Nombor satu, sama ada syarikat KPISoft merupakan satu-satu syarikat yang datang memberikan proposal kepada kerajaan ataupun terdapat syarikat-syarikat yang lain? So, how does the KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. come into picture untuk diberikan peluang membentangkan cadangan aplikasi kepada pihak MKN? Pada ketika itu, sama ada terdapat syarikat-syarikat yang lain dan apakah mesyuarat yang telah pun diadakan untuk menentu dan mengesahkan ataupun memuktamadkan keputusan pelantikan KPISoft ini.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Untuk menjawab soalan ini, kami difahamkan pada 19 Mac 2020, KPISoft telah membentangkan kepada KKM. Masa itu tajuknya ialah COVID-19 Outbreak Management System. Di sini saya tidak boleh menjawab bagi pihak sama ada syarikat-syarikat lain dan juga telah dibawa dan KKM telah membawa — dia telah mendengar beberapa solutions dan di antaranya ia telah membawakan aplikasi ini kepada MAMPU untuk mendapatkan nasihat daripada khidmat teknikal. Seterusnya kita bawa seterusnya kepada MKN dan seterusnya kepada taskforce tersebut untuk dibuat penilaian teknikal.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, just to add to that. Was there a call for paper ataupun kerajaan ada memanggil ataupun mereka came voluntarily atau macam mana? Setakat yang MAMPU tahulah.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Setakat MAMPU, MAMPU tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Okey, cuma untuk perhatian saksi-saksi semua. Pada minggu lepas soalan yang sama telah pun dibangkitkan oleh pihak kami kepada Menteri Kesihatan. Apa yang dijawab seingat saya adalah pelantikan

asal itu perolehan ataupun prosedur adalah di peringkat MKN pada ketika itu. So, KKM pada minggu lepas kata mereka tidak boleh menjawab berkenaan dengan isu ini. Akan tetapi, pada pagi ini kami pula dengar daripada saksi-saksi bahawa nama KPISoft itu adalah datang dari KKM kepada MAMPU, selepas itu MKN dan juga taskforce. MAMPU tidak boleh menjawab bagi pihak KKM. So, apa yang boleh KP MKN ataupun pihak MAMPU boleh membantu PAC di sini? Ini kerana minggu lepas Menteri kata itu perkara dikendalikan oleh MKN. Hari ini MAMPU kata tidak, balik kepada KKM. Sila.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, kalau saya boleh respon berhubung perkara ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Puan Hanissull daripada MAMPU tadi, daripada perspektif MKN sendiri dan juga NACSA kita telah menerima call dan jemputan daripada pihak MAMPU yang membawa pihak KKM bersekali yang menyatakan bahawa perlunya satu aplikasi di peringkat nasional untuk pengurusan COVID-19.

Tuan Pengerusi: Call siapa?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Maksud saya adalah pihak MKN dihubungi oleh pihak MAMPU dan pihak MAMPU membawa pihak KKM bersekali. Perkara ini semua berlaku pada 23 Mac 2020, pertama kali MKN dihubungi. So, dari aspek tersebut kalau saya boleh respon on persoalan sama ada, ada tidak call for proper or what not. Pada waktu tersebut juga dimaklumkan terdapat banyak proposals juga diperoleh oleh pihak kerajaan berhubung dengan pengurusan COVID-19.”

[Muka surat 18-21, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Kemudiannya, pada **23 Mac 2020**, Mesyuarat KSUKP Khas Perancangan Strategik PKP Bil 1/2020 telah memutuskan penubuhan PPPD bagi menyelaraskan dan meneliti keperluan dan aspek

pembangunan sistem/aplikasi teknologi digital untuk membantu Kerajaan mengurus situasi krisis dan bencana negara.

Pada **24 Mac 2020**, KPISoft telah membuat cadangan kepada MKN.

Pada **25 Mac 2020**, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya MKN, JPM, K-KOMM, MOSTI dan KKM menyusul pandangan dan cadangan agar satu aplikasi telefon pintar dibangunkan.

Pada **27 Mac 2020**, KP MKN telah menerima tawaran KPISoft untuk melaksanakan perkhidmatan pembangunan sistem aplikasi Mysejahtera.

Pada **1 April 2020**, Mesyuarat Jemaah Menteri telah mengambil maklum berhubung pembangunan aplikasi MySejahtera.

Pada hari yang sama, NDA antara MKN (bagi pihak Kerajaan) dan KPISoft telah ditandatangani.

Pada **5 April 2020**, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan bersetuju supaya aplikasi MySejahtera digunakan untuk memantau penularan COVID-19 di zon merah.

PAC mendapati tidak ada minit atau dokumen sokongan berkenaan dengan pelantikan KPISoft untuk membangunkan aplikasi MySejahtera. PAC bertanya kepada saksi **Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman** sama ada Nota Perbincangan Mesyuarat PPPD Bil 1/2020

bertarikh 23 Mac 2020 ada menyatakan keputusan mesyuarat bagi pelantikan KPISoft.

“Tuan Pengerusi: So apakah keputusan perbincangan sama ada mesyuarat memutuskan untuk melantik ataupun menerima cadangan tersebut?”

***Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman:** Dalam minit mesyuarat yang saya lihat sekarang ini, tiada maklumat berhubung mesyuarat bersetuju dengan pelantikan syarikat.”*

[Muka surat 22, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

PAC mendapati untuk keseluruhan perolehan aplikasi MySejahtera, tidak ada dokumen yang lain selain satu NDA yang telah ditandatangani antara MKN (bagi pihak Kerajaan Malaysia) dan KPISoft sahaja.

“Tuan Pengerusi: Sebelum itu, saya nak tanya kepada puan, di hadapan kita hanya ada satu Non-Disclosure Agreement (NDA) antara Kerajaan Malaysia, MKN dengan KPISoft Malaysia Sdn Bhd. Boleh saya sahkan selain daripada dokumen ini, tidak ada mana-mana perjanjian ataupun agreement lain telah pun ditandatangani antara kedua-dua pihak to lay down all the terms?”

***Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman:** Yang Berhormat, sefaham saya, tiada.”*

[Muka surat 31, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

PAC membangkitkan isu cara perolehan dalam aplikasi MySejahtera adalah tidak teratur.

“Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Does that letter menjawab kepada surat KPISoft itu tantamount to pelantikan KPISoft sebagai pengendali kerana tidak ada surat-surat yang...

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Yang Berhormat, surat ini dalam para tiganya menyatakan bahawa pertama, menerima tawaran yang dibuat oleh KPISoft berkenaan, tetapi konsepnya secara atas dasar CSR. Dalam para tiga dinyatakan begitu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: So Tuan Pengerusi, don't you see this as the surat pelantikan sekali?

Tuan Pengerusi: Daripada apa yang saya nampak, yes. This will constitute a surat pelantikan selagi mungkin ada...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Surat-surat lain.

Tuan Pengerusi: Surat-surat lain atau mesyuarat lain. But for me, I don't see that is proper for such big deal to be appointed, that such a big decision to be made by the MKN chief himself, Ketua Pengarah MKN dan dengan satu surat sebegini sahaja. So, is there any documents to show? Datuk KP ataupun Puan Shariffah, any other documents dari 23 sampai 30 Mac berkenaan dengan pelantikan?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, sefahaman saya, setakat pengetahuan saya, saya tidak mempunyai apa-apa maklumat berhubung dengan surat-surat lain yang dikeluarkan oleh pihak MKN untuk tujuan pelantikan.”

[Muka surat 51-52, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

MOF mengesahkan perolehan yang diluluskan kepada KPISoft tidak pernah sampai ke MOF.

“Tuan Pengerusi: So, meaning that, perolehan yang diluluskan kepada KPISoft itu memang from day 1...”

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tidak pernah.

Tuan Pengerusi: Have not reach MOF at all?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tidak pernah.”

[Muka surat 20, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

PAC juga membangkitkan sebarang perolehan secara rundingan terus seperti dalam pembangunan aplikasi Mysejahtera sepatutnya mendapatkan kelulusan daripada MOF.

“Tuan Pengerusi: So now – again, masalahnya adalah siapa yang sebenarnya membuat pelantikan ini? You know for any direct nego contract, pelantikan hendaklah dibuat dengan persetujuan daripada MOF dan di sini pelantikan KPISoft ini. So, siapakah yang membuat keputusan akhir pelantikan?”

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, kalau saya boleh cuba respons. Saya tidak pasti whether this is sufficient or not. But, as far as I’m concerned, from the first day of the development, pada waktu tersebut tawaran yang diberikan adalah secara CSR. So, aspek perbincangan di peringkat working level waktu tersebut tidak melihat kepada direct nego pada waktu tersebut Yang Berhormat. So, setakat ini sahajalah respons yang saya boleh beri pada peringkat fahaman saya.

Tuan Pengerusi: *Ya. Terima kasih atas jawapan. Cuma saya hendak ulangi kenyataan saya yang telah pun dibuat beberapa kali termasuk di dalam Dewan Rakyat, we cannot allow anyone to use CSR as a backdoor method to obtain a longterm contract by way of a direct nego. We are now paying almost RM200 million for two years for this company and that is a huge financial implication. So, sama ada memang tidak terdapat apa-apa mesyuarat formal yang telah pun membuat endorsement pelantikan ini? They came in with the proposal, MKN head said, "Okay, good to go." Selepas itu roll out MySejahtera, itu sahaja."*

[Muka surat 51-52, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

6.3 Pembangunan Aplikasi MySejahtera Secara CSR

Melalui suatu Kenyataan Media bertarikh 1 Julai 2020, MKN telah menyatakan "Pembangunan MySejahtera bermula apabila pihak KKM telah memohon bantuan NACSA, MKN dan MAMPU sewaktu bermulanya PKP untuk menilai satu aplikasi yang dibangunkan oleh Syarikat KPISoft Sdn. Bhd. secara CSR untuk dijadikan aplikasi diperingkat nasional bagi pengawasan penularan wabak COVID-19."

Melalui surat KPISoft kepada KP Keselamatan Negara bertarikh 24 Mac 2020, KPISoft antara lain menyatakan "Aplikasi ini akan dibangunkan secara CSR sebagai memenuhi tanggungjawab sosial korporat di mana pihak kami akan menanggung keseluruhan pembangunan sistem yang asas."

Dalam suatu jawapan Parlimen pada 1 September 2021, YAB Perdana Menteri telah menyatakan aplikasi Mysejahtera yang dimulakan

sebagai usaha CSR selama satu (1) tahun, berakhir tempoh CSRnya pada 31 Mac 2021 dan Kerajaan akan mula membayar mulai April 2021.

PAC mendapati satu-satunya dokumen yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia/MKN dengan KPISoft adalah NDA yang bertarikh 1 April 2020. Walau bagaimanapun, NDA tersebut tidak menyatakan secara spesifik tempoh pelaksanaan CSR oleh syarikat berkenaan.

YB Menteri Kesihatan dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan tiada apa-apa perjanjian rasmi lain yang wujud antara kerajaan Malaysia dengan KPISoft. Justeru, NDA ini masih lagi terpakai daripada segi pengurusan data dan sebagainya.

“Tuan Pengerusi: ...So, saya ada beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri di sini. Pertama, sama ada selain daripada NDA yang dinyatakan kepada pihak PAC tadi okey, sama ada terdapat apa-apa perjanjian formal antara kerajaan Malaysia ataupun kementerian dengan KPISoft Sdn. Bhd. satu.

Kedua, jika tidak ada perjanjian formal sama ada terdapat apa-apa dokumen yang menunjukkan terma-terma yang ditawarkan oleh pihak KPISoft? Itu dua. Ketiga, berkenaan dengan CSR period. Sama ada CSR period itu memang dinyatakan hanya untuk satu tahun dari day one? So, I am not too sure if Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada jawapan kepada latar belakang ini dan sekiranya tidak pihak kami akan ajukan kepada MKN. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengikut apa yang saya tahu sebelum – ia hanya wujud satu non-disclosure agreement antara government of Malaysia as represented by the National*

Security Council and KPISoft dan ini adalah bertarikh 1 April 2020 di mana syarikat ini telah mengemukakan kepada kerajaan untuk membangunkan dan melaksanakan perkhidmatan MySejahtera on the basis of corporate social responsibility (CSR) for the management of COVID-19 outbreak.

The government has accepted the proposal and the discussion will necessitate the disclosure of information concerning the proposal and therefore for the purpose of maintaining and preserving confidentiality this year by agreed at the terms of conditions of this agreement and shall apply to any disclosure of information from either party.

....

Tuan Pengerusi: *Okey, terima kasih. So, did the NDA actually mention the CSR is for how long?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *“The agreement shall be effective from the date of this agreement and shall continue to take effect throughout the corporate social responsibility duration as agreed by both parties and all until full and further contract of proposal entered between the parties if any”.*

Itu yang disebut dalam NDA ini, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *So, was it define the CSR duration?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *In the NDA, no.*

Tuan Pengerusi: *The NDA, no?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *No.*

Tuan Pengerusi: *So, is there anywhere – in the NDA, no then is there anywhere in the documents in the possession of KKM yang menyatakan bahawa CSR is for one year? If not, then we will aju the question to MKN.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya, I think it is better to ask MKN, Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Ya, fair enough.*

[Muka surat 25-26, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

PAC merujuk kepada surat KPISoft kepada MKN bertarikh 10 November 2020 dan bertanya kepada saksi sama ada terdapat apa-apa dokumen dalam pegangan KKM yang mengesahkan tempoh CSR adalah untuk satu (1) tahun.

“Tuan Pengerusi: *... Bolehkah saya check dengan pihak KKM, prior to this letter sama ada, ada apa-apa dokumen yang disimpan oleh KKM dan dalam simpanan KKM yang menunjukkan bahawa CSR itu adalah untuk satu tahun dan berakhir pada 31 Mac 2021? Is there any document in your possession to that? Tadi kita telah sahkan NDA tidak ada nyatakan duration itu. So, is there any document within the possession of KKM to confirm that the CSR is for one year?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *We don't have enough possession. That can be asked to MKN.”*

[Muka surat 59, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YBrs. Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan NACSA] dalam prosiding Bil 1(b)/2022

bertarikh 21 April 2022 memaklumkan KPISoft telah menawarkan pembangunan CSR bermula dalam tempoh tiga (3) bulan seterusnya dilanjutkan kepada satu (1) tahun iaitu mulai 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

*“**Tuan Pengerusi:** ...CSR. Isu ini memang dibangkitkan oleh PAC sejak hari pertama. Ini kali pertama saya nampak ia menyatakan CSR untuk tiga bulan dan seterusnya dilanjutkan kepada satu tahun kerana pada semua masa, kita dimaklumkan CSR adalah untuk satu tahun. Apabila saya membaca Non Disclosure Agreement. Dalam NDA ini ada dinyatakan bahawa aplikasi MySejahtera ini adalah dibangunkan secara CSR dan NDA ini tidak menyatakan dalam mana-mana terma ataupun klausa berkenaan dengan tempoh CSR. Sebelum ini, dimaklumkan kepada kami CSR untuk satu tahun di sini dimaklumkan kepada kami sebelum satu tahun ia adalah tiga bulan. Bolehkah bagi pencerahan sedikit berkenaan dengan isu ini sama ada tiga bulan kah bila ditetapkan tiga bulan? Bilakah ditetapkan satu tahun? Bilakah ditetapkan selepas itu sudah ada?*

***Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman:** Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang disemak, sefaham saya seperti mana yang ditunjukkan sewaktu tadbir urus dalam slide – if I am not mistaken, slide nombor 15 tadi berhubung dengan tadbir urus MySejahtera sewaktu PKP, boleh kita ke slide 15? Dalam slide tersebut, aliran pembangunan aplikasi, aliran kontrak dan dokumentasi, aliran promosi, dan aliran pemantauan aplikasi dan pusat panggilan. Di situ, saya bertindak sebagai sekretariat di peringkat NACSA-MKN. Sefaham saya adalah inisiatif-inisiatif untuk membangunkan kontrak pada waktu tersebut telah dimulakan sejak awal lagi. Berdasarkan pemahaman, pada waktu tersebut proposal yang dikemukakan adalah kita hendak melaksanakan CSR selama tiga bulan dan selanjutnya terdapat tindakan-tindakan akan dibangunkan dari aspek kontrak. Namun begitu, dengan keadaan pengurusan pandemik pada waktu*

tersebut MySejahtera telah melalui rapid development. Maksud rapid development itu adalah hampir setiap minggu kita push build, requirement baru datang pada waktu tersebut dan saya percaya, saya tidak perlu mengulang semula semua sudah nampak daripada awal sampai sekarang bagaimana MySejahtera pada asalnya hanya fokusnya sebagai a very slim application yang sekarang ini sudah menjadi a fat application jika dilihat dari aspek saiz aplikasi.

Pada waktu tersebut, berdasarkan rekod yang dikenal pasti, sememangnya CSR dinyatakan pada tempoh tiga bulan. Namun begitu, perbincangan di aliran kontrak dan dokumentasi yang ditadbir urus di bawah mesyuarat check point dimaklumkan bahawa pelbagai inisiatif telah dilaksanakan namun begitu, tidak boleh fix requirement pada waktu tersebut. Lazimnya, dalam kontrak kerajaan mungkin Puan Hanissull boleh bantu saya berhubung kontrak kerajaan – kontrak bagi pembangunan sistem, dia akan melihat kepada skop yang mana user scope yang akan diperjelaskan di dalam document tender ataupun dokumen kontrak tersebut.

Kemudiannya, sebarang perubahan kita akan kendalikan sebagai change request. Bagi aspek pembangunan aplikasi MySejahtera pula, keadaan begini tidak berlaku. Setiap minggu penambahan modul berlaku. Setiap minggu penambahan pengguna dan scalability perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, sampailah satu keadaan di mana pihak syarikat dan juga saya percaya pihak kerajaan telah berbincang supaya tempoh bagi CSR itu dilanjutkan kepada jangka masa setahun.”

[Muka surat 28-29, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

PAC membangkitkan isu kaedah perolehan dan nama CSR digunakan untuk mendapatkan projek Kerajaan dan **YB Menteri Kesihatan** memberikan jawapan beliau.

“Tuan Pengerusi: ...Cuma masalah dengan aplikasi MySejahtera ini adalah dari hari pertama perolehan ini diluluskan atas dasar CSR yang selepas itu dinyatakan sebagai satu CSR sepanjang setahun sahaja. PAC is very much concern about the way the contract is being procured last two years ago in March or in April 2020 whereby CSR was being use as a name to procure a big contract from the government.

If the contract is being awarded now RM196 million for two years, we are talking about a near RM200 million contract untuk dua tahun and it’s a big contract— of course kami faham bahawa sampai tahap ini at this stage memang kerajaan tidak mempunyai pilihan ataupun opsyen yang banyak because this has become part of our life. Cuma what has been done wrong was from day one whereby CSR was used as a tool to obtain a long term contract, a long-term lucrative contract from the government. So, I think this is something that the Cabinet may need to take note off.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *May I just respond Tuan Pengerusi. Seperti mana saya sebutkan tadi, tujuan asal— I cannot infer the intention of the promoter which is Entomo. But I can only speak of what I know on behalf of the government. On behalf of the government, tujuan asalnya adalah satu CSR yang kita terima yang terhad dia punya skop dia kepada tiga ciri sahaja yang saya tunjukkan tadi. Kawalan sendiri, pengesanan kontak dan juga maklumat.*

Pada asalnya it was designed just to be piloted and use for those we thought were affected about 200,000 people. But we didn’t know the nature of the pandemic and how it would— macam mana pandemik ini akan merebak. Pada asalnya kita ingat tiga ciri ini cukuplah supaya kita dapat kawalan sendiri dan sebagainya. Akan tetapi bila pandemik ini merebak dengan begitu pantas sekali— I just want to let PAC know that every time there was a change, dia kena ada— dia kena buat pembinaan software back-end build. There were 300 back-end builds and 53 mobile builds in two years. Ini kita

dalam peringkat NDA ini. Kita tak ada masa untuk kita buat tender kepada aplikasi baharu. We are stuck already with MySejahtera because CSR. That is something you have to ask MKN. We had the CSR, I don't know what the intentions were, but it was already there."

[Muka surat 33-34, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

Tuan Pengerusi: *Okey, apabila kita berbincang berkenaan dengan kaedah perolehan, I mean, proses perolehan, pemberian kelulusan kepada MySJ tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. So, keputusan Kabinet pada 26 November ya, tidak silap saya, 26 November yang lepas. Isu sekarang— 20 hari bulan? Ya. Isu sekarang di hadapan kita adalah sama ada kerajaan akan menandatangani kontrak dengan MySJ Sdn. Bhd. ataupun KPISoft Sdn. Bhd.? So, that is an issue in front of us. Akan tetapi saya hendak bangkitkan satu isu yang lebih besar. Kenapakah Kabinet- sama ada Kabinet pada ketika itu pernah mempertimbangkan untuk mengikuti segala proses perolehan yang ditetapkan memandangkan jumlah peruntukan yang terlibat ialah RM196 juta? Dengan kos yang sebesar ini, sememangnya mengikut proses perolehan, perlulah satu open tender. So, sama ada kerajaan pernah berbincang untuk buat open tender sebelum memberikan kontrak ini kepada MySJ Sdn. Bhd.?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Of course, amalan yang terbaik, gold standardnya adalah open tender. Akan tetapi dalam keadaan pandemik, di mana kita terpaksa minta modul-modul, tambahan modul dan sebagainya, it is almost impossible. Not impossible lah tetapi akan mengambil masa...*

Tuan Pengerusi: *Yang Berhormat Menteri, I am talking about the Cabinet's decision in November last year...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Cabinet's decision, ya Cabinet's decision.*

Tuan Pengerusi: *Everything is already in place.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Yes, Cabinet's decision is also based on services done between the Cabinet's decision and the end of the CSR period. These services done was with that company. Oleh sebab itulah, kita setuju untuk rundingan terus dengan kompeni sebab ia sudah buat services dan ia akan teruskan. We said up to year 2023 and then, kita boleh retender ataupun tender semula or we do it in-house as I mentioned earlier, Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: *Ya, komen daripada Yang Berhormat Menteri memang merupakan persoalan utama dalam hati saya since day one berkenaan dengan MySejahtera ini. Persoalannya, sekiranya kerajaan setiap kali membenarkan mana-mana vendor dengan menggunakan nama CSR mendapatkan projek, selepas satu atau dua tahun mulai charge kerajaan. Levi kan charges ke atas kerajaan. So, that is not a good practice for the government, but I reserve my comment here. We will leave it for the laporan later.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya, but may I respond Tuan Pengerusi, just on record. I agree it is extraordinary dan daripada segi amalan perolehan biasa, ini agak luar biasa ya dan kita setuju. Saya rasa Perbendaharaan pun setuju. The only thing I can say is that, ini dalam keadaan pandemik. Itu sajalah ya and as much as I was not involved initially as the chronology stated, I can understand where the decision makers were coming from at that point and time. Ini disebabkan, there was a need to get the application that was ready to go as quickly as possible. So, itulah yang keadaan yang luar biasa.*

“Tuan Pengerusi: Ya, memang PAC pun setuju dengan pendirian bahawa dalam keadaan luar biasa, direct negotiation is not necessary a bad thing. We have to repeat. Direct negotiation is not necessary a bad thing. Akan tetapi apabila kita beri direct negotiation since day one, kenapa kah kerajaan pada ketika itu, never comes into the issue of the payment after one year after CSR? Now, everything is already in place and we are being– To make it very bluntly, we have no choice, but to gives the contract to this company and all the negotiations on the prices can only be done with this company. We cannot compare the price outside. We cannot say A, B or C Sdn. Bhd, will have the expertise to do and so on. So, this is the situation where we are stuck right now lah.”

[Muka surat 60-62, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

6.4 Hala Tuju Aplikasi MySejahtera Setelah Tamat Tempoh CSR – Cadangan KPISoft

PAC dimaklumkan bahawa KPISoft, yang selepas itu dikenali sebagai Syarikat Entomo Sdn. Bhd. (Entomo), memberikan dua (2) cadangan kepada Kerajaan apabila tempoh CSR tamat pada 31 Mac 2021.

Surat KPISoft kepada MKN bertarikh 10 November 2020 bertajuk “Cadangan Way Forward Melalui Kaedah *Public Private Partnership* (“PPP)” Bagi Aplikasi Mysejahtera” menyatakan, antara lain:

“... 2. Adalah dimaklumkan bahawa syarikat kami iaitu KPISOFT Malaysia Sdn. Bhd. ingin menyerahkan kertas cadangan "MySejahtera: Proposed Way Forward" bagi perhatian Tuan.

3. Kami berharap pihak Tuan boleh menerima dan memberi kelulusan bagi kertas cadangan tersebut dan memberi persetujuan kepada KPISOFT untuk

terus menguruskan aplikasi MySejahtera bagi membolehkan pengembangan MySejahtera menjadi platform digital dengan perkhidmatan komersial "Digital Healthcare, Digital Commerce, dan Digital Payment" melalui perjanjian Public Private Partnership (PPP), tanpa sebarang kos kepada kerajaan Malaysia."

Cadangan pertama adalah pengkomersialan aplikasi MySejahtera yang mana ia dikatakan tidak akan membawa sebarang implikasi kos kepada Kerajaan Malaysia. Manakala cadangan kedua membabitkan bayaran perkhidmatan berjumlah RM138 juta setahun kepada syarikat berkenaan.

i. Pengkomersialan Aplikasi MySejahtera

YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan satu (1) cadangan pengkomersialan telah dikemukakan oleh Entomo pada penghujung tahun 2020 memohon pihak Kerajaan supaya bersetuju dengan model komersial untuk penggunaan berterusan aplikasi MySejahtera. Cadangan model berkenaan adalah melalui sama ada perkongsian awam, swasta ataupun kontrak perkhidmatan antara kerajaan dan syarikat pembangun aplikasi MySejahtera.

"YB Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Cadangan pengkomersialan itu adalah satu opsyen yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan April. Bulan April tahun 2021 iaitu apabila tempoh CSR tamat, maka satu memorandum daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cadangan meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera dengan penyediaan platform

pengkomersialan telah dibawa pada bulan April selepas tamatnya tempoh CSR. Betul ya Treasury? Dan cadangan tersebut untuk meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera dengan penyediaan platform pengkomersialan.

Namun demikian, cadangan ini telah ditolak oleh MAMPU dan juga ditolak oleh KKM dan juga MOSTI pada waktu itu. Selepas itu MAMPU telah berunding dengan syarikat KPISoft tentang pembayaran sebab kita tolak commercialisation. Pada awalnya mereka hendak ambil data dan mereka hendak commercialise data tersebut supaya dapat dibayar semua perkhidmatan mereka tetapi KKM, MAMPU, MOSTI dapati bahawa ini adalah data sensitif berkenaan dengan rakyat dan tidak boleh dikomersialkan, maka this proposal died there. Finished.”

[Muka surat 28, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar menjelaskan bahawa kaedah yang dicadangkan adalah *public-private partnership* (PPP) yang dapat memperluaskan lagi penggunaan modul-modul tambahan yang boleh dikomersialkan oleh syarikat. Cadangan pengkomersialan adalah salah satu kaedah untuk membiayai pengurusan aplikasi MySejahtera dan telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut telah ditolak.

“YB Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pada 10 November 2020, pihak Entomo telah menghantar kertas cadangan hala tuju MySejahtera. Kertas cadangan kepada kerajaan di mana mereka telah mengesahkan bahawa CSR adalah daripada 1 April sehingga 31 Mac 2021. This letter says the tempoh CSR.

Seterusnya di dalam kertas cadangan tersebut, kaedah PPP telah pun dicadangkan, public-private partnership dengan membolehkan keluasan modul

tambah nilai yang boleh dikomersialkan oleh syarikat daripada modul-modul keperluan kerajaan yang sedia ada. So, they suggest that untuk bantu mereka membiayai management of MySejahtera, biarlah mereka masukkan modul komersial.

So, kalau kita buka MySejahtera, contohnya, this is what I imagined they thought it was going to be, ada macam Grab-lah. Boleh beli things, boleh beli barangan dan sebagainya. Advertisement dan sebagainya. Itu yang dibawa ke Kabinet pada Mac 2021 sebab pada 31 Mac 2021, tamat CSR. So dalam memorandum Jemaah Menteri tersebut, memang cadangan itu dibentangkan sama ada Kabinet setuju atau tidak dengan cadangan ini untuk ada modul komersial di dalam MySejahtera. Ini yang ditolak oleh kabinet.”

[Muka surat 55, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

ii. Bayaran Perkhidmatan Berjumlah RM138 Juta Setahun

YBrs. Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan NACSA] dalam prosiding Bil 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 menyatakan MKN perlu berbincang dengan syarikat untuk mengurangkan kos perkhidmatan berbanding RM138 juta setahun sekiranya pengkomersialan tidak dilaksanakan. Jumlah sebanyak RM138 juta adalah berdasarkan anggaran bilangan pengguna dan bilangan business *check-in* pada waktu tersebut dan perlu dibayar oleh kerajaan selama setahun.

“Tuan Pengerusi: *Cuma, saya tertarik dengan kenyataan di sini ya,*

“Rundingan dengan syarikat perlu diadakan bagi mengurangkan kos penyediaan perkhidmatan berbanding RM138 juta setahun seperti yang ditawarkan oleh syarikat.”

Saya hendak tanya di sini tawaran syarikat tersebut ditawarkan kepada agensi mana? KKM atau yang mana satu? Sama ada terdapat apa-apa surat daripada syarikat untuk menyatakan tawaran RM138 juta tersebut dan bilakah itu?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *Sebagai makluman Yang Berhormat, ayat tersebut iaitu Jemaah Menteri telah bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama setahun; seperti yang dimaklumkan tadi bahawa terdapat dua kertas Jemaah Menteri diangkat yang memohon keputusan berhubung dengan hala tuju dan perolehan aplikasi MySejahtera.*

...

Berhubung keputusan Jemaah Menteri – daripada soalan Yang Berhormat tadi, siapakah yang diarahkan untuk berbincang dengan syarikat. Disebabkan MJM ini diangkat oleh MKN, keputusannya adalah MKN perlu berbincang dengan syarikat untuk mengurangkan kos perkhidmatan berbanding RM138 juta setahun.

Options yang diberi dalam kertas Jemaah Menteri tersebut adalah yang pertama cadangan pengkomersialan. Kedua adalah sekiranya pengkomersialan tidak dilaksanakan, estimation sebanyak RM138 juta berdasarkan bilangan pengguna dan bilangan business check-in pada waktu tersebut dianggarkan perlu dibayar oleh kerajaan selama setahun. Keputusan Kabinet pada waktu tersebut adalah supaya fokus kepada penyambungan perkhidmatan MySejahtera selama setahun disebabkan pada keputusan Jemaah Menteri 31 Mac 2021, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum kita baru sahaja melancarkan program vaksinasi pada waktu tersebut yang mana MySejahtera merupakan salah satu daripada aplikasi yang digunakan secara utama dalam

program vaksinasi dan dikhuatiri sebarang perubahan ataupun announcement akan mengurangkan kepercayaan rakyat bagi PICK.

Hence, why Kabinet membuat decision tersebut. Walaupun MKN diminta untuk mengadakan rundingan, namun begitu tadbir urus-tadbir urus sewajarnya telah dibentuk dan telah diletakkan dalam slaid ini untuk diterangkan later, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Okey, terima kasih. I think amat jelas...”*

[Muka surat 39-40, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

6.5 Cadangan Kontrak MySejahtera Setelah Tamat Tempoh CSR

Seperti keterangan awal oleh YB Menteri Kesihatan, berdasarkan pencapaian prestasi penggunaan aplikasi serta teknologi yang dinamik, perkhidmatan MySejahtera diteruskan dengan penambahan modul-modul lain yang berkaitan pengurusan pandemik.

- i. YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022** memaklumkan pihak Kerajaan melalui MKN telah mengeluarkan surat persetujuan bertarikh 21 Mei 2021 kepada KPISoft mengenai hala tuju aplikasi MySejahtera dan telah memutuskan supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama satu (1) tahun.

“YB Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat saya baca surat tersebut dan selepas ini saya boleh beri salinan tersebut. Surat tersebut bertarikh 21 Mei 2021 yang ditulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif

KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara MKN pada waktu itu Datuk Haji Mohd. Rabin bin Basir. [Membaca surat]

“Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas surat rujukan MKN bertarikh 7 Disember adalah berkaitan. Perbincangan perolehan anggaran harga aplikasi MySejahtera pada 21 April turut dirujuk. Majlis Keselamatan Negara...”

- ini berdasarkan kepada keputusan Kabinet – bahawa tidak dikomersialkan tetapi dirunding harga, untuk manage services. This is the first cabinet paper.

“MKN sekali lagi ingin merakamkan penghargaan di atas sumbangan KPISoft membantu kerajaan dalam pengawalan penularan wabak COVID-19 dalam negara dan membangunkan aplikasi MySejahtera.

Sebagai makluman tuan, kerajaan telah mempertimbangkan cadangan yang diangkat oleh pihak tuan berhubung hala tuju aplikasi MySejahtera dan telah memutuskan supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama satu tahun. Ini selaras dengan dasar semasa kerajaan yang memfokuskan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang mana aplikasi MySejahtera dan sistem pelengkapanya Malaysia Vaccine Administration System (MyVAS) yang dibangunkan oleh MIMOS...”

that's my insert-

“...merupakan elemen utama bagi program ini. Sebarang aspek yang mempunyai unsur pengkomersialan adalah dikhuatiri akan menjejaskan kepercayaan rakyat dan seterusnya mengganggu proses di dalam PICK.”

So that was reflective of the Cabinet decision.

“Pada masa yang sama kerajaan melihat potensi besar aplikasi MySejahtera untuk dikembangkan sebagai aplikasi nasional yang boleh memberi pelbagai perkhidmatan kepada rakyat...”

At that point in time, masih lagi ada pendapat bahawa it’s more than just health but belum lagi dimuktamadkan.

“Sehubungan dengan itu, kerajaan sedang meneliti perkara ini dan akan mengadakan perbincangan susulan dengan pihak tuan dalam mendapatkan persetujuan terutamanya aspek komersial bagi Kerajaan Malaysia memperkembangkan aplikasi MySejahtera ini. Seperti yang dimaklumkan, bersama pada masa ini, tumpuan sedang diberikan untuk melaksanakan rundingan awal dalam pembentukan kontrak perkhidmatan MySejahtera.”

Ini surat dia.

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you. Yang Berhormat Kluang sila.*

Puan Wong Shu Qi: *Maaf, hanya hendak double confirm. Surat ini adalah daripada Ketua Pengarah MKN kepada CEO...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *KPISoft.*

Puan Wong Shu Qi: *KPISoft, okey terima kasih.”*

[Muka surat 56-57, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

- ii. **YBrs. Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan NACSA] dalam prosiding Bil 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 menerangkan pelaksanaan**

pembentukan kontrak MySejahtera dan memaklumkan bahawa cadangan asal perkhidmatan selepas tempoh CSR adalah selama setahun dan syarikat yang seharusnya berunding dengan MKN adalah KPISoft. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2021 telah memutuskan supaya perkhidmatan aplikasi MySejahtera dibuat secara rundingan terus dengan MySJ selama dua (2) tahun. Ringkasan pelaksanaan pembentukan kontrak tersebut adalah seperti berikut:

Pelaksanaan Pembentukan Kontrak



(Sumber: Pembentangan MKN/MAMPU/NACSA pada 21 April 2022)

“Puan Wong Shu Qi: Ya, hendak semak dengan pihak berkenaan. Tadi apabila kita bincang tentang Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 iaitu satu Cabinet paper sudah dibentangkan berkenaan dengan pengkomersialan dan juga rundingan dengan syarikat supaya sambung perkhidmatan selama setahun.

Jadi boleh saya tahu bahawa ketika itu perbincangan adalah setahun sahaja dan bukan dua tahun?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Keputusan 31 Mac adalah selama setahun.

Puan Wong Shu Qi: Syarikat yang seharusnya MKN berunding adalah syarikat mana? Ketika itu 31 Mac?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Syarikat KPISoft Malaysia Sdn. Bhd.

Puan Wong Shu Qi: Bila pihak syarikat yang perlu berunding dengan kerajaan telah bertukar ke MySJ?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya, selama perundingan ataupun perbincangan yang dilaksanakan oleh pihak MAMPU, MKN seperti mana yang dimaklumkan oleh Puan Hanissull tadi, perbincangan kita adalah berlaku antara pihak KPISoft dan kemudiannya ditukar nama kepada Entomo.

Namun begitu, dalam kertas Jemaah Menteri pada 26 November, kenapa dimaklumkan syarikat MySJ Sdn. Bhd. — ini adalah kerana di peringkat pasukan MySejahtera, di NACSA, MKN di bawah Program Proklamasi Darurat kita telah mengumpul maklumat serta membentuk kertas Jemaah Menteri yang diangkat pada 26 November 2021 dengan penglibatan pihak UKAS, MAMPU dan pihak MOH. Perbincangan-perbincangan yang diadakan telah membawa kepada pembentukan kertas Jemaah Menteri pada 26 November.”

[Muka surat 42, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

6.6 Cadangan Pelantikan MySJ Sdn. Bhd. Secara Rundingan Terus

- i. **YB Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022** memaklumkan bahawa KPISoft yang merupakan syarikat perkhidmatan pendigitalan adalah syarikat asal yang membangunkan sistem aplikasi MySejahtera yang mana pada 20 Mei 2020 telah menukarkan namanya sebagai Entomo. Walau bagaimanapun, MKN telah mencadangkan syarikat MySJ, dan bukan Entomo sebagai syarikat yang akan dilantik secara rundingan terus bagi perolehan aplikasi MySejahtera, malah akan diberikan kontrak selama dua (2) tahun (mulai 1 April 2021 sehingga 31 Mac 2023 iaitu selepas tamat tempoh CSR pada 31 Mac 2021).

“YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:
... This slide untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, MOF telah menerima dua permohonan berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat KJ tadi. Pertama, permohonan daripada MKN. Ini untuk mendapatkan kelulusan khas pembayaran luar kontrak. This is the Google that KJ mentioned dan juga SMS lah. That one permohonan tersebut telah diluluskan oleh MOF melalui surat bertarikh 26 November.

Permohonan kedua yang diterima oleh MOF adalah daripada KKM bertarikh 27 Disember 2021. Ini sebenarnya susulan daripada keputusan Kabinet yang disebut oleh Yang Berhormat KJ tadi, 26 November yang antara lain bersetuju supaya MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan MySJ Sdn. Bhd.– Ini untuk kontrak dua tahun.”

[Muka surat 13-14, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

“Tuan Pengerusi: ... Nombor tiga berkenaan dengan lantikan secara rundingan terus dengan MySJ Sdn. Bhd., ini merupakan isu yang telah pun kita bangkitkan semasa prosiding tindakan susulan kita. Pihak kami dimaklumkan bahawa dua-dua syarikat ini sama. KPISoft Sdn. Bhd. dengan MySJ Sdn. Bhd. Akan tetapi apabila saya membuat satu carian SSM atas kedua-dua syarikat ini, kedua-dua syarikat ini memang jelas merupakan entiti yang berlainan khasnya daripada segi directorship dan juga shareholding dia. Memang kita mengambil maklum bahawa salah satu shareholder Revolusi Asia Sdn. Bhd. ada hubung kait yang rapat dengan KPISoft Sdn. Bhd. Akan tetapi pada masa yang sama shareholder yang lain, pemegang saham yang lain dalam syarikat MySJ termasuk P2 Aset Management, termasuk Hasrat Budi Sdn. Bhd. All these companies have actually nothing to do dan tidak ada hubung kait langsung dengan KPISoft.

Apa yang kita dapati adalah memang I think sudah menjadi pengetahuan umum bahawa shareholders ataupun pemegang-pemegang saham ini mempunyai pertikaian antara sesama mereka kerana terdapat isu berkenaan dengan pertikaian pelantikan director, pertikaian berkenaan dengan pembelian saham dan sebagainya. Bagaimana pihak Kabinet membuat keputusan untuk seolah-olah mengambil kedua-dua syarikat ini sebagai syarikat yang sama.

...

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: ... MOF juga telah membuat semakan pendaftaran syarikat dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mendapati syarikat MySJ Sdn. Bhd. yang dicadangkan adalah bukan syarikat asal yang membangunkan aplikasi MySejahtera yang ditubuhkan pada 23 September 2020. Syarikat KPISoft

merupakan syarikat asal yang membangunkan sistem ini dan telah menukarkan namanya pada 20 Mei 2020. Kini of course as you know dikenali sebagai Entomo.

Sehubungan itu, kita telah meminta Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah memastikan syarikat yang akan dilantik adalah sebenarnya merupakan syarikat asal yang membangunkan aplikasi MySejahtera sebelum sebarang cadangan dan pelantikan syarikat dibuat. Jadi, di sini kita— oleh itu Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menjalankan due diligence mereka untuk mengenal pasti who are we signing with. I think the legal side, AGC pun membuatkan due diligence mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.”

[Muka surat 16-17, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

PAC membangkitkan kenapa *due diligence* tidak dilakukan oleh Jemaah Menteri sebelum keputusan kabinet pada 26 November 2021 dicapai.

“Tuan Pengerusi: *Cuma Yang Berhormat Datuk Seri apa yang saya tidak boleh faham adalah apabila Kabinet membuat keputusan pada 26 November— that was Cabinet decision. Itu bukan satu keputusan di peringkat jawatankuasa atau mesyuarat biasa. That is Cabinet decision. How can Cabinet make a decision on 26 November without knowing the actual entity of MySJ Sdn. Bhd., without knowing that MySJ Sdn. Bhd. is actually a separate entity and is actually having different directorship dan shareholding with KPISoft. We cannot be making a decision first, then only we do the due diligence. Of course, we can say the decision subject to this and that terms and conditions. Akan tetapi daripada apa yang saya nampak memang I think Cabinet hendaklah perlu membuat due diligence terlebih dahulu. Kenapa ada*

satu cadangan tiba-tiba masuk untuk MySJ Sdn. Bhd.. Siapa yang memasukkan nama mereka? Is it put in by KPISoft or Entomo? So, these are the big questions. Maybe I can seek some clarification from Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: *Yang Berhormat, kita di Kementerian Kewangan telah memberi penjelasan. So, we have asked to ensure the sanctity of the contract, to ensure the successful execution of the contract, is the condition precedent that Kementerian Kesihatan Malaysia must make sure that the issue of the shareholder is resolved, right.”*

[Muka surat 17, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YB Menteri Kewangan menjelaskan bahawa MKN yang telah mengemukakan cadangan pelantikan MySJ sebagai penyelia aplikasi.

“Tuan Pengerusi: *So, siapa yang mula-mula cadangkan nama MySJ Sdn. Bhd.?*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: *Majlis Keselamatan Negara, Yang Berhormat. MKN.*

Tuan Pengerusi: *Confirm MKN? So, MKN yang cadang kepada Kementerian Kesihatan Malaysia atau MOF?*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: *Kabinet.*

Tuan Pengerusi: *So, MKN yang cadang kepada MOF.*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: *Kabinet.”*

[Muka surat 17-18, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

PAC membangkitkan isu sama ada kebenaran MOF perlu diperolehi terlebih dahulu sekiranya terdapat mana-mana *substantial changes* dalam syarikat yang berurusan dengan Kerajaan, dalam kes ini dari KPISoft kepada MySJ. **YB Menteri Kewangan** menyatakan tiada kontrak wujud pada masa material dan isu sama ada MOF boleh batalkan kontrak adalah tidak wujud.

“Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, saya ada satu soalan lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Okey, kebiasaannya untuk mana-mana syarikat yang mendapat kontrak daripada kerajaan, so selepas proses perolehan diselesaikan dan sekiranya dalam masa pelaksanaan kontrak, dia ada pertukaran dari segi structure dia sama ada dari segi director ataupun shareholder sekiranya— if there are any substantial changes in the company, saya percaya bahawa syarikat tersebut perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada MOF untuk meneruskan supaya perolehan yang didapati itu— projek yang diperolehi itu boleh diteruskan. So, I believe there is the position.

So, in this case pada awalnya KPISoft merupakan developer. Sekarang, bukan sahaja KPISoft memindah milikan kesemua haknya kepada MySJ Sdn. Bhd. dan MySJ Sdn. Bhd. pun adalah jelas merupakan satu entiti yang berlainan seperti yang saya nyatakan tadi. Apakah pendirian MOF di sini sama ada kontrak ataupun apa-apa perolehan yang diluluskan kepada KPISoft tersebut sememangnya boleh dibatalkan tanpa MOF ataupun Kabinet memberikan apa-apa pertimbangan kepada MySJ Sdn. Bhd.. Because there is a total change of hands in the entity.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: *Terima kasih. Saya mungkin menjemput Datin Rosni. But just to be clear Tuan Pengerusi, there was no contract. In fact, it has not reached MOF. So, how do we*

overrule something that has not reached us? It's now at Kementerian Kesihatan Malaysia. In fact, if you look at the slides there, it's clearly stated that we had given our ulasan. That nombor dua itu, semakan MOF mendapati syarikat dicadangkan adalah entiti yang berbeza dengan syarikat pembangunan asal dan Kementerian Kesihatan Malaysia perlu pastikan syarikat ini dilantik merupakan pembangunan sebenar aplikasi. So, it has not got to us— there is no contract in first place to cancel.

Secondly, it has not got to us to muktamadkan. So, they are now negotiating at their stage. Once it got to us, obviously if there are changes to directorship or shareholders, we will not approve.”

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YB Menteri Kewangan turut memaklumkan MOF belum memberi persetujuan untuk melantik MySJ sebagai syarikat yang mengendalikan aplikasi MySejahtera sehingga KKM menjalankan *due diligence* yang menyeluruh bagi tujuan pelantikan syarikat tersebut.

“Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat, disebut di situ 24 Februari akan ada kelulusan bersyarat MOF. Akan tetapi entiti yang dikatakan adalah hanya MySJ Sdn. Bhd. sedangkan menerusi carian yang di umum di peringkat media, ada perjanjian antara Entomo, public-private partnership dengan MySJ. Jadi, adakah ini bermaksud, walaupun berlangsung- sudah ada perjanjian awal pada tahun 2020 yang tidak melibatkan kerajaan, saya faham, different entities. Akan tetapi MOF merasakan untuk pelaksanaan perolehan secara rundingan terus ini hanya terhad kepada MySJ. That means, you are convinced lah that MySJ sekarang mempunyai kepakaran yang tertentu, tidak melibatkan langsung Entomo. Just to hear on record. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Again, we are still not convinced sebenarnya. That is why we have put that conditions for KKM to get clarification on the arrangement, who actually owns what and who are we signing with, especially agreement with third party. So, once KKM has done their due diligence and negotiations, when it gets to us, then we will reassess our position. Because, we do not have clarity and our approval is actually subject to that clarity. Thank you.”

[Muka surat 22, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

ii. YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan terdapat suatu OEM License Agreement bertarikh 6 Oktober 2020 antara Entomo dan MySJ yang memberikan MySJ mengendalikan segala urusan niaga berkaitan.

“Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih. Following my query just now, it is accepted that the construction of MySejahtera ini purely by KPISoft or Entomo, for KKM. Macam mana another company boleh acquire this application? Macam mana– boleh ke bagi mana-mana, sesiapa ke, company ke? On their part lah.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya. So, I think this is the crux of the matter lah. Kita tengah tanya apa kaitan MySejahtera dengan Entomo, dengan KPISoft. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan jelas bahawa dalam kelulusan yang diberi oleh Jemaah Menteri, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak KKM yang sedang sekarang ini berada di Jabatan Peguam Negara, bahawa memang ada satu perjanjian antara KPISoft dan juga MySJ Sdn. Bhd. Oleh sebab kita ada satu dokumen iaitu OEM License Agreement pada 6 Oktober 2020 antara Entomo dan MySJ

Sdn. Bhd. dan ini memberi lesen kepada MySJ untuk mengendalikan semua urusan niaga berkaitan dengan– MySJ untuk menguruskan segala urusan niaga MySejahtera di Malaysia.

Jadi, dengan dokumen ini, maka kita sedang dapat pengesahan dari Jabatan Peguam Negara that it is indeed a legal document and that MySejahtera is the licensee from Entomo that becomes our conterparty. Akan tetapi syarat yang diletakkan oleh Kementerian Kesihatan jelas. Kalau kita tak puas hati bahawa license agreement ini adalah sah dan juga in the best interest of the government, then we just go back to Entomo and say that the contract has to be between Government of Malaysia and Entomo.”

[Muka surat 23, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

iii. YBrs. Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan NACSA] dalam prosiding Bil 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 menyatakan bahawa pihak MKN telah menghubungi syarikat Entomo tentang penggunaan nama syarikat yang perlu digunakan bagi tujuan penyediaan kertas Jemaah Menteri pada 26 November 2021. Pihak Entomo mengesahkan supaya syarikat MySJ dicadangkan untuk tujuan pembentukan kontrak dengan Kerajaan.

Selain daripada itu, PAC berpendapat bahawa MySJ bukan satu syarikat SPV yang ditubuhkan oleh KPISoft seperti mana yang dinyatakan dalam cadangan pengkomersialan yang dikemukakan oleh syarikat.

“Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: ...Saya hendak bertanya, selain daripada surat ini, adakah Entomo menghantar apa-apa surat memaklumkan mengenai syarikat MySJ ini sebagai penama kepada sebelum daripada surat yang kita cari ini?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya, pada peringkat rekod yang saya lihat, sebutnya nama MySJ Sdn. Bhd., pihak sekretariat boleh tengok dalam proposal komersial itu. Tidak silap saya ada di-mention. Namun begitu, pada peringkat sekretariat, antara sebab mengapa kita hantar surat pada 21 November tidak silap saya, surat yang telah diberikan kepada sekretariat dengan menanyakan kepada pihak Entomo apakah nama syarikat yang perlu digunakan disebabkan kita sendiri tidak pasti pada waktu itu pada peringkat sekretariat. Oleh sebab itulah, kita tanya dengan clear kepada pihak syarikat nama apa yang perlu digunakan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, sefaham saya, tiada maklumat pada peringkat saya berhubung dengan pertukaran nama syarikat atau MySJ Sdn. Bhd.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, the first time pihak puan mendengar nama MySJ ini ialah semasa mereka mencadangkan commercialisation itu ya?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Dalam cadangan pengkomersialan itu, mereka ada mentioned berhubung dengan MySJ, saya rasa. Sekejap, saya check semula. Ya.

Kalau Yang Berhormat melihat kepada cadangan pengkomersialan tersebut, mereka telah menyatakan pada para 25 di bawah cadangan tersebut yang mana mereka menyatakan bahawa KPISoft is a global organisation, which explains the organisation. Then, it will say that KPISoft will establish an SPV to adhere to the standards by the Public-Private Partnership Unit under the

Prime Minister's Department (UKAS). The entity will be formed as MySJ Sdn. Bhd. to enable:

- (a) exclusive service provision of MySejahtera and the three new commercial components;*
- (b) auditing by the relevant authorities; and*
- (c) digital platform partners as described in Diagram 5 to participate in strategic equity.*

That was the explanation that I got in the proposal sent by the company.

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi, cuma untuk makluman mesyuarat atau prosiding ini, if MySJ is the SPV, for sure it will be owned fully by KPISoft. Akan tetapi, daripada dokumen yang kita ada sebelum ini, memang bukan begitulah, ceritanya bukan begitu yang mana KPISoft melalui Entomo ataupun Entomo Malaysia telah pun menjual sahamnya kepada beberapa nama besar and the cost involved is more than 300 million. So that is not the SPV, per se-lah.”*

[Muka surat 43-44, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Berdasarkan dokumen-dokumen yang diserahkan kepada PAC, pada 25 November 2021, Entomo telah memaklumkan kepada MKN berkenaan dengan penggunaan nama MySJ dalam kontrak dengan Kerajaan.

Petikan surat tersebut yang bertajuk “*Penggunaan Nama Syarikat Untuk Diangkat Kelulusan Memorandum Jemaah Menteri Bagi Cadangan Perolehan Dan Pengurusan Perkhidmatan Aplikasi MySejahtera*” adalah seperti berikut:-

“Kami ingin mengesahkan bahawa syarikat MYSJ Sdn Bhd [No pendaftaran: 202001029525 (1385845-M)] telah diperbadankan khususnya untuk memajukan dan mengelolakan aplikasi MySejahtera. MYSJ Sdn Bhd juga adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera.

Pihak kami turut mengesahkan bahawa syarikat MYSJ Sdn Bhd adalah dicadangkan untuk tujuan pembentukan kontrak perkhidmatan dengan Kerajaan Malaysia.”

Surat tersebut juga menyatakan butiran asas Syarikat MySJ Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada 23 September 2020, antara lain, seperti berikut:-

Lembaga Pengarah

- (i) Anuar Bin Rozhan
- (ii) Raveenderen Ramamoothie
- (iii) Tan Sri Liew Kee Sin

Pemegang Saham

(i)	Revolusi Asia Sdn. Bhd.	29,135,220 saham
(ii)	P2 Asset Management	2,498,397 saham
(iii)	Hasrat Budi Sdn. Bhd.	3,569,139 saham
(iv)	Ganesan A/L Shanmugam	528,632 saham
	Jumlah	35,691,388 saham

- iv. Kerajaan mengetahui bahawa ada pertikaian di mahkamah membabitkan pemegang saham MySJ dan ia disahkan **YB Menteri Kesihatan**.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: ... Saya tidak dapat hendak komen berkenaan dengan pemegang-pemegang saham dan pertikaian. Cuma, saya dimaklumkan- ini disampaikan oleh Datuk KSU - Datuk Harjeet Singh. Kita dimaklumkan oleh pihak MySJ bahawa pertikaian pemegang saham ini, terutamanya yang berkaitan dengan Hasrat Budi dan P2 Asset Management, mereka akan tarik balik pertikaian di mahkamah.”

[Muka surat 36 – 37, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

PAC telah meneliti kertas-kertas kausa kes Mahkamah yang membabitkan pihak-pihak yang dinyatakan di atas (atau sebahagian daripadanya) iaitu Guaman Sivil No.: WA-22NCC-516-11/2021 dan Saman Pemula No.: WA-24NCC-118-02/2022 dan kertas-kertas kausa tersebut telah dijadikan sebahagian rujukan PAC.

6.7 Nilai Perolehan Aplikasi MySejahtera

- i. **YB Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]** dalam prosiding **Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022** memaklumkan sebanyak RM196 juta telah diluluskan oleh Jemaah Menteri kepada KKM yang juga merupakan jumlah anggaran dan peruntukan siling. Kos ini adalah peruntukan untuk dua (2) tahun iaitu mulai 1 April 2021 hingga 31 Mac 2023, yang akan digunakan untuk pembayaran berkaitan aplikasi MySejahtera.

Tuan Pengerusi: ... Peruntukan sebanyak RM196 juta diluluskan di bawah KKM. Saya hendak tanya kepada pihak Menteri Kewangan sama ada RM196 juta ini adalah suatu peruntukan siling yang diluluskan oleh Kabinet.

...

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Pertamanya daripada segi kos peruntukan yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan sebanyak RM196 juta hanyalah anggaran. Anggaran itu of course is the ceiling juga. Inilah anggaran dan siling yang kita beri kepada KKM... Satu lagi syarat yang kita berikan kepada Kementerian Kewangan ialah menyemak semula kos sebenar aplikasi MySJ berserta kewajaran kos-kos yang terlibat dalam perolehan ini. Kos perolehan ini yang telah disemak tadi hendaklah dijadikan asas pertimbangan.

...

Tuan Pengerusi: Sebelum kita masuk ke final question. RM196 juta ini adalah untuk kontrak dua tahun kah berapa lama?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Untuk dua tahun.

Tuan Pengerusi: Dua tahun?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Yes.

Tuan Pengerusi: Two years.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tempoh kontrak dua tahun ya. 1 April 2021 hingga 31 Mac 2023. Mengenai soalan yang terakhir tadi, of course MOF juga berpandangan this is our ulasan

Kementerian Kewangan di Jemaah Menteri di Kabinet. Kita telah membuat ulasan bahawa MOF berpandangan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan proses perolehan diurus dengan baik bagi mencapai nilai faedah yang terbaik kepada kerajaan.”

[Muka surat 15-16, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

Walau bagaimanapun, **YB Menteri Kewangan** menyatakan bahawa jumlah ini masih belum dimuktamadkan kerana tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh MOF.

“Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya hendak tanya sini sebab– nombor 3 juga ya. Peruntukan yang disediakan RM196 juta itu, untuk perolehan MySejahtera. Ini sebenarnya hanyalah keputusan yang dibuat tetapi ia adalah berdasarkan syarat-syarat yang dikatakan dahulu dipenuhi. Ertinya, ia belum lagi final untuk dibayar?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Belum. Belum final, even di pihak KKM pun belum final lagi.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Okey. Alright, thank you.”

[Muka surat 21-22, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

ii. **YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan]** dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan bahawa beberapa siri rundingan dengan pihak pembekal (vendor) telah dijalankan oleh MAMPU bagi menentukan harga aplikasi MySejahtera. Berikut merupakan kronologi penilaian

harga bagi aplikasi MySejahtera bagi siri rundingan yang telah dilaksanakan sebelum satu MJM dibuat berkaitan penilaian harga tersebut.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: ... pada 11 Jun, laporan awal penilaian harga MAMPU di mesyuarat JKPP MySejahtera Bilangan 1 Tahun 2021. Laporan awal hasil penilaian harga yang dilaksanakan oleh MAMPU telah dibentangkan pada mesyuarat tersebut. Laporan awal tersebut telah mencadangkan tiga kaedah perbandingan harga penilaian secara customization dan penilaian software as a service— more the detail-lah. Pada 30 Jun, MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga, beberapa siri perbincangan lanjut telah dilaksanakan bagi memuktamadkan skop dan penilaian harga MySejahtera di peringkat MAMPU yang dipengerusikan oleh ketua perunding teknikal MAMPU, Encik Ahmad bin Osman.

Pada 1 Julai, MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga. Sekali lagi dibuat rundingan. Pada 7 Julai 2021, perbincangan MAMPU tentang persediaan penilaian harga aplikasi MySejahtera peringkat MAMPU. Pada 16 Julai, MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga sekali lagi perbincangan. Just to show that after that all the negotiation taking place daripada MAMPU. Tak adalah kita tulis surat, selepas itu tak ada apa-apa. Selepas itu 24 Julai MAMPU bermesyuarat sekali lagi untuk vendor dengan skop dan harga. Pada 3 Julai, mesyuarat MAMPU, pembentangan laporan hasil penilaian harga aplikasi MySejahtera kepada Datuk Sri Ketua Pengarah MAMPU, dipengerusikan oleh KP MAMPU sendiri.

Pada 20 Ogos, pembentangan dan sesi review hasil penilaian harga aplikasi MySejahtera yang dilaksanakan oleh Ketua Pengarah MAMPU dan penilaian ini dibentangkan kepada Jawatankuasa MySejahtera pada 25 Ogos. Pada 27 Ogos, pelantikan Kabinet baharu termasuk pelantikan saya sebagai Menteri Kesihatan. Selepas itu disegerakan supaya semua penilaian harga MAMPU

disegerakan dan laporan penilaian harga oleh MAMPU dibuat pada 14 September 2021 dan seterusnya satu mesyuarat pembentukan MJM atau Memorandum Jemaah Menteri telah pun dibuat pada 1 Oktober yang telah dikemukakan oleh MAMPU.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Any indication of the cost mentioned?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Itulah sebab anggaran siling yang dipersetujui oleh ini adalah 190, that is the basis of the negotiation.“

[Muka surat 57-58, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

Jadual di bawah merupakan kronologi siri rundingan yang telah diadakan dengan pihak vendor.

Jadual 1
Kronologi Siri Rundingan Dengan Pihak Vendor

Bil.	Tarikh	Perkara
1	11 Jun 2021	Laporan awal hasil penilaian harga yang dilaksanakan oleh MAMPU telah dibentangkan di mesyuarat JKPP MySejahtera Bilangan 1 Tahun 2021.
2	30 Jun & 1 Julai 2021	MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga.
3	3 Julai 2021	Pembentangan Laporan Hasil Penilaian Harga aplikasi MySejahtera kepada KP MAMPU.
4	7 Julai 2021	Perbincangan tentang persediaan penilaian harga aplikasi MySejahtera di peringkat MAMPU.
5	16 & 24 Julai 2021	MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga.
6	20 Ogos 2021	Pembentangan dan sesi review hasil penilaian harga aplikasi MySejahtera yang dilaksanakan oleh Ketua Pengarah MAMPU.
7	25 Ogos 2021	Penilaian harga aplikasi MySejahtera dibentangkan kepada Jawatankuasa MySejahtera.
8	14 September 2021	Laporan penilaian harga oleh MAMPU.
9	1 Oktober 2021	Mesyuarat pembentukan MJM atau Memorandum Jemaah Menteri

6.8 Penyerahan Hak Pelesenan Aplikasi MySejahtera Kepada MySJ Sdn. Bhd.

PAC mendapati bahawa pemegang lesen aplikasi MySejahtera asal yang juga syarikat pembangun aplikasi iaitu Entomo (sebelum ini dikenali sebagai KPISoft) telah menyerahkan hak pelesenan kepada MySJ melalui Perjanjian Pelesenan bertarikh 6 Oktober 2020 yang telah dimeterai antara kedua-dua syarikat tersebut, dan jumlah balasan untuk penyerahan hak pelesenan tersebut bernilai RM338.6 juta seperti yang dinyatakan dalam kertas-kertas kausa Mahkamah.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, kita berurusan dengan— Pada awalnya, kita berurusan dengan Entomo. Akan tetapi apabila lesen telah pun diberikan kepada MySejahtera oleh Entomo, kita berurusan dengan MySejahtera. Sekarang ini kita berurusan dengan— MySJ. Sorry, minta maaf. Yes, Yang Berhormat Permatang Pauh is correct. MySJ. Sekarang ini kita berurusan dengan Puan Aiza Azreen Ahmad - Ketua Pegawai Eksekutif ataupun wakil daripada MySJ.”

[Muka surat 35-36, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan bahawa sehingga tarikh prosiding ini, KKM sedang mendapatkan pengesahan daripada pihak AGC tentang perjanjian pelesenan yang termeterai antara Entomo dengan MySJ.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya. So, I think this is the crux of the matter lah. Kita tengah tanya apa kaitan MySejahtera dengan Entomo, dengan KPISoft. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan jelas

bahawa dalam kelulusan yang diberi oleh Jemaah Menteri, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak KKM yang sedang sekarang ini berada di Jabatan Peguam Negara, bahawa memang ada satu perjanjian antara KPISoft dan juga MySJ Sdn. Bhd. Oleh sebab kita ada satu dokumen iaitu OEM License Agreement pada 6 Oktober 2020 antara Entomo dan MySJ Sdn. Bhd. dan ini memberi lesen kepada MySJ untuk mengendalikan semua urusan niaga berkaitan dengan- MySJ untuk menguruskan segala urusan niaga MySejahtera di Malaysia.

Jadi, dengan dokumen ini, maka kita sedang dapat pengesahan dari Jabatan Peguam Negara that it is indeed a legal document and that MySejahtera is the licensee from Entomo that becomes our counterparty. Akan tetapi syarat yang diletakkan oleh Kementerian Kesihatan jelas. Kalau kita tak puas hati bahawa license agreement ini adalah sah dan juga in the best interest of the government, then we just go back to Entomo and say that the contract has to be between Government of Malaysia and Entomo. Itu sahaja. That is all. That is our position. So, until- unless we are advised accordingly by the Attorney General Chambers, then our position is that, we will negotiate with Entomo.”

[Muka surat 23, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YB Menteri Kesihatan juga mengambil perhatian bahawa perjanjian-perjanjian seperti hak pelesenan antara Entomo dan MySJ, serta *sale share agreement* antara MySJ Sdn. Bhd. dengan Revolusi Asia Sdn. Bhd., Entomo, Raveenderen a/l Ramamoothie khasnya dengan isu pemilikan harta intelek seperti yang dibangkitkan PAC akan menjadi sebahagian daripada asas perundingan KKM untuk memastikan bahawa perjanjian yang dibentuk adalah yang terbaik bagi kerajaan.

“Tuan Pengerusi: ...Di sini, saya nampak ada satu, 6 Oktober 2020, MYSJ telah memasuki satu perjanjian dengan Entomo Malaysia, perjanjian lesen yang mana Entomo akan memindahkan harta intelek aplikasi tersebut kepada MYSJ. Selepas itu Entomo Malaysia akan memberikan MYSJ lesen untuk aplikasi tersebut. MYSJ perlu membayar Entomo Malaysia jumlah-jumlah sebanyak RM338.6 juta sebagai yuran untuk pemindahan harta intelek aplikasi dan juga yuran pelesenan. So that is one.

Ada satu sale share agreement, 31 Disember 2020, Revolusi Asia memasuki satu perjanjian penjualan saham dengan P2 Asset Management di mana Revolusi akan menjual saham MYSJ kepada P2 Asset Management. So, itu merupakan satu lagi perjanjian dan perjanjian-perjanjian yang lain termasuk perjanjian yang saya baca awal tadi. Satu perjanjian sale share agreement antara MYSJ Sdn. Bhd. dengan Revolusi Asia Sdn Bhd, Entomo Malaysia, Ravindran a/l Ramamurthy bertarikh 27 Ogos 2021. Saya berharap kesemua dokumen ini ada dalam pegangan AGC dan jika tidak ada sila AGC membuat search atas website kehakiman untuk mendapatkan kesemua dokumen ini apabila membuat, memberikan pandangan kepada KKM.

So, I hope Yang Berhormat Menteri can also see from what I read out just now very clear RM338 million was meant for the pembelian hak intellectual property rights and also the licensing rights by MYSJ Sdn Bhd from KPISoft Sdn. Bhd. So, this is statement very clear...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: We take note of that Yang Berhormat dan itu pun sebahagian daripada asas perundingan kita untuk memastikan bahawa kita dapat perjanjian yang terbaik bagi kerajaan. Terima kasih.”

[Muka surat 65-66, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

6.9 Percanggahan Dalam Isu Pemilikan *Intellectual Property* (IP) Aplikasi MySejahtera

YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 berkali-kali menegaskan hakmilik setiap data dan maklumat yang diperolehi menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera adalah hakmilik penuh dan mutlak Kerajaan. Beliau juga memaklumkan *Government of Malaysia* ada dinyatakan sebagai pemilik aplikasi MySejahtera dalam mana-mana gedung aplikasi sama ada Google, Apple ataupun Huawei.

YB Menteri Kesihatan juga memaklumkan bahawa kesemua data dalam aplikasi MySejahtera akan dimiliki oleh Kerajaan Malaysia. Ini adalah termasuk pemilikan dari segi IP. MySJ telah menyatakan komitmen bahawa pemilikan semua harta intelek serta kod sumber modul-modul aplikasi MySejahtera yang dibangunkan adalah milik Kerajaan Malaysia dalam satu surat bertarikh 12 April 2022.

“Tuan Pengerusi: Thank you so much. Okey Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan berkenaan dengan pemilikan MySejahtera. Aplikasi MySejahtera. I think pihak kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri telah banyak kali menegaskan dalam PAC ini dan juga di luar sama ada di Dewan Negara ataupun dalam semua sidang media bahawa aplikasi MySejahtera ini adalah dimiliki oleh Kerajaan Malaysia ataupun KKM.

Saya hendak tanya dengan lebih lanjut di sini, apakah maksud dengan pemilikan di sini? Pemilikan sama ada pemilikan termasuk segala IP, intellectual property, module, database ataupun yang lain-lain. So, what do you actually mean by pemilikan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Thank you very much. Terima kasih. So, pemilikan ini merujuk kepada aspek harta intelek, kod sumber, source code..*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya. Harta intelek, kod sumber. Semua harta intelek serta kod sumber modul-modul aplikasi MySejahtera adalah hak milik Kerajaan Malaysia. Kod sumber modul, data dan juga aplikasi mobil the APK/IPA format is owned by the Government of Malaysia. So, what do you see as a mobile application that format cannot be used by anyone else. That is owned by the Government of Malaysia.”*

Walau bagaimanapun, PAC mendapati wujudnya percanggahan berhubung isu pemilikan aplikasi MySejahtera berdasarkan kes mahkamah yang melibatkan pemegang-pemegang saham syarikat MySJ Sdn. Bhd. seperti P2 Asset Management Sdn. Bhd., Entomo Malaysia, Revolusi Asia, MySJ, Hasrat Budi Sdn. Bhd. dan sebagainya.

“Tuan Pengerusi: *Saya telah membuat carian berkenaan dengan kes-kes yang difailkan oleh P2 Asset Management, oleh Hasrat Budi berkenaan dengan syarikat MYSJ Sdn. Bhd. ini. Memang pertikaian antara share holder itu bukan menjadi isu utama kita di sini. So that is their dispute. Akan tetapi atas kesemua cause paper yang difailkan di mahkamah memang saya ada baca berkenaan dengan licensing agreement, sale share agreement dan sebagainya.*

Kesemua agreement itu menunjukkan bahawa MYSJ Sdn. Bhd. has the right of licensing over the intellectual property rights of MySejahtera. Sama ada pihak Yang Berhormat Menteri ada komen berkenaan dengan situasi ini? Because I believe when their own transaction is more than like RM300 million as said, as disclose in the cause paper in the court there must be something

that the parties are interested in buying. So, we cannot deny this as a fact. There must be something that the parties are interested in buying...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Terima kasih Yang Berhormat. Komen saya adalah berkenaan dengan pertikaian dan juga segala perjanjian yang telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat seperti Revolusi Asia, Hasrat Budi dan sebagainya yang berkaitan dengan license agreement, share sale agreement, kita tidak tahu apakah asas tersebut. Itu pertikaian mereka. Sama ada terdapat element of misrepresentation itu mestilah diselesaikan di mahkamah antara dua pihak. Apa yang kita tahu adalah pendirian yang saya sebutkan tadi dan dalam perjanjian dengan pihak MYSJ ataupun whoever the counter party is Entomo MYSJ it would be category clear written that this is owned by the Government of Malaysia.*

Tuan Pengerusi: *Including the IP?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Including the IP.”*

[Muka surat 39, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

YB Menteri Kesihatan merujuk kepada suatu surat daripada CEO MySJ Sdn. Bhd. kepada KSU KKM bertarikh 12 April 2021 untuk menyokong pendirian beliau bahawa aplikasi MySejahtera adalah milik Kerajaan Malaysia.

“Tuan Khairy Jamaluddin: *Paragraph 7. That is what I said just now. Surat ini adalah surat daripada Aiza Azreen Ahmad Ketua Pegawai Perniagaan dan Ketua Pegawai Eksekutif (dilantik MySJ Sdn. Bhd.) bertarikh 12 April kepada Dato’ Harjit Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia. This is based on the latest negotiation. Saya baca.*

*“Merujuk kepada aspek harta intelek dan kos sumber, kami ingin menegaskan bahawa semua harta intelek serta kod sumber modul-modul aplikasi MySejahtera yang dibangunkan adalah milik Kerajaan Malaysia.”
That is written in the letter.*

Tuan Pengerusi: *That is the commitment from the KKM?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *MySJ to KKM.*

Tuan Pengerusi: *Okay, from MySJ to KKM.”*

[Muka surat 38-40, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

PAC bertanya sama ada *source code* dan harta intelek aplikasi MySejahtera adalah milik Kerajaan Malaysia dari hari pertama.

“Puan Wong Shu Qi: *Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya hendak double confirm from the day one, since day one katanya 27 Mac 2020 ataupun 1 April 2020, semua source code hak intelek at MySejahtera adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kerajaan Malaysia, itu adalah property kita. Adakah ini betul?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *From day one— I was not involved from day one. So, kena tanya kepada MKN nanti. Akan tetapi from day one, the data owner is Kementerian Kesihatan Malaysia, application is Kementerian Kesihatan Malaysia. The platform that is built on, that was developed by Entomo. But subsequently we built have more modules on top of that. So, subsequently every time the new module was build that module is owned by the government of Malaysia.*

Puan Wong Shu Qi: *Jadi semua ini seharusnya dimiliki oleh kerajaan Malaysia? Soalan saya adalah kenapa kita berunding dengan MySJ kalau ini semua adalah dimiliki oleh kita sendiri?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Because...*

Puan Wong Shu Qi: *Itu kalau kita hendak berunding pun, berunding dengan Entomo. Dia tidak boleh jualkan semua property ini kepada MySJ.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *It is not jual property, Yang Berhormat. It is a license agreement. So, Entomo sudah lantik MySJ sebagai the licensee for Malaysia.*

Tuan Pengerusi: *So, who is the license holder, Yang Berhormat Menteri?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The license holder of— the license holder— okay, let just me refer to the ini. So, the pembangun sistem adalah MySejahtera. Now, they are managing the system for us, system that we owned.*

Tuan Pengerusi: *So, I think from Yang Berhormat Kluang question the big question is in what capacity that KPISoft can sell their rights and licensing rights of MySejahtera kepada MySJ Sdn. Bhd..*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *I am not sure if there is any sale involved. They are just the wakil.*

Tuan Pengerusi: *If there is no sale also, there is an assignment of the rights.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *When there is no rights owned by KPISoft, mana datangnya assignment itu?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The rights for the management of the service. You see, the management of the MySejahtera services was done by Entomo. Every time we wanted something to bangunkan, adalah dilaksanakan oleh Entomo. So, that rights has been assigned to MySJ by Entomo. That has nothing to do with us. Entomo kata, "Okey, selepas ini you deal with MySJ". That is it.*

Tuan Pengerusi: *Okey, can we repeat this position? Okey, katakan sekarang kerajaan merupakan pemilik aplikasi MySejahtera yang memiliki segala modul, IP and everything, source code of MySejahtera. So, soalan lanjut saya. Apakah kedudukan— we do not talk about MySJ. Apakah kedudukan KPISoft? Apakah peranannya selain merupakan pembangun?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Pengoperasian platform. Maksudnya, perkhidmatan cloud, technical operational resources, pengurusan projek, support and helpdesk, penyelenggaraan, perkhidmatan pihak ketiga, pembangunan sistem modul-modul tambahan...*

Tuan Pengerusi: *So, it is more on the operational part, right?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya.*

Tuan Pengerusi: *Operational dan juga pembangunan aplikasi itu.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Operational and management. So, it is managed services now.*

Tuan Pengerusi: *Okey. So, in terms of licensing. So, from the eyes of KKM, who owns the licensing of MySejahtera?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The MySejahtera is owned by the Government of Malaysia, but it is being managed by this company. Everything is being built, managed by the company. The servers are managed by them, all the new builds are done by them. If I want a new feature, I asked them, so that, they will build it for us tetapi kita milik lah. Ia jadi macam kontraktor kita lah. Saya hendak extension dari rumah, saya hendak bilik baru dan sebagainya, ia bina dan ia maintain.”*

[Muka surat 45-47, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

Walau bagaimanapun, bertentangan dengan pendirian KKM, PAC mendapati MySJ Sdn. Bhd. sebenarnya telah menuntut hak mereka ke atas pemilikan aplikasi MySejahtera dan memberikan representasi kepada pihak-pihak lain bahawa mereka adalah pemilik harta intelek aplikasi Mysejahtera.

Antara lain, kandungan Share Sales Agreement In Respect of MySJ Sdn. Bhd. antara Revolusi Asia Sdn. Bhd. (Vendor), Etomo Malaysia Sdn. Bhd., Raveenderen a/l Ramamoothie (Promoters) dan Hasrat Budi Sdn. Bhd. (Purchaser) bertarikh 27 Ogos 2021 adalah seperti berikut:-

(i) *Recital A: MySJ Sdn. Bhd. ... is the owner of the platform through which the application known as "MySejahtera" for the Government of Malaysia to track, trace and manage the COVID-19 outbreak in Malaysia operates.*

(ii) *Clause 1.1 Definition of Intellectual Property: ... means all intellectual property rights including, without limitation,*

trademarks, service marks, trade names, business or domain names, get-up and trade dress, goodwill, logos, patents, utility models, inventions, database rights, copyrights, registered designs, design rights or applications for any of the foregoing and all other similar rights in any part of the world.

(iii) Clause 14.2.2: MySJ Sdn. Bhd. is the legal and beneficial owner of all rights, title and interest including Intellectual Property rights in the MySejahtera Application and all related technology, knowledge, know-how, updates/upgrades and trade secret in relation to the MySejahtera Application.

*“**Tuan Pengerusi:** So, Yang Berhormat Menteri, the representation by the parties in all the court documents and also in all the agreements signed amongst the party is actually towards the direction that MySJ Sdn. Bhd. is the owner of the IPs and so on. IPs in a more dangerous sense would include ‘database rights’. So, I understand from the letter given by MySJ Sdn. Bhd. to KKM is that they undertake that, “look, we acknowledge Government of Malaysia and KKM is the owner,” but the documents in their business sector signed between the parties indicates otherwise. So, I hope KKM dan juga AGC dalam isu ini have to be really careful. I’m not too sure if KKM knows if any of the parties is doing anything behind KKM without KKM’s knowledge. On one hand they say, “KKM, look you are the owner,” on the other hand telling the world that, “we are the owner, we had the rights, come and buy from me.”*

[Muka surat 48, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]

Selanjutnya, PAC membangkitkan isu ini kepada saksi-saksi dari MKN dan NACSA.

Tuan Pengerusi: Okey, dalam isu aplikasi MySejahtera dan data MySejahtera ini Puan Shariffah, saya hendak tanya untuk aplikasi MySejahtera ini siapa yang mempunyai pemilikan terhadap aplikasi MySejahtera dari hari pertama. Apabila ia dilancarkan pada bulan April, siapa yang sebenarnya memiliki aplikasi MySejahtera ini termasuk siapa yang memiliki ataupun memegang intellectual property bagi pembangunan aplikasi MySejahtera?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya Yang Berhormat, aplikasi MySejahtera merupakan hak milik Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi: IP? Intellectual property.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya ia adalah hak milik Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Okey, wait.

Tuan Pengerusi: Okey, ada satu. Berdasarkan jawapan daripada Puan Shariffah tadi, saya ada satu soalan mungkin sama ada Puan Shariffah ataupun KP MKN ataupun Datuk Seri Dr. boleh memberikan pencerahan. Dalam isu pemilikan ataupun hak intellectual property terhadap aplikasi MySejahtera ini, pihak PAC telah pun membaca beberapa kertas mahkamah yang melibatkan pertikaian ataupun perbicaraan kes di mahkamah yang melibatkan pemegang-pemegang saham syarikat MySJ Sdn. Bhd. seperti P2 Asset Management Sdn. Bhd., Entomo Malaysia, Revolusi Asia, MySJ, Hasrat Budi Sdn. Bhd. dan sebagainya.

Dalam kesemua dokumen ataupun kertas mahkamah, ini ada satu perkara yang amat konsisten iaitu dinyatakan dalam dokumen-dokumen ini bahawa pemilik intellectual property bagi aplikasi MySejahtera ini adalah MySJ Sdn.

Bhd. So, apakah pandangan ataupun komen daripada saksi-saksi yang kita ada pada pagi ini? The same question we had actually raised it to our Minister last week. I would like to hear from all the witnesses here. The representation being given outside to the outside world is that MySJ owns everything. Including the IP. Because of MySJ owning the IP, owning all everything about aplikasi MySejahtera that's why Entomo Malaysia could actually sell their shares to some of the investors at the cost of more than RM300 million and the investors wouldn't be buying at this high cost if at the end of the day, KPISoft or Entomo tidak memiliki apa-apa kepunyaan ataupun pemilikan ataupun apa-apa control terhadap aplikasi MySejahtera.

So, apakah komen daripada saksi-saksi di hadapan PAC pada pagi ini? Terima kasih.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *Yang Berhormat, as far as I'm concerned, the moment when I was involved in the first development – the start of the development of the project, IP, platform dan semua itu adalah milik kerajaan. So, untuk makluman yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat itu pihak saya sendiri pihak kami tidak mempunyai maklumat.*

Tuan Pengerusi: *Terima kasih. Daripada MKN, ada komen tidak Datuk?*

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: *Yang Berhormat, seperti mana dinyatakan oleh Puan Shariffah, kita berpendirian sebab NACSA di bawah MKN, itu adalah pandangan MKN juga bahawa semua perkara itu adalah menjadi hak milik kerajaan. Itu yang perspektif yang kita nyatakan di sini, Yang Berhormat.”*

[Muka surat 37-38, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

PAC turut mendapati bahawa Entomo pernah menuntut bahawa MySJ adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera dalam suratnya yang

diserahkan kepada MKN pada 25 November 2021. MKN tidak ada membuat apa-apa penolakan atau penafian terhadap pendirian Entomo tersebut.

Surat tersebut menyatakan, antara lain:

“MySJ Sdn. Bhd. juga adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera.”

*“**Tuan Pengerusi:** Perenggan kedua, ayat terakhir; “MySJ Sdn. Bhd. adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera.” Surat daripada Entomo kepada MKN dan NACSA. Sepanjang masa ini, kita diberitahu bahawa pemilik aplikasi harta intelek MySejahtera adalah Kerajaan Malaysia. Di sini surat daripada Entomo Malaysia kepada NACSA dan MKN (JPM), iaitu Kerajaan Malaysia. Perenggan dua dinyatakan dengan amat jelas; MySJ Sdn. Bhd. juga adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera. I think the government itself is confused or intentionally confused.*

...

***Tuan Pengerusi:** Okey, boleh saya tanya kepada pihak MAMPU, mungkin Datuk Seri. Apakah maksud apabila kita kata ‘harta intelek aplikasi MySejahtera’ dari sudut pandangan MAMPU? Apakah yang dimaksudkan dengan ‘harta intelek aplikasi MySejahtera’?*

***Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail:** Puan Hanissull yang akan jawab, Yang Berhormat. Dia pakar teknikal.*

***Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof:** Bagi pandangan teknikal, kalau apabila dikata IP itu adalah everything about the applications menjadi hak milik kerajaan.*

Tuan Pengerusi: *Tidak. Saya tanya soalan saya, apakah maksud pemilik 'harta intelek aplikasi MySejahtera'? 'Harta intelek aplikasi MySejahtera' does it mean everything?*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *Data, aplikasi, source codes, ya.*

Tuan Pengerusi: *The know-how, betul tak?*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *The process, yes. The process.*

Tuan Pengerusi: *Okay, then if we say here, ini diakui oleh Entomo dalam surat ia kepada kerajaan ya. MySJ Sdn Bhd juga merupakan pemilik 'harta intelek aplikasi MySejahtera'. This is serious.*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *Dia claim, itu dia punya claim.*

Tuan Pengerusi: *They claimed. So, did the government refute? If the government says that, it is only their claim. They only not claiming once here, you know Puan. They are claiming in their court's affidavit, which cannot be untrue, they're claiming in a letter. So, blatantly to MKN, to NACSA, to JPM and I don't think the government can't just say 'they only claimed' lah. Setujukah puan? In the business world, without this harta intelek being owned my MySJ, the shares cannot be sold at such a high price."*

[Muka surat 45, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof memaklumkan kepada PAC berkenaan dengan keputusan Jemaah Menteri pada 6 April 2022 supaya Kerajaan mengambil alih pemilikan aplikasi MySejahtera daripada syarikat MySJ Sdn. Bhd.

“Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Yang Berhormat, pada 6 April 2022, may I quote iaitu pada nombor 8B iaitu ada dua di sini:

- (i) supaya kerajaan mengambil alih pemilikan aplikasi MySejahtera daripada syarikat MySJ Sdn. Bhd.; dan
- (ii) Kementerian Kesihatan segera membentangkan memorandum yang terperinci mengenai perkara ini untuk dipertimbangkan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi: Itu keputusan Jemaah Menteri kan? 6 hari bulan. So, amat jelas di sini keputusan Jemaah Menteri adalah untuk pihak kerajaan mengambil alih pemilikan aplikasi MySejahtera daripada MySJ Sdn. Bhd. Maksud ia, sebelum ini, aplikasi MySejahtera ini dipunyai dan dimiliki oleh MySJ Sdn. Bhd. Betul tidak? Ya, sila jelaskan. If you already owned it, you don't say 'I need to takeover' kan? When there is a Cabinet's decision to say, look we are going to takeover, you won't takeover something that you already owned it.”

[Muka surat 46, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

6.10 Kemampuan Dan Cadangan Kerajaan Malaysia Mengambilalih Keseluruhan Sistem Aplikasi MySejahtera

Berikut merupakan kronologi cadangan pengambilalihan aplikasi MySejahtera oleh Kerajaan Malaysia:

Jadual 2
Cadangan Pengambilalihan Aplikasi MySejahtera Oleh Kerajaan Malaysia

Bil.	Tarikh	Mesyuarat	Keputusan
1	4 Disember 2020	Sidang MKN	<ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan permohonan bajet oleh MAMPU daripada MKN bagi tujuan pengambilalihan keseluruhan data MySejahtera termasuk migrasi data daripada Alibaba Cloud ke pusat data Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU. • Peruntukan sebanyak RM5.8 juta daripada Tabung COVID-19 telah diluluskan oleh sidang MKN.
2	26 November 2021	Mesyuarat Jemaah Menteri	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehan aplikasi MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat MySJ selama dua (2) tahun. • Kerajaan akan mengambil alih keseluruhan aplikasi, termasuk migrasi data ke PDSA, MAMPU. • RM 5.8 juta telah dipulangkan semula ke Tabung COVID-19.
3	6 April 2022	Mesyuarat Jemaah Menteri	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem MySejahtera akan dipindahkan kepada kerajaan secara keseluruhan. • Semua data MySejahtera akan dipindahkan ke pusat data MAMPU.

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah MAMPU] dalam prosiding Bil. 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 memaklumkan kepada PAC beliau yakin dengan kemampuan ICT di MAMPU dan KKM dan Kerajaan mampu untuk mengambilalih pengurusan sistem MySejahtera dengan kepakaran dan pengalaman yang sedia ada.

“Tuan Pengerusi: Okey, Okey, sini kata peranan MAMPU merupakan pakar perunding dalam pengurusan teknologi maklumat (ICT) perkhidmatan awam. Saya hendak tanya, apakah kapasiti MAMPU dari segi sama ada MAMPU berupaya untuk membangunkan sesuatu aplikasi ataupun sistem ICT by yourselves?”

...

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Tuan Pengerusi, kami yakin dengan perbincangan, dengan rundingan yang sedang diadakan di peringkat Kementerian Kewangan sekarang antara pihak government dan pihak vendor MySejahtera ini, kami yakin dengan kemampuan ICT di MAMPU dan kemampuan ICT di Kementerian Kesihatan, kami yakin bahawa kerajaan mampu untuk mengambil alih pengurusan sistem MySejahtera ini dengan kepakaran dan pengalaman yang kami ada, Tuan Pengerusi...

... Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, maknanya sekarang ini dengan keputusan Kabinet yang terkini pada 6 April dahulu, yang mana supaya sistem MySejahtera ini dipindahkan kepada kerajaan secara total, 100 per cent. Sekarang ini, pihak kerajaan sedang berunding dengan pihak company dari segi mekanisme dan juga dari segi kos pengambilalihan oleh kerajaan. Kami yakin pada peringkat kami, pada peringkat MAMPU, pada peringkat MKN, pada peringkat NACSA dan juga dengan CGSO iaitu Bahagian Pejabat Keselamatan Kerajaan di JPM, kami yakin kami boleh mengambil alih sistem ini daripada pihak syarikat dan mengoperasi untuk masa hadapanlah...”

[Muka surat 4-6, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail juga memaklumkan Jemaah Menteri memutuskan pada 6 April 2022 bahawa Kerajaan Malaysia akan mengambilalih kesemua data yang ada dalam MySejahtera dan dipindahkan ke Pusat Data Sektor Awam (PDSA).

“Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Berdasarkan kepada keputusan yang terbaharu Tuan Pengerusi, pada 6 April baru-baru ini, Jemaah Menteri telah memutuskan; yang pertamanya, kesemua data yang ada dalam MySejahtera

dipindahkan ke pusat data MAMPU. Maksudnya, data sekarang ini berada di bawah pihak vendor, akan dipindahkan kepada MAMPU dan MAMPU akan menguruskan data-data MySejahtera, keseluruhan yang berdaftar dalam MySejahtera, Tuan Pengerusi. Fungsi MAMPU sekarang ini adalah untuk memastikan data-data ini dipindah secara total dan akan memastikan bahawa sistem keselamatan semua akan terjamin. Oleh sebab kami mempunyai empat buah pusat data di Malaysia ini Tuan Pengerusi, untuk menampung data-data kerajaan dalam sektor awam.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya apabila dinyatakan di sini MAMPU berupaya ataupun bersedia untuk mengambil alih pengoperasian MySejahtera secara keseluruhan, maksudnya memang MAMPU telah pun bersedia tetapi juga bergantung kepada kerajaan dan juga rundingan kerajaan dengan pihak syarikat swasta. Betul?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh, ...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Datuk Seri Dr., tadi disebut tentang pengambilalihan oleh MAMPU kan? Jadi, sebelum ini – sesi sebelumnya kami dimaklumkan dari segi peletakan ataupun – how do you say this? The storage of data is in AIMS Data Centre sementara – together with Alibaba Cloud.

So, maksudnya after this it will be transferred penyalinan sepenuhnya itulah ke dalam MyGovCloud ya?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, kepada Pusat Data Sektor Awam (PDSA).

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Okey. Pusat Data Sektor Awam. Thank you.”

[Muka surat 7-8, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Ketua Pengarah MAMPU juga menyatakan MAMPU mendapat peruntukan sebanyak RM5.8 juta daripada Tabung COVID-19 yang diluluskan oleh sidang MKN pada 4 Disember 2020 untuk memindahkan data MySejahtera kepada MAMPU. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut telah dipulangkan semula lanjutan keputusan Jemaah Menteri pada 26 November 2021 yang menyatakan pengambilalihan keseluruhan aplikasi MySejahtera oleh Kerajaan.

“Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 4 Disember 2020, Yang Berhormat. MAMPU telah membentangkan kepada sidang MKN untuk minta bajet daripada MKN, untuk kita mengambil alih the whole data daripada MySejahtera ini untuk pindah ke MAMPU, ke pusat data MAMPU. Kita dapat peruntukan sebanyak RM5.8 juta daripada Tabung COVID-19, diluluskan oleh sidang MKN untuk memindahkan data kepada MAMPU.

Pada masa paper dibentangkan kepada sidang MKN, pada masa itu modulnya lebih kurang tiga sahaja ada, Yang Berhormat. Akan tetapi dalam tempoh proses peralihan, pembangunan, dengan pandemik yang makin rancak, Kementerian Kesihatan dan MOSTI developed banyak modul dalam MySejahtera ini, sampai 15 modul.

Jadi, bajet sebanyak RM5.8 juta tadi tidak cukup dan juga kami mendapat arahan juga daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk berhati-hati transfer data kepada MAMPU ini, takut ia hilang daripada sistem. Jadi, proses itu berjalan dengan perlahan sedikit dan juga bajet sudah tidak cukup. Tiba-tiba ada keputusan terbaru daripada pihak Kabinet pada bulan

November, Puan Hanissull ya? [Disampuk] Pada bulan November 2021 untuk mengatakan total solution yang mana kerajaan akan mengambil alih the whole system, termasuk migrasi data ke pusat data MAMPU.

Pada masa yang sama, dengan keputusan yang terbaharu, duit dari Tabung COVID-19 MOF itu kita pulangkan balik dan kita selesaikan secara total di bawah keputusan Kabinet yang terbaharu. Memang ada usaha, Yang Berhormat. Akan tetapi disebabkan oleh journey kita dalam MySejahtera ini terlalu dinamik, jadi proses itu ia akan berlaku – memang ada usaha daripada pihak kerajaan, memang kita berniat. Kita tidak biarkan selamanya sistem ini di pihak vendor. Kita akan— memang ada usaha untuk mengambil alih ia punya data dan sistem, Yang Berhormat.”

[Muka surat 14, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

6.11 Akses Penggunaan Data Aplikasi MySejahtera Sebelum Kontrak MySJ Sdn. Bhd. Dimuktamadkan

PAC mengambil maklum bahawa bakal CEO MySJ Sdn. Bhd., Puan Aiza Azreen telah berhubung dengan pihak awam untuk mendapatkan data bagi tujuan pengemaskinian dan hal-hal lain dalam aplikasi MySejahtera. Ini membangkitkan persoalan sama ada MySJ telah mempunyai kebenaran untuk mengakses dan membuat kerja penyuntingan data dalam aplikasi MySejahtera walaupun rundingan untuk terma-terma kontrak masih lagi berlangsung.

YBr. Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan NACSA] dalam prosiding Bil 1(b)/2022 bertarikh 21 April 2022 memaklumkan bahawa pihak MKN tidak mempunyai maklumat mengenai kebenaran mengakses dan membuat

kerja penyuntingan data dalam aplikasi MySejahtera oleh MySJ. MKN hanya berurusan dengan pasukan projek yang sama iaitu syarikat pembangun aplikasi MySejahtera, dan tidak melibatkan pihak lain.

“Puan Nurul Izzah binti Anwar: Soalan kedua saya, sementara dalam waktu ini, sementara rundingan sedang berlangsung dengan syarikat MySJ dan juga Entomo ataupun KPISoft, kita dapat maklumat di luar bahawa the incoming CEO telah secara berhubung dengan pihak awam untuk memberikan data bagi tujuan update dan sebagainya dalam MySejahtera itu. Jadi, bermaksud sekarang ini seolah-olah data setiap pengguna MySejahtera mampu dirobah oleh incoming CEO – nama penuh let me just read it out for the record, Puan Aiza Azreen. Jadi, ini dipaparkan pada peringkat media bahawa beliau sedang menawarkan khidmat untuk memberi maklum balas kepada pengguna MySejahtera dan kemudiannya mengesahkan bahawa data pengguna dapat dirobah oleh pihak beliau. So, does this mean, in the interim, the company MySJ Sdn. Bhd. mampu mengakses kepada data pengguna MySejahtera?”

...

Tuan Pengerusi: Mungkin saya cuba rephrase – bukan rephrase, memperjelaskan lagi persoalan yang hendak dibangkitkan. Kita memang faham ada satu NDA ditandatangani antara pihak Kerajaan Malaysia ataupun MKN dengan KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. Itu satu-satunya dokumen yang kita ada. Masalah di sini adalah kita ada satu syarikat yang lain, MySJ Sdn. Bhd. yang mana belum lagi ada apa-apa kontrak ditandatangani antara syarikat ini dengan pihak kerajaan. Kita dimaklumkan bahawa rundingan untuk kos masih lagi belum dimuktamadkan.

Persoalan di sini adalah the CEO-designate MySJ Sdn. Bhd., bernama Aiza Azreen, beliau telah pun seolah-olah mengambil alih tugas sebagai satu customer service – itu merupakan sesuatu yang baik sekiranya semua

syarikat swasta boleh berbuat demikian. Akan tetapi *legally speaking*, does she have any locus untuk akses kesemua data yang sepatutnya dimiliki oleh pihak kerajaan? Kita tahu ada satu NDA; NDA itu adalah antara kerajaan dengan KPISoft. Akan tetapi, masalah di sini adalah MySJ yang telah pun seolah-olah sebelum kontrak dimasuki, seolah-olah telah pun mengambil alih tugas dengan secara keseluruhannya. So, that is the worries.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, untuk persoalan yang berhubung the CEO of MySJ Sdn. Bhd. dan tindakan yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, pada pihak saya, kami tidak mempunyai maklumat. Namun begitu, apa yang boleh saya nyatakan di sini adalah pada peringkat pasukan kerja, pada peringkat kami apabila kita melaksanakan pembangunan aplikasi MySejahtera dan di bawah konteks MKN sendiri sehingga 31 Disember 2021, kami hanya berhubung dengan orang yang sama dari hari yang pertama kita berjumpa pada 23 Mac 2020 sehinggalah pada 31 Disember 2021. Pihak syarikat yang kita deal adalah pihak yang sama, team yang sama, pasukan projek yang sama. So, tidak ada perubahan pada peringkat kami pada sepanjang pelaksanaan MySejahtera.”

[Muka surat 8-10, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

PAC juga membangkitkan kebimbangan bagaimana data pengguna aplikasi MySejahtera boleh diubah.

“Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Puan Shariffah. Saya rasa kerana ini penting untuk kita sama-sama meningkatkan kadar kepercayaan kepada penggunaan MySejahtera, kerana itu saya tanyakan. Kalau boleh pada peringkat project manager they become really aware kerana ini dipaparkan di peringkat umum. Maksudnya di luar sana, the incoming atau designated CEO mengatakan beliau ada kuasa untuk membantu just to update the data of pengguna MySejahtera.

Jadi, pada saya penting juga kita teliti bab ini kerana ia membangkitkan atau membawa kepada kekeliruan. Maksudnya mereka menunjukkan – item 4 ya, data hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi. Maybe they went through the project manager, I am not sure. The point is the data was changed. Oleh sebab itu saya rasa kalau di sini peringkat MKN jelas dan mungkin boleh dibawa juga kepada perhatian – sementara perbincangan berterusan, sebaiknya mereka menggunakan laluan dan channel yang rasmi dalam perkara ini. Terima kasih.

[Muka surat 10-11, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

Puan Hanissull Jalis binti Md. Yusof seterusnya menyatakan pada pandangan MAMPU, Puan Aiza Azreen tidak ada hak untuk menjawab bagi pihak MySejahtera ataupun KKM.

*“**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, sama ada MySJ Sdn. Bhd. mempunyai locus ataupun boleh dibenarkan untuk membuat satu representasi sebegini. She represented that to the PAC outside world that, “Look, MySJ Sdn. Bhd. can resolve your problem. We are the owner...” and so on. Please.*

***Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof:** Yang Berhormat, untuk makluman seperti yang kita maklum semasa MJM pada 26 November telah menyatakan dengan clear aplikasi ini adalah kepada KKM dan bagi pandangan kami sebenarnya Puan Aiza ini tidak ada hak untuk menjawab bagi pihak MySejahtera ataupun KKM. Sebenarnya memang ini – bukan saya hendak ini kata dia punya adalah – inilah. Memang dia tidak ada hak. Itu sahaja.*

...

***Tuan Pengerusi:** Okey. Ada hak atau tidak ada hak itu memang amat jelas. Persoalan di sini adalah sama ada MySJ Sdn. Bhd. ataupun Puan Aiza*

Azreen, the CEO-designate di sini, pada tahap ini sama ada mereka mempunyai akses terhadap data-data ataupun pengoperasian MySejahtera. Big question.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *Yang Berhormat, untuk menjawab persoalan ini, yang pertama in my humble opinion, we need to check back with KKM yang mana pada keadaan sekarang ini pihak kami tidak mempunyai akses terhadap siapa boleh memiliki data. Nombor satu. Yang kedua, sebagai makluman dari aspek teknikal, sistem MySejahtera sebenarnya dibina dan dilengkapi dengan log access. Maksudnya di sini, semakan perlu dilakukan. Kita tidak pasti sama ada Puan Aiza as an individual has an admin account to access the data or there– is anyone that was given access or any discussions and decisions within the project team or what not, that makes – she can say something like this. We are not sure of that. We do not have the information.”*

[Muka surat 10-11, Laporan Prosiding Bil 1(b) / 2022 bertarikh 21 April 2022]

PAC berpendapat sama ada mana-mana personel dalam MySJ diberikan akses untuk data aplikasi MySejahtera merupakan satu isu yang serius.

6.12 Rundingan Dengan MySJ Sdn. Bhd. Untuk Opsyen Masa Depan

YB Tuan Khairy Jamaluddin bin Abu Bakar [Menteri Kesihatan] dalam prosiding Bil. 1(a)/2022 bertarikh 14 April 2022 memaklumkan opsyen yang ada pada masa depan sekiranya Kerajaan bersetuju untuk menandatangani kontrak dengan MySJ selama dua (2) tahun berakhir 2023. Beliau menyatakan pihak Kerajaan Malaysia


melalui KKM akan mempertimbangkan dua (2) cadangan seperti berikut:

- (i) Cadangan 1: Melaksanakan tender terbuka bagi pengendalian perkhidmatan MySejahtera sebagai *managed services*.
- (ii) Cadangan 2: Kerajaan mengambil alih sepenuhnya untuk mengendalikan aplikasi MySejahtera dan dilaksanakan di bawah Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM.

“Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: ... Rundingan kita dengan pihak MySJ adalah untuk memastikan bahawa tamatnya tempoh bersama dengan MySJ ini kita ada option untuk buat tender terbuka kepada sesiapa yang ingin mengendalikan perkhidmatan MySejahtera selepas ini ataupun kita boleh buat sendiri di bawah Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia. Itu kita kena buat penilaian di peringkat internal sebab saya tidak pasti sama ada pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Maklumat cukup ataupun tidak dari segi bilangan, dari segi expertise untuk mengendalikan aplikasi yang agak kompleks ini ataupun kita hendak minta dibuat tender terbuka mana-mana syarikat akan membuat bidaan untuk menguruskan aplikasi seterusnya. Itu perancangan kita buat masa ini.

Akan tetapi rundingan dengan MySejahtera adalah untuk memastikan sekiranya after 2023 the end of this contract, if we sign this contract ada clean break, maka kita tidak hendak lantik mereka lagi. Maka aplikasi itu adalah milik Kementerian Kesihatan Malaysia dan kita boleh buat tawaran tender kepada mana-mana pihak untuk membantu menguruskan MySejahtera untuk tujuan-tujuan kesihatan yang lain ataupun kita boleh buat sendiri sekiranya kita ada expertise untuk melaksanakannya.”

[Muka surat 19, Laporan Prosiding Bil 1(a) / 2022 bertarikh 14 April 2022]



**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

7 RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC merumuskan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Pelantikan KPISoft (Entomo) sebagai pembangun aplikasi MySejahtera pada bulan Mac 2020 didapati adalah tidak teratur serta tidak berlandaskan prosedur/tatacara perolehan Kerajaan. Tiada sebarang minit ataupun dokumen sokongan yang wujud berkenaan dengan pelantikan tersebut. Satu-satunya dokumen adalah NDA yang ditandatangani antara MKN (bagi pihak Kerajaan) dengan KPISoft.
- 7.2 Konsep CSR yang dicadangkan oleh KPISoft (Entomo) telah menyebabkan Kerajaan tidak jelas akan hala tuju sebenar perolehan aplikasi MySejahtera. Kerajaan adalah keliru dari segi pelantikan KPISoft, konsep CSR dan tempohnya serta pemilikan aplikasi MySejahtera.
- 7.3 Konsep CSR dilihat telah digunakan sebagai mekanisme untuk mendapatkan projek kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya. Tidak ada dokumen yang menyatakan CSR ini adalah bertempoh satu (1) tahun. Kerajaan seolah-olah tidak mempunyai pilihan (*stuck*) dan terpaksa membuat keputusan untuk melantik MySJ Sdn. Bhd. secara rundingan terus. Pembangunan dan penggunaan berterusan aplikasi MySejahtera sepatutnya kekal bersifat CSR.

- 7.4 Syarikat pembangun aplikasi MySejahtera pernah mencadangkan agar aplikasi ini dikomersialkan. Ini menunjukkan potensi aplikasi MySejahtera sebagai satu (1) aplikasi nasional yang amat bernilai. Keputusan Kerajaan menolak cadangan tersebut adalah wajar demi memastikan keselamatan data peribadi pengguna aplikasi dilindungi.
- 7.5 MOF telah menetapkan harga siling sebanyak RM196 juta untuk perolehan MySejahtera bagi tempoh dua (2) tahun (RM98 juta setahun). Amaun ini adalah tinggi dan bercanggah dengan konsep CSR.
- 7.6 Pihak Kerajaan telah memberikan jaminan bahawa data dalam aplikasi MySejahtera adalah selamat dan tidak akan disalahguna. Kerajaan menegaskan ia adalah pemilik aplikasi MySejahtera, namun syarikat pembangun aplikasi MySejahtera iaitu KPISoft (Entomo) telah didapati membuat perakuan bahawa ia pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera. Keputusan Jemaah Menteri yang merujuk supaya pihak Kerajaan mengambil alih pemilikan aplikasi MySejahtera daripada pembangun aplikasi menunjukkan aplikasi tersebut secara prinsipnya masih dimiliki oleh pembangun aplikasi.
- 7.7 Setakat April 2022, Kerajaan didapati masih belum mendaftarkan harta intelek (IP) bagi aplikasi MySejahtera di MyIPO yang boleh menyebabkan aplikasi ini dituntut pemilikannya oleh pembangun aplikasi.

7.8 Pengambilalihan pembangunan dan pengoperasian aplikasi MySejahtera boleh dilaksanakan oleh MAMPU yang mempunyai kepakaran dan keupayaan sebagai satu Jabatan Teknikal ICT Kerajaan.

8 SYOR PAC PARLIMEN


Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 8.1 Kerajaan perlu menyemak semula kewajaran pemberian kontrak aplikasi MySejahtera secara rundingan terus yang dibuat melalui Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 26 November 2021. Kerajaan harus mengambilalih keseluruhan aplikasi berkenaan melalui MAMPU.
- 8.2 Kerajaan perlu mengambil pendekatan yang lebih *prudent* dalam segala proses perolehan. Segala tawaran melalui CSR adalah dialu-alukan. Bagaimanapun, terma-terma berkenaan dengan tawaran CSR harus dinyatakan dengan jelas dan tidak boleh dijadikan sebagai jalan alternatif untuk rundingan terus. Garis panduan hendaklah diwujudkan untuk tadbir urus tawaran CSR.
- 8.3 Kerajaan harus memastikan pemilikan penuh Kerajaan dalam aplikasi MySejahtera. Kerajaan perlu menjamin keselamatan data


peribadi pengguna dalam aplikasi MySejahtera dan memastikan data berkenaan tidak disalahguna oleh mana-mana pihak.

- 8.4 Kerajaan perlu meneruskan usaha untuk menjadikan aplikasi MySejahtera sebagai alat pengurusan kesihatan awam negara selaras dengan pelan pendigitalan perkhidmatan kesihatan.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN




GLOSARI




GLOSARI

AGC	Jabatan Peguam Negara
AI	<i>Artificial Intelligence</i>
CEO	<i>Chief Executive Officer</i>
CPRC	<i>Crisis Preparedness and Response Centre</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
EPU	Unit Perancang Ekonomi
EU	<i>European Union</i>
IP	<i>Intellectual Property</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KE	Ketua Eksekutif
KP	Ketua Pengarah
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
K-KOMM	Kementerian Komunikasi dan Multimedia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KSU	Ketua Setiausaha
KSUKP	Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MJM	Memorandum Jemaah Menteri
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MOF	Kementerian Kewangan
MOSTI	Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi

NACSA	Agensi Keselamatan Siber Negara
NDA	<i>Non-Disclosure Agreement</i>
OEM	<i>Original Equipment Manufacturer</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PDSA	Pusat Data Sektor Awam
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PM	Peraturan Mesyuarat
PPP	<i>Public Private Partnership</i>
PPPD	Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital
PUI	<i>Person Under Investigation</i>
PUS	<i>Person Under Surveillance</i>
RM	Ringgit Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPV	<i>Special Purpose Vehicle</i>
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
YAB	Yang Amat Berhormat
YB	Yang Berhormat
YBhg	Yang Berbahagia



**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**



LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(A) TAHUN 2022
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>14.04.2022 (Khamis)</p> <p>10.00 pagi</p>	<p>Prosiding Bil. 1(a) Tahun 2022: "Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri"</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia:</p> <p>(i) YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri;</p> <p>(ii) YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan;</p> <p>(iii) YBhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff, Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia:</p> <p>(i) YB Tuan Khairy Jamaluddin, Menteri;</p> <p>(ii) YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh, Ketua Setiausaha</p>

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
BIL. 1(B) TAHUN 2022
BERTEMPAT DI BILIK JAWATANKUASA 1
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>21.04.2022 (Khamis)</p> <p>10.00 pagi</p>	<p>Prosiding Bil. 1(b) Tahun 2022: "Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri"</p>	<p>Jabatan Perdana Menteri: (i) YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan)</p> <p>Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU): (i) YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah</p> <p>Majlis Keselamatan Negara (MKN): (i) YBhg. Datuk Hj. Rodzi bin Md. Saad, Ketua Pengarah</p> <p>Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA): (i) Yang Berusaha Encik Rahamzan bin Hashim, Ketua Eksekutif</p>



**LAPORAN PROSIDING
(HANSARD)**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Bil.1(a)/2022

Selasa, 14 April 2022

**MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding:
Pembangunan dan Perolehan
Aplikasi MySejahtera**

- 1. Kementerian Kesihatan Malaysia**
- 2. Kementerian Kewangan**

**PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

KHAMIS, 14 APRIL 2022

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidhanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Puan Zarinah binti Mat Jailaini [Peguam Kanan Persekutuan]

Smbg/-

HADIR BERSAMA (smbg/-)

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Syaifena binti Zainuddin [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas (ULKAN & OK))]

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas (ULKAN & OK))]

Kementerian Kewangan

YBhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Encik Wan Ahmad Zukri bin Wan Zakaria [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Pegawai Setiausaha Kanan (PKP)(Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Jabatan Audit Negara Malaysia

YBrs. Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit]

YBrs. Dr. Zaharuddin bin Zainal Abidin [Timbalan Pengarah Audit]

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Pengarah]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Mohamad Khairol bin Mohamad [Pegawai Siasatan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM)]

Unit Perancangan Ekonomi

YBrs. Dr. Mohd Shaharin bin Umar [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Sosial)]

SAKSI**Kementerian Kesihatan Malaysia**

YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Menteri Kesihatan]

YBhg. Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh [Ketua Setiausaha]

Encik Mohd Fauzee bin Abd Majid [Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan dan Penswastaaan)]

Puan Ungku Mariam binti Ungku Mohd Zakaria [Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan) (Bahagian Perolehan dan Penswastaaan)]

YBrs. Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit]

Encik Mohamed Azmadi bin Mohamed Samsuddin [Pegawai Tugas-tugas Khas Menteri Kesihatan]

Encik Noor Azhar bin Mistar [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Kewangan)]

Puan Siti Afeefah binti Mohammad Zaki [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kewangan)]

Puan Wong Shu En [Pejabat Penasihat Undang-undang]

Kementerian Kewangan

YB. Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]

YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin@Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Khamis, 14 April 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.04 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: *So, I would like to call the meeting to order.* Salam sejahtera, selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Panglima Hajah Azizah binti Mohd Dun, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara PAC Parlimen Ke-14. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Selamat datang juga saya ucapkan kepada kesemua ex-officio Parlimen yang terdiri dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Unit Perancang Ekonomi.

Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, pada pagi ini PAC akan mengadakan prosiding baharu di bawah tajuk Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Jabatan Perdana Menteri. Tajuk ini dipilih oleh PAC memandangkan isu ini adalah berkepentingan ramai dan ia menjadi perdebatan di kalangan rakyat selepas jawatankuasa ini membentangkan laporan tindakan susulan perolehan vaksin COVID-19 dan penggunaannya terhadap rakyat Malaysia pada 24 Mac 2022 yang lalu. Punca kuasa yang digunakan adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d), 77(5) dan juga seksyen 3 Perkara 11(b) Pekeliling Am No.2 Tahun 1982.

Hadir di hadapan PAC pada hari ini adalah Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz dan Yang Berhormat Khairy Jamaluddin. Hadir bersama saksi pada hari ini dari MOF adalah Yang Berbahagia Datuk Seri Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Yang Berbahagia Datin Rosni binti Mohd Yusoff, Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan MOF, manakala bagi KKM yang hadir bersama adalah Yang Berbahagia Datuk Harjeet Singh a/l Hardev Singh, KSU KKM. Terima kasih kepada semua terutamanya kedua-dua Yang Berhormat Menteri kerana hadir pada prosiding

pada pagi ini. Pihak PAC telah juga menetapkan satu lagi prosiding pada 21 April 2022 bersama dengan Majlis Keselamatan Negara, Unit MAMPU dan juga *National Cyber Security Agency* (NACSA) di bawah JPM.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, sebelum saya memulakan mesyuarat, mungkin saya ingin membawa perhatian saksi-saksi dan ahli-ahli semua bahawa isu berkenaan dengan pembangunan MySejahtera ini telah pun dibangkitkan dalam laporan PAC berkenaan dengan perolehan vaksin COVID-19 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2021.

Antaranya Rumusan 6.8 menyatakan bahawa *“PAC mengambil maklum jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Parlimen bahawa kerajaan akan mula membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera mulai April 2021. Walaupun pada asalnya aplikasi MySejahtera adalah dibangunkan secara corporate social responsibility (CSR), PAC berpandangan konsep CSR telah digunakan sebagai satu mekanisme untuk mendapatkan projek kerajaan tanpa melalui prosedur perolehan yang sepatutnya”*. Itu adalah rumusan dan syor PAC adalah 7.5; *“Kerajaan tidak harus membuat bayaran untuk penggunaan aplikasi MySejahtera kerana pembangunannya adalah bersifat CSR. Kerajaan hendaklah mengambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera tanpa melibatkan apa-apa kos dan bahan memandangkan ia telah menjadi sebahagian daripada sistem kesihatan negara”*. Saya percaya Yang Berhormat Menteri dan juga saksi-saksi telah mengambil maklum berkenaan dengan keterangan yang diberikan khasnya oleh pegawai MOF pada prosiding tindakan susulan bagi laporan PAC tersebut.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, saya juga dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa beliau perlu hadir ke satu mesyuarat bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Putrajaya sebelah tengah hari, jadi saya akan memulakan sesi prosiding ini dengan penjelasan dan keterangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan terlebih dahulu dan selepas selesai, beliau dibenarkan meninggalkan mesyuarat dan Yang Berbahagia Datuk Seri KSP akan mengambil tempat beliau di meja saksi utama. Ingatan untuk semua adalah selepas prosiding pada hari ini, seperti yang saya katakan tadi, kita akan mengadakan satu prosiding lagi pada 21 April 2022 dan sekiranya perlu, pada bila-bila masa, pihak PAC akan memanggil semula sesiapa saksi yang pernah hadir ke PAC ini untuk memberikan keterangan lanjut sekiranya perlu. So, harap maklum ya.

Jadi tanpa melengahkan masa, saya dengan ini mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memulakan pembentangan daripada MOF. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Kewangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya kalau boleh hendak buat cadangan supaya Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada pembentangan yang akan mengambil masa hanya 10 minit dan selepas itu *at least it will give you the background* sedikit dan selepas itu saya akan memberi pencerahan mengenai aspek perolehan. Kalau boleh Yang Berhormat Pengerusi?

■1010

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Menteri Kesihatan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam Keluarga Malaysia. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Pengerusi; seterusnya Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul, Menteri Kewangan Malaysia; dan seterusnya pegawai-pegawai kanan.

Izinkan saya bentangkan sedikit taklimat untuk menjadi *background* kepada perbincangan kita pada hari ini. Mohon *share slide*. Terima kasih. Jadi Yang Berhormat, saya akan memberi latar belakang dan juga berkenaan dengan pasukan bertugas yang terlibat dalam penilaian MySejahtera dan penggunaan MySejahtera setakat ini dan status terkini MySejahtera. *Next*.

Seperti mana yang kita sedia maklum kes COVID-19 yang pertama pada 25 Januari 2020, PKP telah diumumkan pada 18 Mac 2020 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu Yang Berhormat Pagoh, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin. *Next*. Perintah Kawalan Pergerakan adalah di bawah Majlis Keselamatan Negara ini untuk memberi konteks kepada pelantikan syarikat oleh siapa dan juga penyelarasan awal aplikasi MySejahtera.

Maka apabila Perintah Kawalan Pergerakan di terajui oleh Majlis Keselamatan Negara di bawah punca kuasa Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) dan juga Akta 342, maka ada keperluan pada waktu itu untuk MKN menguruskan pandemik COVID-19 termasuk juga menerajui pembangunan aplikasi yang boleh membantu. Oleh kerana pada awal pandemik kita dapat maklumat daripada negara-negara lain tentang penggunaan aplikasi yang boleh membantu untuk menguruskan pandemik. *Next*.

Maka pada waktu itu MKN telah mengesyorkan kepada kerajaan bahawa satu aplikasi digital diperlukan dengan tujuan membantu dalam pengurusan

pandemik dengan berkesan. *Next.* Keperluan mendapat aplikasi digital bagi pengurusan COVID-19. KKM telah mendapatkan khidmat nasihat daripada MAMPU untuk melaksanakan penilaian kepada aplikasi mudah alih untuk disesuaikan bagi tujuan pemantauan dan pengawalan COVID-19. KKM pada waktu itu adalah ahli pasukan projek (*project member*) dan juga *end user* bersama dengan MAMPU dan MKN. Kita terlibat dalam perancangan strategik dan penentu kepada pembangunan modul dan kegunaan aplikasi. *Next.*

Pada waktu itu MKN telah minta supaya cadangan-cadangan dihantar kepada MKN dan telah diterima daripada pelbagai syarikat. Cadangan sistem, sistem yang sudah siap dibangunkan dan juga pembangunan sistem baru. Jadi mereka yang telah menghantar *proposal* kepada MKN ada yang ada sistem yang sudah atau siap *ready to use* dengan izin. Ada juga yang telah mencadangkan supaya satu sistem baharu dibangunkan. *Next.* Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital COVID-19 telah pun ditubuhkan. Pengerusinya adalah MKN dan MAMPU. Ahli-ahlinya adalah *National Cyber Security Agency* (NACSA), Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Platform penubuhan ini adalah:

- (i) platform tadbir urus penggunaan teknologi digital pengurusan COVID-19;
- (ii) menerima tanggungjawab dan mandat dalam mesyuarat KSU dan Ketua Perkhidmatan Khas Perancangan Strategik pada 23 Mac; dan
- (iii) menilai cadangan yang diterima daripada pelbagai syarikat berkaitan teknologi dalam pelbagai aspek untuk menangani pandemik COVID-19.

Maka PPPD telah memutuskan bahawa aplikasi yang dicadangkan oleh KPISoft merupakan penyelesaian yang terbaik selaras dengan keperluan ketika itu. Antara kriteria pemilihan adalah:

- (i) sistem itu sudah *ready* ataupun tersedia, tak perlu dibangunkan;
- (ii) boleh *go live* ataupun boleh diguna pakai dalam tempoh dua minggu;
- (iii) ditawarkan secara CSR untuk tempoh satu tahun; dan
- (iv) berdasarkan kepada rekod prestasi kerja-kerja yang lepas oleh KPISoft yang telah membangunkan sistem kecerdasan

buatan untuk beberapa syarikat kewangan, insurans dan juga perkhidmatan pengurusan kepada Kerajaan Dubai iaitu *Smart Dubai Government*.

Jadi, dengan itu maka dilancarkan MySejahtera pada 20 April 2020. Pada waktu itu Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, hanya terdapat tiga modul sahaja. Tiga modul ini adalah:

- (i) penilaian sendiri;
- (ii) pengesanan kontak; dan
- (iii) penyampaian maklumat sahih kepada masyarakat.

Yang Berhormat, mungkin ramai yang sudah lupa tentang versi awal MySejahtera. Versi awal MySejahtera dia tak ada modul-modul yang kita ada pada hari ini seperti pengimbasan kod QR vaksinasi, *Home Assessment Tool* dan sebagainya. Dia hanya tiga sahaja.

Pertama, penilaian sendiri. Ini adalah *survey* yang perlu dijawab oleh pengguna MySejahtera tentang status kesihatan mereka. Sama ada mereka ada gejala, mereka telah pergi ke tempat-tempat yang ada *crowd* yang ramai dan sebagainya. Kita juga minta supaya mereka senaraikan pengesanan kontak-kontak rapat yang mereka telah ada kontak dalam tempoh waktu terdekat. Tidak ada *automated contact tracing*. *Just to list down close contacts*.

Ketiga, penyampaian maklumat sahih kerana pada waktu itu kita kena ada *single source of information*. Jadi kita telah bangunkan MySejahtera untuk menyampaikan maklumat yang sahih tentang gejala, tentang apa yang kita tahu tentang virus SARS-CoV-2 pada waktu itu.

Anggaran pengguna pada waktu itu hanya 200,000 orang sebab pada April 2020, kita tidak jangkakan bahawa ini akan menjadi satu pandemik yang akan merebak di seluruh dunia dan juga di seluruh negara yang melibatkan lebih daripada tiga juta kes kumulatif sekarang. Jadi kita rasa bahawa pada waktu itu penilaian yang telah dibuat oleh mereka yang bertanggungjawab kata anggaran pengguna mungkin 200,000 untuk tempoh jangka masa pendek. Namun demikian, seperti mana yang kita sedia maklum pandemik ini adalah bersifat dinamik. Kita tak tahu bahawa *the spread of the pandemic, the transmissibility and of course, subsequence variants requirement for vaccination* dengan izin. Jadi bilangan pengguna juga bertambah dan kerajaan telah memutuskan tambahan modul baharu melibatkan fungsi yang lebih kompleks serta melibatkan penggunaan yang lebih meluas.

Jadi dia mula dengan tiga modul ini Yang Berhormat tetapi dalam tempoh dua tahun, kita telah bangunkan tak kurang daripada 15 modul dan ini telah dibangunkan oleh kerajaan bersama dengan syarikat KPISoft

untuk ditambah kepada modul yang sedia ada, *original module*. So antara lain:

- (i) penilaian sendiri telah di naik taraf dengan pelbagai soalan dan juga pelbagai *Artificial Intelligence (AI)* yang boleh kesan tentang kedudukan kesihatan seorang individu;
- (ii) carian pengesanan titik panas *hotspot* yang digunakan pada awal pandemik;
- (iii) *of course* statistik;
- (iv) daftar masuk, ini adalah *QR code registration*;
- (v) modul vaksinasi;
- (vi) sistem tempahan vaksinasi yang kita gunakan untuk PICKids ataupun vaksinasi kanak-kanak yang boleh buat *appointment*;
- (vii) modul pengembara yang sedang digunakan sekarang iaitu siapa-siapa yang masuk ke Malaysia sama ada rakyat Malaysia yang pulang mahupun pengembara dari luar, mesti dapat *travel card* yang mengesahkan status vaksinasi mereka;
- (viii) laporan ujian sendiri. Sekarang ini kalau positif setiap hari dua kali kena mengisi *Health Assessment Tools* untuk kita memastikan bahawa tidak ada kemerosotan;
- (ix) MySejahtera *Trace* yang dibangunkan oleh MIMOS di bawah MOSTI. *Bluetooth notification system for close contact* yang telah di-*integrate* ke dalam MySejahtera;
- (x) pengesanan kontak yang dilaksanakan secara automatik. Sekarang ini jadi siapa-siapa yang ada kontak rapat ataupun kontak kasual akan dimaklumkan melalui MySejahtera;
- (xi) pengurusan tanggungan. *This is dependent feature* sama ada kanak-kanak ataupun ibu bapa yang tak ada *smartphone*, kita ada *dependent feature*;
- (xii) API Sistem Pengurusan Vaksin ini adalah berkenaan dengan sistem API yang kita bangkitkan untuk *Vaccine Management System (VMS)* yang melihat kepada vaksin yang telah digunakan untuk setiap orang yang penerima vaksin;
- (xiii) Surveillance; dan

(xiv) notifikasi laporan makmal ujian COVID-19.

■1020

So, sekarang ini kita di bawah MySejahtera, kita boleh melaporkan *test* positif dan negatif sama ada melalui makmal ataupun melalui *test* sendiri dan 15 buah modul kuarantin. Jadi, kuarantin *Home Surveillance Order (HSO)* diberikan kepada sesiapa melalui MySejahtera. Slaid ini penting Yang Berhormat, [Merujuk kepada *pembentangan slaid*] kerana slaid ini menunjukkan bahawa sebenarnya tidak ada aplikasi *like for like* dengan MySejahtera. Ada yang buat perbandingan dengan *Trace Together*, ada buat perbandingan dengan aplikasi lain. Akan tetapi kalau kita *list down module* dan ciri-ciri yang ada dalam MySejahtera berbanding dengan aplikasi-aplikasi yang lain, aplikasi yang paling menghampiri MySejahtera satu saja iaitu NHS App, UK.

Jadi, kalau kita hendak buat perbandingan *like for like*, kita kena tengok daripada semua modul, ciri-ciri dan kegunaan ataupun *use case* di bawah MySejahtera. Ini ialah penggunaan MySejahtera Yang Berhormat, mungkin orang ramai hanya melihat kepada angka 38 juta- dimuat turun sebanyak 38 juta orang pengguna di pelbagai platform mudah alih. Akan tetapi saya ingin maklumkan bahawa antara lain, contoh 17 juta arahan pengasingan dan pemantauan secara *virtual, 17 million HSO, virtual HSO (Home Surveillance Order)*. So, dalam kita masuk ke era peralihan dan juga sebelum ini juga sebab apabila kita dapati pada gelombang Delta, terlalu ramai yang datang secara fizikal ke *COVID-19 Assessment Centre*. Kita bangunkan digital *virtual COVID-19 Assessment Centre (CAC)* dan juga digital HSO. Tidak perlu datang. Selagi mereka mengisi *health assessment tool* mereka, kita dapati bahawa mereka *low risks*, CAT1, CAT2A, mereka akan diberikan HSO dan kita akan *monitor* di rumah.

Sebanyak dua bilion pelaporan penilaian sendiri secara digital melalui *home assessment*. *About two billion home assessment tools that the form– If any of you have been COVID-19 positive, every day we asked you to fill that form twice. So, that form is designed to see if there is any deterioration in your symptoms*. Kalau ada kemerosotan daripada segi gejala, kita akan minta supaya pesakit COVID-19 itu datang secara fizikal ke PKD untuk kita memberikan rawatan dan hantar ke hospital ataupun ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC). Jadi, ini telah banyak membantu daripada segi kita kesan mereka yang merosot untuk kita pastikan bahawa mereka tidak meninggal dunia dan juga mereka mendapat rawatan yang terbaik.

Sebanyak *13 billion check-in* premis yang telah direkodkan dan saya pun ada pandangan yang mengatakan bahawa *check-in* premis ini tidak ada apa-apa tujuannya dan sebagainya. Saya ingin maklumkan bahawa, selama ini kita keluarkan kontak kasual (*casual contact*) *notice* kepada mereka yang berada di tempat yang sama dengan kes positif pada waktu yang sama. Kita akan hantar notifikasi *contact casual*. Bukan *close contact*, *contact casual* supaya mereka boleh *check* gejala mereka dan boleh *test* sendiri kalau mereka hendak buat dan sebagainya.

Saya ingin maklumkan bahawa *we have about 1.67 million, casual contacts about 47 million, but 1.67 million casual contacts* yang dikesan melalui imbasan kod MySejahtera yang *test* mereka. Pada kemuncak Omicron, sebanyak 45 peratus daripada *casual contacts* yang dihantar melalui MySejahtera ini adalah positif. *About 45 percent positivity rate*. Jadi, MySejahtera ini ia lebih daripada apa yang dilihat oleh rakyat. Terpaksa hendak *check-in*, susah payah hendak *check-in* dan sebagainya tetapi sebenarnya kita menggunakan data tersebut untuk menghantar notifikasi tertentu membantu rakyat supaya mereka boleh *check* gejala mereka. *About 45 percent positivity rates which resulted in us being able to give Home Surveillance Order isolation* kepada 45 peratus daripada positif. Selain daripada itu, sebanyak 80 juta keputusan ujian COVID-19 telah dimuat naik melalui fungsi ini dan 7.1 juta orang pengguna aktif MySejahtera Trace, *it is a bluetooth proximity notification system*.
Next.

Negara yang mengiktiraf Sijil MySejahtera baru-baru ini iaitu *European Union* telah terima MySejahtera dan juga vaksin *certification* kita ke dalam *European Union Digital COVID-19 Certificate*. Ini bukanlah sesuatu yang senang sebab ia perlu dapat verifikasi dan juga kesahihan *certificate* kita yang dibangunkan atas *technology blockchain*. Sebuah syarikat *analytic*, App Annie telah menyenaraikan MySejahtera sebagai antara aplikasi yang baik di dunia dan juga *EU Digital COVID-19 Certificate* yang saya sebutkan tadi. Mengapakah aplikasi MySejahtera masih diperlukan? Ini konteks *why* kita masih memerlukan penggunaan MySejahtera. Pertama, sudah pasti adalah vaksin, maklumat vaksinasi, jenis vaksin dan juga sijil vaksinasi digital yang dibangunkan atas *blockchain* oleh MIMOS. Kedua, *home assessment test* ataupun *tool*, borang yang telah diisi oleh mereka yang positif, Perintah Kawalan Kendiri (HSO) dan juga model pengembara. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, semua pengembara memerlukan *Travel Card (TC)*.
Next.

Okey Yang Berhormat, kita pergi kepada isu-isu yang dibangkitkan dalam prosiding sebelum ini dan juga yang sedang hangat dibincangkan oleh masyarakat umum. Pertamanya, pemilikan MySejahtera. Sebelum pelancaran aplikasi

MySejahtera, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi pihak kerajaan telah memeterai satu Perjanjian Ketidakdedahan (*Non-Disclosure Agreement*) dengan KPISoft pada 1 April dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Antara terma-terma yang penting yang saya ingin bangkitkan hari ini ialah hakmilik setiap data dan maklumat yang diperolehi menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera ialah hakmilik penuh dan mutlak kerajaan sehingga satu kontrak baharu dimeterai. Satu kontrak baharu belum lagi dimeterai dan masih lagi dalam rundingan dan akan kita sentuh kemudian.

Kedua, Yang Berhormat kalau kita pergi ke mana-mana gedung aplikasi sama ada gedung Google, Apple, Huawei dan sebagainya, memang jelas di situ bahawa MySejahtera di bawah selalunya adalah pengeluar ataupun pemilik aplikasi tersebut. Di situ, ditulis dengan jelas *Government of Malaysia*. Gedung Google, Apple dan sebagainya, mereka ada syarat-syarat yang ketat dan mereka tidak akan senaraikan mana-mana aplikasi melainkan telah melaksanakan *due diligence* ataupun kajian yang mendalam tentang siapa pembangunnya, siapa pemiliknya dan juga siapa yang bertanggungjawab atas aplikasi tersebut? MySejahtera di semua gedung, ditulis di situ dengan jelas, *Government of Malaysia*.

Next. Tentang penggunaan data MySejahtera. Ada soalan yang menyatakan bahawa data ini boleh digunakan oleh kerajaan dan juga mereka yang mengurus aplikasi, *managed services* iaitu Entomo ataupun KPISoft. Saya ingin nyatakan di sini bahawa penggunaan data MySejahtera tertakluk kepada undang-undang. Pertamanya, Akta 342 dan juga Akta Perubatan. Kedua, data tersimpan dalam pangkalan data adalah terpelihara dan data hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta aplikasi sokongan yang berkaitan dengan pandemik sahaja.

KKM telah memastikan bahawa data ini tidak boleh digunakan untuk tujuan apa-apa melainkan tujuan pandemik COVID-19. Akan tetapi ini bukan saja cakap sahaja, saya hendak rujuk, *next*. [*Merujuk kepada pembentangan slaid*] Ini boleh disahkan dalam keterangan daripada pihak MAMPU dan NACSA pada sesi yang akan datang. MAMPU dan NACSA menjalankan ujian bagi memastikan aplikasi ini selamat melalui *penetration* dan *vulnerability test* sebelum dilancarkan. NACSA melalui *National Cyber Coordination and Command Centre*, memantau keselamatan aplikasi MySejahtera secara berterusan dan membantu dalam mengenal pasti tindakan pemulihan yang perlu dilaksanakan kalau sekiranya ada sebarang kerentanan (*vulnerability*). NACSA seterusnya melaksanakan semakan bagi

mengesahkan tiada tindakan pemulihan yang telah dilaksanakan. Satu perkara lagi yang boleh disahkan dengan NACSA kemudian, memang ada *audit trail* kepada sesiapa yang akses kepada data tersebut.

Jadi, sesiapa yang masuk kepada pangkalan data dalam server kita, memang ada *audit trail* sesiapa yang *log-in* dan sebagainya. Kita sentiasa melihat kepada *audit trail* untuk memastikan hanya mereka yang ada kebenaran dapat akses kepada data tersebut. Ini memastikan bahawa tidak ada pencerobohan dan tidak ada ketirisan data. Data MySejahtera tidak boleh dikongsi oleh KKM dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta. Yang Berhormat, banyak agensi kerajaan minta data MySejahtera daripada Kementerian Kesihatan, pihak NACSA tetapi kita tidak beri. Ini disebabkan ia hanya untuk kegunaan kesihatan sahaja, pandemik sahaja. Pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara dan hanya boleh digunakan untuk pandemik sahaja. Penyimpanan data MySejahtera Yang Berhormat, ada tuduhan yang mengatakan bahawa ia berpangkalan di luar negara.

■1030

Namun demikian, saya ingin maklumkan bahawa data MySejahtera disimpan menggunakan perkhidmatan awan Alibaba yang server nya berpangkalan di AIMS Data Centre di Kuala Lumpur yang berpangkalan di sini. *The data is on shore. Next.* Pengurusan aplikasi MySejahtera secara CSR. Tempoh CSR tamat pada 31 Mac 2021. Kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat sepanjang tempoh CSR, malah kerajaan selain daripada *third party services* yang saya telah memberi keterangan terdahulu sewaktu saya datang ke sini iaitu Google API dan SMS *services*. Selain daripada pembayaran itu yang *third party* yang bukan dibayar khusus kepada Entomo ataupun KPI Soft, kita tidak pernah membayar apa-apa kepada pihak Entomo mahupun KPI Soft mahupun MYSJ setakat ini *even past the CSR period*.

Tamat tempoh CSR, Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera diteruskan kerana keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya. Pada waktu itu, kita bersetuju bahawa MySejahtera *had performed over the last one year, more features were added on MySejahtera*. Oleh yang demikian, kita setuju bahawa perkhidmatan MySejahtera diteruskan.

Selepas 31 Mac, pelbagai sesi rundingan telah pun diadakan antara MAMPU dan juga MySejahtera dan perkara ini boleh dirujuk kepada MAMPU dalam keterangan mereka nanti. Selepas rundingan antara MAMPU dengan MySejahtera dan saya dilantik sebagai Menteri Kesihatan pada Ogos 2021, saya minta supaya

disegerakan satu perjanjian antara MySejahtera dan kerajaan selama dua tahun, *next*.

Maka, satu memorandum Jemaah Menteri pada waktu itu 26 November 2021 masih lagi dibawa oleh Menteri Tugas-tugas Khas kerana *jurisdiction* MySejahtera masih berada di bawah MKN MAMPU yang diwakili oleh Menteri Tugas-tugas Khas di dalam Jemaah Menteri dan memorandum Jemaah Menteri pada 26 November telah memutuskan supaya perkhidmatan MySejahtera diperoleh dari sudut *manage services* ataupun perkhidmatan yang diurus dengan syarikat yang mengendalikannya selama dua tahun dan supaya pemilikan MySejahtera dari segi pemilikan aplikasi secara total dan juga dari segi *jurisdiction* nya dipindahkan daripada MKN kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada 28 Februari, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan KKM untuk melaksanakan perolehan rundingan terus bersama dengan syarikat tersebut dan sekarang ini, kita sedang melaksanakan beberapa *due diligence* untuk memastikan kepentingan kerajaan terpelihara termasuklah semua komen yang kita dengar daripada rakan-rakan Ahli Parlimen dan sebagainya dan itu akan dimasukkan ke dalam perjanjian rundingan perjanjian kita. Ringkas sahaja, saya ada beberapa *slide* lagi supaya kita bagi peluang kepada Menteri Kewangan untuk juga menjawab.

Saya ingin maklumkan bahawa – ini sepintas lalu, Menteri Kewangan mungkin akan juga menyebut perkara ini. Surat 28 Februari untuk meluluskan perolehan secara rundingan terus daripada Perbendaharaan tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat.

Pertama, bahawa KKM berpuas hati terdapat kewujudan ikatan yang sah daripada segi undang-undang antara syarikat MySejahtera Sdn Bhd dengan Entomo Malaysia Sdn Bhd selaku pembangun aplikasi MySejahtera. Jadi kita telah menerima dokumen daripada pihak Entomo dan juga daripada pihak MYSJ iaitu OEM *license agreement* dan perkara ini telah pun dihantar kepada Jabatan Peguam Negara sekarang ini untuk mengesahkan bahawa ada ikatan dan juga ada *licenses agreement* antara Entomo juga MySejahtera supaya *counterparty* yang *counterparty* daripada kerajaan adalah sah bahawa ia adalah MySejahtera Sdn Bhd.

Kedua, peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan. Jadi ini lebih kepada peruntukan dan juga *price*. Ketiga, semua peraturan perolehan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Keempat, KKM bersama dengan agensi lain menyemak semula kos sebenar aplikasi MySejahtera berserta kewajaran kos yang terlibat dalam perolehan ini.

Jadi Yang Berhormat tadi sebut bahawa tidak perlu kita bayar apa-apa tetapi kita tahu bahawa dia tamat pada Mac 2021 dan selepas Mac 2021 sehinggalah sekarang ada pelbagai modul yang telah dibangunkan yang perlu dijelaskan dari segi kos pembangunan modul dan juga kos pengurusan perkhidmatan MySejahtera yang telah dibuat oleh syarikat tersebut.

Kelima, harga bagi perolehan secara pakej ini hendaklah dirunding ke paras terendah yang menguntungkan kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan. Jadi ini pun juga syarat daripada KKM. Hasil rundingan harga hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk dimuktamadkan. Jadi saya tidak boleh muktamadkan kena hantar kepada Kementerian Kewangan untuk semak semula sama ada *the government has gotten best value for money based on the services provided over the last - since March 2021 excluding the period of the CSR.*

Ketujuh, KKM hendaklah mewujudkan kontrak berasingan bagi perkhidmatan yakni pembayaran RM10 juta kepada Google API. Google API ini kita gunakan semasa pendaftaran vaksin. Isi alamat terus dia isi tanpa kita isi penuh alamat kita, jalan setia dia akan *finish* setia bestari contohlah. Ini adalah perkhidmatan Google API dan juga SMS yang telah pun kita luluskan pada bulan Februari yang lepas.

Kelapan, KKM perlu memastikan aplikasi dan data MySejahtera adalah milik Kerajaan Malaysia sepenuhnya. *This is the point* Yang Berhormat yang saya hendak *stress* bahawa dalam rundingan kita dengan MySejahtera yang adalah pemegang lesen kepada Entomo bahawa *the Government of Malaysia's irrevocable position is that, of course, data is assured under the MPA but there is no grey area in term of ownership of the application, the ownership of the brand, the ownership of the source code for the modules belong to the Government of Malaysia.*

Kesembilan, KKM perlu memastikan KPI Soft, Entomo dan MySejahtera memberi *undertaking* supaya tidak ada mana-mana pihak yang akan menuntut pemilikan hak cipta pembayaran lain-lain berkaitan pembangunan MySejahtera pada masa depan. *So, this are the stringent condition that has been set by Perbendaharaan that we are finalizing as the end-user now,* KKM bersama dengan syarikat MySejahtera.

Status semasa, KKM telah mengemukakan dokumen kepada AGC seperti mana yang saya sebutkan untuk mengesahkan ikatan lesen, pemegang lesen MySejahtera. KKM bersama dengan MAMPU meneliti semula kewajaran kos terlibat untuk dijadikan asas rundingan harga.

Penutup, KKM memberi jaminan bahawa tiada apa-apa yang hendak disembunyikan dan keputusan untuk mengadakan rundingan ini adalah suatu untuk

memperbetulkan menyelesaikan masalah yang telah timbul. *Just one last word* Yang Berhormat, MySejahtera *has more than 30 million users*. Kita telah menubuhkan satu jawatankuasa tadbir urus untuk hala tuju MySejahtera yang dipengerusikan oleh saya. Kita tubuhkan jawatankuasa ini kerana sayang kalau kita tidak menggunakan aplikasi ini untuk tujuan kesihatan awam yang lain selain daripada COVID-19.

Kita tidak akan ada *once in a generation opportunity where you have a population-wide enrolment into an application of this nature*. Jadi perkara ini akan diperhalusi supaya rakyat memahami bahawa data mereka terpelihara sekiranya kita hendak menggunakan MySejahtera untuk tujuan selain daripada pandemik tetapi masih lagi dalam lingkungan kesihatan awam contohnya *electronic medical record*, janji temu bersama dengan klinik kesihatan dan lain-lain yang boleh kita laksanakan melalui MySejahtera. Jadi, soal kesahihan, kredibiliti, kewajaran untuk kita teruskan MySejahtera sangat penting kepada Kementerian Kesihatan Malaysia hatta saya datang pada hari ini untuk membentangkan dan menjawab apa-apa persoalan yang ada daripada pihak Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya menjemput soalan, mungkin saya memberikan ruang kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyampaikan pembentangan.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ada dua *slide* sahaja. Ini di mana saya akan memberi sedikit pencerahan dari sudut Kementerian Kewangan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada PAC atas jemputan untuk memberikan penjelasan.

Untuk makluman semua sesi pembentangan pada pagi ini untuk Kementerian Kewangan akan difokuskan kepada permohonan-permohonan berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera yang diterima dan juga diproses oleh Kementerian Kewangan. *This slide* untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, MOF telah menerima dua permohonan berkaitan perolehan aplikasi MySejahtera seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat KJ tadi. Pertama, permohonan daripada MKN. Ini untuk mendapatkan kelulusan khas pembayaran luar kontrak. *This is the Google that KJ mentioned* dan juga SMS lah. *That one* permohonan tersebut telah diluluskan oleh MOF melalui surat bertarikh 26 November.

Permohonan kedua yang diterima oleh MOF adalah daripada KKM bertarikh 27 Disember 2021.

■1040

Ini sebenarnya susulan daripada keputusan Kabinet yang disebut oleh Yang Berhormat KJ tadi, 26 November yang antara lain bersetuju supaya MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan MySJ Sdn. Bhd.– Ini untuk kontrak dua tahun. KKM dilantik sebagai pemilik aplikasi *which is what* Yang Berhormat KJ *has said just now*. Ini peruntukan yang diluluskan tetapi *of course* ini tertakluk kepada keputusan-keputusan seperti berikut.

Pertamanya yang disebut oleh Yang Berhormat KJ, KKM berpuas hati terhadap kewujudan ikatan yang sah daripada segi undang-undang antara syarat syarikat MySJ dan Entomo Malaysia selaku pembangunan aplikasi MySejahtera. Peruntukan ini yang diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini. Semua peraturan perolehan dan aturcara kewangan yang berkuatkasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya. KKM bersama-sama agensi lain yang berkaitan hendaklah menyemak semula kos sebenar aplikasi MySejahtera berserta kewajaran kos-kos yang terlibat dalam perolehan ini. Kos perolehan yang telah disemak hendaklah dijadikan asas pertimbangan dalam proses rundingan harga yang akan dilaksanakan.

Kelimanya harga bagi perolehan secara pakej ini hendaklah dirunding ke paras terendah yang memperuntukkan *in accordance with the* Pekeliling Perbendaharaan. As Yang Berhormat KJ *mentioned that the final* hasil rundingan ini mesti dimuktamadkan oleh MOF. KKM juga hendaklah mewujudkan kontrak berasingan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga.

KKM perlu memastikan aplikasi dan data MySejahtera adalah milik kerajaan sepenuhnya. Itulah *condition* daripada Kementerian Kewangan juga. KKM juga hendaklah memastikan KPISoft, Entomo dan MySJ memberi surat jaminan *undertakings* supaya tidak ada mana-mana pihak yang akan menuntut pemilikan, hak cipta, pembayaran dan lain-lain.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, berdasarkan pembentangan saya tadi, saya ingin memberikan penjelasan bahawa pertimbangan MOF melalui surat bertarikh 24 Februari 2022 adalah berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 November 2021. Syarat-syarat yang ditetapkan MOF kepada KKM juga adalah untuk memastikan kepentingan kerajaan terpelihara dan terjamin.

Tuan Pengerusi, *that is all from me on the sudut of procurement*, daripada segi perolehan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas pembentangan kedua-dua *set of slides* kepada pihak PAC. Sebelum saya menjemput soalan-soalan yang hendak ditanya kepada pihak saksi, boleh tidak kita balik kepada MK punya slaid? Mungkin kita fokuskan kepada Yang Berhormat MK dahulu. MK punya slaid. Oh, Menteri Kewangan. Maaf. MOF.

Slaid MOF tadi. Okey cuma saya hendak tanya di sini. Nombor satu, kita tengok keputusan Kabinet bertarikh 26 November 2021. Ia ada menyatakan bahawa perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus kepada MySJ Sdn. Bhd. untuk kontrak dua tahun. Nombor tiga, peruntukan sebanyak RM196 juta diluluskan di bawah KKM. Saya hendak tanya kepada pihak Menteri Kewangan sama ada RM196 juta ini adalah suatu peruntukan siling yang diluluskan oleh Kabinet. Itu satu.

Nombor dua, jumlah kos ini adalah untuk pembayaran ataupun peruntukan untuk berapa tahun? Itu nombor dua. Nombor tiga berkenaan dengan lantikan secara rundingan terus dengan MySJ Sdn. Bhd., ini merupakan isu yang telah pun kita bangkitkan semasa prosiding tindakan susulan kita. Pihak kami dimaklumkan bahawa dua-dua syarikat ini sama. KPISoft Sdn. Bhd. dengan MySJ Sdn. Bhd. Akan tetapi apabila saya membuat satu carian SSM atas kedua-dua syarikat ini, kedua-dua syarikat ini memang jelas merupakan entiti yang berlainan khususnya daripada segi *directorship* dan juga *shareholding* dia. Memang kita mengambil maklum bahawa salah satu *shareholder* Revolusi Asia Sdn. Bhd. ada hubung kait yang rapat dengan KPISoft Sdn. Bhd. Akan tetapi pada masa yang sama *shareholder* yang lain, pemegang saham yang lain dalam syarikat MySJ termasuk P2 Aset Management, termasuk Hasrat Budi Sdn. Bhd. *All these companies have actually nothing to do* dan tidak ada hubung kait langsung dengan KPISoft.

Apa yang kita dapati adalah memang *I think* sudah menjadi pengetahuan umum bahawa *shareholders* ataupun pemegang-pemegang saham ini mempunyai pertikaian antara sesama mereka kerana terdapat isu berkenaan dengan pertikaian pelantikan *director*, pertikaian berkenaan dengan pembelian saham dan sebagainya. Bagaimana pihak Kabinet membuat keputusan untuk seolah-olah mengambil kedua-dua syarikat ini sebagai syarikat yang sama. Mungkin kita bermula dari situ terlebih dahulu.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya daripada segi kos peruntukan yang telah diberi oleh

Kementerian Kewangan sebanyak RM196 juta hanyalah anggaran. Anggaran itu *of course is the ceiling* juga. Inilah anggaran dan siling yang kita beri kepada KKM.

Akan tetapi seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat KJ dan juga saya tadi, ada beberapa *conditions* yang ketat. Syarat-syarat yang ketat sebelum kita bersetuju supaya harga ini dimuktamadkan. KKM kenalah berpuas hati contohnya terhadap kewujudan ikatan yang sah daripada segi undang-undang antara syarikat MySJ dengan Entomo Malaysia selaku pembangun dan juga semua peraturan perolehan dan tatacara kewangan mestilah berkuat kuasa. Satu lagi syarat yang kita berikan kepada Kementerian Kewangan ialah menyemak semula kos sebenar aplikasi MySJ berserta kewajaran kos-kos yang terlibat dalam perolehan ini. Kos perolehan ini yang telah disemak tadi hendaklah dijadikan asas pertimbangan.

Harga bagi perolehan secara pakej ini *usually you have to* runding ke paras terendah yang menguntungkan kerajaan. *This is also the condition*, salah satu contoh. *So far* pembayaran belum lagi dibuat. Tidak ada pembayaran dibuat kerana perjanjian pun belum lagi dimuktamadkan. KKM masih lagi membuat perundingan dengan pihak aplikasi. Mengenai soalan tadi, mengenai soalan *the final question which is about...*

Tuan Pengerusi: Sebelum kita masuk ke *final question*. RM196 juta ini adalah untuk kontrak dua tahun kah berapa lama?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Untuk dua tahun.

Tuan Pengerusi: Dua tahun?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Yes.

Tuan Pengerusi: *Two years.*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tempoh kontrak dua tahun ya. 1 April 2021 hingga 31 Mac 2023. Mengenai soalan yang terakhir tadi, *of course* MOF juga berpandangan *this is our* ulasan Kementerian Kewangan di Jemaah Menteri di Kabinet. Kita telah membuat ulasan bahawa MOF berpandangan adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan proses perolehan diurus dengan baik bagi mencapai nilai faedah yang terbaik kepada kerajaan. Ini termasuklah memastikan syarikat yang dilantik berdaftar dengan MOF. Tempoh kontrak yang dicadangkan adalah munasabah dan tidak bersifat retrospektif.

Selain itu aplikasi MySejahtera dan data hendaklah menjadi hak milik kerajaan sepenuhnya melalui pentadbiran KKM, manakala syarikat yang dilantik hanya berfungsi sebagai penyelia perkhidmatan bagi penyelenggaraan aplikasi sahaja. MOF juga telah membuat semakan pendaftaran syarikat dengan pihak

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mendapati syarikat MySJ Sdn. Bhd. yang dicadangkan adalah bukan syarikat asal yang membangunkan aplikasi MySejahtera yang ditubuhkan pada 23 September 2020. Syarikat KPISoft merupakan syarikat asal yang membangunkan sistem ini dan telah menukarkan namanya pada 20 Mei 2020. Kini *of course as you know* dikenali sebagai Entomo.

■1050

Sehubungan itu, kita telah meminta Kementerian Kesihatan Malaysia hendaklah memastikan syarikat yang akan dilantik adalah sebenarnya merupakan syarikat asal yang membangunkan aplikasi MySejahtera sebelum sebarang cadangan dan pelantikan syarikat dibuat. Jadi, di sini kita— oleh itu Kementerian Kesihatan Malaysia sedang menjalankan *due diligence* mereka untuk mengenal pasti *who are we signing with. I think the legal side*, AGC pun membuatkan *due diligence* mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Cuma Yang Berhormat Datuk Seri apa yang saya tidak boleh faham adalah apabila Kabinet membuat keputusan pada 26 November— *that was Cabinet decision*. Itu bukan satu keputusan di peringkat jawatankuasa atau mesyuarat biasa. *That is Cabinet decision. How can Cabinet make a decision on 26 November without knowing the actual entity of MySJ Sdn. Bhd., without knowing that MySJ Sdn. Bhd. is actually a separate entity and is actually having different directorship dan shareholding with KPISoft. We cannot be making a decision first, then only we do the due diligence.*

Of course, we can say the decision subject to this and that terms and conditions. Akan tetapi daripada apa yang saya nampak memang *I think Cabinet* hendaklah perlu membuat *due diligence* terlebih dahulu. Kenapa ada satu cadangan tiba-tiba masuk untuk MySJ Sdn. Bhd.. Siapa yang memasukkan nama mereka? *Is it put in by KPISoft or Entomo? So, these are the big questions. Maybe I can seek some clarification from Yang Berhormat.*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Yang Berhormat, kita di Kementerian Kewangan telah memberi penjelasan. *So, we have asked to ensure the sanctity of the contract, to ensure the successful execution of the contract, is the condition precedent that Kementerian Kesihatan Malaysia must make sure that the issue of the shareholder is resolved, right.*

Tuan Pengerusi: So, siapa yang mula-mula cadangkan nama MySJ Sdn. Bhd.?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Majlis Keselamatan Negara, Yang Berhormat. MKN.

Tuan Pengerusi: *Confirm* MKN? So, MKN yang cadang kepada Kementerian Kesihatan Malaysia atau MOF?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Kabinet.

Tuan Pengerusi: So, MKN yang cadang kepada MOF.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Kabinet.

Tuan Pengerusi: Kabinet. Okey, *so this question we will raise it next week* kenapa tiba-tiba wujudnya satu syarikat penama MySJ Sdn. Bhd.. Mungkin saya buka kepada ahli-ahli lain sebelum saya bertanya soalan-soalan lain. Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada slaid yang ada di depan kita ini. Kementerian Kesihatan Malaysia dilantik pemilik aplikasi MySejahtera. Apa implikasi pernyataan ini? Sebagai pemilik itu, adakah memiliki sepanjang masa sampai bila-bila? Walaupun pengendaliannya akan dibuat oleh satu syarikat lain untuk tempoh dua tahun, apakah selepas daripada itu pengendaliannya akan diambil alih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan keupayaan sendiri dan keupayaan kerajaan atau akan kita ada sebut tadi, Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa *apps* ini akan digunakan untuk banyak lagi kegunaan di kementerian.

Jadi, adakah kita akan berterusan mengambil syarikat berkenaan sebagai pengendali ataupun KKM sedia untuk *take over the management, day-to-day management, improvement, addition of module* dan sebagainya?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih. Ini soalan saya boleh jawab *kot* Yang Berhormat. Pertamanya, dari segi Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai pemilik MySejahtera merujuk kepada dua perkara. Pertama adalah pemilik mutlak aplikasi ini. Ini dalam rundingan bersama dengan pihak MySejahtera supaya tidak ada kekeliruan lagi tentang pemilikan IP, pemilikan aplikasi, pemilikan *source code* di belakang pembangunan aplikasi.

Kedua adalah pemilikan dari segi entiti dalam kerajaan yang bertanggungjawab. Oleh sebab seperti mana kronologi saya tadi, dulunya MKN, ia duduk di bawah MKN. Jadi sekarang ini kita dah putuskan bahawa MySejahtera tidak akan digunakan untuk tujuan selain daripada kesihatan. Maka dengan itu lebih baik punca kuasa untuk kementerian yang memiliki aplikasi, dari segi tadbir urus dan sebagainya adalah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Oleh sebab itulah Yang Berhormat, kedua-dua memorandum Jemaah Menteri sebelum dibuat keputusan tersebut, dibawa oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) iaitu Menteri yang menjaga MKN dan bukannya Menteri

Kesihatan. Jadi, dengan pemilikan itu pindahlah kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Maka semua jawapan dekat Parlimen saya kena jawab termasuklah hari ini ya.

Kedua adalah *what happens after*. Saya berpandangan Yang Berhormat, pertamanya saya mempengerusikan Jawatankuasa PEMANDU berkenaan dengan MySejahtera. Kita tengah tentukan *what are the future used of MySejahtera* dengan izin. Macam saya sebutkan tadi adakah kita akan gunakan ini untuk pengurusan NCD, untuk pengurusan-pengurusan kesihatan awam yang lain, apakah modul-modul yang akan dibangunkan. Jadi, rundingan kita dengan pihak MySJ adalah untuk memastikan bahawa tamatnya tempoh bersama dengan MySJ ini kita ada *option* untuk buat tender terbuka kepada sesiapa yang ingin mengendalikan perkhidmatan MySejahtera selepas ini ataupun kita boleh buat sendiri di bawah Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia. Itu kita kena buat penilaian di peringkat *internal* sebab saya tidak pasti sama ada pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Maklumat cukup ataupun tidak dari segi bilangan, dari segi *expertise* untuk mengendalikan aplikasi yang agak kompleks ini ataupun kita hendak minta dibuat tender terbuka mana-mana syarikat akan membuat bidaan untuk menguruskan aplikasi seterusnya. Itu perancangan kita buat masa ini.

Akan tetapi rundingan dengan MySejahtera adalah untuk memastikan sekiranya *after 2023 the end of this contract, if we sign this contract* ada *clean break*, maka kita tidak hendak lantik mereka lagi. Maka aplikasi itu adalah milik Kementerian Kesihatan Malaysia dan kita boleh buat tawaran tender kepada mana-mana pihak untuk membantu menguruskan MySejahtera untuk tujuan-tujuan kesihatan yang lain ataupun kita boleh buat sendiri sekiranya kita ada *expertise* untuk melaksanakannya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, saya ada satu soalan lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Okey, kebiasaannya untuk mana-mana syarikat yang mendapat kontrak daripada kerajaan, so selepas proses perolehan diselesaikan dan sekiranya dalam masa pelaksanaan kontrak, dia ada pertukaran dari segi *structure* dia sama ada dari segi *director* ataupun *shareholder* sekiranya— *if there are any substantial changes in the company*, saya percaya bahawa syarikat tersebut perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada MOF untuk meneruskan supaya perolehan yang didapati itu— projek yang diperolehi itu boleh diteruskan. *So, I believe there is the position.*

So, in this case pada awalnya KPISoft merupakan *developer*. Sekarang, bukan sahaja KPISoft memindah milikan kesemua haknya kepada MySJ Sdn. Bhd.

Dan MySJ Sdn. Bhd. pun adalah jelas merupakan satu entiti yang berlainan seperti yang saya nyatakan tadi. Apakah pendirian MOF di sini sama ada kontrak ataupun apa-apa perolehan yang diluluskan kepada KPISoft tersebut sememangnya boleh dibatalkan tanpa MOF ataupun Kabinet memberikan apa-apa pertimbangan kepada MySJ Sdn. Bhd.. *Because there is a total change of hands in the entity.*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih. Saya mungkin menjemput Datin Rosni. *But just to be clear Tuan Pengerusi, there was no contract. In fact, it has not reached MOF. So, how do we overrule something that has not reached us? It's now at Kementerian Kesihatan Malaysia. In fact, if you look at the slides there, it's clearly stated that we had given our ulasan. That nombor dua itu, semakan MOF mendapati syarikat dicadangkan adalah entiti yang berbeza dengan syarikat pembangunan asal dan Kementerian Kesihatan Malaysia perlu pastikan syarikat ini dilantik merupakan pembangunan sebenar aplikasi. So, it has not got to us— there is no contract in first place to cancel.*

■1100

Secondly, it has not got to us to muktamadkan. So, they are now negotiating at their stage. Once it got to us, obviously if there are changes to directorship or shareholders, we will not approve.

Tuan Pengerusi: *So, meaning that, perolehan yang diluluskan kepada KPISoft itu memang from day 1...*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tidak pernah.

Tuan Pengerusi: *Have not reach MOF at all?*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tidak pernah.

Tuan Pengerusi: Okey, jelas. Datin? Dipersilakan. Sama ya? Okey. *Any other questions* kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Just to be also clear Tuan Pengerusi, the perolehan from day 1 also was not signed by KKM.*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Ya, bukan KKM.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *It was signed by MKN.*

Tuan Pengerusi: MKN. *Yes, clear.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *That was not a contract, that was an NDA. Just to set the record straight.*

Tuan Pengerusi: *Before- I have further questions on the NDA.* Akan tetapi sebelum itu, sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu meninggalkan Mesyuarat, ada soalan lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atau tidak?

Mungkin soalan terakhir daripada Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Sik juga.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Sik. Tanya dua-dua soalan, mungkin jawab sekali lah. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Your* Timbalan ada soalan katanya?

Tuan Pengerusi: Oh ya. Maaf.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Kepada Yang Berhormat Khairy Jamaluddin? *So, later* lah, *afterwards*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tadi Yang Berhormat Menteri Kesihatan kata ada satu perjanjian yang beliau dapat daripada MKN *with regards to the taking over of MySejahtera*— peringkat awal dahulu lah. *Is there a copy of the* perjanjian yang disebut-sebut awal tadi?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The Non-Disclosure Agreement?*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, *non-disclosure*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *You can ask MKN later when they come.*

Tuan Pengerusi: *Do you have a copy here KKM?*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ada? Boleh? Ya, *we can distribute.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey, baik. *My question is, at that point in time, are we aware that the construction of MySejahtera ini is solely and purely for KKM use and not for other industries, other companies to be used? Ertinya, it is something innovative just for that purpose. Thank you.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya Yang Berhormat, sebab ia tertakluk kepada Akta 342 dan *Medical Act*. *So, it is only for health. Yes.*

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, ada soalan untuk saya ke sebelum saya...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sedikit sahaja, ringkas. Kronologi 26 November 2021, nombor 3 – peruntukan sebanyak RM196 juta itu. Mungkin ada perincian di pihak MOF sendiri, bagaimana peruntukan untuk pelaksanaan MySejahtera ini?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Kita tak ada- *You* kena tanya MAMPU. Kita tidak ada perincian kerana MAMPU yang memberi anggaran. Jadi, kita tunggu detil daripada KKM dan bila sampai ke MOF, baru kita akan perincikan. Ini adalah anggaran daripada pihak MAMPU.

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Naib Pengerusi, selepas itu Yang Berhormat Permatang Pauh, kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan juga.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya hendak tanya sini sebab- nombor 3 juga ya. Peruntukan yang disediakan RM196 juta itu, untuk perolehan MySejahtera. Ini sebenarnya hanyalah keputusan yang dibuat tetapi ia adalah berdasarkan syarat-syarat yang dikatakan dahulu dipenuhi. Ertinya, ia belum lagi *final* untuk dibayar?

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Belum. Belum *final*, even di pihak KKM pun belum *final* lagi.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Okey. *Alright, thank you.*

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat Kluang pun ada?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat, disebut di situ 24 Februari akan ada kelulusan bersyarat MOF. Akan tetapi entiti yang dikatakan adalah hanya MySJ Sdn. Bhd. sedangkan menerusi carian yang di umum di peringkat media, ada perjanjian antara Entomo, *public-private partnership* dengan MySJ. Jadi, adakah ini bermaksud, walaupun berlangsung- sudah ada perjanjian awal pada tahun 2020 yang tidak melibatkan kerajaan, saya faham, *different entities*. Akan tetapi MOF merasakan untuk pelaksanaan perolehan secara rundingan terus ini hanya terhad kepada MySJ. *That means, you are convinced* lah *that* MySJ sekarang mempunyai kepakaran yang tertentu, tidak melibatkan langsung Entomo. *Just to hear on record.* Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. *Again, we are still not convinced* sebenarnya. *That is why we have put that conditions for KKM to get clarification on the arrangement, who actually owns what and who are we signing with, especially agreement with third party. So, once KKM has done their due diligence and negotiations, when it gets to us, then we will reassess our position. Because, we do not have clarity and our approval is actually subject to that clarity. Thank you.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih. *Following my query just now, it is accepted that the construction of MySejahtera ini purely by KPISoft or Entomo, for KKM. Macam mana another company boleh acquire this application? Macam mana— boleh ke bagi mana-mana, sesiapa ke, company ke? On their part lah.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya. *So, I think this is the crux of the matter lah. Kita tengah tanya apa kaitan MySejahtera dengan Entomo, dengan KPISoft. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan jelas bahawa dalam kelulusan yang diberi oleh Jemaah Menteri, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak KKM yang sedang sekarang ini berada di Jabatan Peguam Negara, bahawa memang ada satu perjanjian antara KPISoft dan juga MySJ Sdn. Bhd. Oleh sebab kita ada satu dokumen iaitu OEM License Agreement pada 6 Oktober 2020 antara Entomo dan MySJ Sdn. Bhd. dan ini memberi lesen kepada MySJ untuk mengendalikan semua urusan niaga berkaitan dengan— MySJ untuk menguruskan segala urusan niaga MySejahtera di Malaysia.*

Jadi, dengan dokumen ini, maka kita sedang dapat pengesahan dari Jabatan Peguam Negara *that it is indeed a legal document and that MySejahtera is the licensee from Entomo that becomes our counterparty.* Akan tetapi syarat yang diletakkan oleh Kementerian Kesihatan jelas. Kalau kita tak puas hati bahawa *license agreement* ini adalah sah dan juga *in the best interest of the government, then we just go back to Entomo and say that the contract has to be between Government of Malaysia and Entomo.* Itu sahaja. *That is all. That is our position. So, until- unless we are advised accordingly by the Attorney General Chambers, then our position is that, we will negotiate with Entomo. Because, Kementerian Kewangan has also cautioned us. So, we are trying to ascertain who the counterparties should be. So, dalam Jemaah Menteri kita bincang— okey, we accept that it came from MAMPU, saying MySejahtera based on this license agreement. But, in the event that we are not happy with this license agreement, does not look out for the interest of the government, we will sign with Entomo.*

Tuan Pengerusi: Okey, *thank you.* Sebelum Yang Berhormat Menteri Kewangan meninggalkan Mesyuarat, cuma saya ada satu komen kepada kedua-dua Yang Berhormat Menteri Kabinet ini. Tadi Yang Berhormat Khairy Jamaluddin ada menyatakan segala-galanya bergantung sama ada ulasan daripada AG itu, sama ada perjanjian *shareholding agreement* dan sebagainya antara Entomo dengan...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *There is no shareholding agreement, Tuan Pengerusi. The license agreement.*

Tuan Pengerusi: *The license.* Sama ada *the license agreement* itu adalah sah ataupun tidak. *So, of course* itu daripada segi *legal*, daripada segi perundangan untuk *establish* kan hubungan antara kesemua syarikat ini. Akan tetapi bagi saya, apa yang penting ialah satu keputusan yang diambil oleh kerajaan sama ada kerajaan boleh membenarkan sebuah syarikat iaitu KPISoft Sdn. Bhd. menjual atau meletakkan haknya kepada sebuah syarikat yang lain, MySJ Sdn. Bhd. dan dari situ cuba untuk *persuade the government to give MySJ the contract.* *We all know from the court cases involved all the shareholders, the transaction value is something more of RM300 million. There are people making money out there.* So, sama ada kerajaan patut memberikan kontrak ini secara *direct nego* kepada MySJ Sdn. Bhd. yang mana keputusan masih belum dibuat kerana tertakluk kepada syarat-syarat itu, itu merupakan satu persoalan yang amat besar yang harus diambil oleh kerajaan.

■1110

Itu komen saya. Mungkin terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan *so please* saya menjemput Datuk Seri Asri bin Hamidin@Hamidon untuk mengambil tempat saksi utama. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC. *Assalamualaikum.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat KJ, NDA yang ada dengan KKM boleh serahkan sebuah salinan kepada sekretariat untuk kita buat salinan dan *have a look here?*

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya. Nanti, Yang Berhormat Kluang? Ada apa?

Puan Wong Shu Qi: Akan kita menerima...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Sorry, ia MAMPU punya document, is it? MKN punya dokumen, ya?*

Tuan Pengerusi, saya dinasihati oleh PUU saya pemilik NDA ini adalah MKN dan sekiranya PAC mahu dokumen ini mesti minta daripada MKN. *I am not the owner of this document,* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *Anyhow* Yang Berhormat Menteri, *I tend not to agree with PUU. PUU always has a very conservative approach on all the documents and so on. I do not mind if KKM gives a call to MKN now and get them to reply in five to ten minutes.*

But I would not agree if the document does not belong to KKM cannot be given to PAC. PUU, I hope in this PAC, I would not tolerate any PUU who is always

giving me a very conservative approach and interpretations of the law. Okay? Thank you. Okey, terima kasih Yang Berhormat KJ.

So, sebelum itu mungkin saya mulakan dengan pemberian kontrak *from day one* pada bulan Mac atau April 2020 kepada syarikat yang bernama KPISoft Sdn. Bhd. yang sekarang kesemua kita dimaklumkan bahawa KPISoft Sdn. Bhd. hanya menawarkan CSR sepanjang satu tahun sahaja dan selepas satu tahun maka kerajaan hendaklah memasuki rundingan seperti yang kita dengar tadi dengan syarikat-syarikat yang berkenaan supaya suatu perjanjian boleh dimasuki.

So, saya ada beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri di sini. Pertama, sama ada selain daripada NDA yang dinyatakan kepada pihak PAC tadi okey, sama ada terdapat apa-apa perjanjian formal antara kerajaan Malaysia ataupun kementerian dengan KPISoft Sdn. Bhd. satu.

Kedua, jika tidak ada perjanjian formal sama ada terdapat apa-apa dokumen yang menunjukkan terma-terma yang ditawarkan oleh pihak KPISoft? Itu dua. Ketiga, berkenaan dengan CSR *period*. Sama ada CSR *period* itu memang dinyatakan hanya untuk satu tahun dari *day one*? So, *I am not too sure if* Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada jawapan kepada latar belakang ini dan sekiranya tidak pihak kami akan ajukan kepada MKN. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengikut apa yang saya tahu sebelum – ia hanya wujud satu *non-disclosure agreement* antara *government of Malaysia as represented by the National Security Council and KPISoft* dan ini adalah bertarikh 1 April 2020 di mana syarikat ini telah mengemukakan kepada kerajaan untuk membangunkan dan melaksanakan perkhidmatan MySejahtera *on the basis of corporate social responsibility (CSR) for the management of COVID-19 outbreak*.

“The government has accepted the proposal and the discussion will necessitate the disclosure of information concerning the proposal and therefore for the purpose of maintaining and preserving confidentiality this year by agreed at the terms of conditions of this agreement and shall apply to any disclosure of information from either party”.

Ini adalah daripada NDA kalau nanti MKN setuju kita boleh edarkan NDA tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, *did the NDA actually mention the CSR is for how long?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *“The agreement shall be effective from the date of this agreement and shall continue to take effect throughout the*

corporate social responsibility duration as agreed by both parties and all until full and further contract of proposal entered between the parties if any”.

Itu yang disebut dalam NDA ini, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *So, was it define the CSR duration?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *In the NDA, no.*

Tuan Pengerusi: *The NDA, no?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *No.*

Tuan Pengerusi: *So, is there anywhere – in the NDA, no then is there anywhere in the documents in the possession of KKM yang menyatakan bahawa CSR is for one year? If not, then we will aju the question to MKN.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya, I think it is better to ask MKN, Yang Berhormat.*

Tuan Pengerusi: *Ya, fair enough. Okay. Ya, silakan Yang Berhormat Lumut.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Sekejap ada – sorry.*

Tuan Pengerusi: *Ya, silakan.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Sekejap, ya. Let me just check. Manakah ia surat itu? Surat MAMPU, manakah? Ada disebut tarikh? Period? Tarikh? Just sit while I get the details.*

Tuan Pengerusi: *Okey, mungkin saya menjemput Yang Berhormat Lumut.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau boleh *minister declare* di dalam NDA itu sama ada ada *clause* yang menghalang KPISoft daripada menyerahkan apa-apa berkaitan dengan *apps* ni kepada mana-mana syarikat yang lain. Kalau ada, ya.*

Ini kerana dalam tempoh yang tidak ditetapkan tadi itu berlaku macam *agreement* antara MySJ Sdn. Bhd. dengan KPISoft. Jadi, kalau ada *clause* itu mungkin ini melanggar – itu andaianlah. Cuma, minta penjelasan sebab Yang Berhormat Menteri ada akses kepada NDA. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Dalam NDA ini MySejahtera *data owner* dengan izin “Means the owner of the data collected filtered into and gathered through MySejahtera application and for the purpose of the agreement shall be the Ministry of Health”. Pertama.*

Kelapan, *“Return of confidential information. The receiving party and its authorised recipients shall on return request by the disclosing party upon termination of this agreement, promptly return all confidential information from any data base or any document retrieval system into which has been placed whether it is supplied or reproduced by the receiving party and its authorized recipient”.*

Jadi, ada daripada segi maklumat yang *confidential*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Permatang Pauh. Silakan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya rujuk kepada perjanjian yang di – ini adalah affidavit, ya. Affidavit mahkamah yang disebut oleh peringkat Entomo.

Mereka memang mempunyai perancangan untuk pengkomersialan penuh aplikasi tersebut dan memang tidak terlibat dengan kerajaan tetapi *just to mention here* dan mereka menyatakan Entomo Malaysia memerlukan pembayaran dibuat kerana mereka memerlukan wang.

Justeru, berkait dengan konteks kita pada hari ini apakah pendirian Kementerian Kesihatan berkaitan dengan *anonymous data commercialization*? Adakah ini sesuatu yang kita mungkin terpaksa bersedia walaupun dalam ruang lingkup bidang kesihatan? *Just to know KKM's stance at this particular moment in time*. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *That* – terima kasih Yang Berhormat.

Perkara tersebut telah pun dibawa dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan April 2021. Ini berkenaan dengan *first Cabinet paper on MySejahtera*. KPISoft telah minta pengkomersialan untuk aplikasi tersebut tanpa sebarang implikasi kos kepada kerajaan. *That is what you are referring to*, Yang Berhormat?

■1120

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Ya, saya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya. Jadi, saya ingin maklumkan bahawa pada mesyuarat tersebut juga, MAMPU telah tidak bersetuju dengan pengkomersialan dan juga pengkomersialan – ini minit daripada Kabinet – pengkomersialan dikhuatiri akan jejasakan kepercayaan rakyat oleh sebab data digunakan oleh CPRC dan CITF. Itu ulasan daripada Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada waktu itu, iaitu saya. Maka dengan itu pengkomersialan itu tidak diteruskan dan kita tidak setuju dengan pengkomersialan data.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya Yang Berhormat, sekarang daripada segi saat ini sehinggalah ke hadapan, Kementerian Kesihatan tidak akan juga mengambil kira *the possibility of commercialization of anonymised data? Because...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *No*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Okey, boleh tetapi saya hendak sebut pekerja di luar sana banyaklah tanggapan yang mengatakan ada entiti bank seperti Maybank yang diambil kira, *so it's very important that it is clarified here*.

Maksudnya untuk *anonymised data* pun, *commercialisation* pun tidak akan diambil kira? *He's too busy to answer. Right.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yes. Saya ingin menjawab secara *categorical* bahawa KKM tidak setuju dengan pengkomersialan *anonymised data* dalam MySejahtera dan selagi KKM adalah pemilik kepada data tersebut, kita tidak akan benarkan pengkomersialan data tersebut. Itu keputusan dasar.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang? Ya, sila.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tahniah Yang Berhormat. Ketua Pengarah MKN setuju untuk NDA diedarkan.

Tuan Pengerusi: *They have to give.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Silakan.

Tuan Pengerusi: Tidak payah tanya, ya?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *[Ketawa]*

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, boleh saya tahu siapa yang membawa cadangan pengkomersialan ini kepada KKM atau ke dalam mesyuarat Jemaah Menteri? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Cadangan pengkomersialan itu adalah satu opsyen yang telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan April. Bulan April tahun 2021 iaitu apabila tempoh CSR tamat, maka satu memorandum daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cadangan meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera dengan penyediaan platform pengkomersialan telah dibawa pada bulan April selepas tamatnya tempoh CSR. Betul ya *Treasury*? Dan cadangan tersebut untuk meneruskan pengurusan aplikasi MySejahtera dengan penyediaan platform pengkomersialan.

Namun demikian, cadangan ini telah ditolak oleh MAMPU dan juga ditolak oleh KKM dan juga MOSTI pada waktu itu. Selepas itu MAMPU telah berunding dengan syarikat KPISoft tentang pembayaran sebab kita tolak *commercialisation*. Pada awalnya mereka hendak ambil data dan mereka hendak *commercialise* data tersebut supaya dapat dibayar semua perkhidmatan mereka tetapi KKM, MAMPU, MOSTI dapati bahawa ini adalah data sensitif berkenaan dengan rakyat dan tidak boleh dikomersialkan, maka *this proposal died there. Finished.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi? Yang Berhormat Kluang, silakan.

Puan Wong Shu Qi: Ya, saya hanya rasa pelik sahaja kerana di dalam slaid MOF tadi, MOF pun ada nyatakan bahawa pada 8 Mac 2021, MOF pun sudah kemukakan ulasan kepada mesyuarat Jemaah Menteri berkenaan inilah. So, dalam bulan April memorandum ini dibawa sekali lagi?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya tidak pasti. KKM punya slaid, bila?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan Kerajaan) Kementerian Kewangan]: Mac. Mac, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Mac. Ya.

Puan Wong Shu Qi: *So confirmed on March ke April?*

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Mac.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Mac.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 31st March.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *31st March.* Ulasan sebelum *cabinet paper*-lah?

Datin Rosni binti Mohd Yusoff: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Kabinet buat keputusan pada 31st March.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kabinet buat keputusan *31st March.* Minta maaf.

Tuan Pengerusi: *31st March 2021* kan Datin? Okey, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan keputusan Kabinet 31 Mac 2021, yang mana...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, *sorry. 31st March.*

Tuan Pengerusi: Okey, 31 Mac 2021. Apabila saya dah baca dari slaid yang dibentangkan yang mana dalam mesyuarat itu diputuskan bahawa suatu kontrak perkhidmatan dimasuki oleh kerajaan dengan syarikat berkenaan, untuk penggunaan aplikasi MySejahtera yang seterusnya.

Soalan saya di sini adalah sama ada pihak KKM terlibat dalam memberikan cadangan bagi kontrak perkhidmatan ini atau tidak? Sebab saya hendak tanya satu soalan lanjutan iaitu kenapa satu kontrak perkhidmatan perlu dimasuki antara kerajaan dengan syarikat berkenaan memandangkan sekiranya kerajaan berpendirian bahawa CSR telah pun tamat dan tidak ada apa-apa perjanjian formal antara kerajaan dengan syarikat tersebut? Tidakkah kerajaan mampu untuk

mengambil alih pengoperasian aplikasi MySejahtera ini secara keseluruhan tanpa melibatkan apa-apa kos daripada kerajaan.

So, with all the set up from MAMPU and all the ministries, kenapakah kerajaan tidak membuat keputusan untuk take over the whole aplikasi MySejahtera dan sebaliknya membuat satu keputusan untuk memasuki satu kontrak perkhidmatan dengan syarikat berkenaan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah berkenaan dengan keputusan Jemaah Menteri pada 31 hari bulan, di mana keputusan tersebut juga telah merangkumi penetapan hala tuju aplikasi MySejahtera sebagai aplikasi pintar yang memacu kesejahteraan rakyat.

Jadi, kerajaan dapati pada waktu itu, aplikasi ini oleh sebab sudah dimuat turun dan sudah digunakan oleh rakyat Malaysia, mempunyai potensi besar dalam pengurusan kesihatan di Malaysia ke arah pendemokrasian perkhidmatan kesihatan melalui intervensi digital.

Aplikasi ini berpotensi untuk dikembangkan, bukan sahaja bagi pengurusan pandemik, malahan pelbagai perkhidmatan dalam pengurusan kesihatan awam di Malaysia. MySejahtera telah melalui pelbagai penambahbaikan yang mengendalikan pelbagai perkhidmatan pengurusan COVID-19 secara serentak – yang saya sebutkan tadi. *All the modules.*

Aplikasi ini perlu bersifat *agile* dalam pembangunannya. Ia memerlukan penetapan hala tuju yang jelas dalam memastikan aplikasi terus berfungsi, dikembangkan dengan kos pembangunan dan pengoperasian yang tidak membebankan kerajaan.

MySejahtera yang merupakan aplikasi berskala besar yang mengendalikan hampir 28 juta pengguna dan sentiasa dikembangkan dilihat mempunyai nilai yang tinggi daripada aspek *user-based* sebagai aplikasi yang dibangunkan berasaskan kepada aspek kesihatan dan dimiliki oleh kerajaan. Kadar pengguna aktif MySejahtera perlu dikekalkan agar terus menjadi salah satu *technological tool* kepada kerajaan dalam memberi jangkauan dan perkhidmatan kesihatan yang mampan.

Melihat penggunaan aplikasi MySejahtera untuk jangka masa panjang, peningkatan kawalan kerajaan ke atas data rakyat Malaysia yang menggunakan aplikasi MySejahtera penting untuk ditempatkan di dalam persekitaran *cloud* kerajaan. Ini adalah bagi meningkatkan persepsi positif dan keyakinan rakyat dalam menggunakan aplikasi MySejahtera dengan mengetahui bahawa data mereka di

bawah kawalan kerajaan sepenuhnya untuk menjamin kedaulatan dan keselamatan data pengguna.

Oleh yang demikian, kerajaan telah putuskan bahawa *we will enter into this agreement* untuk kita bangunkan MySejahtera, *not just as COVID-19 app but beyond that and of course, this was in March 2021.*

The dynamic nature of the pandemic meant that even after this, we added even more modules that were related to COVID-19 that we could not have done on our own. Jadi kalau kita telah mengambil alih MySejahtera pada waktu itu, memang kita tidak ada *expertise* di dalam kerajaan untuk bangunkan semua *module* yang telah *subsequently was developed by KPISoft* untuk perkara tersebut.

■1130

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat soalan penting saya memang terjawab dengan *the last two sentences*. So kita memang faham, MySejahtera ini mempunyai satu potensi yang amat besar dan seperti yang saya selalu tekankan ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan rakyat Malaysia termasuk saya. Saya tidak pasti sama ada kerajaan betul-betul tidak berupaya untuk mengambil alih segala pengoperasian dia. Dengan agensi-agensi yang sedia ada dan dengan *expertise-expertise* yang sedia ada, saya masih tidak *convince* bagaimana kerajaan berpendapat bahawa *as a government, the government cannot do it but must be privatized*. Itu saya yang tidak dapat *convince* dan tidak dapat faham.

Apa yang kita nampak di sini tadi, jumlah peruntukan siling yang diluluskan kepada KKM adalah RM196 juta bagi dua tahun. Maksudnya setiap tahun hampir RM100 juta. Kita boleh *expect* aplikasi MySejahtera ini bukan hanya digunakan untuk satu atau dua tahun yang akan datang sahaja. *So, it may be extended* apabila *apps* ini menjadi begitu *powerful*, begitu meluas kegunaannya. *I think everyone of us here including the saksi can see. So, we are talking about something like 10 to 15 years down the road perhaps.* Setiap tahun RM100 juta, *perhaps we can invest this money* untuk memperkasakan sistem dalam kerajaan kita sendiri.

So, itu pandangan saya dan pada masa yang sama, apabila kita berbincang dengan *this application as a national application*. *So, the issue out there* berkenaan dengan data, *of course I know KKM trying very hard to explain to say that the data actually will not be misused and will be owned by the government and we will be secured.* Akan tetapi sekiranya ada syarikat persendirian yang mengoperasikan aplikasi ini, memang itu menjadi kebimbangan.

Last one. Tadi Yang Berhormat Menteri ada kata kontrak itu yang dicadangkan adalah untuk dua tahun. So, sekiranya kita tidak puas hati dengan apa

yang berlaku dalam masa dua tahun ini, bolehlah kita *stop* ataupun hentikan ataupun kita tidak memberikan apa-apa lanjutan bagi kontrak tersebut. Apabila kita tahu bahawa kita berhak untuk menamatkan kontrak *after two years, why not we do it now if there is a need? Why not we do it now, so that* kerajaan boleh menggunakan peruntukan sedia ada untuk memperkasakan *the delivery system within the government to operate the apps*.

So, mungkin saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Itu memang sedang dibincangkan dalam jawatankuasa, Jawatankuasa Pengurusan dan Tabir Urus MySejahtera di bawah— yang dipengerusikan oleh saya tentang *the way forward*. Macam saya sebutkan tadi ada dua pilihan. Satu adalah sama ada kita lantik syarikat sebagai *managed services*. Kedua adalah sama ada kita melaksanakannya sendiri.

Buat masa ini, di dalam kerajaan untuk kita bangunkan satu bahagian yang mampu untuk mengendalikannya mengambil sedikit masa. Jadi, kita sedang meneliti sama ada kita mampu ataupun tidak— *excuse the pun*. Mampu ataupun tidak kita bangunkan satu bahagian khusus di Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengendalikan MySejahtera. Ini termasuklah membangunkan modul-modul baharu. Bukan senang bangunkan modul-modul baharu sebab ia memerlukan *programmers* dan sebagainya yang boleh buat dengan cepat. Sama ada kita hendak menggajikan mereka *full time*. Salah satu kelebihan kita lantik syarikat swasta untuk mengendalikan *manage services* dan juga bangunkan modul adalah mereka terima kontrak, mereka buat dan selepasnya mereka serah kepada kerajaan untuk gunakan aplikasi tersebut.

Jadi, perkara ini masih lagi belum kita muktamadkan sama ada kita hendak teruskan selepas tempoh kontrak yang kita hendak memeterai ini ataupun kita hendak buat *in-house*. Sebagai contoh, dua daripada modul MySejahtera dibangunkan *in-house* sebenarnya cuma diintegrasikan dengan MySejahtera oleh pihak Entomo iaitu MySJ dan juga VMS. *VMS is a Vaccine Management System*, ini dibangunkan oleh MIMOS. Kedua adalah MySejahtera Trace, *the bluetooth proximity notification* juga dibangunkan oleh MIMOS. Itu pun Yang Berhormat saya hendak maklumkan bahawa *it took a lot of resources from MIMOS and it took away from the* tugas hakiki mereka.

Mereka sebenarnya buat *national service*, MIMOS di bawah MOSTI. Jadi, sekarang ini memang tidak ada bahagian yang mampu untuk mengendalikan di

dalam kerajaan. *So, in the mean time* kita bersetuju bahawa kita buat perjanjian dengan pihak MySJ supaya mereka menjaga *manage services*. Mereka *manage the services of MySejahtera* tetapi tidaklah menjadi perancangan kerajaan supaya untuk 10, 15 tahun yang akan datang kita bayar pada kadar yang sama. *Of course we want to reduce it and if that is cheaper to be done in-house, then that is something that we will do or otherwise we will retender* ataupun buat tender terbuka selepas tempoh kontrak ini supaya kita dapat perkhidmatan yang *most cost effective* kepada kerajaan untuk buat *manage services*.

Tuan Pengerusi: Okey daripada pandangan PAC, isu utama memang PAC tidak ada masalah sekiranya kerajaan kadang-kadang dalam sesuatu projek ataupun sesuatu perolehan perlu mendapatkan khidmat dan juga panduan daripada pihak swasta. Cuma masalah dengan aplikasi MySejahtera ini adalah dari hari pertama perolehan ini diluluskan atas dasar CSR yang selepas itu dinyatakan sebagai satu CSR sepanjang setahun sahaja. *PAC is very much concern about the way the contract is being procured last two years ago in March or in April 2020 whereby CSR was being use as a name to procure a big contract from the government.*

If the contract is being awarded now RM196 million for two years, we are talking about a near RM200 million contract untuk dua tahun *and it's a big contract—of course* kami faham bahawa sampai tahap ini *at this stage* memang kerajaan tidak mempunyai pilihan ataupun opsyen yang banyak *because this has become part of our life*. Cuma *what has been done wrong was from day one whereby CSR was used as a tool to obtain a long term contract, a long-term lucrative contract from the government. So, I think this is something that the Cabinet may need to take note off.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *May I just respond* Tuan Pengerusi. Seperti mana saya sebutkan tadi, tujuan asal— *I cannot infer the intention of the promoter which is Entomo. But I can only speak of what I know on behalf of the government. On behalf of the government,* tujuan asalnya adalah satu CSR yang kita terima yang terhad dia punya skop dia kepada tiga ciri sahaja yang saya tunjukkan tadi. Kawalan sendiri, pengesanan kontak dan juga maklumat. Pada asalnya *it was designed just to be piloted and use for those we thought were affected about 200,000 people. But we didn't know the nature of the pandemic and how it would—* macam mana pandemik ini akan merebak.

Pada asalnya kita ingat tiga ciri ini cukuplah supaya kita dapat kawalan sendiri dan sebagainya. Akan tetapi bila pandemik ini merebak dengan begitu pantas sekali— *I just want to let PAC know that every time there was a change,* dia kena ada— dia kena buat pembinaan *software back-end build. There were 300 back-end*

builds and 53 mobile builds in two years. Ini kita dalam peringkat NDA ini. Kita tak ada masa untuk kita buat tender kepada aplikasi baharu. *We are stuck already with MySejahtera because CSR. That is something you have to ask MKN. We had the CSR, I don't know what the intentions were, but it was already there.*

■1140

We kept on asking for the bills to be made, termasuklah vaksin, HSO dan semua yang saya sebutkan tadi ya. Ini telah menyebabkan kita bergantung pada MySejahtera. Saya tidak boleh kata ini *intention of the promoter* juga adalah untuk mereka dapat kontrak disebabkan begitu. Mungkin mereka hanya bina tiga buah ciri saja. Akan tetapi *the nature of the pandemic is that, coincidentally it was there. We had to use it and they could build on MySejahtera* dan tambah ciri-ciri MySejahtera, maka kita terus menggunakan MySejahtera. Jadi, itulah perkembangan MySejahtera. Kedua, saya hendak sentuh sedikit tentang *outsourcing*. Banyak sistem IT di kerajaan, *managed services* yang di *outsource*. Bukan MySejahtera saja. Saya rasa e-mel kerajaan, saya rasa sistem perolehan Kementerian Kewangan, *if I am not mistaken, also outsourced as managed services*. Jadi, ini bukan perkara yang baharu. Saya rasa sistem perolehan, e-perolehan di bawah Kementerian Kewangan tidak dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat Perbendaharaan, Datuk Seri Asri, *it is also outsourced. So,* bukanlah perkara yang baharu.

Yes, but we take note of the nature of the procurement, how it is started. Itu menjadi isu. Satu lagi yang saya hendak sebut adalah daripada segi kosnya. Kita belum lagi muktamad kos, Yang Berhormat. Kementerian Kewangan, Perbendaharaan telah setuju rundingan anggaran siling RM196 juta, ini kurang daripada RM300 juta yang dituntut oleh kedua-dua pihak. Itu pun kita masih lagi runding. Akan tetapi saya cuma hendak maklumkan bahawa, *report by the Comptroller and Auditor General, the National Audit Office of the United Kingdom* yang mengatakan bahawa RM418 juta telah dibelanjakan pada tahun 2020-2021 *on NHS Test and Trace App*. Jadi, ini adalah perbandingan, *the most like for like that we are benchmarking against. Just to let you know* lah *about the system and how MySejahtera system, how robust and agile we needed it to be.*

Kita perlukan satu sistem yang sentiasa berubah-ubah. Kita *start* dengan modul yang kecil saja. Akan tetapi akhirnya, *we had to balance between half a million vaccinations a day,* setengah juta vaksinasi setiap hari. Data yang masuk setiap hari. *Our highest vaccination daily rate was 500,000 vaccinations and 27 million check-ins. You imagine,* sistem yang boleh mengambil data 500,000 suntikan vaksin yang di *scan* setiap hari. Ditambah juga lebih kurang 27 juta *check-ins* pada satu hari. *You*

imagine a system that- with all due respect lah, that is managed by Bahagian Pengurusan Maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia, *I think it would crash. So, that is why it was necessary at that point in time to have it outsourced. Whether or not we can do it* selepas ini, tidak ada lah selepas ini 500,000 *vaccinations* setiap hari. Tidak ada lah sebanyak 27 juta imbasan QR setiap hari sebab selepas ini pun saya akan umumkan *later* lah, *not yet* dan kita tidak perlu lagi imbas MySejahtera. *We can move towards a different model.* Mungkin kos yang lebih rendah, *but at that point in time,* saya hendak beri bayangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, *the sorts of load that was expected* dalam MySejahtera sangat-sangat besar.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Beaufort, sila.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Yang Berhormat Menteri, dalam erti katanya yang pertama itu, di peringkat awal itu ia cuma *very simple system* dengan tiga cara kan? Kemudian, disebabkan oleh keadaan pandemik itu, maka sistem-sistem baharu itu dimasukkan dalam aplikasi itu, yang mana apabila pembangunannya tentulah memerlukan perbelanjaan yang besar.

Daripada situlah mungkin kalau CSR itu cuma untuk yang tiga saja. Kemudian— Akan tetapi walaupun begitu, dalam tempoh CSR dibangunkan jugalah modul-modul yang baharu inilah, sehingga lah sampai 15 buah modul. Kemudian itu, kerajaan mahu mengambil alihnya kerana untuk menjaga semua data yang ada di dalam itu. Akan tetapi untuk itu, mungkin ia tidak boleh lagilah dibuat secara percuma. Dalam masa yang sama juga, kerajaan- ini saya- *observation* saya daripada apa Yang Berhormat Menteri katakanlah, bahawa kerajaan tidak mempunyai kemampuan ataupun kapasiti untuk melaksanakan apa yang MySejahtera laksanakan. *Is that true?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *That is correct,* Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Saya juga ingin bertanya sebab Yang Berhormat Menteri tadi menyebut tentang perbincangan dengan MySejahtera, perbincangan MySejahtera tetapi timbul pula ada beberapa buah syarikat lain yang disebutkan tadi iaitu KPISoft, Entomo dan lain-lain lagi ini. Akan tetapi dalam perbincangan Yang Berhormat sebagai Yang Berhormat Menteri yang berkaitan, adakah Yang Berhormat Menteri bertemu dengan *different people, groups* ataupun MySejahtera itu orang yang sama saja? Kumpulan yang sama saja?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, kita berurusan dengan— Pada awalnya, kita berurusan dengan Entomo. Akan tetapi apabila lesen telah pun

diberikan kepada MySejahtera oleh Entomo, kita berurusan dengan MySejahtera. Sekarang ini kita berurusan dengan— MySJ. *Sorry*, minta maaf. *Yes*, Yang Berhormat Permatang Pauh *is correct*. MySJ. Sekarang ini kita berurusan dengan Puan Aiza Azreen Ahmad - Ketua Pegawai Eksekutif ataupun wakil daripada MySJ.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, tadi saya rasa penjelasan ini membantu untuk meleraikan kebimbangan di luar sana. Hanya bercakap tentang *outsourcing*, saya setuju ia sesuatu yang lazim dibuat dan diguna pakai caranya tetapi perlu juga kementerian dan kerajaan mengambil kira penerusan untuk membangunkan kepakaran dalaman. Oleh kerana saya nampak risikonya masih wujud menerusi perintah mahkamah yang— *Not* perintah mahkamah tetapi *the legal dispute* antara Entomo yang sering kali mengulangi bahawa mereka memerlukan kewangan kepada syarikat MySJ.

Syarikat MySJ pula, pemilik-pemilik sahamnya walaupun bukan di bawah kawalan Kerajaan Malaysia, mereka adalah individu-individu yang bukan sahaja ada kaitan politik tetapi keduanya, adalah mereka yang juga ditangkap di luar negara. *I do not have to mention the names here. I am sure you are well aware, but the point is*, membangkitkan keperluan kalau— Hendak saya sebut nama *kah* Yang Berhormat Menteri, di sini? Okey, boleh, boleh. Saya sebutkan untuk kita jelaskan kepada semua pihak. Di sini daripada syarikat pemilik saham yang kiranya minoriti untuk MySJ adalah syarikat yang bernama— *What is the name of this company?* P2 Asset Management dan antara pemilik sahamnya adalah Jonathan Jaya Sudhir yang telah ditangkap di BIA, *this I am not sure where that country is but— Ya? Sorry?*

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Ya, ayah dia. *Sorry*. Jadi, isunya apabila bercakap tentang kesemua ini, jadi membangkitkan ramai orang rasa hilang kepercayaan sedangkan *app* ini penting untuk penggunaan Malaysia, untuk memaksimumkan dalam bidang kesihatan. Jadi, saya hanya mungkin mahu menekankan kepada pihak kementerian dan kerajaan, *the first start where you have internal development of the modules*, kita boleh teruskan lagilah supaya tidak perlulah bergantung. *Of course, it is not— It is easier said than done*. Saya rasa hendak cakap tentang kebolehan *is going to be very tough, but it is a good start* lah apabila kita mengambil kira dengan apa yang sedang berlangsung. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih atas cadangan tersebut. Saya tidak dapat hendak komen berkenaan

dengan pemegang-pemegang saham dan pertikaian. Cuma, saya dimaklumkan- ini disampaikan oleh Datuk KSU - Datuk Harjeet Singh. Kita dimaklumkan oleh pihak MySJ bahawa pertikaian pemegang saham ini, terutamanya yang berkaitan dengan Hasrat Budi dan P2 Asset Management, mereka akan tarik balik pertikaian di mahkamah. Akan tetapi itu terpulung kepada merekalah dan sudah pasti cadangan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh itu ialah cadangan yang baik supaya pertama, kita terus membina kapasiti dalam kerajaan. Di sini saya ada wakil- bukan wakillah, saya ada *point person* daripada Kementerian Kesihatan iaitu Dr. Maheshwara Rao, *can you stand up please? [Meminta seorang dari Kementerian Kesihatan untuk berdiri]*. So, inilah antara sosok yang dilatih untuk menguruskan data dan juga aplikasi selepas ini. Mungkin kalau tidak perlu di *outsource* lagi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada soalan lain? Sila. Selain itu, Yang Berhormat Kluang, ada lain? Mungkin kita beri Yang Berhormat Sik dulu. Yang Berhormat Sik, hendak tanya?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya, yang kita lampirkan ini, NDA antara *government* dengan KPISoft ini.

■1150

Jadi adakah wujud NDA di antara kerajaan dengan MYSJ ini yang berasingan. Juga kedua, dalam peringat awal itu, nampak peralihan daripada KPI Soft kepada MYSJ itu nampak baik, nampak sangat teratur tetapi di tengah jalan itu nampak sudah ada pertikaian. Ke mana sudah ada kes di mahkamah, adakah pihak kerajaan sendiri maksudnya akan dipanggil sebagai saksi ataupun apa-apa ruang di situ untuk kita juga memberi penjelasan dari mahkamah sendiri. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat yang saya tahu, NDA kita dengan pihak KPI Soft sahaja, pertama itu soalan tadilah. Kedua, kerajaan tidak dipanggil sebagai saksi sebab kita bukan parti kepada pertikaian tersebut dan juga kita tidak ada apa-apa maklumat yang perlu diberi kepada pertikaian tersebut. Itu hanya pertikaian *share holder* sahaja ataupun pemegang saham.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Kluang, sila.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya hanya hendak tahu pada 21 Mei 2021, kami dimaklumkan bahawa pada tarikh tersebut kerajaan keluarkan satu surat untuk menandatangani kontrak perkhidmatan dengan MYSJ. Jadi, surat ini dikeluarkan oleh pihak mana sama ada ketika itu KKM ataupun pihak berkenaan dalam kerajaan sudah menyemak identiti atau membuat *due diligence* berkenaan dengan MYSJ?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Surat tersebut dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara. Boleh dirujuk kepada MKN nanti.

Tuan Pengerusi: *Do you have a copy of surat here Yang Berhormat? If yes, we have required copy so that if there is any related question that we can ask.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *We'll get the copy and provide ...*

Tuan Pengerusi: *Thank you so much. Okey Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan berkenaan dengan pemilikan MySejahtera. Aplikasi MySejahtera. I think pihak kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri telah banyak kali menegaskan dalam PAC ini dan juga di luar sama ada di Dewan Negara ataupun dalam semua sidang media bahawa aplikasi MySejahtera ini adalah dimiliki oleh Kerajaan Malaysia ataupun KKM.*

Saya hendak tanya dengan lebih lanjut di sini, apakah maksud dengan pemilikan di sini? Pemilikan sama ada pemilikan termasuk segala IP, *intellectual property, module, database* ataupun yang lain-lain. *So, what do you actually mean by pemilikan?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Thank you very much. Terima kasih. So, pemilikan ini merujuk kepada aspek harta intelek, kod sumber, source code...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya. Harta intelek, kod sumber. Semua harta intelek serta kod sumber modul-modul aplikasi MySejahtera adalah hak milik Kerajaan Malaysia. Kod sumber modul, data dan juga aplikasi mobil *the APK/IPA format is owned by the Government of Malaysia. So, what do you see as a mobile application that format cannot be used by anyone else. That is owned by the Government of Malaysia.*

Untuk meletakkan ikon MySejahtera yang ada di telefon seperti mana yang saya sebutkan tadi, gudang aplikasi *Apple, Google Play dan Huawei Apps Gallery* memberikan kebenaran untuk MySejahtera diterbitkan di situ. Kebenaran yang diberikan adalah melalui akaun rasmi yang didaftarkan di bawah nama *Government of Malaysia* yang ditadbir oleh MAMPU. *So, that is the answer* Yang Berhormat daripada segi *ownership*.

Tuan Pengerusi: Okey. Soalan selanjutnya saya Yang Berhormat Menteri, saya amat tertarik dengan pemilikan *intellectual property*, harta intelek *the IP*. So, soalan selanjutnya, sekiranya kerajaan memiliki IP bagi aplikasi MySejahtera sama ada kerajaan bersedia ataupun sedang dalam rancangan untuk mendaftarkan IP ini di bawah nama kerajaan atas MyIPO jika tidak silap saya...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *In the process* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *In the process?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Okay, when it would be done, roughly.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Within six months Yang Berhormat that the process...*

Tuan Pengerusi: *Within six months.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *MyIPO ya.*

Tuan Pengerusi: *Okay very well. Maaf ya. Saya ada satu soalan lagi berkenaan dengan IP. Saya telah membuat carian berkenaan dengan kes-kes yang difailkan oleh P2 Asset Management, oleh Hasrat Budi berkenaan dengan syarikat MYSJ Sdn. Bhd. ini. Memang pertikaian antara *share holder* itu bukan menjadi isu utama kita di sini. *So that is their dispute.* Akan tetapi atas kesemua *cost paper* yang difailkan di mahkamah memang saya ada baca berkenaan dengan *licensing agreement, sale share agreement* dan sebagainya.*

Kesemua agreement itu menunjukkan bahawa MYSJ Sdn. Bhd. has the right of licensing over the intellectual property rights of MySejahtera. Sama ada pihak Yang Berhormat Menteri ada komen berkenaan dengan situasi ini? Because I believe when their own transaction is more than like RM300 million as said, as disclose in the cost paper in the court there must be something that the parties are interested in buying. So, we cannot deny this as a fact. There must be something that the parties are interested in buying. So, my question is apabila kesemua pihak dalam perjanjian-perjanjian antara mereka ini menyatakan bahawa intellectual property rights belongs to MYSJ Sdn. Bhd. yang mana dijual oleh KPISoft kepada MYSJ. So, what is the comment from KKM over here? Thank you.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Terima kasih Yang Berhormat. Komen saya adalah berkenaan dengan pertikaian dan juga segala perjanjian yang telah ditandatangani oleh syarikat-syarikat yang terlibat seperti Revolusi Asia, Hasrat Budi dan sebagainya yang berkaitan dengan *license agreement, share sale agreement*, kita tidak tahu apakah asas tersebut. Itu pertikaian mereka. Sama ada terdapat *element of misrepresentation* itu mestilah diselesaikan di mahkamah antara dua pihak. Apa yang kita tahu adalah pendirian yang saya sebutkan tadi dan dalam perjanjian dengan pihak MYSJ ataupun *whoever the counter party is Entomo MYSJ it would be category clear written that this is owned by the Government of Malaysia.**

Tuan Pengerusi: *Including the IP?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Including the IP.*

Tuan Pengerusi: *Including the IP. So, my next question on this before I menjemput Yang Berhormat Kluang. On the IP again, intellectual property rights. So tadi Yang Berhormat Menteri menegaskan sekali lagi in the future agreement akan ditandatangani – ini pasti akan dimasukkan sebagai satu klausa yang amat penting untuk mengikat kedua-dua pihak.*

So, is there any document as at now. Okey dokumen yang kita ada sekarang, apa-apa dokumen kah yang menyatakan dengan amat jelas the intellectual property rights is actually owned by the government. I read from clause five of the NDA, but I wasn't convinced. Clause five on the NDA it talks about the licensing the intellectual property rights in any of the confidential information. Itu sahaja. Is all on the confidential information but is not on the apps itself.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Ya. So, Yang Berhormat dan saya pohon surat ini masih lagi disulitkan sebab surat ini adalah basis kepada rundingan KKM dengan MYSJ Sdn Bhd. This is my letter in my hand. I ask that it is not disclosed for now to PAC because this is subject of negotiations, but I would read from it, if you allow me to read from it.*

Tuan Pengerusi: *Okay please.*

■1200

Tuan Khairy Jamaluddin: *Paragraph 7. That is what I said just now. Surat ini adalah surat daripada Aiza Azreen Ahmad Ketua Pegawai Perniagaan dan Ketua Pegawai Eksekutif (dilantik MySJ Sdn. Bhd.) bertarikh 12 April kepada Dato' Harjit Singh, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia. This is based on the latest negotiation. Saya baca.*

“Merujuk kepada aspek harta intelek dan kos sumber, kami ingin menegaskan bahawa semua harta intelek serta kod sumber modul-modul aplikasi MySejahtera yang dibangunkan adalah milik Kerajaan Malaysia.” That is written in the letter.

Tuan Pengerusi: *That is the commitment from the KKM?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *MySJ to KKM.*

Tuan Pengerusi: *Okay, from MySJ to KKM.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *To sahkan. Because this is basis of all our negotiation. We said you must acknowledge that. They have acknowledged it.*

Tuan Pengerusi: *Okay my next question Yang Berhormat Menteri, sama ada kerajaan ataupun KKM mampu untuk stop MySJ Sdn. Bhd. or any of their shareholders from giving out representation to any of the parties that they are actually the owner of the IP. Because from the court documents in my hands, everybody is actually saying MySJ Sdn. Bhd. of course from day one is KPISoft, now is MySJ Sdn.*

Bhd. is the host of the intellectual property rights. That is why their transaction can come up to few hundred million ringgit. So this one I think is logical. Is there any way, ataupun sama ada kerajaan bersedia untuk put a stop to it, tell MySJ Sdn. Bhd. to look stop and representing outside that. You are the intellectual property rights owner. Tell the world that look the government is having it.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Yes that is what we are doing, Tuan Pengerusi. That is part of the negotiation right now. Once the negotiation complete, dan kontrak dimuktamadkan, maka jelaslah dan tidak ada lagi pertikaian. Bila kontrak ini jelas Yang Berhormat, siapa pemilik dia, yang tuntutan RM300 juta pun mute. Sebab dia sudah tahu tidak boleh hendak tuntutan. Ini adalah sebab memang dimiliki oleh kerajaan. That is what we are trying to ascertain now.*

Tuan Pengerusi: *Ya because as far as the agreement is concern all the agreement assigned and I am sure that the lawyer attending it has done all the due diligence. They cannot just be relying on what is stated in the agreement and so on. That is why the big question here is on the IPs. I invite Yang Berhormat Kluang.*

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya soalan yang agak sama iaitu berkenaan *court document* yang kita dapat, perjanjian lesen yang ditandatangani ini oleh Entomo dengan MySJ Sdn. Bhd. Ia berkata MySJ dapat membeli dan memilik harta intelek daripada Entomo. Perjanjian lesen ini ditandatangani pada 6 Oktober 2020. Ketika itu masih dalam tempoh masa CSR. Adakah Kerajaan Malaysia dapat *claim* balik semua ini kerana dalam NDA ini, klausa *property rights* kita pun tidak jelas sangat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *That is why* Yang Berhormat semua usaha kita sekarang ini melalui perjanjian yang kita hendak meterai ini adalah untuk menjelaskan semua perkara yang sebelum ini agak samar. *That is why* saya baca daripada surat yang dihantar oleh MySJ supaya dalam kontrak nanti, dalam perjanjian nanti, memang jelas berkenaan dengan aspek pemilikan.

Senang kata macam ini lah Yang Berhormat, kalau ada pun pertikaian berkenaan dengan IP dan sebagainya, *this is the time for us to formalise it in the contract.* Siapa yang miliki. *And as far as the government of Malaysia's position is very clear.* Kita tidak akan tandatangani kontrak selagi kita tidak ada persetujuan daripada *counter party that indeed it is owned by the Government of Malaysia as per commitment* mereka dalam surat ini.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Bukit Gelugor, sorry Tasek Gelugor.

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mungkin muka hendak sama dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Okey Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sepanjang penjelasan yang telah pun dikemukakan sebentar tadi, saya boleh memahami bahawa *at the end* nanti, aplikasi MySejahtera ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh kementerian ataupun oleh kerajaan. Cuma sekarang ini peringkat *proposal* dan peringkat pengendalian daripada beberapa syarikat itu sebagai memenuhi operasi.

Saya hendak dapatkan penjelasan apakah persediaan Kerajaan Malaysia khususnya KKM apabila kita bercadang untuk *at the end* nanti menguruskan sepenuhnya sendiri MySejahtera ini. Apakah pelan persediaan yang telah pun dibuat oleh Kerajaan Malaysia terutama sekali dari segi *expertise*, daripada segi *manpower*, daripada segi masa hadapan aplikasi ini dan sebagainya supaya ia dapat meyakinkan kita bahawa isu-isu yang berlaku sekarang ini akan dapat diatasi apabila sistem ini atau aplikasi ini diuruskan sepenuhnya oleh pihak kerajaan kerana kita faham tadi data ini adalah merupakan data yang cukup bermakna, cukup mahal. Ia juga melibatkan sebagai sekuriti data. Apakah persediaan kalau dapat Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit gambaran kepada kita *what is the next step* and ke depan. Apa yang kita hendak buat. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang agak sangat penting ini. Untuk makluman Yang Berhormat pada 21 Disember 2021 saya telah mempengerusikan Jawatankuasa Pemandu pertama MySejahtera yang menentukan hala tuju MySejahtera. Di dalam Jawatankuasa tersebut kita telah meluluskan satu pelan hala tuju iaitu untuk kita tubuhkan satu *roadmap* untuk pembangunan MySejahtera selepas ini dan untuk kita melihat kepada masa depan. Kalaulah sekiranya kita memeterai perjanjian hendak habiskan perjanjian ini dengan MySJ dan tamat kontrak ini pada bulan Mac 2023, Jawatankuasa ini akan tentukan sama ada kontrak itu ditender kepada sesiapa untuk teruskan pengurusan ataupun kita tukar *operating model of MySejahtera*. Maksudnya kita kendalikan di dalam KKM itu sendiri.

Kita dalam peringkat untuk melihat sama ada kita dapat kah tidak bangunkan satu *dedicated team or unit in KKM* untuk mengurus MySejahtera dan dipimpin oleh seorang ketua dan juga *programme director*. Oleh sebab itu saya perkenalkan Dr. Mahesh sebab beliau memangku jawatan tersebut buat masa ini.

Jawatankuasa Teknikal ini sekarang ini melibatkan bukan hanya KKM tetapi juga MAMPU, NACSA dan sebagainya untuk kita melihat *how can we operate this*. Adakah kita mampu untuk *operate this on our own* selepas tempoh ini selesai. Selepas sudah selesai *outsource* untuk *management*, sama ada kita mampu ataupun

tidak. Ini sudah pasti akan melibatkan penubuhan kakitangan latihan dan sebagainya.

Senang kata Yang Berhormat kita dalam proses untuk memastikan bahawa kita ada *option* untuk menguruskan sendiri. Kalau tidak *this is just speaking freely* Tuan Pengerusi, kita mungkin tubuhkan satu unit di bawah KKM di mana kita melihat kepada *product management*. Akan tetapi kita *outsource* ciri-ciri tertentu secara *plug and play*. Kalau sekiranya Kementerian Kesihatan perlukan satu modul baharu untuk menjaga contohnya *non communicable disease*, kencing manis, sakit jantung dan sebagainya, kita tenderkan siapa yang hendak buat modul tersebut dia *plug* dalam MySejahtera. Dia sudah bina, dia serah semua IP kepada kerajaan. *That is a possible* hala tuju untuk *going forward*. Ini adalah sebab kalau kita hendak bangun sendiri, memang *impossible*. Kita jadi *project management*. Kita jaga dan kita milik MySejahtera dan kita tenderkan setiap modul yang kita hendak buat dan dia *plug and play into* MySejahtera selepas ini. Terima kasih

■1210

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Kluang.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Cumanya saya rasa Yang Berhormat Menteri saya tidak nampak MySejahtera ini akan seaktif sekarang untuk *way forward* ini, dia akan menjadi semakin perlahan-lahan penggunaan. Macam mana? Betulkah agak-agak?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Oleh sebab itu Yang Berhormat, kita sedang memikirkan apakah penggunaan ataupun *used case* yang boleh memastikan MySejahtera sentiasa mendapat liputan yang baik. So, antara ini perancanganlah Yang Berhormat saya sebut. So, antara perancangan belum lagi muktamad yang kita hendak guna MySejahtera contohnya modul untuk vaksinasi kanak-kanak. Kita selalu fikir MySejahtera ini untuk COVID-19 vaksin sahaja. Akan tetapi setiap tahun ratusan ribu kanak-kanak kita mendapat vaksinasi mereka seperti *Rubella*, *Measles* dan sebagainya. Selalunya mereka mendapat kad di sekolah. Kita hendak buat supaya ini dimasukkan dalam MySejahtera ibu bapa mereka. Jadi, tidak perlu pegang kad lagi. Jadi, *National Immunization Program for children* kita guna MySejahtera. *Why not* kita dah ada MySejahtera jadi kita guna.

Kedua, adalah aplikasi untuk saringan kesihatan. Kita ada program PeKa B40 di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia di mana kita bagi saringan kesihatan percuma kepada golongan B40 usia 40 tahun ke atas. Kita hendak gunakan MySejahtera supaya MySejahtera simpan rekod saringan kesihatan yang akhir.

Kalau saya tanya kepada Yang Berhormat adakah data kolesterol yang terakhir, mungkin dah lupa ataupun tidak ada. Bayangkan ia boleh disimpan. Akan tetapi kita kena minta *consent*, kita tidak akan paksa sesiapa. Akan tetapi kalau dia bagi *consent*, kita akan kata boleh direkodkan di situ. Kedua.

Ketiga, modul yang dicadangkan penderma darah. Contohnya sekarang ini penderma darah, dia tidak ada sistem. So, kita boleh ada sistem untuk penderma darah, penderma organ dan sebagainya. Jadi betul Yang Berhormat, Yang Berhormat memang saya setuju. Mungkin penggunaannya tidaklah seluas hari ini tetapi kita sedang melihat kepada penggunaan-penggunaan lain. Jadi, saya yakin kosnya akan lebih turun, lebih rendah sebab dia tidak luas macam hari ini.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita bersetuju bahawa dia akan menjadi *slow moving as compared to what is happening now*. Akan tetapi ia masih kekal penting kerana kementerian pun masih dalam peringkat membina sistem maklumat elektronik yang dah lama tertera, di dalam proses saya tidak tahulah pencapaian setakat ini termasuklah mengendalikan *all the returns from grassroots staff*, tentang *immunization*, tentang *admission* dan sebagainya. Jadi, perkara-perkara itu penting cuma tidaklah seagresif seperti dalam pandemik sebegini.

Cuma saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, dalam interaksi kita dengan MAMPU di PAC, mereka meletakkan diri mereka MAMPU sebagai— *how do you say?* Sebagai tonggak kepada urusan pembinaan sistem-sistem di dalam kerajaan. Ini berkaitan dalam perbahasan kita, dalam perbincangan kita mengenai e-Customs contohnya yang ada sedikit pengalaman kegagalan contohnya dan juga beberapa perkara lain. Jadi, MAMPU dikatakan ataupun mereka mendakwa bahawa mereka telah mendapat *clearance* daripada kerajaan akan menjadi unit ataupun pihak yang akan membangunkan supaya semua sistem di dalam kerajaan ini di-*integrated*. *If I'm not wrong*-lah ya.

Jadi, dalam konteks ini dan untuk makluman KSP juga, bagaimana kita hendak *reconcile* dengan idea tersebut dengan idea Yang Berhormat Menteri tadi bahawa *certain things* kita akan *subcon* atau kita akan *outsource* untuk mendapat maklumat sedangkan di sana ada satu unit yang mungkin belum bersedia pada masa kini tetapi katanya di dalam peringkat untuk diletakkan sebagai tonggak dalam urusan-urusan membina sistem dalam kerajaan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat, mungkin Perbendaharaan juga hendak komen. Akan tetapi bagi sayalah, pembangunan sistem itu mesti *fit for purpose*. Kalau kita dapati bahawa kita dapat bangunkan

internally, we will do that. Sebagai contoh *Vaccine Management System (VMS)* yang di *plug-in* ke dalam MySejahtera. MySejahtera Trace, *the bluetooth proximity system was built in-house by MIMOS.* That was started by May when I was Menteri Sains dan Teknologi. Akan tetapi ada sesetengah benda yang *it's more efficient to be done outsource.* So, that is the policy decision that has to be taken whether or not sama ada kita buat *in-house* ataupun kita buat *outsource.* Maknanya sistem itu lebih cepat dan pantas dibuat *fit for purpose.* So, itulah.

Kalau kita hendak buat segala-galanya *in-house,* saya rasa tidak mampu kita. *I mean again sorry, excuse the fund.* Tidak dapat kita laksanakan. Saya rasa MAMPU pun mengakui bahawa mereka tidak dapat bangunkan semua aplikasi yang diperlukan oleh kerajaan sedangkan, saya bagi contoh ya Yang Berhormat aplikasi *electronic medical record (EMR)* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Ada sistem yang dibangunkan dahulu oleh MIMOS tetapi sistem yang sedia ada di pasaran *off the shelves* lagi cepat, lagi pantas, lebih baik dan lebih murah dibangunkan. Lebih mudah kita buat perolehan secara terbuka tender untuk memastikan kita dapat sistem yang sedia ada. Itu *dynamic nature of the IT sector.*

Jadi, *there are certain things that we can do in-house* Yang Berhormat *but there are also certain things that I think it's more efficiently done when we procure the services or when we procure the software.* You know *Datuk Seri Asri* dari segi *procurement.*

Datuk Seri Asri bin Hamidin@Hamidon: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Kerajaan *especially* MOF sedar bahawa *integrated system* itu amat penting dan kita menyedari bahawa ada di kementerian, ada dua ke tiga sistem yang tidak boleh bercakap *to each other.* Ini yang lama-lama. *Because based on* masa kita buat sistem ini ia melibatkan *need statement* daripada pengguna yang berbeza.

So, kalau contohnya MySejahtera ini kalau bukan boleh digunakan selain daripada *health system,* *actually* dia boleh merangkumi banyak sistem yang macam MAMPU kata kita boleh *integrate the whole system.* Akan tetapi spesifik-spesifik kementerian macam penguatkuasaan, ia memerlukan sistem yang sendiri yang tidak boleh *integrate* dengan *other* kementerian. Kita cuba ke arah tersebut macam Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin kata yang buat baharu lebih murah daripada kita hendak baiki yang hendak *integrate* yang lama punya.

Moving forward kita akan tengok supaya— teknologi ini cepat berubah, supaya kita dapat satu sistem yang lebih baik dan boleh digunakan *especially on data sharing amongst the kementerian.* Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya hendak *double confirm from the day one, since day one* katanya 27 Mac 2020 ataupun 1 April 2020, semua *source code* hak intelek at MySejahtera adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kerajaan Malaysia, itu adalah *property* kita. Adakah ini betul?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *From day one— I was not involved from day one. So, kena tanya kepada MKN nanti. Akan tetapi from day one, the data owner is Kementerian Kesihatan Malaysia, application is Kementerian Kesihatan Malaysia. The platform that is built on, that was developed by Entomo. But subsequently we built have more modules on top of that. So, subsequently every time the new module was build that module is owned by the government of Malaysia.*

Puan Wong Shu Qi: Jadi semua ini seharusnya dimiliki oleh kerajaan Malaysia? Soalan saya adalah kenapa kita berunding dengan MySJ kalau ini semua adalah dimiliki oleh kita sendiri?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Because...*

Puan Wong Shu Qi: Itu kalau kita hendak berunding pun, berunding dengan Entomo. Dia tidak boleh jualkan semua *property* ini kepada MySJ.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *It is not jual property, Yang Berhormat. It is a license agreement. So, Entomo sudah lantik MySJ sebagai the licensee for Malaysia.*

Tuan Pengerusi: *So, who is the license holder, Yang Berhormat Menteri?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The license holder of— the license holder— okay, let just me refer to the ini. So, the pembangun sistem adalah MySejahtera. Now, they are managing the system for us, system that we owned.*

Tuan Pengerusi: *So, I think from Yang Berhormat Kluang question the big question is in what capacity that KPISoft can sell their rights and licensing rights of MySejahtera kepada MySJ Sdn. Bhd..*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *I am not sure if there is any sale involved. They are just the wakil.*

■1220

Tuan Pengerusi: *If there is no sale also, there is an assignment of the rights.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yes.

Tuan Pengerusi: *When there is no rights owned by KPISoft, mana datangnya assignment itu?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The rights for the management of the service. You see, the management of the MySejahtera services was done by*

Entomo. *Every time we wanted something to* bangunkan, adalah dilaksanakan oleh Entomo. *So, that rights has been assigned to MySJ by Entomo. That has nothing to do with us.* Entomo kata, "Okey, selepas ini *you deal with MySJ*". *That is it.*

Tuan Pengerusi: Okey, *can we repeat this position?* Okey, katakan sekarang kerajaan merupakan pemilik aplikasi MySejahtera yang memiliki segala modul, IP *and everything, source code of MySejahtera.* So, soalan lanjut saya. Apakah kedudukan— *we do not talk about MySJ.* Apakah kedudukan KPISoft? Apakah peranannya selain merupakan pembangun?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pengoperasian platform. Maksudnya, perkhidmatan *cloud, technical operational resources,* pengurusan projek, *support and helpdesk,* penyelenggaraan, perkhidmatan pihak ketiga, pembangunan sistem modul-modul tambahan...

Tuan Pengerusi: *So, it is more on the operational part, right?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya.

Tuan Pengerusi: *Operational* dan juga pembangunan aplikasi itu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Operational and management.* So, *it is managed services now.*

Tuan Pengerusi: Okey. *So, in terms of licensing. So, from the eyes of KKM, who owns the licensing of MySejahtera?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *The MySejahtera is owned by the Government of Malaysia, but it is being managed by this company. Everything is being built, managed by the company. The servers are managed by them, all the new builds are done by them. If I want a new feature, I asked them, so that, they will build it for us* tetapi kita milik lah. Ia jadi macam kontraktor kita lah. Saya hendak *extension* dari rumah, saya hendak bilik baru dan sebagainya, ia bina dan ia *maintain.*

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat Menteri, *before I invite the rest,* saya ada sedikit— *I think the whole question rest.* Siapa yang memiliki MySejahtera, *of course I appreciate the stance taken by KKM. It is very clear that KKM will own this thing.* Okey, tapi mungkin saya mengambil peluang ini untuk *highlight* kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga Penasihat Undang-undang yang ada dengan wakil AGC yang ada pada pagi ini. Tadi kita dimaklumkan bahawa AGC tengah dalam usaha untuk memperhalusi dan untuk dalam usaha *checking* kesemua perjanjian yang terlibat untuk memastikan bahawa MySJ mempunyai satu hubungan dengan *this KPISoft.* So, *that part I think is beyond dispute.* Cuma, saya hendak bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga *ex-officio* AGC dan juga Penasihat Undang-undang KKM, *please take note. [Membaca petikan dari dokumen]*

Share sales agreement in respect of MySJ Sdn. Bhd. bertarikh 27 Ogos 2021. Vendor: Revolusi Asia Sdn. Bhd. Promoters: Entomo Malaysia Sdn. Bhd. Ravinderan a/l Ramamorthy & Purchaser: Hasrat Budi Sdn. Bhd. This is a share sales agreement whereby Hasrat Budi is a purchaser. I quote a few clauses inside:

- (i) *recitals: a) MySJ Sdn. Bhd is the owner of the platform through which the application known as MySejahtera for the Government of Malaysia to track, trace, manage the COVID-19 outbreak in Malaysia that is called MySejahtera Malaysia.*

So, recital menyatakan bahawa MySJ Sdn. Bhd. is the owner of the platform through the application known as MySejahtera. That is one.

- (ii) *The definition of intellectual property. Intellectual property means all intellectual property rights including without limitation to trademarks, servicemarks, trade names, business or domain names, get up and trade dress, goodwill, logos, patents, utility models, inventions, database rights. The keyword here is 'database rights', copyrights and so on.*

'Database rights' was defined as part of the intellectual property in this agreement.

Next, in clause 14.2 on intellectual property. 14.2.2 – MySejahtera Application. The company meaning that MySJ Sdn. Bhd, the company is the legal and beneficial owner of all rights, title, interest including intellectual property rights in the MySejahtera application and all related technology, knowledge, knowhows, upgrades, and trade secrets in relation to the MySejahtera application.

So, Yang Berhormat Menteri, the representation by the parties in all the court documents and also in all the agreements signed amongst the party is actually towards the direction that MySJ Sdn. Bhd. is the owner of the IPs and so on. IPs in a more dangerous sense would include 'database rights'. So, I understand from the letter given by MySJ Sdn. Bhd. to KKM is that they undertake that, "look, we acknowledge Government of Malaysia and KKM is the owner, but the documents in their business sector signed between the parties indicates otherwise." So, I hope KKM dan juga AGC dalam isu ini have to be really careful. I'm not too sure if KKM knows if any of the parties is doing anything behind KKM without KKM's knowledge. On one hand they say, "KKM, look you are the owner," on the other hand telling the world that, "we are the owner, we had the rights, come and buy from me."

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sebutkan tadi, saya tak dapat komen berkenaan dengan pertikaian. Cuma apa yang saya boleh komen adalah *shareholders agreement* ataupun perjanjian

pemegang saham yang dirujuk oleh Tuan Pengerusi tadi adalah bertarikh 27 Ogos 2021. Manakala surat yang saya rujuk tadi daripada MySJ Sdn. Bhd. yang menyatakan dengan jelas pemilikannya ialah Kerajaan, Kementerian Kesihatan Malaysia adalah bertarikh 12 April 2022. Jadi, saya anggap bahawa ini *overtaken by events*. Ini adalah yang *latest* dan inilah asas kepada rundingan kita. Saya pegang kepada yang ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya tak boleh tengok kepada pertikaian...

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Saya faham, *but I do not think this can be classified as taken over by events or so on, because if you look at their position in August 2021, they are telling the world or their business investors that they own the rights. So, I am not too sure, are they taking a stance that, "okey look, after I settled all my investors, everyone come in already, then I forgo my rights to the government."* So, I am not too sure whether that is the position taken. But again, are we convinced or is the government convinced that dari 1st April 2020 until now, for all these long period, setiap masa *material*, this app is owned by the government? If according to the documents that they make such a big representation in the documents, that does not...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yes. Our position Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yes.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *...is that at all times, pada setiap waktu dan masa, aplikasi dan datanya ialah milik kerajaan. Platform yang dibina, aplikasi ini dibina atas platform itu, platform itu asalnya dibangunkan oleh KPISoft. Itu platform mereka. Akan tetapi subsequently, when the house has been built on the platform, the house now is owned by the government.*

Tuan Pengerusi: Ya, *understand. So, I think from my point, that the point that I raised, I hope the ministry, PUU and AGC can take serious note on this. Ex-officio AGC, please also inform this matter to whoever in AGC who is looking through all the documents, okey?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Noted, Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: *Thank you. Yang Berhormat Sik, selepas itu Yang Berhormat Permatang Pauh. Sila.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Tuan Pengerusi, saya balik kepada soalan tadi. Mungkin saya mohon penjelasan ya. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut

kita tidak ada *agreement* dengan MySJ Sdn. Bhd. dan kita hanya berpegang dengan NDA dengan KPISoft, ya? Itu betul ya?

■1230

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Betul.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Betul, ya? Jadi, di pihak - mungkin saya mohon kalau pandangan dari Jabatan Peguam Negara adakah perlu kita – kerajaan ada satu *agreement* yang khusus dengan MySJ ini?

Kalau senario ke hadapan ini kita ada apa masalah ataupun *obligation* dengan MySJ di mana kita hendak berpegang dengan *obligation* itu? Ini kerana *agreement* itu kita dengan KPISoft, ya. Jadi, itu saya belum *clear* lagi. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, ini perkara yang sedang diperhalusi oleh Jabatan Peguam Negara, Yang Berhormat. Kalau di dapati bahawa kita tidak boleh hendak *sign* dengan MySJ disebabkan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Kita akan *revert* balik kepada Entomo kata “Kita perlu *sign* dengan you” sebagai KPISoft nama ditukar kepada Entomo sekarang ini. Akan tetapi, kalau AGC berpandangan bahawa memang kita boleh *sign* dengan MySJ memang kita akan *sign* tetapi kita faham pendirian Yang Berhormat. Oleh sebab itu, Perbendaharaan letakkan sebagai syarat masa Yang Berhormat Menteri Kewangan ada di sini, dia ada sebutkan. Bila dibawa *paper* ini kepada Jemaah Menteri pada bulan November yang lepas, Perbendaharaan tidak puasa hati.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan memaklumkan kepada saya “*Sila rujuk ke Jabatan Peguam Negara, you boleh sign dengan MySJ ke tidak? Kalau tidak, kena sign dengan syarikat asal iaitu KPISoft*”. So, kita dalam proses untuk mendapatkan kepastian.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Saya mohon untuk KSP. Dalam slaid ini muka surat 26 itu, nombor tujuh. [*Merujuk kepada slaid pembentangan*].

Disebutkan dalam kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia kos perkhidmatan perlu dirunding semula ke paras yang menguntungkan kerajaan mengambil kira pembayaran luar kontrak berjumlah RM9 juta yang telah diluluskan kepada MKN yang bertarikh 28 November 2021.

Jadi, apakah maksud di sini Yang Berbahagia Datuk? Mungkin ada penjelasan sedikit? Maknanya, macam ada ketidakpuasan hati di pihak kementerian itu sendiri kalau sebelum ini.

Datu Seri Asri bin Hamidin@Hamidon: Terima kasih Yang Berhormat.

Ia bukan ketidakpuasan hati. Ia adalah satu pentadbiran kontrak yang lebih kemas. Oleh sebab dalam masa KPISoft membangunkan sistem kita ada banyak yang tiga itu sudah pergi sampai 15. So, dalam pada itu kita menggunakan *third-party* Google.

So, yang Google ini kita sudah bayar RM9 juta. So, dalam perancangan bila Kabinet bagi keputusan untuk *direct nego* dengan syarikat MySJ ini so kita minta ia rundingkan, tolak yang kita sudah bayar itu. Mengambil kira benda itu jangan buat *double* pembayaran. Itu kita hendak jelaskan, itu sahaja.

Tadi pun yang kita katakan yang *last* tadi itu kita menekankan bahawa yang nombor tiga, KKM hendak memastikan KPISoft, Entomo, MySJ memberikan *undertaking* supaya tidak ada mana-mana pihak menuntut daripada segi pemilikan hak cipta, pembayaran dan lain-lain. Berkaitan dengan pembangunan yang 15 aplikasi MySejahtera supaya kita bayar sekali sahaja.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: Saya hendak bertanya, ya.

Oleh sebab sekarang ini belum ada perjanjian yang ditandatangani di antara kerajaan dengan MySJ Sdn. Bhd. Jadi, sementara itu apakah terjadi dengan data-data di dalam MySejahtera ini? Siapakah yang punya hak milik? Begitu juga dengan aplikasi ini sementara itu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rujuk kepada NDA yang ditandatangani oleh kerajaan dan juga pihak Entomo. Manakah NDA ini? Banyak sangat dokumen.

Jadi, dalam NDA ini yang ditandatangani pada 1 April 2020, Yang Berhormat. Yang Berhormat sebutkan berkenaan dengan data. MySejahtera *data owner* adalah *Ministry of Health* dan saya rujuk kepada tempoh ia. Walaupun tempoh CSR sudah tamat tetapi - *where is it?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Seven. Duration of the agreement.* Ini NDA yang berada pada Yang Berhormat, ya. Saya baca dengan izin dalam Bahasa Inggeris.

“This agreement shall be effective from the date of this agreement and shall continue to take affect throughout the corporate social responsibility period duration as agreed by both parties and or until full and further contract of the proposal entered between the parties if any”.

Maksudnya, NDA ini masih lagi terpakai daripada segi pengurusan data dan sebagainya.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd

Dun: Tadi dipersoalkan ada pula mereka perjanjian dengan lain-lain parti yang menyatakan *transferring all these to the other parties?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *So, for as long as the agreement has not been signed – the new agreement has not been signed, memang NDA ini adalah antara kerajaan Malaysia dengan KPISoft.*

Akan tetapi, kami dimaklumkan oleh KPISoft iaitu Entomo sekarang bahawa *any contract is to be signed with MySJ. That is why we are trying to ascertain this issue, AGC. If we are not satisfied then of course we tell them* tidak bolehlah sign dengan MySJ. Kita kena sign dgn Entomo.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Chairman.*

Tuan Pengerusi: *Sorry, Yang Berhormat Permatang Pauh first.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tanya sahaja berkait dengan tadi ada dalam slaid penjelasan ini hendak minta penegasan dari Yang Berhormat kerana daripada peringkat awal memang MySejahtera milik kerajaan Malaysia, ya? Itu *stated*.

Pembentangan menyatakan bahawa data dan maklumat rakyat Malaysia dalam MySejahtera tidak akan dikongsi. Maksudnya, oleh KKM walaupun dalam *database* dengan mana-mana agensi mahupun kementerian di Malaysia. *Just want to ask that* kerana kita tahu tentang kontroversi *trace together* Singapura. Data rakyat Singapura diguna pakai oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menyasar atau meneruskan siasatan jenayah.

Akan tetapi, *the genesis* ataupun di peringkat awal MKN yang mengeluarkan *the non-disclosure agreement*. Jadi, saya hendak mungkin minta Yang Berhormat berikan penegasan dan penjelasan lanjut *so that the Malaysians know the data even within government* tidak akan mampu diakses oleh KDN atau agensi lain. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih atas soalan ini.

Seperti mana yang saya telah bantangkan dalam taklimat tadi Yang Berhormat berkenaan dengan isu ini iaitu merujuk kepada muka surat 19. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*.

Penggunaan data ini hanya tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Perubatan 1971 [Akta 50] dan bukannya Kanun Keseksaan dan sebagainya Akta Polis 1967 [Akta 344]. Jadi,

ia tidak boleh dikongsi untuk tujuan melainkan tujuan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lumut. Silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih *Chairman*. Hendak bertanya sedikit lagi kepada Yang Berhormat Menteri. Daripada tiga modul kepada 18 buah. Tiga itu yang asal yang dikehadapkan dan 15 itu *develop along the way*.

Saya hendak tanya berapa daripada 15 yang baharu itu dibina selepas tempoh CSR? Sudah tentu ideanya datang daripada KKM apa yang kita hendak, data yang kita hendak. Cuma, siapakah yang membina modul-modul tersebut dan adakah ia dibina oleh KPISoft atau apa-apa syarikat yang kemudiannya diserahkan tugas ini dan berapakah kos membina modul-modul terutamanya yang dibina selepas tempoh CSR itu?

Contohnya, yang *travelers* ini semuanya *latest*, baharu. Berapa kos yang dibayar ataupun memang itu dibuat secara gratis oleh pihak yang membina? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Modul-modul yang dibangunkan selepas tempoh CSR ini semua ada kosnya. Kita sedang - daripada awal lagi MAMPU *has been engaging with Entomo* ataupun KPISoft pada waktu itu untuk membuat perundingan harga dan sebagainya.

■1240

This is subject to the final contract-lah. Kontrak itu akan masuk semua kos ini selepas CSR. Saya dengan izin Yang Berhormat hendak jemput Dr. Mahesh supaya dia dapat jawab *which module was developed after the CSR*. Sila.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Dr. Mahesh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Untuk rekod, Dr. Maheshwara Rao, KKM.

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Kawalan Penyakit) Kemneterian Kesihatan Malaysia]: Terima kasih Yang Berhormat. Salam sejahtera Yang Berhormat sekalian. Untuk makluman Yang Berhormat, selepas bulan April 2021, sebanyak sembilan modul daripada apa yang dipaparkan telah dibina selepas tempoh CSR. *It's actually not in order. So, about nine modules from here* Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Kos dia apa?

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Kos dia...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kos kita sedang *negotiate*.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *Mic on, please* Yang Berhormat Lumut.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Semua di-*developed* oleh pihak KPISoft kecuali dua, Modul VMS, nombor 12 dengan nombor sembilan, MySJ Trace. Dua ini dibangunkan *in-house* oleh MOSTI semasa saya Menteri oleh MIMOS tetapi kos integrasi dia dan sebagainya dibuat oleh KPISoft.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada soalan daripada saya. Berbalik kepada isu pemilikan sekali lagi. *Of course, I can see the ministry now is working very hard to ensure that* kesemua milikan MySejahtera *including IP and so on will be with the minstry and the government after the agreement is signed.*

Akan tetapi dengan dokumen-dokumen yang saya baca tadi, berkenaan dengan affidavit dan juga pernyataan tuntutan, *all the agreements and so on*, sama ada pihak Yang Berhormat Menteri boleh mengesahkan *with no uncertain terms that* dari hari pertama, sampai sekarang, *all the IPs, modules, source code*, kesemua *item* ini adalah dimiliki oleh kerajaan *from day one onwards?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *I will ask Dr. Mahesh also to elaborate on this.*

Tuan Pengerusi: Silakan Dr.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *From day one, the IP of the application, the IP of the modules that were developed and the data, all owned by the government. The only thing that was developed by the KPISoft which is that is the platform. That is built on this. So, that is the generic software that we will buy-lah and we will build our application on top of it. So, that is the situation. Dr. Mahesh.*

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Terima kasih Yang Berhormat. *Just to echo what* Yang Berhormat Menteri Kesihatan *had said, all modules that has been developed, number one, goes through a committee that is formed and also being involved by multiple agencies, technical committee for us to pass through every single module that we decide, discussed and would want to publish,* Yang Berhormat. *Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Thank you. I have some other questions* Yang Berhormat. Saya merujuk kepada pernyataan tuntutan antara P2 Asset Management Sdn. Bhd. dengan Entomo Malaysia Sdn. Bhd., Revolusi Asia Sdn. Bhd. *Of course, it is their pertikaian* namun ada fakta-fakta yang saya hendak jelaskan di sini.

Ia ada menyatakan bahawa pada sekitar November sehingga Disember tahun 2020, Entomo Malaysia telah mengemukakan cadangan dan menulis surat kepada kerajaan, merayu kepada kerajaan untuk bersetuju dengan model komersial untuk penggunaan berterusan aplikasi MySejahtera melalui perkongsian awam, swasta ataupun kontrak perkhidmatan antara kerajaan dan MySJ Sdn. Bhd.

So berkenaan dengan cadangan pada bulan November 2020 ini, saya meminta sama ada pihak Yang Berhormat Menteri ada apa-apa ulasan yang boleh membantu pihak PAC untuk memahami dengan lebih lanjut apakah konsep perkongsian awam swasta atau *public-private partnership for this application*?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Pada 10 November 2020, pihak Entomo telah menghantar kertas cadangan hala tuju MySejahtera. Kertas cadangan kepada kerajaan di mana mereka telah mengesahkan bahawa CSR adalah daripada 1 April sehingga 31 Mac 2021. *This letter says the tempoh CSR.*

Seterusnya di dalam kertas cadangan tersebut, kaedah PPP telah pun dicadangkan, *public-private partnership* dengan membolehkan keluasan modul tambah nilai yang boleh dikomersialkan oleh syarikat daripada modul-modul keperluan kerajaan yang sedia ada. *So, they suggest that* untuk bantu mereka membiayai *management of MySejahtera*, biarlah mereka masukkan modul komersial.

So, kalau kita buka MySejahtera, contohnya, *this is what I imagined they thought it was going to be*, ada macam Grab-lah. Boleh beli *things*, boleh beli barangan dan sebagainya. *Advertisement* dan sebagainya. Itu yang dibawa ke Kabinet pada Mac 2021 sebab pada 31 Mac 2021, tamat CSR. So dalam memorandum Jemaah Menteri tersebut, memang cadangan itu dibentangkan sama ada Kabinet setuju atau tidak dengan cadangan ini untuk ada modul komersial di dalam MySejahtera. Ini yang ditolak oleh kabinet.

Tuan Pengerusi: *Okay, very clear* dan soalan selanjutnya. Tadi Yang Berhormat Kluang ada membangkitkan berkenaan dengan surat setuju pihak kerajaan untuk menandatangani kontrak perkhidmatan dengan MySJ dan untuk penggunaan berterusan aplikasi tersebut. Surat tersebut pada 21 Mei 2021. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada pihak PAC apakah kandungan surat tersebut.

Some of the shareholders they claimed it is like a letter of award so bagi kepentingan PAC, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit penjelasan berkenaan dengan surat tersebut dan memberikan kepada pihak PAC sesalinan surat tersebut.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang Berhormat saya baca surat tersebut dan selepas ini saya boleh beri salinan tersebut. Surat tersebut bertarikh 21 Mei 2021 yang ditulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara MKN pada waktu itu Datuk Haji Mohd. Rabin bin Basir. *[Membaca surat]*

“Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas surat rujukan MKN bertarikh 7 Disember adalah berkaitan. Perbincangan perolehan anggaran harga aplikasi MySejahtera pada 21 April turut dirujuk. Majlis Keselamatan Negara...” - ini berdasarkan kepada keputusan Kabinet – bahawa tidak dikomersialkan tetapi dirunding harga, untuk *manage services*. *This is the first cabinet paper.*

“MKN sekali lagi ingin merakamkan penghargaan di atas sumbangan KPISoft membantu kerajaan dalam pengawalan penularan wabak COVID-19 dalam negara dan membangunkan aplikasi MySejahtera.

Sebagai makluman tuan, kerajaan telah mempertimbangkan cadangan yang diangkat oleh pihak tuan berhubung hala tuju aplikasi MySejahtera dan telah memutuskan supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama satu tahun. Ini selaras dengan dasar semasa kerajaan yang memfokuskan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang mana aplikasi MySejahtera dan sistem pelengkapanya Malaysia Vaccine Administration System (MyVAS) yang dibangunkan oleh MIMOS...” that’s my insert- *“...merupakan elemen utama bagi program ini. Sebarang aspek yang mempunyai unsur pengkomersialan adalah dikhuatiri akan menjejaskan kepercayaan rakyat dan seterusnya mengganggu proses di dalam PICK.”*

So that was reflective of the Cabinet decision.

“Pada masa yang sama kerajaan melihat potensi besar aplikasi MySejahtera untuk dikembangkan sebagai aplikasi nasional yang boleh memberi pelbagai perkhidmatan kepada rakyat...” At that point in time, masih lagi ada pendapat bahawa *it’s more than just health but* belum lagi dimuktamadkan. *“Sehubungan dengan itu, kerajaan sedang meneliti perkara ini dan akan mengadakan perbincangan susulan dengan pihak tuan dalam mendapatkan persetujuan terutamanya aspek komersial bagi Kerajaan Malaysia memperkembangkan aplikasi MySejahtera ini. Seperti yang dimaklumkan, bersama pada masa ini, tumpuan sedang diberikan untuk melaksanakan rundingan awal dalam pembentukan kontrak perkhidmatan MySejahtera.”* Ini surat dia.

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you.* Yang Berhormat Kluang sila.

Puan Wong Shu Qi: Maaf, hanya hendak *double confirm*. Surat ini adalah daripada Ketua Pengarah MKN kepada CEO...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: KPISoft.

Puan Wong Shu Qi: KPISoft, okey terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, saya jemput...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, lanjutan...

Tuan Pengerusi: Soalan lain sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Lanjutan daripada surat tersebut.

■1250

Perkara berbangkitlah daripada surat itu ya, ada pertemuan-pertemuan lain yang membincangkan isu seperti yang diutarakan tadi.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Sorry* Yang Berhormat tak dengar. Ada apa?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ada pertemuan-pertemuan lain, perbincangan-perbincangan lain yang seperti disebut dalam surat itu diadakan pada masa akan datang katanya ya. *The last part of the letter*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Oh, the last part of the letter*. Okey, sekejap ya. Okey, surat ini 21 Mei. Yes. Selepas itu pada 11 Jun, laporan awal penilaian harga MAMPU di mesyuarat JKPP MySejahtera Bilangan 1 Tahun 2021. Laporan awal hasil penilaian harga yang dilaksanakan oleh MAMPU telah dibentangkan pada mesyuarat tersebut. Laporan awal tersebut telah mencadangkan tiga kaedah perbandingan harga penilaian secara *customization* dan penilaian *software as a service— more the detail*-lah. Pada 30 Jun, MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga, beberapa siri perbincangan lanjut telah dilaksanakan bagi memuktamadkan skop dan penilaian harga MySejahtera di peringkat MAMPU yang dipengerusikan oleh ketua perunding teknikal MAMPU, Encik Ahmad bin Osman.

Pada 1 Julai, MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga. Sekali lagi dibuat rundingan. Pada 7 Julai 2021, perbincangan MAMPU tentang persediaan penilaian harga aplikasi MySejahtera peringkat MAMPU. Pada 16 Julai, MAMPU bermesyuarat dengan vendor untuk skop dan harga sekali lagi perbincangan. *Just to show that after that all the negotiation taking place* daripada MAMPU. Tak adalah kita tulis surat, selepas itu tak ada apa-apa. Selepas itu 24 Julai MAMPU bermesyuarat sekali lagi untuk vendor dengan skop dan harga. Pada 3 Julai, mesyuarat MAMPU, pembentangan laporan hasil penilaian harga aplikasi

MySejahtera kepada Datuk Sri Ketua Pengarah MAMPU, dipengerusikan oleh KP MAMPU sendiri.

Pada 20 Ogos, pembentangan dan sesi *review* hasil penilaian harga aplikasi MySejahtera yang dilaksanakan oleh Ketua Pengarah MAMPU dan penilaian ini dibentangkan kepada Jawatankuasa MySejahtera pada 25 Ogos. Pada 27 Ogos, pelantikan Kabinet baharu termasuk pelantikan saya sebagai Menteri Kesihatan. Selepas itu disegerakan supaya semua penilaian harga MAMPU disegerakan dan laporan penilaian harga oleh MAMPU dibuat pada 14 September 2021 dan seterusnya satu mesyuarat pembentukan MJM atau Memorandum Jemaah Menteri telah pun dibuat pada 1 Oktober yang telah dikemukakan oleh MAMPU.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Any indication of the cost mentioned?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Itulah sebab anggaran siling yang dipersetujui oleh ini adalah 190, *that is the basis of the negotiation.*

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya nak tanya bahawa sama ada pihak KKM atau mana-mana pihak dalam kerajaan pasti bahawa ataupun *know for sure* bahawa pihak Entomo tak pernah dan juga tidak membuat apa-apa *backup* ataupun simpanan *personal data* yang dapat kutipkan dari *apps* MySejahtera itu. Tanpa mungkin *knowledge*, tanpa ditahu oleh pihak kerajaan.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Saya rujuk kepada Dr. Mahesh la.

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan izin Yang Berhormat, *I think we have got a very-very strict governance data, governance structure within MOH and within all the agencies who's involves with MySejahtera. We have got one of the most powerful agencies which is NACSA, who is overlooking and oversighting all data that's present within the database. Their NC4, their command centre actually looks into all sorts of vulnerabilities within the system.*

And for your information Yang Berhormat, among all agencies, Ministry of Health is the one who's— I mean among all agencies, we are very sensitive of our data. We have everything systematically purged, stored, archived and whatnot. All trails audit locks within our control and our view at all times. Thank you.

Puan Wong Shu Qi: So, langsung tak boleh pihak Entomo simpan dari mana-mana data peribadi kita?

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: *No duplication, no copies of data* Yang Berhormat. *Thank you.*

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Dr. Mahesh. Yang Berhormat Menteri, tadi ada baca— tadi ada Yang Berhormat Menteri ada baca satu surat pada 10

November 2020. Kertas cadangan daripada Entomo ataupun KPISoft kepada pihak kerajaan untuk memasukkan kontrak perkhidmatan dengan pihak kerajaan. Sana ada menyatakan bahawa— Entomo juga sahkan bahawa CSR untuk satu tahun akan tamat pada bulan April 2021. Bolehkah saya *check* dengan pihak KKM, *prior to this letter* sama ada, ada apa-apa dokumen yang disimpan oleh KKM dan dalam simpanan KKM yang menunjukkan bahawa CSR itu adalah untuk satu tahun dan berakhir pada 31 Mac 2021? *Is there any document in your possession to that?* Tadi kita telah sahkan NDA tidak ada nyatakan *duration* itu. *So, is there any document within the possession of KKM to confirm that the CSR is for one year?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *We don't have enough possession. That can be asked to MKN.*

Tuan Pengerusi: *Okay sure. We will get it from MKN there. Thank you. Okey,* ada soalan lain daripada ahli-ahli semua? Saya— okey ada satu soalan lagi ya. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: Saya terlepas pandang tadi. Yang hendak minta surat *undertaking* surat jaminan itu Yang Berhormat Menteri agak-agak lambat lagikah surat jaminan? KKM perlu memastikan KPISoft Malaysia dan Entomo memberikan surat jaminan supaya tidak ada mana-mana pihak yang akan menuntut pemilikan. *[Disampuk]* Sudah ada surat jaminan? Saya terlepas pandang tadi.

Datuk Seri Asri bin Hamidin@Hamidon: Yang Berhormat, ini surat MOF kepada MOH berkaitan dengan KKM hendak memastikan KPISoft— *because* kita ada pertikaian ada tiga entiti siapa yang membangunkan *the whole* modul-modul ini. Jadi, bila kita dapat *direct nego* macam saya jawab tadi, kita akan bayar kepada satu sahaja. Bila kita bayarkan kepada satu, katakan kita bayar kepada MySejahtera tetapi nanti KPISoft mungkin akan minta saman balik kerajaan dia mengatakan bahawa dia yang membangunkan sistem itu. Sebab itulah kita minta supaya ketiga-tiga ini memberi *letter of undertaking* bahawa mereka takkan akan *claim* dari sudut pembangunan aplikasi daripada awal.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: Dia orang tengah *discuss*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kita tengah dapat ini *as part of the agreement*-lah. Kita kena dapatlah.

Tuan Pengerusi: Okey ada soalan lain? Okey Yang Berhormat Menteri, saya balik kepada— ya sila Yang Berhormat Beaufort.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: *It is bugging me you know* tentang tadi minta ketiga-tiga ini memberikan

jaminan ini. Sudah diberikah ini? Mereka sudah bagi kah ini sebab nak *sign agreement* kan?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Akan diperolehi dalam *agreement* ini Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun: So dia orang belum bagilah?

Tuan Pengerusi: Okey. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya apabila— saya percaya bahawa sekarang pihak KKM sedang dalam rundingan dengan MySJ untuk terma-terma yang bakal dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Daripada *cost papers is in the court*, nampaknya MySJ dia ada masalah berkenaan dengan— masalah dalaman mereka berkenaan dengan pelantikan *director* dan sebagainya *and they don't even able to have director's meeting or come out with any director's resolution*.

So, masalah di sini adalah— persoalan di sini adalah dengan pertikaian dalaman yang ada dalam syarikat MySJ Sdn. Bhd., *who is KKM currently dealing with* dan sama ada individu tersebut ataupun entiti tersebut mempunyai kuasa ataupun mempunyai *what we say locus* untuk berurusan dengan pihak kerajaan.

■1300

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *That is why* Tuan Pengerusi, kita telah maklumkan kepada pihak MySJ bahawa segala pertikaian, termasuklah pertikaian yang menyebabkan *circular resolution* tidak dapat ditandatangani dan sebagainya, mesti diselesaikan dengan segera. Kalau tidak, kita tidak akan teruskan dengan mereka. *I have made this very clear*. Saya telah maklumkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk sampaikan kepada pemegang saham mereka bahawa selagi pertikaian ini berlaku dan tidak boleh dilaksanakan Mesyuarat Lembaga dan sebagainya disebabkan ada pertikaian, tidak boleh sains *circular resolution*, *then, we will have to proceed with the original vendor* ataupun *the original party*. *Again, this is something that AGC is also looking at, but we have informed them, with- in no uncertain terms*.

Tuan Pengerusi: Okey, apabila kita berbincang berkenaan dengan kaedah perolehan, *I mean*, proses perolehan, pemberian kelulusan kepada MySJ tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. So, keputusan Kabinet pada 26 November ya, tidak silap saya, 26 November yang lepas. Isu sekarang— 20 hari bulan? Ya. Isu sekarang di hadapan kita adalah sama ada kerajaan akan menandatangani kontrak dengan MySJ Sdn. Bhd. ataupun KPISoft Sdn. Bhd.? *So, that is an issue in front of us*. Akan tetapi saya hendak bangkitkan satu isu yang lebih besar. Kenapakah Kabinet- sama

ada Kabinet pada ketika itu pernah mempertimbangkan untuk mengikuti segala proses perolehan yang ditetapkan memandangkan jumlah peruntukan yang terlibat ialah RM196 juta? Dengan kos yang sebesar ini, sememangnya mengikut proses perolehan, perlulah satu *open tender*. So, sama ada kerajaan pernah berbincang untuk buat *open tender* sebelum memberikan kontrak ini kepada MySJ Sdn. Bhd.?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. *Of course*, amalan yang terbaik, *gold standard*nya adalah *open tender*. Akan tetapi dalam keadaan pandemik, di mana kita terpaksa minta modul-modul, tambahan modul dan sebagainya, *it is almost impossible*. *Not impossible* lah tetapi akan mengambil masa...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, *I am talking about the Cabinet's decision in November last year...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Cabinet's decision, ya Cabinet's decision.*

Tuan Pengerusi: *Everything is already in place.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *Yes, Cabinet's decision is also based on services done between the Cabinet's decision and the end of the CSR period. These services done was with that company.* Oleh sebab itulah, kita setuju untuk rundingan terus dengan kompeni sebab ia sudah buat *services* dan ia akan teruskan. *We said up to year 2023 and then*, kita boleh *retender* ataupun tender semula *or we do it in-house as I mentioned earlier*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, komen daripada Yang Berhormat Menteri memang merupakan persoalan utama dalam hati saya *since day one* berkenaan dengan MySejahtera ini. Persoalannya, sekiranya kerajaan setiap kali membenarkan mana-mana vendor dengan menggunakan nama CSR mendapatkan projek, selepas satu atau dua tahun mulai *charge* kerajaan. Levi kan *charges* ke atas kerajaan. *So, that is not a good practice for the government, but I reserve my comment here. We will leave it for the laporan later.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, *but may I respond* Tuan Pengerusi, *just on record. I agree it is extraordinary* dan daripada segi amalan perolehan biasa, ini agak luar biasa ya dan kita setuju. Saya rasa Perbendaharaan pun setuju. *The only thing I can say is that*, ini dalam keadaan pandemik. Itu sajalah ya *and as much as I was not involved initially as the chronology stated, I can understand where the decision makers were coming from at that point and time.* Ini disebabkan, *there was a need to get the application that was ready to go as quickly as possible.* So, itulah yang keadaan yang luar biasa.

Tuan Pengerusi: Ya, memang PAC pun setuju dengan pendirian bahawa dalam keadaan luar biasa, *direct negotiation is not necessary abetting. We have to repeat. Direct negotiation is not necessary abetting.* Akan tetapi apabila kita beri *direct negotiation since day one*, kenapa kah kerajaan pada ketika itu, *never comes into the issue of the payment after one year after CSR? Now, everything is already in place and we are being— To make it very bluntly, we have no choice, but to gives the contract to this company and all the negotiations on the prices can only be done with this company. We cannot compare the price outside. We cannot say A, B or C Sdn. Bhd, will have the expertise to do and so on. So, this is the situation where we are stuck right now lah. Never mind, we can leave that for our laporan later. May I invite, if there are any more questions from the...*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, sekali lagi. Yes.

Tuan Pengerusi: Ya. *Members?* Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Apabila kita ulang balik Yang Berhormat Menteri perbincangan macam ini, timbullah soalan. *We are now working under what contract? Are we desperate to have the contract urgently or what? Ini the first part of the question.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Ya, *well, we are still working under the NDA. That is why we need to regularize it with the contract.* Ya lah, saya mewakili kerajaan, saya *have the interest of the rakyat at heart, but to be fair*, sudah ada vendor yang sudah buat kerja selama— Okey, kita tolaklah tahun yang pertama selama satu tahun. Ia sudah buat kerjanya dan sudah bina semua. So, kita hutang mereka, *at least* untuk pembinaan semua, untuk penyelenggaraan dan pengurusan. So, *to be fair*, kita kena ada kontrak untuk kita selesaikan hutang kita dengan mereka. Itu *at the very least* dan kita tambah tempoh satu tahun lagi sebab kita anggap bahawa ada modul-modul yang lain yang perlu kita selesaikan sehingga tahun 2023. *That is why the time horizon of year 2023.* So, saya lebih suka untuk kita *regularize*. Jadi, daripada segi urus tadbir pun lebih baik sebab sekarang ini kita hanya atas NDA itu saja. So, *we need to regularize.* Kabinet pun setuju, kita kena bayar hutang dan kita kena *regularize contract* ini. Okey?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: So, katakanlah *delay in process* itu, *regularize* ini adalah kerana *we are still looking for information, the due diligence* itu semua...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Yang MySJ, Entomo, yes. *All of that.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey, kalau begitu *and since* Yang Berhormat Menteri pun kata, *whatever happens, the wrangling within the*

company is their matters. If you think that we need to regularize fast, can't we as a government decide just- decide dengan Entomo sajalah. Forget about yang MySJ-knowing here.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *So, absolutely Yang Berhormat. We are in the process of deciding that and we want to conclude it as quickly as possible. Kalau masih lagi ada pertikaian semua ini, we will go to them and say, we will sign with Entomo, habis cerita.*

Tuan Pengerusi: *Next question, I would like to ask Datuk KSP on the— Let me just try to recall my question. Okey, tidak boleh. [Ketawa] Okey, so, apa yang kita nampak sekarang, isu the so called isu perolehan di sini, pada bulan April tahun 2020 apabila kerajaan ataupun MKN melantik KPISoft Sdn. Bhd. untuk membangunkan aplikasi MySejahtera secara CSR. Apa dokumen yang kita ada, hanyalah satu Non-Disclosure Agreement (NDA). We are not sure whether there are any other documents in hand, so will ask MKN next week. Akan tetapi daripada segi proses perolehan, in the eyes of MOF sama ada proses ini proper atau sama ada keseluruhan proses yang melibatkan pembangunan satu aplikasi yang begitu berpotensi hanya di govern oleh satu NDA saja dan tidak ada satu perjanjian formal antara kerajaan dengan pembekal? Is that right or is that normal?*

Datuk Seri Asri bin Hamidin@Hamidon: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam keadaan sekarang, situasi sekarang, adalah tidak normal dan ia kena follow proses yang telah ditetapkan dan digariskan dalam Pekeliling dan undang-undang. Akan tetapi pada masa ini, PKP dilaksanakan dan sebagaimana yang briefed oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan. MKN ada menyenaraikan beberapa buah syarikat untuk dilaksanakan secepat mungkin, dalam masa dua minggu hendak go alive. So, that is why lah dalam keadaan-keadaan darurat begini, kita mestilah ada fleksibiliti, budi bicara untuk kita melaksanakan perkara-perkara yang di bawah emergency ini.

■1310

Cuma saya *personal view* Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa kalau 15 modul itu kita lihat dalam keadaan sekarang dan kita tidak membangunkan lagi MySejahtera. Kalau kita hendak bangunkan *this is the statement need by MOH* lah dan kita akan buat open tender, kita akan keluarkan mengikut proses seperti yang ada dalam undang-undang. Kosnya saya rasa lebih daripada RM196 juta. Macam kita lihat apabila kita membuat uCustoms, kosnya RM284 juta. Apabila kita *start* dengan *statement*. Ini dalam keadaan darurat saya berpandangan bahawa ada

flexibility yang kita kena bagi pertimbangan untuk MKN pada masa tersebut yang melaksanakan urusan-urusan PKP. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk KSP. Saya merujuk semula kepada *slide, the final slide* penutup daripada KKM. Semalam apabila saya baca *slide* ini memang saya tertarik dengan *final statement in this slide* keputusan untuk mengadakan rundingan ini adalah satu usaha untuk memperbetulkan dan menyelesaikan masalah yang telah timbul sebelum ini. So, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa yang dimaksudkan dengan memperbetulkan dan menyelesaikan masalah yang timbul sebelum ini. *What is the problem* yang timbul sebelum ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *No, problem per se* Yang Berhormat tetapi seperti mana yang disebutkan oleh Datuk KSP tadi dalam keadaan biasa kita ada kontrak sebab ini dibuat sewaktu darurat dan pandemik. Ia dibuat atas NDA dan *good faith*. Jadi apabila saya sebut bahawa hendak diperbetulkan, *is to regularize* supaya kita ada kontrak. Itu yang dimaksudkan.

Tuan Pengerusi: Okey, berkenaan dengan penyimpanan dan pelupusan data Yang Berhormat Menteri, *can you repeat in this PAC, what is a position taken by KKM?* Bilakah data sama ada data *eventually will be deleted or how* dan penyimpanan untuk berapa hari. Di Dewan Negara ada dijawab, *90 days after the check in and so on. Maybe* Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu gambaran yang jelas kepada kita di sini.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Dr. Mahesh.

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Terima kasih Yang Berhormat. Semua data *check in* akan dilupuskan 90 hari dari hari *check in* secara automatik melalui sistem secara harian, nombor satu. Semua data *check in* juga akan diarkibkan selepas 30 hari. *After 30 days it is archived in 90 days purged from the system, deleted. That is* Yang Berhormat, *thank you*.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Data positif adalah milik KKM Yang Berhormat. Itu adalah *database* lain. Itu disimpan selama-lamanya di bawah *database* KKM sendiri.

Tuan Pengerusi: Okey, ada soalan lagi daripada ahli-ahli mesyuarat semua? Sudah tiga jam. Ya sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Just clarification. Tanya Dr. Mahesh. Is it a normal procedure for all data that has been eliminated to be archived? I mean archive first and then eliminated.*

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Yang Berhormat, *it is part of our governance process Yang Berhormat because for us, for contact tracing our automated contact tracing is 14 days. So, our outbreak definitions is times two, 28 days. So, after that we archive, we are not going touch anymore the data, it is kept and eventually purged after 90 days, if in case it needs to be retrieve back again. In any case of further investigation of cases and whatnot, so far that is our process. It is our governance structures. Thank you.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *So, my visit to the pub is no more there lah? I mean...*

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: *Which?*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *100 days ago. Not in the archive, no more.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *You are safe Yang Berhormat.*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Lumut ada hendak sembunyi.

Tuan Pengerusi: Cuma sebelum kita hendak mengakhiri prosiding pada hari ini. *I just want to put on record a few documents yang mana ada disebut dalam court cases dan sebahagiannya pihak PAC sempat untuk mencetak, memperoleh sesuatu salinan. Untuk perhatian PUU dan juga AGC khususnya, apabila dalam proses memperhalusi kesemua hubungan ini haruslah mengambil kira kesemua perjanjian yang ada.*

Di sini, saya nampak ada satu, 6 Oktober 2020, MYSJ telah memasuki satu perjanjian dengan Entomo Malaysia, perjanjian lesen yang mana Entomo akan memindahkan harta intelek aplikasi tersebut kepada MYSJ. Selepas itu Entomo Malaysia akan memberikan MYSJ lesen untuk aplikasi tersebut. MYSJ perlu membayar Entomo Malaysia jumlah-jumlah sebanyak RM338.6 juta sebagai yuran untuk pemindahan harta intelek aplikasi dan juga yuran pelesenan. *So that is one.*

Ada satu *sale share agreement*, 31 Disember 2020, Revolusi Asia memasuki satu perjanjian penjualan saham dengan P2 Asset Management di mana Revolusi akan menjual saham MYSJ kepada P2 Asset Management. So, itu merupakan satu lagi perjanjian dan perjanjian-perjanjian yang lain termasuk perjanjian yang saya baca awal tadi. Satu perjanjian *sale share agreement* antara MYSJ Sdn. Bhd. dengan Revolusi Asia Sdn Bhd, Entomo Malaysia, Ravindran a/l Ramamurthy bertarikh 27 Ogos 2021. Saya berharap kesemua dokumen ini ada dalam pegangan AGC dan

jika tidak ada sila AGC membuat *search* atas *website* kehakiman untuk mendapatkan kesemua dokumen ini apabila membuat, memberikan pandangan kepada KKM.

So, I hope Yang Berhormat Menteri can also see from what I read out just now very clear RM338 billion was meant for the pembelian hak intellectual property rights and also the licensing rights by MYSJ Sdn Bhd from KPISoft Sdn. Bhd. So, this is statement very clear...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: *We take note of that* Yang Berhormat dan itu pun sebahagian daripada asas perundingan kita untuk memastikan bahawa kita dapat perjanjian yang terbaik bagi kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Mungkin sebelum saya akhiri. Ada satu soalan lagi berkenaan dengan peranan NACSA dan MAMPU. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada PAC, apakah peranan NACSA, MAMPU *in all these issue that we are have discuss? Anyone?*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Kita tengok *slide* yang ke...

Seorang Ahli: 10

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: 10. *Slide* ke 10. Saya sekali lagi memanggil Dr. Mahesh sebab dia terlibat daripada awal. *Please explain.*

Dr. Maheshwara Rao a/l Appannan: Yang Berhormat, peranan NACSA sebenarnya ia adalah kerjasama strategik antara pelbagai agensi. Peranan NACSA adalah untuk memastikan keselamatan data kita, pengurusan data dan juga sekretariat kepada semua mesyuarat teknikal MySejahtera di peringkat nasional. Peranan MAMPU adalah sebagai rakan *technology partner* kepada KKM di mana mereka akan melihat kepada segala modul yang kita bina *whether feasibility study* dan sebagainya *and the capacity, capability and the need as well. That our technology partner, thank you.*

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you.* Okey, ada soalan lain daripada ahli-ahli semua? Yang Berhormat Lumut ada lagi? Tidak ada sudah? Okey. So, jika tidak ada saya cuma hendak maklumkan kepada saksi-saksi dan juga ahli-ahli semua minggu depan 21 April 2022 pihak kami akan memanggil wakil daripada JPM, MAMPU, MKN dan NACSA untuk memberikan keterangan bagi prosiding kedua bagi subjek di hadapan kita ini. Selepas itu, kami akan membuat keputusan sama ada hendak memanggil saksi-saksi yang lain dan sekiranya perlu, seperti biasa sekiranya kami memerlukan keterangan lanjut daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan ataupun Yang Berhormat Menteri MOF, pihak kami akan memaklumkan kepada Menteri sekali lagi.

So, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah pun hadir pada pagi ini dan memberikan keterangan kepada pihak PAC. Kepada saksi-saksi yang lain, *thank you so much and ex officio* juga saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua. Sekian daripada saya, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.20 petang]



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Bil.1(b)2022

Khamis, 21 April 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:
Pembangunan dan Perolehan
Aplikasi MySejahtera**

- 1. Jabatan Perdana Menteri**
- 2. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)**
- 3. Majlis Keselamatan Negara (MKN)**
- 4. Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA)**

**PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 21 APRIL 2022**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Dato Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Puan Zarinah binti Mat Jailaini [Peguam Kanan Persekutuan]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Suriati Samsudin [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas (ULKAN & OK)]

Kementerian Kewangan

Puan Azreen binti Awang [Ketua Seksyen Parlimen dan kawalan Pemantauan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Jabatan Audit Negara

YBrs. Dr. Alifah Aida binti Lope Abdul Rahman [Pengarah Audit]

YBrs. Dr. Zaharuddin bin Zainal Abidin [Timbalan Pengarah Audit]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Hanim binti Abdul Rahim [Ketua Penolong Pengarah]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Encik Mohamad Khairol bin Mohamad [Pegawai Siasatan (Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan)]

Unit Perancang Ekonomi

Puan Adena binti Ahmad [Timbalan Pengarah Bahagian perkhidmatan Sosial Unit Perancang Ekonomi]

SAKSI**Jabatan Perdana Menteri**

YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria [Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)]

YBhg. Datuk Mohammad bin Ismail [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

Encik Azman bin Mahmood [Setiausaha Bahagian Audit Dalam]

Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah]

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof [Pengarah]

Encik Norhashimi binti Mohd Nor [Ketua Penolong Pengarah]

Puan Adawiyah binti Md Ashar [Penolong Pengarah Kanan]

Majlis Keselamatan Negara

YBhg. Datuk Haji Rodzi bin Md Saad [Ketua Pengarah]

Agensi Keselamatan Siber Negara

YBrs. Tuan Rahamzan bin Hashim [Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara]

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Khamis, 21 April 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.09 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, kuorum sudah ada dan saksi-saksi pun sudah hadir. Saya memulakan mesyuarat pada pagi ini jam 10.09 pagi. Salam sejahtera, selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Keempat Belas sekalian. Selamat datang saya ucapkan kepada ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi.

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, pada hari ini PAC mengadakan prosiding kedua bagi isu pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera di bawah Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Pada Khamis lepas, jawatankuasa ini telah pun mendengar keterangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz dan Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Menteri Kesihatan). Dalam prosiding kira-kira tiga jam tersebut, PAC telah dimaklumkan beberapa maklumat hanya boleh diperolehi daripada tiga buah agensi di bawah JPM iaitu MAMPU, MKN dan juga NACSA.

Hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria (Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan dan Pembangunan JPM), Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail (Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan JPM), Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (Ketua Pengarah MAMPU), Yang Berbahagia Datuk Haji Rodzi bin Md Saad (Ketua Pengarah MKN), Yang Berusaha Tuan Rahamzan bin Hashim (Ketua Eksekutif NACSA). Terima kasih saya ucapkan kepada semua saksi yang telah pun hadir di hadapan PAC untuk prosiding kedua yang membabitkan isu aplikasi MySejahtera pada pagi ini. Saya percaya bahawa slaid pembentangan pun telah pun dimuat naik ke dalam server Ahli-ahli PAC pada malam semalam. Dengan itu, saya

menjemput Yang Berbahagia Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria untuk memulakan pembentangan bagi pihak JPM bagi prosiding pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera. Sekian, terima kasih. Dipersilakan Yang Berbahagia Dato'.

Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria [Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan) Jabatan Perdana Menteri]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam Keluarga Malaysia. So, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pihak PAC kerana menjemput *team* JPM pada pagi ini untuk membentangkan mengenai proses pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera.

So, untuk maklumat Tuan Pengerusi dan semua ahli mesyuarat, seperti mana yang disebut oleh Tuan Pengerusi tadi, daripada JPM terdiri oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail (Ketua Pengarah MAMPU), Yang Berbahagia Datuk Haji Rodzi bin Md Saad (Ketua Pengarah MKN) dan juga Yang Berbahagia Datuk Mohammad bin Ismail pun ada, TKSU Pengurusan JPM. Ada juga bersama kita NACSA, Yang Berusaha Tuan Rahamzan bin Hashim (Ketua Eksekutif NACSA).

Untuk maklumat semua, NACSA ini merupakan sebuah agensi di bawah Majlis Keselamatan Negara. Ada juga pegawai-pegawai daripada MKN dan juga MAMPU bersama kita untuk memberi penerangan yang lebih lanjut lagi mengenai proses pembangunan dan perolehan aplikasi MySejahtera pada pagi inilah. So, dengan izin Tuan Pengerusi, saya ingin menjemput mungkin daripada pihak MAMPU dahululah untuk memulakan pembentangan kita pada pagi ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail [Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)]: Tuan Pengerusi, pembentangan slaid akan dimulakan oleh Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof daripada MAMPU dan akan dibantu oleh Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman daripada MKN. Jadi, saya minta Puan Hanissull untuk memulakan pembentangan. Prosedurnya akan ada soal jawab semasa pembentangan atau selepas pembentangan, Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Itu bergantunglah.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Bergantung kepada ahli ya?

Tuan Pengerusi: Mungkin semasa pembentangan, soalan jika ada, maka kami akan memberikan peluang untuk soalan dibangkitkan.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Okey. *Two-way* punya *communication* Yang Berhormat ya?

Tuan Pengerusi: Ya, *two-way*. *Yes, definitely two-way. Don't worry.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Okay, thank you.* Silakan, Puan Hanissull.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof [Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi Yang Berhormat Ahli-ahli semua, Dato', Datuk, Datuk Seri semua. Saya Hanissull Jalis binti Md Yusof daripada MAMPU akan membuat pembentangan. Bersama-sama dengan saya Puan Shariffah Rashidah. Kami akan berduetlah.

First, di sini kita akan sentuh – daripada kandungan ini ada terdapat 15 perkara utama. Saya akan sentuh daripada latar belakang hingga ke fasa pembangunan. Puan Shariffah akan sambung daripada tadbir urus sampai ke pelaksanaan CSR dan seterusnya akan saya sambung kembali. Okey, *next*.

Pertama mengenai dengan latar belakang. Seperti yang kita maklum, bahawa pelaksanaan PKP pada 18 Mac telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa tersebut dan juga masa itu kita tahulah keadaan negara tiba-tiba dilanda pandemik COVID-19 dan rakyat tidak tahu macam mana nak menjalankan keadaan seharian. Juga di sini dimaklumkan PKP tersebut diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara.

Pada masa itu kalau Yang Berhormat dan juga Dato', Datuk, Datuk Seri semua ingat ya, pada masa itu terdapat satu kluster perhimpunan Sri Petaling ataupun kita *known it as* kluster Tabligh yang telah pun mula – dikesan 11 Mac 2020 dan dia berpecah kepada sub-subkluster yang kecil-kecil dan berselerak. Dengan ini, kerajaan merasakan intervensi dan pemantauan perlu dilaksanakan pada waktu tersebut dan cara kapasiti yang kita boleh laksanakan adalah secara manual dengan keupayaan kapasiti KKM yang pada masa tersebut yang agak terhad. Okey, *next*.

Saya teruskan ya. Di sini kita lihat ya, pada 23 Mac, data kes COVID-19 pada masa itu telah pun meningkat kepada 1,518 dan ada terdapatlah banyak kes yang lain. Keadaan makin lama makin kritikal dengan kadar kematian semakin hari semakin meningkat. Okey, *next*.

Kita lihat di sini daripada statistik. Kalau kita lihat di sini, pada permulaannya, pada mula-mula kita beranggapan ini adalah kes-kes terpencil yang dijangkiti dua hingga tiga orang. Lepas itu lama-lama meningkat. Kita perhati statistiknya dari mula iaitu pada 27 Februari, apabila ia sampai ke 14 Mac, pertengahan Mac itu, telah pun meningkat. Peningkatannya agak ketara kalau pada masa itu; meningkat melebihi daripada 100 peratus. Ada yang mencapai hingga 300 peratus. Trendnya makin lama

makin naik dan keadaan menjadi amat kritikal. Ini adalah taburan seperti yang saya bentang. Okey, *next*.

Di sini kita nampak keperluan aplikasi pengurusan COVID-19 di peringkat nasional. Tujuan aplikasi ini adalah untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 dalam negara yang membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri dan berkomunikasi secara dua hala, memantau individu. Masa – *time* ini kita semua sudah tahulah terdapat PUS dengan juga PUI (*Person Under Investigation*) dengan pesakit berisiko rendah boleh melaksanakan penilaian sendiri tanpa perlu ditahan di hospital. Pemantauan individu di pusat-pusat kuarantin juga kita dapat laksanakan secara *contactless* untuk meminimumkan risiko jangkitan kepada petugas-petugas. Aplikasi tersebut juga perlu boleh memaklumkan keputusan ujian COVID-19 oleh KKM kepada individu supaya dapat direkodkan oleh KKM dengan segera. *Turnaround time* oleh pihak KKM pada ketika itu untuk maklumkan kepada rakyat mengambil masa dalam lima hari. Ini memerlukan – melaksanakan perancangan yang selanjutnya dan memantau dengan melalui penggunaan aplikasi MySejahtera melalui pendekatan *surveillance* dan juga *homecare monitoring*.

Penglibatan MAMPU dan NACSA dalam aplikasi COVID-19; kita telah menyedari bahawa pembangunan inisiatif ini akan melibatkan pembangunan sistem di peringkat nasional. Pengumpulan dan penggunaan data individu juga memerlukan penglibatan pelbagai agensi. KKM telah mendapatkan pada mulanya, khidmat rundingan MAMPU selaras dengan peranan MAMPU sebagai pakar runding dalam pengurusan ICT sektor awam. Selanjutnya, berbincang dengan MKN sebagai peneraju pengurusan pandemik pada waktu tersebut dan NACSA *as a cyber security agency* turut dilibatkan dalam pelaksanaan cadangan selaras dengan peranan NACSA dalam pengurusan keselamatan siber negara yang turut melihat pada aspek pembangunan sistem agar dibangunkan dengan selamat.

Tuan Pengerusi: Puan Hanissull...

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya, saya.

Tuan Pengerusi: Terima kasih atas pembentangan. Saya ada satu soalan ataupun satu pencerahan yang saya hendak minta daripada Puan Hanissull berkenaan dengan peranan MAMPU.

■1020

Okey, sini kata peranan MAMPU merupakan pakar perunding dalam pengurusan teknologi maklumat (ICT) perkhidmatan awam. Saya hendak tanya, apakah kapasiti MAMPU dari segi sama ada MAMPU berupaya untuk membangunkan sesuatu aplikasi ataupun sistem ICT *by yourselves? I not talking*

about MySejahtera. I am talking about in general, sama ada MAMPU berupaya untuk membangunkan sesuatu aplikasi ICT ataupun sistem ICT untuk membantu kerajaan apabila diperlukan. Nombor satu. Nombor dua, sama ada MAMPU juga mempunyai peranan untuk melaksanakan ataupun mengambil tugas operasi sistem ICT yang dibangunkan?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tuan Pengerusi, boleh saya jawab ya?

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Memang di MAMPU, kami ada satu *team* perunding Tuan Pengerusi, untuk *service* kepada semua sektor awam di Malaysia. Di MAMPU kami ada 14 bidang kepakaran, termasuk pembangunan sistem dan banyak sistem yang kita telah bangunkan untuk kegunaan sektor awam.

Contohnya, dalam masa COVID-19 ini juga Tuan Pengerusi, MAMPU telah bangunkan satu sistem yang dipanggil SPOT-Me yang mana kita boleh membantu pegawai untuk melaporkan keberadaan pegawai semasa dia bekerja dari rumah. Itu salah satu sistem kami bangunkan sendiri *in-house*, Tuan Pengerusi.

Satu lagi kami juga sudah bangunkan sistem GovChat di masa COVID-19 ini, GovChat untuk kita – macam WhatsApp. Ia adalah seakan-akan WhatsApp *group* yang WhatsApp punya *chat* dalam kalangan pegawai kerajaan. Itu kami sudah bangunkan juga untuk kegunaan sektor awam dan sekarang ini dalam peringkat *pilot project*. Untuk makluman Tuan Pengerusi, kami yakin dengan perbincangan, dengan rundingan yang sedang diadakan di peringkat Kementerian Kewangan sekarang antara pihak *government* dan pihak vendor MySejahtera ini, kami yakin dengan kemampuan ICT di MAMPU dan kemampuan ICT di Kementerian Kesihatan, kami yakin bahawa kerajaan mampu untuk mengambil alih pengurusan sistem MySejahtera ini dengan kepakaran dan pengalaman yang kami ada, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih, Datuk Seri.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Hanya sebagai *follow-up* kepada jawapan yang Datuk Seri bagi, termasuklah persoalan asal. Kalau dilihat dalam skop item tiga *kan*, penglibatan MAMPU dan NACSA, MKN dalam aplikasi pengurusan COVID-19 di peringkat nasional. Kalau saya rujuk kepada jawapan Datuk Seri tersebut, maksudnya ia sudah berubah sedikit. Ini kerana kalau dalam item satu, khidmat perunding MAMPU adalah sebagai pakar runding dalam pengurusan ICT, sementara NACSA ialah pelaksanaan cadangan dalam dua bidang. Satu, pengurusan keselamatan siber yang termasuk juga aspek pembangunan sistem.

Jadi, mungkin boleh berikan sedikit, kalau sekarang dari segi pengambilalihan, ia sudah berubahlah. Adakah itu maksud yang disebut? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kami *team government* ini, apabila kita melibatkan gabungan dalam sistem, melibatkan banyak parti yang terlibat. Macam MAMPU, kita melihat dari segi penggunaan pembangunan sistem itu dan NACSA ia melihat dari segi keselamatan. Macam semasa kita *develop* sistem MySejahtera ini pun, NACSA terlibat dari awal untuk melihat dari segi keselamatan sistem yang dibangunkan itu supaya tidak dicerobohi oleh penggadam-penggadam teknologi yang begitu aktif sekarang ini.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, maknanya sekarang ini dengan keputusan Kabinet yang terkini pada 6 April dahulu, yang mana supaya sistem MySejahtera ini dipindahkan kepada kerajaan secara *total, 100 per cent*. Sekarang ini, pihak kerajaan sedang berunding dengan pihak *company* dari segi mekanisme dan juga dari segi kos pengambilalihan oleh kerajaan. Kami yakin pada peringkat kami, pada peringkat MAMPU, pada peringkat MKN, pada peringkat NACSA dan juga dengan CGSO iaitu Bahagian Pejabat Keselamatan Kerajaan di JPM, kami yakin kami boleh mengambil alih sistem ini daripada pihak syarikat dan mengoperasi untuk masa hadapanlah.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih jawapan daripada Datuk Seri Dr. Yusof. Cuma saya hendak faham, apa yang dimaksudkan dengan 'pengambilalihan'? Dalam prosiding lepas, memang kami difahamkan bahawa rundingan antara kerajaan dengan pihak syarikat swasta iaitu MySJ Sdn. Bhd. untuk aplikasi MySejahtera adalah untuk MySJ diberikan kontrak selama dua tahun untuk melaksanakan pengoperasian aplikasi MySejahtera. Walaupun pada semua masa material, Yang Berhormat Menteri berpegang dengan pendirian bahawa MySejahtera ini milik pihak kerajaan. Kesemua data milik pihak kerajaan, cuma dari segi operasinya perlulah lantik sebuah syarikat swasta iaitu MySJ Sdn Bhd. Itu sebagai latar belakang.

So, soalan saya, apakah yang dimaksudkan oleh Datuk Seri berkenaan dengan 'pengambilalihan' oleh MAMPU?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 'Pengambilalihan' oleh kerajaan, Tuan Pengerusi. Ia ada keputusan Kabinet pada tahun – Puan Hanissul boleh bantu saya. Keputusan yang pertama dahulu, yang kita ambil alih setahun itu.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan]: 31 Mac.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 31 Mac 2021, Tuan Pengerusi.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: 2020.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 2020?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: 2021, *sorry*.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: *Sorry* ya. 31 Mac 2021, sudah ada keputusan daripada kerajaan. Semasa itu, MKN membentangkan Kertas Jemaah Menteri kepada Kabinet. Kerajaan telah putuskan supaya kerajaan dalam tempoh satu tahun pertama ini, kerajaan membayar kepada – pada masa itu KPISoft untuk sistem yang telah dibangunkan. Hala tuju selepas satu tahun, maknanya selepas tahun 2022, hala tujunya akan dibincangkan secara terperinci di antara pihak kerajaan dengan pihak syarikat. Jadi, itu maksud saya tadi, Tuan Pengerusi.

Untuk setahun ini, kerajaan sedang berunding dengan pihak syarikat sekarang untuk membayar semua kos pembangunan sistem dan perolehan sistem itu kepada pihak syarikat dan mengambil alih *the whole system* yang telah dibangunkan. Cumanya, *way forward* selepas setahun ini kita belum buat keputusan, Tuan Pengerusi. Kita akan kembali kepada keputusan Jemaah Menteri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: So, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh, cuma sedikit pencerahan lagi. Datuk Seri kata untuk satu tahun ini pihak kerajaan akan membayar. Memang kami diberitahu bahawa pihak kerajaan akan membayar pihak – dahulu KPISoft, sekarang MySJ Sdn Bhd untuk kos pembangunan, pengoperasian dan sebagainya. So, apakah fungsi MAMPU apabila terdapat satu kontrak selama setahun ini dengan suatu pihak swasta?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Berdasarkan kepada keputusan yang terbaharu Tuan Pengerusi, pada 6 April baru-baru ini, Jemaah Menteri telah memutuskan; yang pertamanya, kesemua data yang ada dalam MySejahtera dipindahkan ke pusat data MAMPU. Maknanya, data sekarang ini berada di bawah pihak vendor, akan dipindahkan kepada MAMPU dan MAMPU akan menguruskan data-data MySejahtera, keseluruhan yang berdaftar dalam MySejahtera, Tuan Pengerusi. Fungsi MAMPU sekarang ini adalah untuk memastikan data-data ini dipindah secara *total* dan akan memastikan bahawa sistem keselamatan semua akan terjamin. Oleh sebab kami mempunyai empat buah pusat data di Malaysia ini Tuan Pengerusi, untuk menampung data-data kerajaan dalam sektor awam.

Tuan Pengerusi: So, maksudnya apabila dinyatakan di sini MAMPU berupaya ataupun bersedia untuk mengambil alih pengoperasian MySejahtera secara keseluruhan, maksudnya memang MAMPU telah pun bersedia tetapi juga bergantung kepada kerajaan dan juga rundingan kerajaan dengan pihak syarikat swasta. Betul?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, betul Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh, selepas itu Yang Berhormat Kluang.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Datuk Seri Dr., tadi disebut tentang pengambilalihan oleh MAMPU *kan?* Jadi, sebelum ini – sesi sebelumnya kami dimaklumkan dari segi peletakan ataupun – *how do you say this? The storage of data is in AIMS Data Centre sementara – together with Alibaba Cloud.*

■1030

So, maksudnya *after this it will be transferred* penyalinan sepenuhnya itulah ke dalam MyGovCloud ya?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya, kepada Pusat Data Sektor Awam (PDSA).

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Okey. Pusat Data Sektor Awam. *Thank you.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: PDSA, ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Soalan kedua saya, sementara dalam waktu ini, sementara rundingan sedang berlangsung dengan syarikat MySJ dan juga Entomo ataupun KPISoft, kita dapat makluman di luar bahawa *the incoming CEO* telah secara berhubung dengan pihak awam untuk memberikan data bagi tujuan *update* dan sebagainya dalam MySejahtera itu. Jadi, bermaksud sekarang ini seolah-olah data setiap pengguna MySejahtera mampu dirobah oleh *incoming CEO* – nama penuh *let me just read it out for the record*, Puan Aiza Azreen.

Jadi, ini dipaparkan pada peringkat media bahawa beliau sedang menawarkan khidmat untuk memberi maklum balas kepada pengguna MySejahtera dan kemudiannya mengesahkan bahawa data pengguna dapat dirobah oleh pihak beliau. *So, does this mean, in the interim, the company MySJ Sdn. Bhd. mampu mengakses kepada data pengguna MySejahtera?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Yang Berhormat, saya minta Puan Shariffah MKN bantu saya sebab sudah ada *agreement* antara kerajaan dengan pihak syarikat dari segi kerahsiaan data. Puan Shariffah, tolong bantu *agreement* itu, tolong *elaborate* sikit.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman [Ketua Penolong Pengarah Kanan, MKN]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat. Untuk saya menerangkan berhubung dengan pemilikan data, kalau saya diizinkan untuk terus ke slaid nombor 17 supaya saya boleh terus terangkan. Okey.

Seperti mana yang difahami bahawa berhubung dengan pemilikan data, satu *non-disclosure agreement* (NDA) dengan pihak KPISoft telah ditandatangani pada 1 April 2020 dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Antara

terma utama dalam NDA adalah hak milik setiap data dan maklumat yang diperoleh menerusi penggunaan MySejahtera adalah hak milik penuh dan mutlak kerajaan sehingga satu kontrak baharu dimeterai dan ia tertakluk pada Akta 342 dan Akta 50. Data hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta sistem sokongan berkaitan dengan pandemik.

Apakah kawalan data yang dilaksanakan pada ketika itu? *Can I go to the next slide?* So, data-data yang dikenal pasti berhubung MySejahtera adalah seperti mana dari nombor 1 sampai nombor 6 tersebut bermula daripada maklumat peribadi sampailah ke maklumat *check-in* dan seterusnya sehinggalah kita melaksanakan penilaian kesihatan sendiri dan juga butiran vaksinasi.

Polisi yang ditetapkan dalam *data privacy* MySejahtera adalah; yang pertama, polisi ini merupakan polisi standard yang ditetapkan bukan hanya untuk MySejahtera tetapi ditetapkan oleh gudang aplikasi iaitu Google, Apple dan juga Huawei yang mana data yang dikumpulkan oleh aplikasi adalah data yang dikemukakan atas persetujuan pengguna dan dilakukan secara sukarela.

Maksudnya di sini, di peringkat *build* lagi pihak pasukan projek perlu meyakinkan pasukan-pasukan di gudang aplikasi Google, Apple dan Huawei bahawa data yang akan digunakan oleh aplikasi MySejahtera perlu telus kepada pengguna dan pasukan di gudang aplikasi akan menilai, dari aspek teknikal -. Kemudian pasukan di gudang aplikasi Google, Apple dan Huawei akan melihat aplikasi daripada aspek perundangan. untuk tengok kita punya *apps* dan juga ada *team* legal mereka yang akan *question this particular matter*. So, perkara ini memang beberapa kali aplikasi MySejahtera yang kita cuba *push to the store* ditolak dan kita perlu meyakinkan para pemilik gudang ini bahawa kita telah melaksanakan tindakan sepatutnya dengan bukti-bukti perlu dikemukakan..

Kedua adalah apa yang ingin kami nyatakan bahawa dalam sistem aplikasi MySejahtera, berhubung data *check-in* pengguna; komitmen yang diberikan oleh KKM adalah data hanya disimpan selama 90 hari dan akan dihapuskan secara automatik dalam sistem. Data diletakkan selama 90 hari adalah kerana data *check-in* hanya digunakan dan relevan bagi tujuan pengesanan kontak... [Disampuk]

Tuan Pengerusi: Puan, maaf saksi ya, maaf Puan Shariffah ya. *I think* sebelum kita masuk jenis data dan polisi, soalan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, kita balik kepada slaid sebelum ini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: 17 ya.

Tuan Pengerusi: 17. Mungkin saya cuba *rephrase* – bukan *rephrase*, memperjelaskan lagi persoalan yang hendak dibangkitkan. Kita memang faham ada satu NDA ditandatangani antara pihak Kerajaan Malaysia ataupun MKN dengan

KPISoft Malaysia Sdn. Bhd. Itu satu-satunya dokumen yang kita ada. Masalah di sini adalah kita ada satu syarikat yang lain, MySJ Sdn. Bhd. yang mana belum lagi ada apa-apa kontrak ditandatangani antara syarikat ini dengan pihak kerajaan. Kita dimaklumkan bahawa rundingan untuk kos masih lagi belum dimuktamadkan.

Persoalan di sini adalah *the CEO-designate* MySJ Sdn. Bhd., bernama Aiza Azreen, beliau telah pun seolah-olah mengambil alih tugas sebagai satu *customer service* – itu merupakan sesuatu yang baik sekiranya semua syarikat swasta boleh berbuat demikian. Akan tetapi *legally speaking, does she have any locus* untuk akses kesemua data yang sepatutnya dimiliki oleh pihak kerajaan? Kita tahu ada satu NDA; NDA itu adalah antara kerajaan dengan KPISoft. Akan tetapi, masalah di sini adalah MySJ yang telah pun seolah-olah sebelum kontrak dimasuki, seolah-olah telah pun mengambil alih tugas dengan secara keseluruhannya. *So, that is the worries.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, untuk persoalan yang berhubung *the CEO* MySJ Sdn. Bhd. dan tindakan yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, pada pihak saya, kami tidak mempunyai maklumat. Namun begitu, apa yang boleh saya nyatakan di sini adalah pada peringkat pasukan kerja, apabila kami melaksanakan pembangunan aplikasi MySejahtera dan di bawah konteks MKN sendiri sehingga 31 Disember 2021, kami hanya berhubung dengan orang yang sama dari hari yang pertama iaitu pada 23 Mac 2020 sehinggalah pada 31 Disember 2021. Pihak syarikat yang kita *deal* adalah pihak yang sama, *team* yang sama, pasukan projek yang sama. Tidak ada perubahan di peringkat kami pada sepanjang pelaksanaan aplikasi MySejahtera.

Tuan Pengerusi: Siapa yang mengetuai pasukan kerja bagi pihak syarikat swasta?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Bagi pihak syarikat swasta, pada peringkat pasukan kerja yang berbincang secara *detailed*, terdapat seorang *project manager* daripada KPISoft dan kemudiannya dinamakan Entomo, namanya Royston, saya boleh dapatkan nama penuh... *[Disampuk]* Royston Cheah yang sememangnya berhubung dengan kita, KKM dan juga MAMPU dalam urusan pengurusan projek MySejahtera.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Puan Shariffah. Saya rasa kerana ini penting untuk kita sama-sama meningkatkan kadar kepercayaan kepada penggunaan MySejahtera, kerana itu saya tanyakan. Kalau boleh pada peringkat *project manager they become really aware* kerana ini dipaparkan di peringkat umum. Maksudnya di luar sana, *the incoming* atau *designated CEO* mengatakan beliau ada kuasa untuk membantu *just to update the data of* pengguna MySejahtera.

Jadi, pada saya penting juga kita teliti bab ini kerana ia membangkitkan atau membawa kepada kekeliruan. Maksudnya mereka menunjukkan – item 4 ya, data hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi. *Maybe they went through the project manager, I am not sure. The point is the data was changed.* Oleh sebab itu saya rasa kalau di sini peringkat MKN jelas dan mungkin boleh dibawa juga kepada perhatian – sementara perbincangan berterusan, sebaiknya mereka menggunakan laluan dan *channel* yang rasmi dalam perkara ini. Terima kasih.

■1040

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat,– izinkan saya bertanya supaya semuanya jelas di sini. Maksud Yang Berhormat *data has been changed* itu bagaimana Yang Berhormat? Supaya jelas di sini.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya serahkan nanti Tuan Pengerusi kepada pihak MKN. Kalau dilihat ini dibawa oleh pihak media... *[Disampuk] Maybe can show. Can you WhatsApp to her? So, she understands.* Contohnya – ya *I think better – I'll send to Johan now.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Okey, saya kurang pasti apa maksud yang di-*tweet* tersebut tetapi apa yang saya boleh maklumkan, sefaham saya dalam sistem dan aplikasi MySejahtera...

Tuan Pengerusi: Mungkin kita jangan sambung dahulu. Kita *put up* pada skrin dahulu.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Ia bukan sebarang *Tweet* ya *because* ia adalah daripada pihak media yang memang sedang memberi liputan tentang isu MySejahtera dan mereka juga rujuk kepada prosiding mahkamah dan sebagainya. *That's why – we would not just refer to a tweet ya. But it's quite official.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Okey, isunya begini. NDA adalah antara Kerajaan Malaysia dengan KPISoft. Amat jelas. *So, if there is any PR exercise* ataupun siapa-siapa yang mempunyai kuasa untuk mengakses data-data yang ada, itu sepatutnya datang daripada KPISoft Sdn. Bhd. Akan tetapi, di luar sana kita nampak ada isu yang mana MySJ sendiri nampaknya sebelum ada kontrak ditandatangani ataupun dimasuki dengan kerajaan, nampaknya telah mempunyai segala akses terhadap data-data termasuk kemudahan untuk memindah maklumat, memindah data. Mungkin *intention* ataupun hasrat dia adalah baik. Untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Kadang-kadang hendak *call hotline* tidak dapat.

Akan tetapi, sama ada MySJ Sdn. Bhd. mempunyai *locus* ataupun boleh dibenarkan untuk membuat satu representasi sebegini. *She represented that to the*

outside world that, "Look, MySJ Sdn. Bhd. can resolve your problem. We are the owner..." and so on. Please.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Yang Berhormat, untuk makluman seperti yang kita maklum semasa MJM pada 26 November telah menyatakan dengan *clear* aplikasi ini adalah kepada KKM dan bagi pandangan kami sebenarnya Puan Aiza ini tidak ada hak untuk menjawab bagi pihak MySejahtera ataupun KKM.

Sebenarnya memang ini – bukan saya hendak ini kata dia punya adalah – inilah. Memang dia tidak ada hak. Itu sahaja.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Okey. Ada hak atau tidak ada hak itu memang amat jelas. Persoalan di sini adalah sama ada MySJ Sdn. Bhd. ataupun Puan Aiza Azreen, *the CEO-designate* di sini, pada tahap ini sama ada mereka mempunyai akses terhadap data-data ataupun pengoperasian MySejahtera. *Big question.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, untuk menjawab persoalan ini, yang pertama *in my humble opinion, we need to check back with KKM* yang mana pada keadaan sekarang ini pihak kami tidak mempunyai akses terhadap siapa boleh memiliki data. Nombor satu.

Yang kedua, sebagai makluman dari aspek teknikal, sistem MySejahtera sebenarnya dibina dandilengkapi dengan *log access*. Maksudnya di sini, semakan perlu dilakukan. Kita tidak pasti sama ada Puan Aiza as an individual *has an admin account to access the data or there– is anyone that was given access or any discussions and decisions within the project team or what not, that makes – she can say something like this. We are not sure of that. We do not have the information.*

Tuan Pengerusi: Okey, *I think – clear? From MAMPU...* *[Disampuk]* Yang Berhormat Kluang ada soalan?

Puan Wong Shu Qi: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Puan Wong Shu Qi: Sebenarnya saya pun ada tanya soalan ini pada minggu yang lepas. Jadi, minggu ini kerana NACSA pun ada di sini dan kita baru sentuh isu data ini. So, saya hendak tahu sama ada kerajaan boleh memberi kepastian bahawa Entomo ataupun KPISoft pernah atau tidak pernah *duplicate* ataupun *back up* mana-mana *database* ataupun *personal data* yang dikumpulkan melalui aplikasi MySejahtera yang disimpan dalam *database* AIMS sekarang.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, kalau saya boleh respons dari segi pemahaman saya. Soalan Yang Berhormat adalah sama ada pihak KPISoft mempunyai keupayaan untuk *–duplicate the data* dan simpan di mana-mana *database* di AIMS. Seperti yang dimaklumkan bersama, sistem MySejahtera

dibina dengan mempunyai akses log yang mana kita akan dapat mengetahui siapa yang akses data pada waktu tersebut dan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan jejak audit.

Dalam menjawab persoalan dari segi teknikal, adakah perlunya ada *backup data* bagi tujuan untuk memastikan bahawa dari aspek keselamatan sekiranya berlaku risiko yang menyebabkan *database MySejahtera* terancam sebagai contoh, kalau Yang Berhormat sedia maklum, salah satu daripada insiden keselamatan siber yang berlaku di peringkat global bagi sektor kesihatan sewaktu berlakunya COVID-19 adalah *ransomware* yang mana data dikunci dan disebabkan tidak ada *backup*, terdapat masalah untuk sistem berfungsi dengan *lancar*.

■1050

Sehubungan itu, dari aspek *back-up*, sememangnya ia merupakan satu keperluan yang diletakkan dalam pembangunan sistem. Itu jawapan yang boleh saya berikan.

Puan Wong Shu Qi: Maksudnya, memang ada *back-up* tetapi *back-up* itu sekarang dijaga oleh pihak mana? Sama ada kerajaan ataupun pihak mana-mana dapat tahu apabila ada pihak ketiga ataupun orang mana-mana buat *back-up* tersebut dan *transfer* ke lain tempat?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat juga, seperti yang dimaklumkan tadi, dalam sistem MySejahtera kita meletakkan *requirements in terms of administrator access – sorry, log* akses di mana kita boleh *detect* sebarang perbuatan-perbuatan yang dilaksanakan oleh mana-mana pengguna yang memasuki sistem pada ketika itu. Melalui log akses tindakan boleh dijejaki dalam sistem MySejahtera.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Hendak bertanya MAMPU sedikit ya, bukan berkaitan ini tetapi dimaklumkan bahawa kita selepas setahun CSR, sistem ini masih di-*manage* oleh KPISoft dengan kerajaan dan MAMPU mengetahui bahawa *at a certain point in time, it will be taken over by the government. No date was* ditetapkan. Cuma pertanyaan saya, selepas dari setahun itu, ada atau tidak MAMPU menguruskan usaha-usaha untuk mengambil alih pengurusan, *administration of MySejahtera? MAMPU or KKM for that matter*. Ini kerana kelihatannya perjanjian yang baru hendak dibuat ini *is an extension of another two years. Meaning to say, we are not ready. Let's say at this point in time*, hendak ambil alih, *none of us in the government is able to do that. We need another two years. Is that a fair comment?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Maksud saya tadi Yang Berhormat, kita akan ambil alih *immediately* selepas rundingan di MOF bersama KKM dengan pihak syarikat dimuktamadkan. Itu kita akan ambil alih secepat mungkin dan sekarang sudah *final stage*. Untuk soalan kedua Yang Berhormat tadi, kita tidak perlu tunggu sampai dua tahun, Yang Berhormat. Kita akan ambil alih secepat mungkin selepas rundingan dengan MOF dimuktamadkan dari segi penentuan harga dan juga mekanisme pengambilalihan sistem. Okey, itu yang kedua. Soalan Yang Berhormat yang pertama, adakah usaha di pihak MAMPU untuk mengambil alih sistem ini selepas tempoh CSR – memang ada, Yang Berhormat. MAMPU telah bantangan kepada sidang MKN pada tahun – Puan Hanissul, pada tahun berapa?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: 4 Disember 2020.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: 4 Disember 2020, Yang Berhormat. MAMPU telah membentangkan kepada sidang MKN untuk minta bajet daripada MKN, untuk kita mengambil alih *the whole data* daripada MySejahtera ini untuk pindah ke MAMPU, ke pusat data MAMPU. Kita dapat peruntukan sebanyak RM5.8 juta daripada Tabung COVID-19, diluluskan oleh sidang MKN untuk memindahkan data kepada MAMPU.

Pada masa *paper* dibentangkan kepada sidang MKN, pada masa itu modulnya lebih kurang tiga sahaja ada, Yang Berhormat. Akan tetapi dalam tempoh proses peralihan, pembangunan, dengan pandemik yang makin rancak, Kementerian Kesihatan dan MOSTI *developed* banyak modul dalam MySejahtera ini, sampai 15 modul.

Jadi, bajet sebanyak RM5.8 juta tadi tidak cukup dan juga kami mendapat arahan juga daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk berhati-hati *transfer* data kepada MAMPU ini, takut ia hilang daripada sistem. Jadi, proses itu berjalan dengan perlahan sedikit dan juga bajet sudah tidak cukup. Tiba-tiba ada keputusan terbaru daripada pihak Kabinet pada bulan November, Puan Hanissull ya? *[Disampuk]* Pada bulan November 2021 untuk mengatakan *total solution* yang mana kerajaan akan mengambil alih *the whole system*, termasuk migrasi data ke pusat data MAMPU.

Pada masa yang sama, dengan keputusan yang terbaharu, duit dari Tabung COVID-19 MOF itu kita pulangkan balik dan kita selesaikan secara *total* di bawah keputusan Kabinet yang terbaharu. Memang ada usaha, Yang Berhormat. Akan tetapi disebabkan oleh *journey* kita dalam MySejahtera ini terlalu dinamik, jadi proses itu ia akan berlaku – memang ada usaha daripada pihak kerajaan, memang kita berniat. Kita tidak biarkan selama-lamanya sistem ini di pihak vendor. Kita akan— memang ada usaha untuk mengambil alih ia punya data dan sistem, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya Datuk Seri, terima kasih. Tadi kata pada 4 Disember 2020 ada dibentangkan *paper* ke dalam MKN untuk kelulusan dan salah satunya adalah berkenaan dengan pemindahan data daripada MKN kepada MAMPU. Selepas itu, sama ada *paper* ini juga termasuk cadangan untuk pengambilalihan pengoperasian MySejahtera secara keseluruhan? Apakah keputusan MKN pada ketika itu?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Pada *paper* tersebut adalah *solely* untuk *migrate* kan data daripada Alibaba Cloud ke PDSA. *That is the sole paper. The paper, tujuannya itu.*

Tuan Pengerusi: *So, paper* itu cuma adalah untuk tujuan pemindahan data?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Yes.

Tuan Pengerusi: Okey, dan juga diluluskan oleh pihak MKN?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Tadi Datuk Seri kata ada usaha untuk membentangkan kepada MKN supaya diambil alih aplikasi ini oleh pihak...

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Kerajaan.

Tuan Pengerusi: ...pihak MAMPU. Apakah penjelasan Datuk Seri dari situ?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Soalan macam mana, Yang Berhormat? Ada saya sebut katakan hendak pindah dari MAMPU *the whole system*?

Tuan Pengerusi: Selain daripada data. *So, we are talking about the operational part of MySejahtera.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Itu saya...

Tuan Pengerusi: Tadi Yang Berhormat Lumut tanya sama ada pihak MAMPU ada sebarang usaha untuk mencadangkan supaya aplikasi ini diambil alih. *So, Datuk Seri* tadi menjawab 'ada' dan juga merujuk kepada *paper* pada 4 Disember 2020. Akan tetapi *paper* 4 Disember ini adalah hanya terhad kepada pemindahan data sahaja.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Data dan aplikasi.

Tuan Pengerusi: Data dan aplikasi?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Kedua-dua sekali?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: *So, apa keputusan MKN pada ketika itu, termasuk aplikasi?*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Lulus, lulus.

Tuan Pengerusi: Lulus?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kenapa tidak dilaksanakan?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ia begini ya. Semasa kita bentangkan pada 4 Disember 2020, sebelum kita bawa itu adalah *requirement* dan semua maklumat skop projek pada masa tersebut adalah sehingga ke Disember sebenarnya. Jadi pada masa itu, banyak lagi modul-modul yang sedang dalam pembangunan. Apabila telah di *award*— untuk makluman ya, sebab kita ada proses. Selepas itu, kena buat proses rundingan terus. *By the time* kita *roll out* dan kita *award* kepada syarikat— nanti sekejap ya. *By the time* kita *roll out* kepada syarikat, sudah masuk ke bulan— pertengahan tahun 2021. *At that moment*, sudah mula timbulnya modul-modul baharu seperti modul vaksinasi. Pada masa itu, *there is more build in the*— so, apabila kita hendak *actually run* dan apabila kita hendak melaksanakan, didapati skop yang kita minta pada masa tersebut tidak dapat memenuhi kalau kita hendak *migrate*. Juga di situ, hasil rundingan teknikal— so, kalau kita hendak *migrate* juga pada masa itu, *it will take*— kena patah balik kepada sidang MKN untuk menampakkan tambahan skop dan juga melalui proses-proses tender kerajaan. Itu sebenarnya.

Ia bukan kita kata tidak buat dan juga di sini, ada masa itu permintaan daripada PICK untuk kita *hold* kan dahulu proses-proses migrasi itu untuk menentukan supaya KKM sendiri dapat memastikan bahawa apabila migrasi itu berlaku. Apabila hendak *migrate*, *the system they have to*— macam ia ada *sometime* yang kita perlu ia macam— bukan *down*, kita kena *slow* kan ia sedikit supaya tidak banyak *build at that time* sebab banyak *build*. So, *at that time* PICK macam ragu-ragu. Masa *time* tengah *peak*, memang *time* itu kita itu. So, *based on that and based* kepada keputusan pada 26 November dari MJM kata, “Okey, alang-alang begitu, dengan pertambahan skop, kirakan semua balik dalam hala tuju yang baharu, yang di bawah KKM”. So, sekali sekarang. *Maybe now after this*, ia sudah *stabilize* sebab MySejahtera sudah *stabilize*. Mungkin ia punya *build* sekarang pun daripada *time* mula dibangunkan. Oleh sebab 2020 itu *quite some time ago*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, tadi Puan ada menyatakan jumlah peruntukan yang diperlukan sekiranya modul hanyalah tiga sahaja, adalah lebih kurang RM5.8 juta yang telah pun diluluskan...

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *RM5.88 million*

Tuan Pengerusi: ...dan dipindah kepada MAMPU dan sekarang telah pun dipulangkan semula ke Tabung COVID-19.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya, saya.

■1100

So, sama ada pemahaman saya adalah betul, katakan sekarang ada 15 modul. So, *at the end* sekiranya MAMPU hendak mengambil-alih pada bila-bila masa, *it is about dollar-and-cent*-kan?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *Yeah, and also the architecture. The architecture has changed so we have to* tengok balik semula dan juga...

Tuan Pengerusi: Dari segi keupayaan memang MAMPU tidak ada masalah?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Kalau dengan bajet dengan juga dengan *architecture* ditentukan dengan dapat daripada *requirement firm* daripada pihak yang berkenaan dan *insya-Allah* boleh.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Memang itu pun usaha — kami berdasarkan kepada keputusan mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 26 November dan 6 April 2022 di mana migrasi itu perlu dilaksanakan ke PDSA.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Sama-sama.

Tuan Pengerusi: Cuma mungkin sebelum kita patah balik saya ada satu soalan yang *simple* sahaja. Berkenaan dengan NDA yang ada dan telah pun diserahkan kepada pihak PAC pada hari Khamis yang lepas. Boleh saya sahkan sama ada NDA ini ada di setemkan atau tidak? Salinan yang diberikan kami tidak ada sijil setem. Mungkin ada sijil setem di salinan MAMPU atau MKN? Boleh *check*, KPMKN boleh *check*?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya NDA ini telah disetemkan. Namun begitu, saya *confirmed* balik semula dengan PUU. Sefaham saya memang sudah disetemkan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila *confirmed* balik. Jika ada bagi setem *copy*.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Boleh.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. So, mungkin saya jemput saksi untuk patah balik kepada pembentangan tadi sebelum soalan-soalan yang lain.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Okey, kita patah balik ke slaid nombor lapan iaitu nombor empat mengenai dengan penglibatan syarikat KPISoft. [*Merujuk kepada slaid pembentangan*]

Untuk makluman ahli mesyuarat semua, KPISoft merupakan syarikat perkhidmatan pendigitalan. Kalau kita *known from the name is KPI is Key Performance Indicator*, pengurusan prestasi secara mobil dengan penggunaan AI dengan juga *augmented analytics*.

Syarikat ini juga membangunkan aplikasi yang *based* kepada *enterprise performance management* sinonim dengan KPI kepada pelanggan sektor perkhidmatan kewangan kerajaan dan lain-lain *telco*. Seperti contoh mana yang telah dibangunkan oleh mereka *Smart Dubai Government* untuk UAE.

Pada atas keperluan mendesak semasa pandemik, syarikat telah membentangkan cadangan aplikasi kepada CPRC KKM iaitu terutama bagi pengurusan penyakit berjangkit untuk keperluan untuk menguruskan pandemik COVID-19. KKM seterusnya telah membawa cadangan tersebut kepada MAMPU untuk mendapatkan khidmat nasihat untuk penilaian teknikal ke atas aplikasi yang dicadangkan oleh syarikat.

MAMPU juga telah membawa kepada MKN, memandangkan MKN adalah peneraju semasa PKP untuk meneruskan pembangunan aplikasi selaras dengan peranan MKN pada masa tersebut.

Kita lihat sekarang kepada kronologi. Pada 23 Mac 2020, ini adalah pembentangan oleh syarikat semasa dalam mesyuarat Pemerikasaan Teknologi...

Tuan Pengerusi: Syarikat yang dimaksudkan adalah syarikat KPISoft?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Ya saya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Pada hari sama tersebut telah dilaksanakan juga mesyuarat perancangan strategik dan pengurusan COVID-19. Dipersetujui agar satu *taskforce* pilihan khas untuk menangani COVID-19 dengan menggunakan aplikasi digital. Di mana di sini *taskforce* ini dikenali sebagai Mesyuarat Pasukan Petugas Pemboleh Daya untuk melaksanakan penilaian teknikal aplikasi yang dipengerusikan bersama oleh MKN dan MAMPU dan keanggotaannya adalah terdiri daripada MKN, MOSTI dan juga SKMM. *All happened within the same day.*

Di situ bermula pada 23 Mac juga, penumpuan kepada pembangunan dan pengujian aplikasi. Untuk makluman ahli-ahli semua dalam mesyuarat ini bahawa sebenarnya *the first launch was expected to be on 27th March.* So, dalam masa seminggu, pembangunan aplikasi itu hendaklah dilaksanakan.

So, kita *based on that* sebab itu kita pun telah melaksanakan *pilot* pada 5 April dan kita telah menggunakan MySejahtera ini juga pada 9 April dan akhirnya pelancaran MySejahtera seperti kita semua telah ketahui pada 20 April 2020.

Tuan Pengerusi: Okey, puan. Saya hendak tanya berkenaan dengan prosedur pelantikan syarikat KPISoft Sdn. Bhd. Nombor satu, sama ada syarikat KPISoft merupakan satu-satu syarikat yang datang memberikan *proposal* kepada kerajaan ataupun terdapat syarikat-syarikat yang lain? *So, how does the KPISoft*

Malaysia Sdn. Bhd. come into picture untuk diberikan peluang membentangkan cadangan aplikasi kepada pihak MKN?

Pada ketika itu, sama ada terdapat syarikat-syarikat yang lain dan apakah mesyuarat yang telah pun diadakan untuk menentu dan mengesahkan ataupun memuktamadkan keputusan pelantikan KPISoft ini.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Untuk menjawab soalan ini, kami difahamkan pada 19 Mac 2020, KPISoft telah membentangkan kepada KKM. Masa itu tajuknya ialah *COVID-19 Outbreak Management System*.

Di sini saya tidak boleh menjawab bagi pihak sama ada syarikat-syarikat lain dan juga telah dibawa dan KKM telah membawa — dia telah mendengar beberapa *solutions* dan di antaranya ia telah membawakan aplikasi ini kepada MAMPU untuk mendapatkan nasihat daripada khidmat teknikal.

Seterusnya kita bawa seterusnya kepada MKN dan seterusnya kepada *taskforce* tersebut untuk dibuat penilaian teknikal.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, *just to add to that. Was there a call for paper* ataupun kerajaan ada memanggil ataupun mereka *came voluntarily* atau macam mana? Setakat yang MAMPU tahulah.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Setakat MAMPU, MAMPU tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Okey, cuma untuk perhatian saksi-saksi semua. Pada minggu lepas soalan yang sama telah pun dibangkitkan oleh pihak kami kepada Menteri Kesihatan. Apa yang dijawab seingat saya adalah pelantikan asal itu perolehan ataupun prosedur adalah di peringkat MKN pada ketika itu.

So, KKM pada minggu lepas kata mereka tidak boleh menjawab berkenaan dengan isu ini. Akan tetapi, pada pagi ini kami pula dengar daripada saksi-saksi bahawa nama KPISoft itu adalah datang dari KKM kepada MAMPU, selepas itu MKN dan juga *taskforce*. MAMPU tidak boleh menjawab bagi pihak KKM.

So, apa yang boleh KP MKN ataupun pihak MAMPU boleh membantu PAC di sini? Ini kerana minggu lepas Menteri kata itu perkara dikendalikan oleh MKN. Hari ini MAMPU kata tidak, balik kepada KKM. Sila.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, kalau saya boleh respon berhubung perkara ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Puan Hanissull daripada MAMPU tadi, daripada perspektif MKN sendiri dan juga NACSA kita telah menerima *call* dan jemputan daripada pihak MAMPU yang membawa pihak KKM bersekali yang menyatakan bahawa perlunya satu aplikasi di peringkat nasional untuk pengurusan COVID-19.

Tuan Pengerusi: *Call* siapa?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Maksud saya adalah pihak MKN dihubungi oleh pihak MAMPU dan pihak MAMPU membawa pihak KKM bersekali. Perkara ini semua berlaku pada 23 Mac 2020, pertama kali MKN dihubungi.

So, dari aspek tersebut kalau saya boleh respon *on* persoalan sama ada, ada tidak *call for proper or what not*. Pada waktu tersebut juga dimaklumkan terdapat banyak *proposals* juga diperolehi oleh pihak kerajaan berhubung dengan pengurusan COVID-19.

Tuan Pengerusi: Kerajaan di sini maksudnya KKM?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Saya percaya bahawa datangnya kepada KKM, kepada MAMPU dan mungkin kepada kementerian-kementerian lain.

Tuan Pengerusi: *No*, jika yang datang kepada MAMPU *for sure* Puan Shariffah boleh jawabkan. So, adakah tidak?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Ada, untuk saya menjawab persoalan ini Yang Berhormat, *taskforce* kita wujud PPPD pada 23 hari bulan dan pada hari yang sama juga menunjukkan bahawa perlunya terdapat satu platform yang mengumpul beberapa agensi untuk berbincang berhubung dengan *proposal* kepada kerajaan.

■1110

That was why on the same date, MKN berpandangan bahawa dalam pengurusan pandemik yang kita masih panik itu, kena ada platform. Kita tidak boleh buat *unilateral decision*. *That was the point* kenapa dalam masa satu hari, tiga perkara berlaku dengan serentak.

Tuan Pengerusi: Ya, *very well*. So my question is, pada 23 Mac 2020, berapa syarikat yang terlibat? Satu atau beberapa buah syarikat yang telah pun dicadangkan? Ataupun hanya satu syarikat sahaja yang dibawa masuk oleh KKM kepada MAMPU dan MKN iaitu KPISoft Sdn. Bhd.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Di peringkat saya, sefaham saya hanya satu syarikat dibawa masuk pada 23 hari bulan iaitu KPISoft Sdn. Bhd. pada ketika itu.

Tuan Pengerusi: Okey. So maksudnya, soalan lanjut yang patut kami ajukan kepada KKM adalah apa yang berlaku sebelum 23 Mac 2020 dan bagaimanakah hanya sebuah syarikat sahaja yang dibawa kepada MAMPU dan juga MKN. Betul?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Betul.

Tuan Pengerusi: So, di sini saya hendak tanya, pelantikan syarikat KPISoft ini, *strictly speaking* adalah daripada siapa? Diluluskan dalam mesyuarat peringkat mana? MKN atau mana?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh respons, di peringkat – sefaham saya, perbincangan telah dibuat di bawah Pasukan Petugas Pembolehdaya Digital dengan mengambil kira penilaian yang telah dilaksanakan oleh MAMPU dan di-*tabled* dalam mesyuarat tersebut, yang membawa kepada *conclusion* bahawa *this system is the most ready at that particular point of time* untuk menguruskan keadaan COVID-19 pada waktu tersebut yang mana pada waktu tersebut, pihak KKM mendapati bahawa kluster – pada waktu tersebut ialah kluster Sri Petaling – telah berpecah kepada subkluster. Pada waktu tersebut juga, kadar kematian dalam angka belasan yang mereka *predict* dan *forecast* sekiranya tiada aplikasi yang *reach to the citizens* untuk melaksanakan penilaian sendiri, akan ada keadaan sekiranya kerajaan tidak boleh *reach everyone*, akan berlaku sesuatu yang di luar kawalan pada waktu tersebut. So...

Tuan Pengerusi: Okey. So maksudnya, keputusan akhir dibuat oleh Pasukan Petugas Pembolehdaya Digital yang merangkumi enam buah agensi. So, keputusan dibuat pada 23 Mac. Okey, saya hendak dapatkan minit mesyuarat pada 23 Mac. Ada? Terima kasih.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Tuan Pengerusi, adakah saya patut membaca minit tersebut?

Tuan Pengerusi: Ya, boleh baca dan selepas itu beri sesalinan kepada pihak PAC.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Ya, okey. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pada waktu tersebut, dengan keadaan pengurusan pandemik, kita tidak sediakan – kita tidak namakan minit mesyuarat. Kita namakan Nota Perbincangan Mesyuarat Pasukan Petugas Pembolehdaya Digital Bilangan 1/2020 pada 23 Mac 2020, hari Isnin, pukul 5.00 petang yang diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana NACSA.

Dalam mesyuarat tersebut, terdapatnya pembentangan berhubung dengan keperluan aplikasi ini dan dinyatakan dalam mesyuarat tersebut juga bahawa keperluan untuk melancarkan aplikasi pada 27 Mac 2020 dan juga menyatakan objektif bagi aplikasi tersebut. Dalam perbincangan – minit tersebut, kita terus membahagikan tugas untuk melaksanakan penilaian keselamatan, untuk melihat kepada bagaimanakah pembangunan aplikasi itu akan dilaksanakan dan juga pada waktu tersebut, kita hanya *target* 50,000 orang pengguna sahaja di awal

pembangunan. Kita tidak sangka bahawa aplikasi ini akan menjadi besar pada waktu tersebut dan waktu tersebut juga, aplikasi MySejahtera masih belum ada nama lagi, belum ditetapkan nama lagi.

Kos masih belum dibincangkan. Kita terus bersetuju bahawa aplikasi ini mempunyai potensi yang besar di mana penggunaan teknologi terkini dan pengumpulan maklumat secara *crowdsourcing* melalui sistem ini dapat membantu kementerian dan agensi untuk membuat analisis yang holistik dan menyampaikan perkhidmatan dengan lebih berkesan. Juga mesyuarat mengambil maklum bahawa aplikasi ini akan dilaksanakan untuk membantu pengumpulan maklumat berhubung COVID-19 dan dibangunkan berdasarkan Akta Kawalan Pencegahan Penyakit 1988 dan perlu diletakkan dalam maklumat aplikasi ini.

Aspek keselamatan juga dimasukkan dalam perbincangan pada waktu tersebut yang mana kita meng-*emphasise* penggunaan kaedah penyulitan, keperluan untuk melaksanakan *automatic scale up* dan juga aplikasi ini telah dinyatakan pada waktu tersebut lagi bahawa dia menggunakan pengkomputeran awan.

Itu merupakan antara *gist* perbincangan dalam mesyuarat bilangan 1.

Tuan Pengerusi: So apakah keputusan perbincangan sama ada mesyuarat memutuskan untuk melantik ataupun menerima cadangan tersebut?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Dalam minit mesyuarat yang saya lihat sekarang ini, tiada maklumat berhubung mesyuarat bersetuju dengan pelantikan syarikat. Namun begitu, perbincangan berhubung dengan MOA, perbincangan berhubung keperluan ...

Tuan Pengerusi: *What is MOA* ya?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Pada waktu tersebut diletakkan *Memorandum of Agreement* yang kemudiannya mungkin dijadikan sebagai NDA.

Tuan Pengerusi, ini sahaja info yang saya ada dalam nota perbincangan. Saya akan serahkan kepada pihak Tuan Pengerusi nanti.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. So pada 23 Mac tadi telah dibaca nota mesyuarat. Kami nampak NDA telah pun ditandatangani bertarikh 1 April. Soalan saya adalah, sama ada mesyuarat pada 23 Mac 2020 *actually made the decision* untuk melantik KPISoft (Malaysia) Sdn. Bhd. atau tidak? Sekiranya tidak, dalam seminggu sebelum perjanjian dimeterai, mesyuarat mana yang telah pun memberikan *endorsement* tersebut?

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad [Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara]: Tuan Pengerusi, selepas Pasukan Petugas Khas Pembolehdaya

mengadakan penelitian berhubung perkara ini – pada masa itu Ketua Eksekutif NACSA iaitu Ir. Md Shah Nuri bin Md Zain, telah membawa ke Sidang MKN mengenai dapatan awal dan cadangan untuk menyelesaikan masalah pengurusan COVID-19 melalui sistem. Jadi, Sidang MKN telah meneliti dan bersetuju dengan cadangan yang dibawa oleh Ketua Eksekutif NACSA supaya satu sistem dibangunkan yang dapat memenuhi keperluan ketika itu. Jadi, selepas bersetuju itu saya ingat selepas itu baru *step* atau langkah-langkah seterusnya dijalankan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Datuk. So, bilakah diadakan mesyuarat tersebut dan juga minta dibekalkan sesalinan minit kepada pihak PAC. Daripada apa yang saya dengar tadi, persetujuan itu adalah untuk yang mana mesyuarat bersetuju untuk pembangunan satu sistem ataupun satu aplikasi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara pada ketika itu.

■1120

So, that is a general keputusan– suatu keputusan yang *general* daripada pihak mesyuarat. Akan tetapi persoalan masih balik kepada KPISoft. Siapa yang betul-betul membuat keputusan bagi pelantikan untuk memuktamadkan pelantikan KPISoft tersebut? *We have a one week gap here, 23* sampai 1 April. So, mesyuarat-mesyuarat di antara itu.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, ada satu soalan.

[Berbincang sesama sendiri]

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Kita mohon izin untuk meneliti minit-minit mesyuarat pada tarikh antara 23 Mac 2020 hingga ke 5 April yang melihat catatan rekod berhubung perkara ini dan kita akan kemukakan.

Tuan Pengerusi: Pada prosiding ini juga ya, apabila kami *proceed* dengan soalan-soalan lain, Datuk.

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Ya.

Tuan Pengerusi: So, mungkin Datuk boleh mengambil sedikit masa untuk meneliti dan *when it's ready*, maklum kepada PAC. So, kita akan balik kepada isu ini.

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada soalan yang lanjut dalam isu ini tak? Yang Berhormat Kluang dengan Yang Berhormat Lumut tadi ada. Yang Berhormat Kluang lain, Yang Berhormat Lumut lain?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: CSR nanti ya sebab *it's another slide* lah. Yang ini, Yang Berhormat Lumut? Yang Berhormat Lumut, sila.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin pengesahan bahawa Mesyuarat Pasukan Petugas Pemboleh Daya yang dihadiri oleh beberapa buah agensi kerajaan ini tidak turut hadir oleh pihak syarikat. Mesyuarat Pasukan Petugas Pemboleh Daya.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Soalan kah? *[Disampuk]* Yang Berhormat, ia bergantung kepada— bagi Mesyuarat PPPD ini, ia bergantung pada *keperluan*. Sebagai contoh, bagi mesyuarat yang pertama ini, sememangnya kita berbincang dengan pihak KPISoft. Mula-mula kita berbincang antara kerajaan, sekiranya perlu kita panggil dia, kita panggil masuk. Untuk mesyuarat-mesyuarat selanjutnya, sekiranya ada *proposal* datang kepada pihak kerajaan pada waktu tersebut, kita akan panggil *company* itu pada waktu pembentangan sahaja dan kemudian diminta *company* itu keluar untuk kerajaan membincangkan perkara— ahli-ahli membincangkan keputusan serta pandangan mereka berhubung dengan cadangan yang dikemukakan. So, bergantung kepada *proposal*...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi ringkasnya, *specifically for that 23rd March meeting, they were invited?*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *I will check this now. [Mencari maklumat di dalam komputer peribadi]* Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang saya ada, syarikat tiada sewaktu perbincangan pada 23 Mac 2020.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, Yang Berhormat Kluang dengan Yang Berhormat Permatang Pauh ya.

Puan Wong Shu Qi: Jadi, dalam Mesyuarat Khas MKN untuk buat persetujuan itu, siapa yang jadi pengerusi mesyuarat tersebut? Siapa yang *chair* kan *meeting* itu?

Tuan Rahamzan bin Hashim [Ketua Eksekutif Keselamatan Siber Negara]: *Actually...*

Tuan Pengerusi: Bagi nama.

Tuan Rahamzan bin Hashim: Saya Rahamzan Hashim, Ketua Eksekutif NACSA.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Rahamzan bin Hashim: *Actually*, untuk makluman mengenai yang mesyuarat sidang tadi, hanya KP MKN yang dapat maklumkan. Sekejap sebab dia tengah cari...

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh. So, Datuk KP? *Ready?*

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey, sila.

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Untuk makluman Yang Berhormat, sidang MKN ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri dan juga Ketua-ketua Setiausaha kementerian. Kebanyakannya melibatkan semua agensi dan kementerian yang ada kaitan dengan pengurusan COVID, termasuklah Kementerian Dalam Negeri sebab ia melibatkan polis, angkatan tentera, operasi yang kita jalankan. Maksudnya, Menteri Pertahanan lah. Kemudian, Menteri Perdagangan Industri sebab pengurusan COVID-19 ini merentas semua aspek kementerian. Jadi, pengerusinya ialah Perdana Menteri dan diurus setiakan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi: So, itu jawapan kepada Yang Berhormat Kluang lah. Akan tetapi untuk minit-minit itu, masih *on the way* kah?

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Ya, kita sudah berhubung dengan ibu pejabat dan mereka sedang dapatkan minit itu.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Datuk. Ya, sila Yang Berhormat Kluang, ada lagi?

Puan Wong Shu Qi: Ya, sahaja hendak *confirm* dengan KP. Jadi, apabila NACSA bawa cadangan untuk melantik KPISoft membangunkan aplikasi MySejahtera, sidang khas itu adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat ketika itu?

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Ya. Pada peringkat awal, bermula COVID pada 18 Mac hingga ke penghujung tahun 2020, semua sidang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak tanya tentang *flow chart* pengurusan. Tadi disebut oleh pihak NACSA tentang MKN, adanya *task force* Pasukan Pemboleh Daya Digital (PPPD). Jadi, pasukan ini sekarang, bila kita bercakap tentang urus tadbir memantau projek di bawah MySJ ataupun KPISoft, adakah masih lagi bernaung di bawah *task force* pasukan ini ataupun di bawah prosedur pengurusan projek kerajaan iaitu Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPRISA)? Hanya jelaskan sedikit, *I just want to try to understand the governance structure. Thank you.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Boleh saya mohon untuk kita ke *slide* 10 sekejap? *Just to put in perspective*, apakah tujuan dan tanggungjawab Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital. Dua tanggungjawab PPPD ini sewaktu kita menguruskan pandemik COVID-19:

(i) menyelaraskan dan meneliti keperluan serta aspek cadangan pembangunan sistem dan aplikasi teknologi digital bagi membantu kerajaan mengurus situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 yang berlaku di Malaysia; dan

(ii) mengangkat cadangan pembangunan sistem dan aplikasi teknologi digital bagi

membantu kerajaan mengurus situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 kepada pengurusan tertinggi negara.

Seperti dimaklumkan, memang dari semasa ke semasa Kerajaan mendapat *proposal* yang di angkat untuk perbincangan Ahli Jawatankuasa ini. Kemudian, saya mohon juga ke *slide* nombor 15 untuk saya menerangkan tadbir urus MySejahtera sebelum PICK. Sebenarnya ada dua *method* kita laksanakan tadbir urus MySejahtera.

■1130

Sebelum PICK iaitu apabila kita bersetuju bahawa kita akan mewujudkan satu aplikasi di peringkat nasional yang kita namakan MySejahtera, tadbir urus MySejahtera ditadbir di bawah sebuah jawatankuasa yang kita panggil mesyuarat *check point*. Kenapa kita mengadakan mesyuarat *check point* ini ialah PPPD menerima pelbagai *proposal*, MySejahtera pada waktu tersebut juga sudah melalui *rapid development*. Sehubungan itu, adalah kurang sesuai sekiranya kita melaksanakan perbincangan berhubung dengan sistem-sistem yang lain yang mana MySejahtera perlu diberi *emphasis* berdasarkan strategi negara pada waktu tersebut untuk menguruskan COVID-19.

Ahli dalam mesyuarat *check point* ini, pengerusi bersamanya adalah sama dalam PPPD iaitu TKP ICT MAMPU dan Ketua Eksekutif NACSA dan dianggotai oleh pihak KKM, pihak MAMPU, pihak NACSA, MKN dan juga pihak syarikat sendiri. Dari semasa ke semasa terdapat agensi-agensi lain yang kita jemput turut hadir berdasarkan kepada keperluan aplikasi MySejahtera dari dalam pada kita pengurusan COVID-19 secara keseluruhan. Ini merupakan tadbir urus MySejahtera sebelum PICK.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Saya rujuk kepada *slide* tadbir urus ya. Terima kasih atas jawapan. So, apabila bercakap tentang syarikat *at all times* kalau saya boleh selaraskan dengan jawapan awal tadi, syarikat itu adalah syarikat KPISoft lah kan kerana hanya satu sahaja pengurus projek.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Betul.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *That you name earlier* apa yang berlaku di luar sana *dispute* mereka atau pengambilalihan tidak akan memberi kesan kepada struktur ini? Justeru, kalau di masa depan contoh ya, mahu pengambilalihan dibuat

dan sebagainya, itu bergantung kepada perbincangan yang berasinganlah dengan MYSJ *if needed be*.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Betul Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, so mungkin saya minta puan untuk sambung *slide*.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *Some other slide* dah dibentang. Ataupun nak ke mana-mana slaid atau saya sambung ya tadi. Di sini dalam slaid ini juga adalah asas-asas pemilihan kepada syarikat tersebut ataupun seperti yang kita nyata di atas. Pertama di sini sebenarnya prototaip aplikasi tersebut pun dibangunkan mengikut keperluan asas daripada pemantauan dan pengawalan COVID-19 dalam tempoh yang mendesak seperti yang saya maklum tadi dalam tempoh tidak sampai dua minggu. Di sini untuk dimaklumkan ketersediaan platform bahawa syarikat mempunyai platform sistem yang terdiri daripada komponen aplikasi mudah alih, *dashboard* dan *backend application* yang boleh diubahsuai, so ini yang menyebabkan pembangunan sistem dapat dilaksanakan dengan *rapid* dan ia bersifat dinamik.

Syarikat juga mempunyai pengalaman dalam pembangunan aplikasi dan analisa data serta mempunyai kakitangan yang kompeten. Seperti yang dimaklumkan tadi, pembangunan aplikasi sendiri dapat dilaksanakan dalam tempoh untuk kita *live* pada 20 April. Cadangan syarikat juga telah dibentangkan seperti telah dimaklumkan tadi dan telah dinilai melalui tadbir urus yang telah pun dibentangkan oleh Puan Shariffah.

Untuk yang akhirnya di sini, syarikat telah menawarkan pembangunan CSR bermula dalam tempoh tiga bulan seterusnya dilanjutkan kepada satu tahun iaitu bermula daripada tiga bulan kepada satu tahun iaitu dari 23 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.

Tuan Pengerusi: Okey puan, saya ada dua soalan di sini. Pertama berkenaan dengan (01) cadangan teknikal prototaip aplikasi. Saya hendak tanya sama ada di peringkat MAMPU, MKN ataupun PPPD selain daripada prototaip aplikasi yang dicadangkan kepada pihak PPPD, ada mana-mana syarikat lain yang telah pun mencadangkan prototaip aplikasi atau tidak? *So, is there other company–it's actually related to my earlier question. Was there any other company which also prepared the prototype and present to the meeting?*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Kalau saya boleh cuba jawab Yang Berhormat berhubung dengan soalan Yang Berhormat, sefaham saya adakah syarikat lain ada *propose any prototype as far as I am concerned, when I am in the team* di bawah PPPD dan juga mesyuarat *check point*, sewaktu mula-mula

pada 23 Mac dibawanya *proposal* KPISoft kepada pihak MKN pada waktu tersebut, di peringkat kami, kami tidak menerima apa-apa *proposal* lagi. Namun begitu, setelah tertubuhnya PPPD terdapat *proposal* yang datang. Namun pada waktu tersebut seperti mana yang dimaklumkan oleh Puan Hanissull, sistem aplikasi MySejahtera sudah melalui prototaip yang sudah dianggap *the most ready* setelah dilaksanakan *technical evaluation*.

So, to answer your question sebelum itu *we don't not have info*, kita nampak syarikat KPISoft *but later* memang ada aplikasi yang datang dan pada ketika itu, pada pandangan aplikasi tidak se-*ready* aplikasi MySejahtera yang telah melalui proses *development* dan input-input daripada KKM telah dimasukkan sebagai proses untuk mengenalpasti PUI, PUS dan selanjutnya fungsi awal MySejahtera. *Thank you*.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih. Ada soalan? Okey, saya masuk kepada item 06, CSR. Isu ini memang dibangkitkan oleh PAC sejak hari pertama. Ini kali pertama saya nampak ia menyatakan CSR untuk tiga bulan dan seterusnya dilanjutkan kepada satu tahun kerana pada semua masa, kita dimaklumkan CSR adalah untuk satu tahun.

Apabila saya membaca *Non Disclosure Agreement*. Dalam NDA ini ada dinyatakan bahawa aplikasi MySejahtera ini adalah dibangunkan secara CSR dan NDA ini tidak menyatakan dalam mana-mana terma ataupun klausa berkenaan dengan tempoh CSR. Sebelum ini, dimaklumkan kepada kami CSR untuk satu tahun di sini dimaklumkan kepada kami sebelum satu tahun ia adalah tiga bulan. Bolehkah bagi pencerahan sedikit berkenaan dengan isu ini sama ada tiga bulan kah bila ditetapkan tiga bulan? Bilakah ditetapkan satu tahun? Bilakah ditetapkan selepas itu sudah ada?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, berdasarkan rekod yang disemak, sefaham saya seperti mana yang ditunjukkan sewaktu tadbir urus dalam *slide – if I am not mistaken, slide* nombor 15 tadi berhubung dengan tadbir urus MySejahtera sewaktu PKP, boleh kita ke *slide* 15?

Dalam *slide* tersebut, , aliran pembangunan aplikasi, aliran kontrak dan dokumentasi, aliran promosi, dan aliran pemantauan aplikasi dan pusat panggilan. Di situ, saya bertindak sebagai sekretariat di peringkat NACSA-MKN. Sefaham saya adalah inisiatif-inisiatif untuk membangunkan kontrak pada waktu tersebut telah dimulakan sejak awal lagi. Berdasarkan pemahaman, pada waktu tersebut *proposal* yang dikemukakan adalah kita hendak melaksanakan CSR selama tiga bulan dan selanjutnya terdapat tindakan-tindakan akan dibangunkan dari aspek kontrak.

Namun begitu, dengan keadaan pengurusan pandemik pada waktu tersebut MySejahtera telah melalui *rapid development*. Maksud *rapid development* itu adalah

hampir setiap minggu kita *push build, requirement* baru datang pada waktu tersebut dan saya percaya, saya tidak perlu mengulang semula semua sudah nampak daripada awal sampai sekarang bagaimana MySejahtera pada asalnya hanya fokusnya sebagai *a very slim application* yang sekarang ini sudah menjadi *a fat application* jika dilihat dari aspek saiz aplikasi.

Pada waktu tersebut, berdasarkan rekod yang dikenal pasti, sememangnya CSR dinyatakan pada tempoh tiga bulan. Namun begitu, perbincangan di aliran kontrak dan dokumentasi yang ditadbir urus di bawah mesyuarat *check point* dimaklumkan bahawa pelbagai inisiatif telah dilaksanakan namun begitu, tidak boleh *fix requirement* pada waktu tersebut. Lazimnya, dalam kontrak kerajaan mungkin Puan Hanissull boleh bantu saya berhubung kontrak kerajaan – kontrak bagi pembangunan sistem, dia akan melihat kepada skop yang mana *user scope* yang akan diperjelaskan di dalam *document tender* ataupun dokumen kontrak tersebut.

■1140

Kemudiannya, sebarang perubahan kita akan kendalikan sebagai *change request*. Bagi aspek pembangunan aplikasi MySejahtera pula, keadaan begini tidak berlaku. Setiap minggu penambahan modul berlaku. Setiap minggu penambahan pengguna dan *scalability* perlu dilaksanakan. Sehubungan itu, sampailah satu keadaan di mana pihak syarikat dan juga saya percaya pihak kerajaan telah berbincang supaya tempoh bagi CSR itu dilanjutkan kepada jangka masa setahun.

Tuan Pengerusi: Ya, saya jemput Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, boleh puan bagi tarikh bilakah mesyuarat *checkpoint* ini ambil keputusan untuk bagi tawaran tiga bulan CSR dan bilakah mesyuarat ambil keputusan dengan syarikat KPISoft supaya kita *extend* CSR ini sehingga setahun?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Saya *check* sekejap Yang Berhormat. Kalau saya boleh bagi respons soalan yang pertama daripada Yang Berhormat, iaitu pada mesyuarat *checkpoint* yang pertama; mesyuarat *checkpoint* yang pertama kita adakan pada 10 April 2020, hari Jumaat pukul 2.30 petang di Bilik Mesyuarat Perdana NACSA. Seperti yang dinyatakan tadi, daripada platform PPPD, kita fokuskan kepada satu mesyuarat iaitu mesyuarat *check point* untuk fokus kepada pembangunan aplikasi MySejahtera.

Dalam mesyuarat tersebut, bagi pelaporan di bawah agenda item penyediaan dokumen kontrak MySejahtera, dalam perbincangan tersebut telah dinyatakan bahawa perlunya menyediakan dokumen kontrak MySejahtera untuk pengurusan MySejahtera setelah tamat tempoh CSR iaitu tiga bulan. Itu merupakan maklumat yang diberi sewaktu mesyuarat tersebut dan tindakan yang perlu dilaksanakan

adalah surat pemakluman rasmi bantuan CSR kepada KPISoft dan perbincangan dokumen kontrak MySejahtera. Itu merupakan titik tolak kepada maklumat berhubung dengan tiga bulan CSR. Bagi perubahan kepada setahun, saya perlukan masa untuk cari maklumat.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, saya mohon maaf. Pada masa sekarang saya tak ada *dokumentasi tersebut. I will check and I will give to* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. So, boleh saya – Ya, sila Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Satu soalan sahaja iaitu tadi disebut bahawa pada 10 April 2020, mesyuarat *checkpoint* pertama pun sudah guna nama MySejahtera. Jadi, boleh saya tahu dalam mesyuarat atau perbincangan mana sudah tentukan nama aplikasi ini? Apakah nama yang dipanggil oleh pemaju aplikasi ini sebelum nama diberikan secara rasmi?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, sewaktu awal namanya adalah seperti mana yang kita letak awal-awal tadi iaitu *COVID-19 Outbreak Management System* secara keseluruhan. Maksudnya *front end and back end* Perbincangan kemudiannya dinamakan aplikasi Pengurusan COVID-19. Itu sebenarnya nama asal. Kita tidak ada nama pada waktu tersebut. Kemudiannya, keputusan untuk menamakan MySejahtera dibuat secara bersama oleh KKM, NACSA dan MAMPU di bawah satu perbincangan. Saya perlu cari tarikh tersebut sebab perbincangan-perbincangan yang berlakutersebut untuk makluman Yang Berhormat semua, berhubung pembangunan aplikasi MySejahtera pada waktu tersebut, memang semua ahli pasukan berada secara fizikal di beberapa bilik

MAMPU pun berkampung di NACSA, KKM pun di situ dan kita melaksanakan *development* dan *testing* di satu tempat. Perbincangan berhubung dengan FAQ, sebaran dan *documentation* turut berlaku di satu tempat. Perbincangan berhubung dengan nama, *testing and application* di satu tempat. So, saya kena cari sedikit maklumat dan saya akan *reply* kepada Yang Berhormat tarikh untuk menamakan MySejahtera.

Puan Wong Shu Qi: Jadi, nama *software* yang dibawa masuk dalam cadangan oleh KPISoft memang adalah nama yang diberi tadilah, yang *COVID-19 management* itu?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *COVID-19 Outbreak Management System*

Puan Wong Shu Qi: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, saya nak tanya kepada puan, di hadapan kita hanya ada satu *Non-Disclosure Agreement* (NDA) antara Kerajaan Malaysia, MKN dengan KPISoft Malaysia Sdn Bhd. Boleh saya sahkan selain daripada dokumen ini, tidak ada mana-mana perjanjian ataupun *agreement* lain telah pun ditandatangani antara kedua-dua pihak *to lay down all the terms*?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, sefaham saya, tiada.

Tuan Pengerusi: Okey. So, jika tak ada, saya pun percaya tidak ada daripada dokumen yang kita ada pun.

■1150

So, jika tidak ada, *that means* kesemua minit mesyuarat yang kita bangkitkan tadi adalah amat penting dan sama ada, ada mana-mana minit mesyuarat di peringkat mana-mana pun, sama ada di MKN ataupun di peringkat PPPD ataupun mesyuarat yang lain yang ada berbincang berkenaan dengan terma-terma yang bakal dipersetujui ataupun yang telah pun dipersetujui dengan syarikat ini. *That would very important. Please, find all the minutes and give us a copy. Thank you.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Baik Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ada dua soalan ya. Pertamanya, dalam urus tadbir tadi itu, ia ada satu kontrak dan dokumentasi di situ ya. Saya hendak bertanya, kalau tidak ada apa-apa yang dibincangkan mengenai kontrak, apakah peranan kontrak dan dokumentasi ini? Keduanya, mengenai modul-modul ini, adakah semuanya dicadangkan oleh syarikat ataupun dicadangkan oleh pihak kerajaan, khususnya yang *15 additional modules* yang disebutkan tadi? *Sorry*, tiga soalan. Ketiganya, isu mengenai CSR ini, yang *prompting* nya adakah syarikat ataupun kerajaan? Maksudnya, adakah kerajaan meminta CSR ataupun *offered by* syarikat? Terima kasih.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, untuk menjawab soalan yang pertama iaitu apakah peranan aliran kontrak dan dokumentasi? Sebenarnya, seperti yang dimaklumkan tadi, inisiatif-inisiatif untuk penyediaan kontrak telah dilaksanakan sejak awal lagi. Jadi di peringkat Sekretariat sememangnya terdapat dokumentasi-dokumentasi dan juga draf kontrak yang telah dibangunkan, namun begitu ia tidak dimuktamadkan. Perkara ini dilaporkan secara berkala dalam mesyuarat *check point* yang telah diadakan. Itu jawapan bagi soalan yang pertama. Kedua, apakah modul-modul yang dicadangkan? Adakah datangnya daripada siapa? So, seperti mana yang dimaklumkan tadi, pengurusan pandemik COVID-19 adalah dipandu oleh strategi negara. Dalam hal ini, memandangkan

COVID-19 merupakan isu berhubung dengan kesihatan, pihak KKM lebih mengetahui apakah yang diperlukan pada waktu tersebut. Berdasarkan data-data yang dikumpulkan dan *forecasting-forecasting* yang dilaksanakan oleh pihak KKM, modul-modul yang dicadangkan itu adalah selari dengan *announcement* serta strategi negara pada waktu tersebut. So, itu yang kedua.

Ketiga, ialah isu mengenai CSR. Adakah CSR itu datang daripada syarikat ataupun datangnya daripada kerajaan? Sefaham saya, berdasarkan dokumentasi dan juga cadangan, terdapat surat daripada pihak KPISoft kepada Ketua Pengarah Keselamatan Negara pada waktu tersebut yang menawarkan perkhidmatan CSR dan kemudiannya terdapat balasan daripada pihak MKN bagi pihak kerajaan untuk menerima perkhidmatan CSR tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada surat itu?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Saya ada salinan surat itu.

Tuan Pengerusi: Boleh bagi satu salinan kepada kami?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Boleh.

Tuan Pengerusi: Mungkin jika boleh *get it fotocopied now and give it to us* lah. Boleh? Saya minta Sekretariat untuk *photocopy*.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Boleh.

Tuan Pengerusi: Ya, sila percepatkan. *Thank you*. Datuk KP, ada perkembangan dari MKN berkenaan dengan minit-minit lepas?

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Tuan Pengerusi, kita sedang tunggu mengenai dokumen yang diperlukan. Saya berharap mereka dapat kemukakan segera. Saya sedang hubungi mereka.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Okey, so mungkin saya jemput Puan Hanissull untuk *proceed*.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Seterusnya, mengenai dengan fungsi...

Tuan Pengerusi: *I think* berkenaan dengan fungsi dan juga...

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Kita boleh *skip* lah.

Tuan Pengerusi: ...15 modul dengan perkembangan...

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Kita boleh *skip* ya?

Tuan Pengerusi: Semua itu boleh *skip* lah. Itu telah pun dinyatakan sebelum ini.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Okey. *It just that I need to-* Okey, boleh kita pergi ke slaid 14. *I* hendak ini kan sahaja, hendak menguatkan tadi apa yang dimaklumkan oleh Puan Shariffah. Maknanya, *how rapid it is the development of the application*. Daripada Mac 2020 hinggalah ke Disember 2021, ada terdapat banyak

versi iaitu *around 58 versions*. Maknanya, punya *rapid* kalau kita perhatikan ya. So, beginilah tambahan-tambahan kepada *application* tersebut. Kita teruskan kepada tadbir urus MySejahtera.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Saya sambung apa yang disampaikan oleh Puan Hanissull. Saya terus *skip* kepada tadbir urus MySejahtera semasa PICK, yang mana tadi saya sudah terangkan sebelum PICK. Kenapa perkara ini adalah penting kerana sewaktu PICK diumumkan, pihak KKM menyatakan bahawa perlunya ada satu modul vaksinasi untuk dimasukkan di dalam MySejahtera dalam membantu kerajaan bagi pengurusan PICK secara keseluruhan. Seperti mana yang dimaklumi bersama, aplikasi Mysejahtera merupakan salah satu kaedah pendaftaran bagi vaksinasi pada waktu tersebut, kita mempunyai lima kaedah dan salah satunya melalui aplikasi MySejahtera. Jadi pasukan projek pada waktu tersebut adalah dibentuk di bawah Program Proklamasi Darurat 2021 yang diumumkan oleh kerajaan. Pasukan MySejahtera dibentuk yang mana pada waktu ini dipanggil para pegawai daripada pelbagai agensi-agensi lain dipanggil dan ditempatkan di NACSA MKN bagi membantu dalam sokongan bagi pelaksanaan aplikasi MySejahtera yang pada masa tersebut memfokuskan kepada PICK.

Bagaimanakah pasukan Mysejahtera menerima arahan? Yang pertama, seperti mana sewaktu PKP lagi berhubung pengurusan pandemik COVID-19, terdapat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Pandemik, Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik. Pihak CPRC akan melihat apakah strategi tersebut untuk dimasukkan dalam *priority meeting*, kita panggil waktu tersebut untuk menetapkan apakah prioriti dalam *development of module MySejahtera*. Kemudian, pada masa yang sama, PICK turut berjalan yang mana PICK ditadbir urus oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan juga Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF). Di bawah jawatankuasa tersebut, terdapat *PICK Coordination Committee* yang melihat kepada sistem-sistem di bawah PICK, yang mana MySejahtera merupakan salah satu sistem yang digunakan di bawah PICK. Daripada kedua-dua jawatankuasa tersebut, pihak CPRC KKM akan menetapkan prioriti kepada pembangunan modul-modul MySejahtera berdasarkan strategi negara pada waktu tersebut.

Ahli pada waktu tersebut masih sama iaitu pihak CPRC KKM, pihak MAMPU, pihak NACSA dan juga pihak syarikat. Sekretariat pada waktu tersebut adalah pasukan MySejahtera NACSA yang dibentuk di bawah Program Proklamasi Darurat. Ini merupakan tadbir urus selepas itu. Selanjutnya, saya sudah menerangkan mengenai pemilikan data. Saya juga sudah menerangkan mengenai kawalan. Saya pergi kepada penghosan data MySejahtera. Seperti mana yang dimaklumi

bersama, aplikasi dan data MySejahtera ditempatkan di *Alibaba Cloud*. *Alibaba Cloud* mempunyai pusat data bertempat di Malaysia iaitu di AIMS Kuala Lumpur yang merupakan anak syarikat TIME dotCom Berhad yang mendapat pengiktirafan kualiti dan keselamatan seperti yang dinyatakan di bawah. *[Merujuk kepada slaid] So*, dari aspek tersebut dan juga keadaan pengurusan pandemik dan keperluan untuk menguruskan aplikasi MySejahtera yang kita nampak *agile* dan memerlukan *scalability* yang tinggi, kita memilih *Alibaba Cloud* pada waktu tersebut disebabkan *physical presence* nya di Malaysia.

■1200

. Berhubung dengan keselamatan aplikasi dan data MySejahtera, dari awal pembangunan aplikasi tersebut sebelum dilancarkan pada 20 April 2020 dan selepas dilancarkan, MAMPU dan NACSA telah melaksanakan ujian dalam memastikan aplikasi ini selamat dan pengujian penembusan dan kerentanan dilaksanakan sebelum dan selepas aplikasi ini dilancarkan.

Kita menggunakan metodologi-metodologi yang biasa digunakan dalam aspek keselamatan siber iaitu melalui ujian keselamatan *mobile* OWASP dan pelaksanaan *offensive tool* yang mana kita *emulate* apakah tindakan-tindakan yang akan di-*apply* oleh *black hackers* dalam mencari aspek-aspek kerentanan dan cuba menembus kepada sistem aplikasi MySejahtera.

Selanjutnya, NACSA melalui *National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4) iaitu pusat pemantauan di peringkat nasional yang melihat kepada *protection of critical national information infrastructure*, dalam kes di sini aplikasi MySejahtera. Kita melihat keselamatan aplikasi MySejahtera secara berterusan dan membantu mengenal pasti tindakan pemulihan yang perlu dilaksanakan oleh pembangun sistem ke atas kerentanan yang dikenal pasti.

Seperti yang dimaklumkan oleh Puan Hanissull tadi, *rapid development in terms of MySejahtera and the need for us to make sure the system is live as soon as possible* menyebabkan perlunya ada ujian-ujian dilaksanakan secara berterusan. Dari semasa ke semasa, sebarang kerentanan yang dikenal pasti *team security* akan *sit down* dengan *developer* untuk dia laksanakan *debugging* dan pastikan aspek-aspek kerentanan itu dapat dikenal pasti dan dibaiki dengan seberapa segera yang mungkin.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Puan Shariffah di atas penjelasan. Saya rujuk kepada soalan pertama. Maksudnya *database* yang bakal dipindahkan kelak adalah merupakan replikasi lah, *it's not going to be the main one? Yes?* Daripada penjelasan tadi. *The slide before.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Oh. Ini adalah semasa Yang Berhormat. So, berdasarkan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *Right now.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: ...Perbincangan kita tadi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Okey.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Perbincangan kita tadi dan saya rasa Puan Hanissull dan terangkan keputusan Kabinet yang terkini, so kesemuanya akan dipindahkan ke PDSA selepas termaktubnya *all the discussions between* KKM dan juga pihak syarikat pada masa sekarang.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya *database* yang utama lah?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Semua sekali akan dipindahkan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Semua bersekali. Okey, terima kasih. Soalan kedua – *next slide*, slaid seterusnya. Memandangkan MAMPU dan NACSA menjalankan ujian untuk memastikan aplikasi selamat termasuklah penembusan, *penetration*, kerentanan, *vulnerabilities* ya, saya hendak tanya pernah kah ada atau terdapat insiden keselamatan siber semenjak MySJ beroperasi ataupun *throughout the period* lah of MySejahtera punya aplikasi dan boleh tidak NACSA memberikan pihak PAC laporan bulanan untuk dianalisis. Terima kasih.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Okey. Sebagai makluman Yang Berhormat, untuk soalan yang pertama Yang Berhormat sefaham saya adalah pernah kah berlaku sebarang insiden keselamatan siber berhubung dengan MySejahtera. Untuk makluman, dari semasa ke semasa apabila kita melaksanakan *poking* kepada –kita *poke to the system*, kita mendapati bahawa terdapat percubaan. Di sini adalah *attempts* untuk mencuba menembusi sistem tersebut.

Disebabkan pada waktu tersebut, sistem tersebut mengumpul data dan bila data adalah *valueable*. Sememangnya mana-mana sistem pun memang akan ada pihak yang akan cuba untuk melaksanakan sebarang *attempt*. Bagi *attempt* yang dicuba dilaksanakan, cuba dibuat, pihak kami berjaya *detect* dan berjaya untuk meminimumkan sebarang risiko yang berlaku.

Bagi tujuan *development* yang begitu pantas dari aplikasi MySejahtera Yang Berhormat, kita tidak melaksanakan *specifically* secara bulanan. Namun begitu, apa yang kita laksanakan adalah bila kita buat *the new module, there will be a group of dedicated people*, kita suruh dia *poke here and there in the system*. So, berdasarkan pengalaman kita, benda yang kita nampak adalah terutamanya apabila berlakunya vaksinasi, memang sistem menjadi tumpuan untuk *attempt* dilaksanakan.

Seperti mana yang dimaklumkan, sistem ini adalah dari aspek *people, process and technology*. So, saya percaya tuan-tuan dan puan-puan dan Yang Berhormat ada baca dalam berita berhubung dengan sebagai contoh penipuan sijil vaksinasi. So, perkara ini adalah dari aspek *people* yang mana individu yang dikenakan tindakan itu ataupun beberapa kes yang dikenal pasti adalah orang yang mempunyai *valid access* yang telah menyalahgunakan akses tersebut untuk melaksanakan tindakan-tindakan yang tidak sepatutnya.

So, setakat ini, pihak kami seberapa daya yang mampu dengan *rapid development of MySejahtera* telah melaksanakan *poking to the system* dan *vulnerability testing* seperti contoh *SQL injection and what not to identify the vulnerabilities in the application* dan laksanakan tindakan pemulihan seberapa cepat yang boleh. *Thank you*.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Terima kasih. Contohnya macam *people*, kita tahu ada tangkapan atau siasatan dengan doktor-doktor yang memalsukan sijil vaksinasi. Kedua, bila bercakap tentang teknologi kerana saya mendapat e-mel daripada Rick Astley. *I think they were sent from MySejahtera*, dia letak Mim Rick Astley. *I don't know if you guys know the famous singer*, agak – *it's quite funny* lah tetapi maksudnya semua pengguna MySejahtera ketika itu mendapat e-mel dengan gambar Rick Astley, okey dan memang ada satu kenyataan yang dikeluarkan oleh KKM lah. *So, I am assuming this is when they used and they hacked into the emails of different users*.

Akan tetapi boleh jelaskan ketika itu maksudnya bila diambil tindakan oleh pihak MAMPU *and of course NACSA*, jadi *is as and when* lah, *when is not necessarily monthly* tetapi bila berlaku insiden-insiden sedemikian, ada orang buat laporan dan kemudian *you took the necessary action. Is that how it works*.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan untuk keselamatan siber, terdapat tindakan *preemptive* dan *reactive*. So, *reactive* yang Yang Berhormat *sebut* tadi itu *reactive*, bila berlaku insiden kita *respond to the incident* dan kita check. Akan tetapi seperti mana yang dimaklumkan, *continuous rapid development of system and the size of the aplikasi MySejahtera* yang berkembang begitu cepat menyebabkan salah satu perkara yang kita nyatakan kepada pihak KKM sewaktu kita serahkan MySejahtera kepada KKM untuk dilaksanakan .

Saya percaya benda ini merupakan *priority* yang ditetapkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemandu di peringkat KKM adalah *to do a full blown security assessment, so that we can security vulnerabilities*. *Security vulnerabilities* ini ia ada *priority-nya*. *Priority high, medium dan low*. So, benda-benda ini bila kita

melaksanakan *the whole security assessment*, kita akan nampak dan tindakan secara keseluruhan dan holistik boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan. Thank you.

Tuan Pengerusi: Okey, dalam isu aplikasi MySejahtera dan data MySejahtera ini Puan Shariffah, saya hendak tanya untuk aplikasi MySejahtera ini siapa yang mempunyai pemilikan terhadap aplikasi MySejahtera dari hari pertama. Apabila ia dilancarkan pada bulan April, siapa yang sebenarnya memiliki aplikasi MySejahtera ini termasuk siapa yang memiliki ataupun memegang *intellectual property* bagi pembangunan aplikasi MySejahtera?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya Yang Berhormat, aplikasi MySejahtera merupakan hak milik Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi: IP? *Intellectual property*.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya ia adalah hak milik Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Okey, *wait*.

■1210

Tuan Pengerusi: Okey, ada satu. Berdasarkan jawapan daripada Puan Shariffah tadi, saya ada satu soalan mungkin sama ada Puan Shariffah ataupun KP MKN ataupun Datuk Seri Dr. boleh memberikan pencerahan. Dalam isu pemilikan ataupun hak *intellectual property* terhadap aplikasi MySejahtera ini, pihak PAC telah pun membaca beberapa kertas mahkamah yang melibatkan pertikaian ataupun perbicaraan kes di mahkamah yang melibatkan pemegang-pemegang saham syarikat MySJ Sdn. Bhd. seperti P2 Asset Management Sdn. Bhd., Entomo Malaysia, Revolusi Asia, MySJ, Hasrat Budi Sdn. Bhd. Dan sebagainya.

Dalam kesemua dokumen ataupun kertas mahkamah, ini ada satu perkara yang amat konsisten iaitu dinyatakan dalam dokumen-dokumen ini bahawa pemilik *intellectual property* bagi aplikasi MySejahtera ini adalah MySJ Sdn. Bhd. So, apakah pandangan ataupun komen daripada saksi-saksi yang kita ada pada pagi ini? *The same question we had actually raised it to our Minister last week. I would like to hear from all the witnesses here. The representation being given outside to the outside world is that MySJ owns everything. Including the IP. Because of MySJ owning the IP, owning all everything about aplikasi MySejahtera that's why Entomo Malaysia could actually sell their shares to some of the investors at the cost of more than RM300 million and the investors wouldn't be buying at this high cost if at the end of the day, KPISoft or Entomo tidak memiliki apa-apa kepunyaan ataupun pemilikan ataupun apa-apa control terhadap aplikasi MySejahtera.*

So, apakah komen daripada saksi-saksi di hadapan PAC pada pagi ini?
Terima kasih.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, *as far as I'm concerned, the moment when I was involved in the first development – the start of the development of the project*, IP, platform dan semua itu adalah milik kerajaan. So, untuk maklumat yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat itu pihak saya sendiri pihak kami tidak mempunyai maklumat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Daripada MKN, ada komen tidak Datuk?

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Yang Berhormat, seperti mana dinyatakan oleh Puan Shariffah, kita berpendirian sebab NACSA di bawah MKN, itu adalah pandangan MKN juga bahawa semua perkara itu adalah menjadi hak milik kerajaan. Itu yang perspektif yang kita nyatakan di sini, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Okey, ada soalan lain berkenaan isu ini? Jika tidak ada mungkin kita boleh sambung pembentangan.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Okey, kalau saya boleh ke slaid seterusnya Yang Berhormat iaitu pelaksanaan CSR sendiri dan perkara ini telah dipersoalkan oleh Yang Berhormat tadi yang mana kita perlu menyatakan bagaimanakah tempoh setahun CSR dan pihak kami akan mendapatkan dokumen tempoh CSR yang dinyatakan selama setahun tersebut. Namun begitu, apa yang perlu di-*emphasised* di sini adalah kerajaan tidak pernah membuat sebarang bayaran kepada syarikat iaitu syarikat KPISoft dan Entomo atau Entomo sepanjang tempoh CSR tersebut.

Kerajaan pernah melaksanakan pembayaran sebanyak RM9.3 juta bagi pelaksanaan MySejahtera pada Disember 2021 untuk menampung kos langganan perkhidmatan pihak ketiga. Kos langganan perkhidmatan pihak ketiga ini adalah perkhidmatan Google API *services* yang digunakan untuk pendaftaran vaksinasi dan juga kos perkhidmatan SMS. SMS di sini yang kita bayar adalah notifikasi. *One-time password* (OTP) kita tidak bayar, itu adalah CSR. Notifikasi di sini adalah notifikasi yang diterima melalui MySejahtera berdasarkan mengenai peringatan bagi temu janji dan juga keputusan pemeriksaan COVID-19 dan juga sekiranya terdapat isu terlupa *password* link akan dihantar. Itu merupakan contoh-contoh notifikasi yang dicaj.

So, pembayaran dibayar RM9.3 juta adalah perkhidmatan pihak ketiga.

Tuan Pengerusi: Okey, *I think* RM9.3 juta ini tidak jadi persoalan kepada PAC di sini.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Baik.

Tuan Pengerusi: Cuma, saya tertarik dengan kenyataan di sini ya, "*Rundingan dengan syarikat perlu diadakan bagi mengurangkan kos penyediaan*"

perkhidmatan berbanding RM138 juta setahun seperti yang ditawarkan oleh syarikat.” Saya hendak tanya di sini tawaran syarikat tersebut ditawarkan kepada agensi mana? KKM atau yang mana satu? Sama ada terdapat apa-apa surat daripada syarikat untuk menyatakan tawaran RM138 juta tersebut dan bilakah itu?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sebagai makluman Yang Berhormat, ayat tersebut iaitu Jemaah Menteri telah bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama setahun; seperti yang dimaklumkan tadi bahawa terdapat dua kertas Jemaah Menteri diangkat yang memohon keputusan berhubung dengan hala tuju dan perolehan aplikasi MySejahtera.

Pertama adalah pada 31 Mac tahun 2021, kertas ini diangkat dengan cadangan pengkomersialan iaitu perkhidmatan *opt-in services* kepada para pengguna MySejahtera supaya MySejahtera boleh *sustain* yang mana itu merupakan cadangan yang datangnya, berdasarkan rekod, datangnya daripada syarikat yang mana syarikat telah menghantar satu *proposal* kepada kerajaan apabila aplikasi MySejahtera telah berada dalam keadaan yang agak stabil pada waktu tersebut.

Stabil di sini maksudnya adalah lebih kurang dalam bulan tujuh hingga bulan lapan— kerajaan pada waktu tersebut dan dari aspek pembangunan aplikasi sendiri sudah nampak apakah keperluan-keperluan pada waktu tersebut. Pada waktu tersebut kita telah mempunyai modul *check-in*. Pada waktu tersebut juga kita mempunyai modul *traveler* yang kita sudah *identified* berapa *port of entry* dan bilangan *user* pada waktu tersebut sudah agak stabil. Pada waktu tersebut juga, *estimation* yang dibuat adalah lebih kurang dalam 20 juta pengguna. Jadi satu syarikat telah mengangkat satu proposal pada waktu tersebut adalah dengan cadangan pengkomersialan yang mana mereka diberi kebenaran untuk memperkenalkan perkhidmatan *opt-in* dalam aplikasi data MySejahtera— yang mana pengguna MySejahtera boleh *opt-in* dan menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan secara komersial. Ini merupakan konsep *public-private partnership* (PPP).

Berhubung keputusan Jemaah Menteri – daripada soalan Yang Berhormat tadi, siapakah yang diarahkan untuk berbincang dengan syarikat. Disebabkan MJM ini diangkat oleh MKN, keputusannya adalah MKN perlu berbincang dengan syarikat untuk mengurangkan kos perkhidmatan berbanding RM138 juta setahun.

Options yang diberi dalam kertas Jemaah Menteri tersebut adalah yang pertama cadangan pengkomersialan. Kedua adalah sekiranya pengkomersialan tidak dilaksanakan, *estimation* sebanyak RM138 juta berdasarkan bilangan pengguna dan bilangan *business check-in* pada waktu tersebut dianggarkan perlu

dibayar oleh kerajaan selama setahun. Keputusan Kabinet pada waktu tersebut adalah supaya fokus kepada penyambungan perkhidmatan MySejahtera selama setahun disebabkan pada keputusan Jemaah Menteri 31 Mac 2021, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum kita baru sahaja melancarkan program vaksinasi pada waktu tersebut yang mana MySejahtera merupakan salah satu daripada aplikasi yang digunakan secara utama dalam program vaksinasi dan dikhuatiri sebarang perubahan ataupun *announcement* akan mengurangkan kepercayaan rakyat bagi PICK.

■1220

Hence, why Kabinet membuat *decision* tersebut. Walaupun MKN diminta untuk mengadakan rundingan, namun begitu tadbir urus-tadbir urus sewajarnya telah dibentuk dan telah diletakkan dalam slaid ini untuk diterangkan *later*, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. *I think* amat jelas. Tadi ada dinyatakan— kita faham ada satu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac yang telah pun membuat keputusan sedemikian. So, saya hendak tanya, Kertas Jemaah Menteri itu disediakan oleh MKN atau KKM?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Kertas Jemaah Menteri itu diangkat oleh MKN. Namun begitu, sewaktu penyediaan Kertas Jemaah Menteri itu telah diadakan mesyuarat-mesyuarat di peringkat kerja untuk memasukkan input bagi kertas tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey. Bolehkah pihak PAC dapatkan satu dokumen berkenaan dengan cadangan daripada KPISoft, berkenaan dengan kos dan juga pengkomersilan, *the PPP*?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Boleh Yang Berhormat. Kita ada cadangan tersebut.

Tuan Pengerusi: Ya, sila. Ada di sini atau tidak?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: *Ada, then fotocopy immediately. So that*, kita tidak tertinggal nanti. Sila sekretariat, terima kasih. *Okay, thank you.*

[Jawatankuasa menunggu salinan dokumen]

■1230

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Yang Berhormat boleh kita sambung atau?

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Okey, *next slide* adalah berkenaan pelaksanaan pembentukan kontrak itu. Rentetan daripada keputusan mesyuarat Jemaah Menteri yang tadi pada 31 Mac supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama setahun, di mana di situ juga dipersetujukan agar pembentukan satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia KSN untuk meneliti konsep pelaksanaan, modul perniagaan, daya maju teknikal dan kewangan projek yang dicadangkan oleh syarikat KPISoft.

Pada 13 April iaitu mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Hala Tuju Aplikasi MySejahtera yang dipengerusikan oleh KSN juga telah dihadiri oleh KSU KKM, KP UKAS, Yang Berbahagia Dato' Seri KP MAMPU, daripada KP MKN dan juga daripada KKM. Hasil daripada keputusan pada 13 April tersebut adalah supaya ada tiga di sini, MKN mengadakan rundingan dengan KPISoft mengenai dengan jumlah bayaran untuk kontrak. MAMPU JPM mengemukakan kewajaran cadangan bayaran yang dikemukakan dan UKAS untuk mengadakan perbincangan untuk mengkaji kesesuaian cadangan pelaksanaan *way forward* bagi menjamin kesinambungan aplikasi.

So, due to the this and telah pun melaksanakan beberapa bengkel mulai April ke September untuk membuat penilaian harga dan beberapa siri perbincangan bersama syarikat untuk memperincikan skop ini telah dilaksanakan. Untuk makluman semua, kertas laporan ini telah pun dibentangkan, diedarkan, dimuktamadkan dan dihantar kepada pihak KKM pada tersebut.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Oh, ya, *sorry. Okay, next.*

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Oh, okey. Saya tengok slaid lama, *sorry.* Okey, jika di sini pada MJM 26 November apabila telah diputuskan bahawa aplikasi MySejahtera dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat MySJ selama dua tahun. Pada 28 Februari, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk meluluskan permohonan KKM untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus dan sekarang pada masa ini KKM sedang melaksanakan rundingan harga, perincian skop projek dan kajian pasaran ke atas *cloud service provider* untuk memastikan kepentingan kerajaan terpelihara.

Way forward di sini, adalah penglibatan di sini bahawa NACSA MKN dan juga MAMPU adalah merupakan Ahli Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal di dalam

tadbir urus MySejahtera yang diterajui oleh KKM. Di sini, hasil daripada MJM 6 April 2022 di mana telah memutuskan data aplikasi perlu ditempatkan di PDSA MAMPU dengan menggunakan dua pendekatan.

Pertama di sini iaitu dengan mengadakan *mirror* atau *backup data* daripada AliBaba *Cloud* ke PDSA dan juga secara *long term* penyelesaian secara *on premise cloud* dengan menempatkan *server* yang diuruskan oleh CSP yang telah dilantik oleh kerajaan di PDSA di bawah kawalan MAMPU.

Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang, sila.

Puan Wong Shu Qi: Ya, hendak semak dengan pihak berkenaan. Tadi apabila kita bincang tentang Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 iaitu satu *Cabinet paper* sudah dibentangkan berkenaan dengan pengkomersialan dan juga rundingan dengan syarikat supaya sambung perkhidmatan selama setahun.

Jadi boleh saya tahu bahawa ketika itu perbincangan adalah setahun sahaja dan bukan dua tahun?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Keputusan 31 Mac adalah selama setahun.

Puan Wong Shu Qi: Syarikat yang seharusnya MKN berunding adalah syarikat mana? Ketika itu 31 Mac?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Syarikat KPISoft Malaysia Sdn. Bhd.

Puan Wong Shu Qi: Bila pihak syarikat yang perlu berunding dengan kerajaan telah bertukar ke MySJ?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya, selama perundingan ataupun perbincangan yang dilaksanakan oleh pihak MAMPU, MKN seperti mana yang dimaklumkan oleh Puan Hanissull tadi, perbincangan kita adalah berlaku antara pihak KPISoft dan kemudiannya ditukar nama kepada Entomo.

Namun begitu, dalam kertas Jemaah Menteri pada 26 November, kenapa dimaklumkan syarikat MySJ Sdn. Bhd. — ini adalah kerana di peringkat pasukan MySejahtera, di NACSA, MKN di bawah Program Proklamasi Darurat kita telah mengumpul maklumat serta membentuk kertas Jemaah Menteri yang diangkat pada 26 November 2021 dengan penglibatan pihak UKAS, MAMPU dan pihak MOH.

Perbincangan-perbincangan yang diadakan telah membawa kepada pembentukan kertas Jemaah Menteri pada 26 November. Yang pertama sewaktu pihak sekretariat ingin mengangkat kertas Jemaah Menteri tersebut, perkara-perkara yang dilaksanakan di peringkat sekretariat adalah memohon pandangan kepada semua ahli-ahli, nombor satu.

■1240

Yang kedua adalah, kita juga telah menghubungi syarikat Entomo yang merupakan pihak yang sama yang kita berhubung dari hari yang pertama, pihak yang sama, kita menyatakan apakah – bagi tujuan di peringkat sekretariat ingin mengangkat kertas Jemaah Menteri – penggunaan nama syarikat yang perlu digunakan bagi tujuan mengangkat kertas Jemaah Menteri tersebut. Maklum balas serta surat daripada pihak syarikat iaitu Entomo memaklumkan supaya menggunakan nama MySJ Sdn. Bhd, *sorry*.

Puan Wong Shu Qi: So, boleh dapatkan surat daripada Entomo yang mencadangkan bahawa MySJ Sdn. Bhd. digunakan tidak?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Boleh. Saya ada surat ini sekarang *and it will not take too long. Sorry [Senyum]*. Saya boleh *pass* kepada sekretariat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, alang-alang mencari surat ini, agak-agaknya ada lagi surat lain. Saya hendak bertanya, selain daripada surat ini, adakah Entomo menghantar apa-apa surat memaklumkan mengenai syarikat MySJ ini sebagai penama kepada sebelum daripada surat yang kita cari ini?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya, pada peringkat rekod yang saya lihat, sebutnya nama MySJ Sdn. Bhd., pihak sekretariat boleh tengok dalam *proposal* komersial itu. Tidak silap saya ada di-*mention*.

Namun begitu, pada peringkat sekretariat, antara sebab mengapa kita hantar surat pada 21 November 2021 tidak silap saya, surat yang telah diberikan kepada sekretariat dengan menanyakan kepada pihak Entomo apakah nama syarikat yang perlu digunakan disebabkan kita sendiri tidak pasti pada waktu itu pada peringkat sekretariat. Oleh sebab itulah, kita tanya dengan *clear* kepada pihak syarikat nama apa yang perlu digunakan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, sefaham saya, tiada maklumat pada peringkat saya berhubung dengan pertukaran nama syarikat atau MySJ Sdn. Bhd.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, *the first time* pihak puan mendengar nama MySJ ini ialah semasa mereka mencadangkan *commercialisation* itu ya?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Dalam cadangan pengkomersialan itu, mereka ada *mentioned* berhubung dengan MySJ, saya rasa. Sekejap, saya *check* semula. Ya.

Kalau Yang Berhormat melihat kepada cadangan pengkomersialan tersebut, mereka telah menyatakan pada *para 25* di bawah cadangan tersebut yang mana mereka menyatakan bahawa *KPISoft is a global organisation, which explains the organisation. Then, it will say that KPISoft will establish an SPV to adhere to the standards by the Public-Private Partnership Unit under the Prime Minister's Department (UKAS). The entity will be formed as MySJ Sdn. Bhd. to enable:*

- (a) exclusive service provision of MySejahtera and the three new commercial components;*
- (b) auditing by the relevant authorities; and*
- (c) digital platform partners as described in Diagram 5 to participate in strategic equity.*

That was the explanation that I got in the proposal sent by the company.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, cuma untuk makluman mesyuarat atau prosiding ini, *if MySJ is the SPV, for sure it will be owned fully by KPISoft.* Akan tetapi, daripada dokumen yang kita ada sebelum ini, memang bukan begitulah, ceritanya bukan begitu yang mana KPISoft melalui Entomo ataupun Entomo Malaysia telah pun menjual sahamnya kepada beberapa nama besar *and the cost involved is more than 300 million. So that is not the SPV, per say-lah.*

Okey. Sudah *upload* tidak? Sudah? Belum?

Perenggan kedua, ayat terakhir; *"MySJ Sdn. Bhd. adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera."* Surat daripada Entomo kepada MKN dan NACSA. Sepanjang masa ini, kita diberitahu bahawa pemilik aplikasi harta intelek MySejahtera adalah Kerajaan Malaysia. Di sini surat daripada Entomo Malaysia kepada NACSA dan MKN (JPM), iaitu Kerajaan Malaysia. Perenggan dua dinyatakan dengan amat jelas; MySJ Sdn. Bhd. juga adalah pemilik harta intelek aplikasi MySejahtera. *I think the government itself is confused or intentionally confused.*

Cuma Puan Shariffah, ini e-mel atau surat? Surat ini tiada tarikh selain daripada namanya.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Tuan Pengerusi, surat itu dihantar melalui e-mel dan kita mempunyai *cover* e-mel tersebut.

Tuan Pengerusi: E-mellah?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Ya.

Tuan Pengerusi: So, memang boleh disahkan oleh saksi 25 November 2021? Nama fail sahaja yang ada.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: *[Mengangguk]*
[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

■1250

Tuan Pengerusi: Okey, boleh saya tanya kepada pihak MAMPU, mungkin Datuk Seri. Apakah maksud apabila kita kata 'harta intelek aplikasi MySejahtera' dari sudut pandangan MAMPU? Apakah yang dimaksudkan dengan 'harta intelek aplikasi MySejahtera'?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Puan Hanissull yang akan jawab, Yang Berhormat. Dia pakar teknikal.

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Bagi pandangan teknikal, kalau apabila dikata IP itu adalah *everything about the applications* menjadi hak milik kerajaan.

Tuan Pengerusi: Tidak. Saya tanya soalan saya, apakah maksud pemilik 'harta intelek aplikasi MySejahtera'? 'Harta intelek aplikasi MySejahtera' *does it mean everything?*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Data, aplikasi, *source codes*, ya.

Tuan Pengerusi: *The know-how*, betul tak?

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: *The process, yes. The process.*

Tuan Pengerusi: *Okay, then if we say here*, ini diakui oleh Entomo dalam surat ia kepada kerajaan ya. MySJ Sdn Bhd juga merupakan pemilik 'harta intelek aplikasi MySejahtera'. *This is serious.*

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Dia *claim*, itu dia punya *claim*.

Tuan Pengerusi: *They claimed. So, did the government refute? If the government says that, it is only their claim. They only not claiming once here, you know Puan. They are claiming in their court's affidavit, which cannot be untrue, they're claiming in a letter. So, blatantly to MKN, to NACSA, to JPM and I don't think the government can't just say 'they only claimed' lah. Setuju kah puan? In the business world, without this harta intelek being owned my MySJ, the shares cannot be sold at such a high price.*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, boleh saya minta pengesahan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Setelah menerima surat daripada Entomo ya, adakah pihak kerajaan membuat apa-apa penolakan kah ataupun penjelasan lanjut mengenai perkara ini kepada dan daripada Entomo? Kalau ada, minta tengok surat-surat komunikasi yang telah dijalankan. Terima kasih.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, sefaham saya, *confirmation* yang kita minta pengesahan nama syarikat MySJ Sdn Bhd di peringkat sekretariat, kita mengangkat kepada syarikat untuk mengangkat Kertas

Jemaah Menteri berhubung dengan penggunaan nama syarikat yang perlu di dalam Kertas Jemaah Menteri tersebut. Kertas Jemaah Menteri di *table* pada 26 November dan surat yang dihantar menerusi e-mel berdasarkan rekod adalah pada 25 November 2021. So, berdasarkan keputusan tersebut, tindakan berhubung dengan pemilikan IP, pembentukan tindakan-tindakan seterusnya sedang dilaksanakan oleh pihak KKM dan tindakan tersebut secara *due diligence* nya sedang dilaksanakan. So, itulah maklum balas yang boleh diberikan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih tetapi...

Puan Hanissull Jalis binti Md Yusof: Yang Berhormat, pada 6 April 2022, *may I quote* iaitu pada nombor 8B iaitu ada dua di sini:

- (i) supaya kerajaan mengambil alih pemilikan aplikasi MySejahtera daripada syarikat MySJ Sdn Bhd; dan
- (ii) Kementerian Kesihatan segera membentangkan memorandum yang terperinci mengenai perkara ini untuk dipertimbangkan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi: Itu keputusan Jemaah Menteri kan? 6 hari bulan. So, amat jelas di sini keputusan Jemaah Menteri adalah untuk pihak kerajaan mengambil alih pemilikan aplikasi MySejahtera daripada MySJ Sdn Bhd. Maksud ia, sebelum ini, aplikasi MySejahtera ini dipunyai dan dimiliki oleh MySJ Sdn Bhd. Betul tidak? Ya, sila jelaskan. *If you already owned it, you don't say 'I need to takeover' kan? When there is a Cabinet's decision to say, look we are going to takeover, you won't takeover something that you already owned it. Okay, I think we will leave that* sebagai salah satu penemuan ataupun rumusan daripada PAC dalam laporan kita selain jika ada penjelasan lanjut yang hendak diberikan oleh saksi. Akan tetapi *I think* soalan daripada Yang Berhormat Lumut tadi belum lagi terjawab. Yang Berhormat Lumut tadi kata selepas surat ini diberikan kepada NACSA MKN di JPM, sama ada kerajaan ada membuat apa-apa penafian terhadap pendirian yang diambil oleh syarikat Entomo.

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Sefaham saya, Yang Berhormat, setakat pengetahuan saya, tiada apa-apa penafian yang telah dibuat. Namun begitu, tindakan *due diligence* selanjutnya telah dilaksanakan di peringkat KKM yang mana pihak NACSA, MKN juga terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal di dalam tadbir urus semasa.

Tuan Pengerusi: Okey, faham. Terima kasih. Tindakan *due diligence* itu jika tidak silap saya ialah susulan daripada keputusan Kabinet pada 26 November. So, *that was an instruction given by Cabinet to KKM. Okay. I think slide* pun sudah habis.

Ada soalan lanjut tidak daripada Ahli-ahli semua? Pukul 1.00 sudah. *Just nice*, tiga jam. Ya, sila Yang Berhormat Parit.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Sedikit sahaja. Bila kita dengar tentang pembentangan-pembentangan tadi, sahaja saya hendak tahu peranan Kementerian Kewangan, bagaimana melihat proses ini?

Tuan Pengerusi: Ada komen daripada MOF? Sila.

Puan Azreen binti Awang: Okey, Yang Berhormat. Untuk MOF, kami bekerjasama erat lah dengan KKM dalam urusan berkaitan Projek MySejahtera ini.

■1300

Cuma apa-apa keputusan kerajaan memang melibatkan antara keputusan akhirnya MKN dan KKM lah, MOF hanya *support* dari segi kewangan sahajalah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Dari segi penyediaan kontrak kebiasaannya sama ada MOF akan terlibat?

Puan Azreen binti Awang: MOF – sebab KKM sendiri ada pegawai undang-undang, so kementerian akan *refer* PUU masing-masing dan jika perlu akan terus ke Jabatan Peguam Negara sepatutnya untuk pentadbiran kontrak.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, ini bukan berkaitan dengan kontrak ini balik kepada keseluruhan keupayaan kerajaan hendak mengambil alih pengurusan pentadbiran, kawalan data dan sebagainya MySejahtera ini. Kementerian Kesihatan juga mempunyai unit IT kah – Tuan Pengerusi, unit apa di Kementerian Kesihatan yang Doktor...

Tuan Pengerusi: Mahesh.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: ...Mahesh membuat – bukan penegasan, membuat kenyataan bahawa mereka perlu menilai keupayaan Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan pengambilalihan, melaksanakan kerja-kerja pengurusan. Ini kerana mereka pun tidak *sure* kekuatan unit tersebut. Dalam pada itu, kita juga maklum bahawa MAMPU merupakan *central agency* bagi perkara ini dan telah mendapat perakuan daripada kerajaan dan juga MAMPU sendiri memberi keyakinan kepada kita tentang kemampuan mereka.

Jadi, di dalam hal ini adakah MAMPU bersedia untuk melaksanakan kerja ini dan seberapa cepat boleh dan adakah perlu kita tunggu kalau hendak buat kontrak lagi dua tahun ataupun *state* kita boleh laksanakan? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Untuk makluman Yang Berhormat, penegasan Kementerian Kesihatan itu berdasarkan kepada keputusan Kabinet pada 6 April. Ada dua keputusan penting Yang Berhormat. Pertamanya, pemilik projek

selepas ini untuk MySejahtera adalah Kementerian Kesihatan, sebelum ini diuruskan secara *ad hoc* oleh MKN sebab atas inisiatif kebertanggungjawaban kerajaan untuk kita melaksanakan MySejahtera. Itu yang pertama. Keputusan Kabinet 6 April, pemilik projek MySejahtera secara rasmi adalah Kementerian Kesihatan.

Jadi *by all means* Kementerian Kesihatan mesti melaksanakannya. Maknanya dalam komitmen di situ, kami MAMPU akan memberi kerjasama khidmat rundingan, teknikal, kepakaran. Kemungkinan kalau dia memerlukan tambahan pegawai eksekutif untuk membantu menguruskan MySejahtera ini, *insya-Allah* kami akan memberikan kerjasama. Itu komitmen MAMPU sebagai agensi pusat untuk sektor awam.

Keduanya, keputusan penting yang kedua pada 6 April Yang Berhormat, data MySejahtera kena *migrate* daripada *Alibaba Cloud* ke Pusat Data MAMPU, PDSA. Jadi, itu keputusan kerajaan dan kami akan laksanakan perkara ini dan perkara ini telah diambil kira semasa rundingan harga di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Kewangan yang sedang berlangsung sekarang dari segi migrasi data ke Pusat Data MAMPU. Dari segi teknikal kami akan uruskan. Pihak MAMPU akan menguruskan dengan pihak syarikat macam mana dari segi teknikal yang terbaik untuk kita membuat migrasi data dan meletakkan server nya di Pusat Data MAMPU.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk Seri. Ada satu soalan daripada saya. Andaikan kita ada satu *hypothetical situation* katakan sekarang kerajaan membuat keputusan tidak lagi mahu merundingkan kos dengan pihak syarikat swasta biarpun Entomo ataupun MYSJ, so kerajaan kata tidak apa kami tidak akan membayar apa-apa kos kepada syarikat ini dan apakah yang akan terjadi ataupun apakah impak terhadap kerajaan sekiranya kerajaan tidak mahu meneruskan hubungan ataupun pemberian kontrak ini kepada MYSJ ataupun Entomo? *What will be the situation?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ini soalan susah hendak jawab Yang Berhormat, soalan cepu emas ini macam Yang Berhormat perangkap saya.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tidak ya.

Tuan Pengerusi: Okey, so mungkin saya lebih terus fokus apa yang akan terjadi dengan segala data-data yang ada dalam aplikasi MySejahtera? *I mean* segala data yang ada. *What is important is the data.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Betul.

Tuan Pengerusi: *The vaccination data, the check-in data and everything.*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Data maklumat peribadi rakyat Malaysia Yang Berhormat, 38 juta dalam sistem itu. Maknanya kita punya namun disimpan dalam *platform* syarikat sebab itu maknanya, kita di peringkat *government* kita

present paper kepada Jemaah Menteri untuk kita mengambil alih *the whole system* Yang Berhormat. Kita melihat implikasinya. Tambahan pula *Alibaba is not local company* dan kita risau kalau data ini jatuh kepada pihak yang tidak bertanggungjawab akan satu *disaster* kepada *country* sebab itu kita *propose* kepada kerajaan secepat mungkin kita *conclude* perkara ini dan kita muktamadkan secepat mungkin dan *then* kita *settle once for all* dengan MySJ Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi: So, sekiranya kerajaan kata *I am not going paying you anything, I cut off my relationship* dengan Entomo dan juga MYSJ, so sama ada itu bermaksud *the government will lose all the data – sorry, that goes back to key question of siapa yang memiliki data?*

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Ya lah sebab saya berbalik kepada *statement* KP MKN tadi Yang Berhormat, makna dari segi pemahaman pihak *team* daripada kerajaan *team*, MKN kita minta, kita setuju KPISoft untuk *develop the system* bagi pihak kerajaan. Jadi bagi fahaman kerajaan, itu adalah hak milik kerajaan. Akan tetapi dari segi *tussle* antara *shareholder* MySejahtera di belakang di *court* itu di luar bidang kuasa kami di peringkat *government* dan kami pun tidak hendak tahu ada berlaku *payment* di antara parti-parti yang terlibat. Itu di luar bidang kuasa kami Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk Seri. Ada soalan lain daripada ahli-ahli semua? Sudah pukul satu. Sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Bilakah dateline perjanjian ini agak-agaknya hendak dibuat dengan *whoever* ini?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Perjanjian apakah itu Yang Berhormat? Kontrak?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Kontrak.

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Kontrak ini Yang Berhormat *once* kita sudah *finalize* dekat MOF, kita setuju dari segi *term and conditions*, dari segi *financial* dengan teknikalnya *and then* kita pertamanya, akan ada *payment* kepada pihak syarikat dan sebelum *payment* dibayar akan ada ikatan kontrak antara pihak kerajaan. Mungkin di sini yang akan mewakili kerajaan, Kementerian Kesihatan dengan pihak syarikatlah. Kita tunggu rundingan dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan yang sedang berjalan sekarang.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Dua tahun itu *as of from signing* lah ya?

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Dua tahun untuk kita macam keputusan Kabinet pada 26 November, *slide 22* – sudah tutup. *Page 22* itu Yang Berhormat. Maknanya untuk kita laksanakan secara rundingan terus dengan MYSJ selama dua

tahun. Makna kita akan membayar kepada MYSJ untuk kos kontrak selama dua tahun selepas tempoh CSR tamat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail: Tidak, kita akan tandatangan segera. Selepas *conclude* dengan MOF kita akan tandatangan segera untuk kontrak rundingan terus selama dua tahun dengan pihak syarikat.

Tuan Pengerusi: Ya. Yang Berhormat Kluang tadi ada. Tidak ada sudah. Okey Yang Berhormat Parit ada? Okey tidak ada ya. Okey, saya hendak dapatkan – KP ada perkembangan berkenaan dengan minit?

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita telah menerima dokumen ini. Kalau kita teliti pembentangan tadi mengenai latar belakang kronologi pelaksanaan aplikasi ini, selepas mesyuarat pasukan petugas pemboleh daya pada 23 Mac membuat keputusan, perkara ini telah dibincangkan di peringkat awalnya oleh Mesyuarat Khas Menteri-menteri yang dipengerusikan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri ketika itu pada 5 April 2020.

■1310

Dalam catatan ini, catatan minit pada perkara 4.7, dinyatakan dengan jelas bahawa mesyuarat bersetuju supaya penggunaan MySejahtera ini digunakan. Saya akan sampaikan keputusan ini kepada sekretariat. Susulan daripada itu Yang Berhormat, pada 7 April, sidang khas MKN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri telah mengambil maklum mengenai pelaksanaan MySejahtera ini. Jadi, ada dua buah dokumen yang kita kemukakan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Datuk. Cuma masih belum lagi memberikan – kedua-dua dokumen ini, masih belum dapat memuaskan PAC memandangkan penggunaan ataupun pelaksanaan MySejahtera ini, *the roll-out of MySejahtera definitely* bukan satu masalah bagi PAC. Persoalan yang kami bangkitkan pagi tadi adalah berkenaan dengan siapa yang membuat keputusan untuk melantik KPISoft Malaysia Sdn Bhd. Itu soalnya. *We will appreciate the answer given just now*, tetapi kita balik kepada soalan pokoknya. Siapa yang melantik? Ini sama ada PPPD ataupun MKN ataupun Jemaah Menteri.

Mungkin cuma untuk membantu mesyuarat ini, tadi – sekiranya saya baca surat daripada KPISoft bertarikh 24 Mac, KPISoft ada memberikan cadangan pembangunan sistem *COVID-19 Outbreak Management* untuk kegunaan MKN dan juga KKM. Surat ini daripada KPISoft kepada Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah Keselamatan Negara pada ketika itu. Selepas itu, Ketua Pengarah MKN ada menjawab pada tiga hari selepas itu pada 27 Mac yang

mana beliau menyatakan, “*Sukacita dimaklumkan, pihak kami mengalu-alukan dan berbesar hati menerima tawaran pihak syarikat bagi perkhidmatan pembangunan aplikasi mudah alih ini*”. So, pada 24 Mac 2020 cadangan dimasukkan, 27 Mac 2020 dinyatakan tawaran diterima. So now – again, masalahnya adalah siapa yang sebenarnya membuat pelantikan ini? *You know for any direct nego contract*, pelantikan hendaklah dibuat dengan persetujuan daripada MOF dan di sini pelantikan KPISoft ini. So, siapakah yang membuat keputusan akhir pelantikan?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, kalau saya boleh cuba respons. Saya tidak pasti *whether this is sufficient or not. But, as far as I'm concerned, from the first day of the development*, pada waktu tersebut tawaran yang diberikan adalah secara CSR. So, aspek perbincangan di peringkat *working level* waktu tersebut tidak melihat kepada *direct nego* pada waktu tersebut Yang Berhormat. So, setakat ini sahajalah respons yang saya boleh beri pada peringkat fahaman saya.

Tuan Pengerusi: Ya. Terima kasih atas jawapan. Cuma saya hendak ulangi kenyataan saya yang telah pun dibuat beberapa kali termasuk di dalam Dewan Rakyat, *we cannot allow anyone to use CSR as a backdoor method to obtain a long-term contract by way of a direct nego. We are now paying almost RM200 million for two years for this company and that is a huge financial implication. So, sama ada memang tidak terdapat apa-apa mesyuarat formal yang telah pun membuat endorsement pelantikan ini? They came in with the proposal, MKN head said, “Okay, good to go.”* Selepas itu *roll out MySejahtera*, itu sahaja.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya boleh tanya MKN ya?

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Does that letter* menjawab kepada surat KPISoft itu *tantamount to* pelantikan KPISoft sebagai pengendali kerana tidak ada surat-surat yang...

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Yang Berhormat, surat ini dalam *para* tiganya menyatakan bahawa pertama, menerima tawaran yang dibuat oleh KPISoft berkenaan, tetapi konsepnya secara atas dasar CSR. Dalam *para* tiga dinyatakan begitu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: So Tuan Pengerusi, *don't you see this as the* surat pelantikan sekali?

Tuan Pengerusi: Daripada apa yang saya nampak, *yes. This will constitute* a surat pelantikan selagi mungkin ada...

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Surat-surat lain.

Tuan Pengerusi: Surat-surat lain atau mesyuarat lain. *But for me, I don't see that is proper for such big deal to be appointed, that such a big decision to be made by the MKN chief himself,* Ketua Pengarah MKN dan dengan satu surat sebegini sahaja. *So, is there any documents to show?* Datuk KP ataupun Puan Shariffah, *any other documents* dari 23 sampai 30 Mac berkenaan dengan pelantikan?

Puan Shariffah Rashidah binti Syed Othman: Yang Berhormat, sefahaman saya, setakat pengetahuan saya, saya tidak mempunyai apa-apa maklumat berhubung dengan surat-surat lain yang dikeluarkan oleh pihak MKN untuk tujuan pelantikan. Akan tetapi, cuma satu yang ingin saya nyatakan adalah sebagai ahli pasukan waktu itu yang bertindak di peringkat sekretariat yang melihat dari aspek pembangunan sistem dari awal lagi, sememangnya pada peringkat kami tidak nampak yang aplikasi MySejahtera ini akan menjadi satu aplikasi yang besar pada waktu tersebut. *So, perbincangan demi perbincangan yang kita laksanakan sewaktu melaksanakan dokumen kontrak, menetapkan penambahan pengguna dari semasa ke semasa disebabkan oleh keadaan pengurusan pandemik pada waktu tersebut yang menyebabkan pihak KKM memerlukan satu aplikasi untuk reach out kepada pengguna dan terus mendapat maklumat straight from the person. So, itulah keadaan yang kami faham pada ketika itu* Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Puan Shariffah. Ada komen daripada Datuk KP? Tadi Datuk KP ada memberitahu dua minit mesyuarat pada bulan April. *So, is there any* minit mesyuarat yang berkaitan dari tempoh 23 hingga 30 atau 31 Mac yang berkaitan? Jika tak ada, cuma maklum kepada pihak PAC kata tidak ada, *then we will proceed from there. Thank you.*

Datuk Haji Rodzi bin Md Saad: Yang Berhormat, semaklum saya ketika itu bagi mesyuarat-mesyuarat saya kendalikan, itu sahaja yang disampaikan oleh Puan Shariffah dan tidak ada.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Datuk. Okey, ada soalan lain? Okey. Jika tak ada, saya ucapkan terima kasih kepada kesemua ahli mesyuarat yang hadir, Ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex-officio dan yang penting sekali saksi-saksi yang hadir. Dato' TKSU, Datuk Seri Dr. Yusof dan juga saksi-saksi lain yang hadir pada pagi ini yang telah pun memberikan penjelasan dan pencerahan yang selanjutnya kepada pihak PAC. Pihak PAC akan berbincang sama ada pihak PAC hendak dan perlu memanggil saksi-saksi yang lain untuk tampil ke PAC sebelum kami memuktamadkan laporan kita. Dengan itu, saya juga ucapkan salam Ramadan kepada rakan-rakan semua dan selamat menyambut Hari Raya. *So, ini merupakan PAC meeting yang terakhir sebelum rayalah. Okey, terima kasih. Okey, minta ahli-ahli untuk tunggu lima minit. Kami nak susun jadual selepas raya.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.19 tengah hari]



DOKUMEN PEMBENTANGAN





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS BIL. 1(A) TAHUN 2022**

14 APRIL 2022

PROSIDING BIL. 1 (a) TAHUN 2022:

**“PEMBANGUNAN DAN PEROLEHAN APLIKASI
MYSEJAHTERA DI BAWAH KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA, KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA DAN JABATAN PERDANA
MENTERI”**

KANDUNGAN PEMBENTANGAN

1. Latar Belakang
2. Perintah Kawalan Pergerakan
3. Pengurusan Pandemik COVID-19
4. Keperluan Mendapat Aplikasi Digital Bagi Menguruskan COVID-19
5. Cadangan Aplikasi Yang Diterima Oleh Kerajaan
6. Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital COVID-19 (PPPD)
7. Penilaian dan Keputusan PPPD
8. Pelancaran MySejahtera
9. Modul MySejahtera
10. Penggunaan MySejahtera
11. Negara Yang Mengiktiraf Sijil Vaksinasi MySejahtera
12. Pengiktirafan MySejahtera

KANDUNGAN PEMBENTANGAN

13. Mengapa Aplikasi MySejahtera Masih Diperlukan
14. Pemilikan Data MySejahtera
15. Penggunaan Data MySejahtera
16. Keselamatan Aplikasi dan Data
17. Kerahsiaan Data
18. Penyimpanan Data MySejahtera
19. Pengurusan Aplikasi MySejahtera Secara *Corporate Social Responsibility* (CSR)
20. Proses Lantikan Rundingan Terus Dengan Syarikat
21. Kelulusan Kementerian Kewangan
22. Status Semasa
23. Penutup

LATAR BELAKANG

- Kes pertama COVID-19 di Malaysia:
 - disahkan pada **25 Januari 2020**
 - melibatkan **tiga orang warganegara China** (tiba di Malaysia pada 23 Januari 2020)

- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
 - pengumuman YAB Perdana Menteri
 - **berkuat kuasa mulai 18 Mac 2020.**



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

- ❑ Diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)
 - Punca Kuasa
 - Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
 - [Seksyen 2, Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa Perlu (2021)]
 - Peranan:
 - Menguruskan Pandemik COVID-19
Termasuk Menerajui Pembangunan Aplikasi



PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19

- ❑ Kerajaan berpandangan **satu aplikasi digital diperlukan**
- ❑ Tujuan:
 - membantu dalam pengurusan pandemik COVID-19 dengan berkesan.



KEPERLUAN MENDAPAT APLIKASI DIGITAL BAGI MENGURUSKAN COVID-19

- ❑ Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mendapatkan khidmat nasihat daripada MAMPU untuk melaksanakan penilaian kepada aplikasi mudah alih untuk disesuaikan bagi tujuan pemantauan dan pengawalan COVID-19
- ❑ KKM bertindak sebagai ahli Pasukan Projek bersama MAMPU dan MKN dan terlibat dalam:
 - perancangan strategik
 - penentu kepada pembangunan modul dan kegunaan aplikasi



CADANGAN APLIKASI YANG DITERIMA OLEH KERAJAAN

- ❑ Diterima daripada pelbagai syarikat.
- ❑ Cadangan sistem:
 - sistem yang sudah siap dibangunkan; dan
 - pembangunan sistem baharu



PASUKAN PETUGAS PEMBOLEH DAYA DIGITAL COVID-19

□ Pengerusi:

- MKN dan MAMPU

□ Ahli:

- NACSA
- KKM
- MOSTI
- SKMM

□ Penubuhan:

- platform tadbir urus penggunaan teknologi digital – pengurusan COVID-19
- menerima tanggungjawab dan mandat dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Khas Perancangan Strategik PKP Bil.1/2020 pada 23 Mac 2020
- menilai cadangan yang diterima daripada pelbagai syarikat – **berkaitan teknologi dalam pelbagai aspek untuk menangani pandemik COVID-19**



PENILAIAN DAN KEPUTUSAN PPPD

PPPD bersetuju bahawa aplikasi yang dicadangkan oleh syarikat KPISOFT (M) Sdn. Bhd. (**KPISOFT**) merupakan **penyelesaian digital yang terbaik** selaras dengan keperluan ketika itu

KRITERIA PEMILIHAN

1. Sistem telah **tersedia**
2. Boleh **go live** dalam tempoh **2 minggu**
3. Ditawarkan secara **CSR** untuk tempoh **satu tahun**; dan
4. Berdasarkan **rekod prestasi baik** untuk kerja-kerja yang lepas:
 - membangunkan sistem AI untuk syarikat besar seperti **Manulife Insurance, Zurich Insurance, Etihad Railways**
 - menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada Kerajaan Dubai – **Smart Dubai Government**

PELANCARAN MYSEJAHTERA


- ❑ Tarikh: 20 April 2020
- ❑ Mempunyai **3 modul** utama :



- ❑ Anggaran pengguna: **200,000 orang** (untuk tempoh jangka pendek).
- ❑ Apabila pandemik berpanjangan dan kes semakin meningkat:
 - Bilangan pengguna bertambah.
 - Kerajaan **memutuskan tambahan modul baharu melibatkan fungsi lebih kompleks** serta melibatkan penggunaan lebih meluas.

15 MODUL DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA

(DIBANGUNKAN DALAM TEMPOH 2 TAHUN)




PENGGUNAAN MYSEJAHTERA

Dimuat turun **38 juta** pengguna di pelbagai platform mudah alih

17 juta Arahan Pengasingan dan Pemantauan secara virtual telah dikeluarkan

2 bilion pelaporan Pelaporan penilaian sendiri secara digital menerusi *Home Assesment*



Lebih **13 bilion** *check-in* premis direkodkan


7.1 juta pengguna aktif (MySJ Trace)

80 juta keputusan ujian COVID-19 (positif dan negatif) telah dimuat naik melalui fungsi ini

Pengesahan sijil vaksinasi oleh pengembara warga asing serta pemakluman protokol dan prosedur ujian COVID-19

NEGARA YANG MENGIKTIRAF SIJIL VAKSINASI MYSEJAHTERA

- 66 negara
 - **63 buah negara** merupakan negara yang telah diterima ke dalam sistem ***European Union Digital COVID Certificate (EU DCC)***
 - Indonesia, Filipina dan Vietnam



PENGIKTIRAFAN MYSEJAHTERA



APP ANNIE

Salah satu aplikasi pandemik COVID-19
yang terbaik di dunia


DELEGATION OF THE EUROPEAN UNION TO MALAYSIA

Malaysia shall be connected to the
EU Digital COVID Certificate
trust framework established by
Regulation (EU) 2021/953.

This Decision shall enter into force on
4 April 2022

  
@EUinMalaysia

MENGAPA APLIKASI MYSEJAHTERA MASIH DIPERLUKAN?




MySejahtera medium terbaik pada masa ini merekodkan:

1. maklumat individu penerima vaksin
2. tarikh terima suntikan
3. jenis vaksin yang diterima
4. penjanaan sijil vaksinasi digital
5. pemantauan *Home Assessment Test (HAT)*

Ketika ini kebanyakan negara menetapkan penduduknya termasuk pengembara luar untuk melengkapkan dua (2) dos vaksin dan dos penggalak

PEMILIKAN DATA MYSEJAHTERA

Sebelum pelancaran aplikasi MySejahtera, MKN bagi pihak Kerajaan telah memeterai **Perjanjian Ketakdedahan (Non Disclosure Agreement - NDA) dengan KPISOFT pada 1 April 2020** dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak



Antara terma utama dalam perjanjian NDA ialah **hak milik setiap data dan maklumat** yang diperolehi menerusi penggunaan aplikasi MySejahtera, adalah **hak milik penuh dan mutlak Kerajaan** sehingga satu kontrak baharu dimeterai

PENGGUNAAN DATA MYSEJAHTERA

Tertakluk kepada:

1. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]
2. Akta Perubatan 1971 [Akta 50]
3. Piawaian antarabangsa.



Data tersimpan dalam pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara

Data hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta aplikasi sokongan yang berkaitan dengan pandemik

KESELAMATAN APLIKASI DAN DATA



- ❑ MAMPU dan NACSA telah menjalankan pelbagai ujian bagi memastikan bahawa aplikasi ini selamat, pengujian penembusan dan kerentanan (*penetration and vulnerability test*) sebelum dilancarkan
- ❑ NACSA melalui National Cyber Coordination and Command Centre (NC4) memantau keselamatan aplikasi MySejahtera secara berterusan dan membantu dalam mengenal pasti tindakan pemulihan yang perlu dilaksanakan oleh pembangun aplikasi ke atas sebarang kerentangan (*vulnerability*)
- ❑ NACSA seterusnya melaksanakan semakan bagi mengesahkan tindakan pemulihan yang telah dilaksanakan oleh pembangun aplikasi
- ❑ Syarikat pengendali aplikasi MySejahtera juga telah menerima piawaian ISO270001 (ISMS). Piawaian ISO270001 ini ialah spesifikasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat meliputi dasar dan pengurusan keselamatan maklumat, keselamatan fizikal dan persekitaran, keselamatan komunikasi dan keselamatan sumber manusia

KERAHSIAAN DATA

- ❑ Data MySejahtera tidak boleh dikongsi oleh KKM dengan mana-mana agensi kerajaan mahupun swasta
- ❑ Pangkalan data MySejahtera adalah terpelihara dan hanya bagi tujuan kawalan pandemik oleh KKM sahaja



PENYIMPANAN DATA MYSEJAHTERA

- ❑ Menggunakan AliBaba *Cloud*
- ❑ *Server* di AIMS Data Centre, Kuala Lumpur



PENGURUSAN APLIKASI MYSEJAHTERA SECARA *CORPORATE* *SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)*



- Tempoh setahun CSR mulai **27 Mac 2020** hingga **31 Mac 2021**
- Kerajaan **tidak pernah membuat sebarang bayaran** kepada syarikat sepanjang tempoh CSR tersebut
- Tamat tempoh CSR, **Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021**, bersetuju supaya perkhidmatan **MySejahtera diteruskan** kerana keteguhan dan keupayaan dinamik teknologinya

PROSES LANTIKAN RUNDINGAN TERUS DENGAN SYARIKAT

- ❑ 26 November 2021:
 - ❑ Kerajaan memutuskan pelaksanaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera secara rundingan terus dengan syarikat selama 2 tahun
- ❑ 28 Februari 2022:
 - ❑ Kementerian Kewangan meluluskan permohonan KKM untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus
- ❑ KKM sedang melaksanakan *due diligence* bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara

KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN

Surat bertarikh 28 Februari 2022 bersetuju meluluskan perolehan secara rundingan terus tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1.

KKM berpuas hati terhadap kewujudan ikatan yang sah dari segi undang-undang antara Syarikat MySJ Sdn. Bhd. dengan Entomo Malaysia Sdn. Bhd. selaku pembangun aplikasi MySejahtera

2.

Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi perolehan ini

3.

Semua peraturan perolehan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya

4.

KKM bersama-sama agensi lain yang berkaitan hendaklah menyemak semula kos sebenar aplikasi MySejahtera beserta kewajaran kos-kos yang terlibat dalam perolehan ini. Kos perolehan yang telah disemak hendaklah dijadikan asas pertimbangan dalam proses rundingan harga yang akan dilaksanakan

KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN

5.

Harga bagi perolehan secara pakej ini hendaklah dirunding ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PK7.16 dan minit mesyuarat berhubung dengan persetujuan harga rundingan hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak berkontrak

6.

Hasil rundingan harga hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan

7.

KKM hendaklah mewujudkan kontrak berasingan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak ketiga bagi pengurusan aplikasi MySejahtera. Kos perkhidmatan perlu dirunding semula ke paras yang menguntungkan Kerajaan mengambil kira pembayaran luar kontrak berjumlah RM9,317,142.21 yang telah diluluskan kepada Majlis Keselamatan Negara melalui surat MOF bertarikh 26 November 2021

8.

KKM perlu memastikan aplikasi dan data MySejahtera adalah milik Kerajaan Malaysia sepenuhnya

9.

KKM perlu memastikan KPISOFT Malaysia Sdn. Bhd., Entomo Malaysia Sdn. Bhd. dan MySJ Sdn. Bhd. memberi surat jaminan (undertaking) supaya tidak ada mana-mana pihak yang akan menuntut pemilikan, hak cipta, pembayaran dan lain-lain berkaitan pembangunan aplikasi MySejahtera pada masa hadapan

STATUS SEMASA

- ❑ KKM telah mengemukakan dokumen kepada Jabatan Peguam Negara untuk **mengesahkan ikatan sah dari segi undang-undang** antara syarikat yang terlibat dalam kontrak

- ❑ KKM bersama MAMPU sedang meneliti semula **kewajaran kos** terlibat untuk dijadikan **asas rundingan harga**

PENUTUP

- ❑ KKM memberi jaminan bahawa tiada apa-apa yang hendak disembunyi
- ❑ Keputusan untuk mengadakan rundingan ini adalah suatu usaha untuk memperbetul dan menyelesaikan masalah yang telah timbul sebelum ini



**SEKIAN,
TERIMA KASIH**



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)



MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE EMPAT BELAS BIL. 1(B) TAHUN 2022

“Pembangunan dan Perolehan Aplikasi MySejahtera di bawah Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri”

21 APRIL 2022

- 1 Latar Belakang
- 2 Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital (PPPD)
- 3 Asas Pemilihan Syarikat
- 4 Fungsi MySejahtera
- 5 Fasa Pembangunan 15 Modul
- 6 Tadbir Urus MySejahtera
- 7 Pemilikan Data
- 8 Pengehosan Data MySejahtera
- 9 Keselamatan Aplikasi dan Data MySejahtera
- 10 Kawalan Data Privasi MySejahtera
- 11 Pelaksanaan *Corporate Social Responsibility* (CSR)
- 12 Pelaksanaan Pembentukan Kontrak
- 13 Tadbir Urus Pelaksanaan Hala Tuju Aplikasi MySejahtera
- 14 Kronologi Aktiviti JKKPMysJ
- 15 Way Forward Penglibatan MAMPU & NACSA, MKN


Latar Belakang

1

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

1. YAB Perdana Menteri ketika itu mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa bermula 18 Mac 2020.
2. PKP diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).
3. Pada waktu tersebut, kluster Perhimpunan Sri Petaling yang telah mula dikesan pada 11 Mac 2020 telah mula berpecah kepada subkluster yang kecil dan berselerak.
4. Intervensi dan pemantauan yang dilaksanakan pada waktu tersebut adalah secara manual dengan keupayaan kapasiti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terhad.


Latar Belakang



- Data kes COVID-19 pada 23 Mac 2020.
- Keadaan semakin kritikal dengan kadar kematian semakin meningkat.

Sumber: <https://covid-19.moh.gov.my/>

Latar Belakang



- Taburan kes COVID-19 pada 27 Feb - 23 Mac 2020.
- Keadaan semakin kritikal dengan kadar kematian semakin meningkat.

Sumber: <https://covid-19.moh.gov.my/>

Latar Belakang

2 Keperluan Aplikasi Pengurusan COVID-19 Di Peringkat Nasional

1. Membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membolehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri dan berkomunikasi secara dua-hala.
2. Memantau individu (terutamanya PUS, PUI) selama 14 hari melalui penilaian sendiri tanpa perlu ditahan di hospital kecuali jika perlu.
3. Pemantauan individu di pusat-pusat kuarantin secara *contactless* untuk meminimakan risiko jangkitan kepada petugas.
4. Memaklumkan keputusan ujian COVID-19 kepada individu yang telah direkodkan oleh KKM dengan segera. *Turn-around time* pihak KKM pada ketika itu untuk memaklumkan kepada rakyat keputusan ujian COVID-19 adalah 5 hari.
5. Melaksanakan perancangan selanjutnya dan memantau melalui MySejahtera apabila pendekatan surveilan dan *home care monitoring* dilaksanakan.

Latar Belakang

3

Penglibatan MAMPU & NACSA, MKN Dalam Aplikasi Pengurusan COVID-19 Di Peringkat Nasional

Menyedari bahawa pembangunan inisiatif ini akan melibatkan pembangunan sistem di peringkat nasional, pengumpulan dan penggunaan data individu secara meluas serta memerlukan penglibatan pelbagai agensi, KKM telah:

1. Mendapatkan khidmat runding MAMPU selaras dengan peranan MAMPU sebagai pakar runding dalam pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perkhidmatan awam.
2. Selanjutnya berbincang dengan MKN sebagai peneraju pengurusan pandemik COVID-19.
3. NACSA turut dilibatkan dalam pelaksanaan cadangan selaras dengan peranan NACSA dalam pengurusan keselamatan siber negara yang turut melihat kepada aspek pembangunan sistem secara terselamat.

Latar Belakang

4

Penglibatan Syarikat KPISOFT

1

Syarikat menyediakan perkhidmatan pendigitalan pengurusan prestasi secara mobile menggunakan Artificial Intelligence dan Augmented Analytic

Syarikat membangunkan aplikasi *Enterprise Performance Management* (EPM) kepada pelanggan daripada sektor perkhidmatan kewangan, Kerajaan, Telco dan lain-lain industri lain. Sebagai contoh: Smart Dubai Gov untuk UAE

2

Atas keperluan mendesak sewaktu pandemik, Syarikat seterusnya membentangkan cadangan aplikasi yang telah dimodifikasi bagi pengurusan penyakit berjangkit berdasarkan keperluan pihak CPRC KKM dalam menguruskan pandemik COVID-19 di Malaysia

4

MAMPU telah mengangkat cadangan kepada MKN untuk menerajui pembangunan aplikasi selaras dengan peranan MKN sebagai peneraju pengurusan pandemik COVID-19

3

KKM memohon pandangan dan khidmat nasihat MAMPU untuk penilaian teknikal ke atas aplikasi yang dicadangkan oleh syarikat

Latar Belakang

5 Kronologi Pelaksanaan Aplikasi

23 Mac 2020

Pembentangan cadangan aplikasi oleh syarikat dalam Mesyuarat Pemerkasaan Teknologi, Aplikasi Crowdsourcing & Data Analitik Dalam Pengendalian Wabak COVID-19

Dipengerusikan oleh TKP ICT MAMPU

23 Mac 2020

Mesyuarat Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital Bil 1/2020 melaksanakan penilaian teknikal aplikasi

Dipengerusikan bersama oleh MKN dan MAMPU dan dianggotai oleh KKM, MOSTI dan SKMM

5 Apr 2020


Pelaksanaan Pilot MySejahtera

9 Apr 2020

Penggunaan MySejahtera di Pusat Kuarantin

20 Apr 2020

Pelancaran MySejahtera



23 Mac 2020

Mesyuarat Perancangan Strategik dan Pengurusan COVID-19 bersetuju *Taskforce* diwujudkan.

Dipengerusikan oleh KSN

23 - 30 Mac 2020

Penumpuan kepada pembangunan & pengujian aplikasi
Keperluan sistem diperolehi daripada pihak KKM

Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital (PPPD)



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



Tanggung jawab Pasukan Petugas Pemboleh Daya Digital adalah seperti berikut:

1. Menyelaras dan meneliti keperluan serta aspek cadangan pembangunan sistem dan aplikasi teknologi digital bagi membantu Kerajaan mengurus situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 yang berlaku di Malaysia.
2. Mengangkat cadangan pembangunan sistem dan aplikasi teknologi digital bagi membantu Kerajaan mengurus situasi penularan jangkitan wabak COVID-19 kepada pengurusan tertinggi negara.

Asas Pemilihan Syarikat

01	Cadangan teknikal	<ul style="list-style-type: none">• Prototaip aplikasi yang dibangunkan menepati keperluan asas untuk pemantauan dan pengawalan penularan COVID-19 dalam tempoh yang mendesak pada waktu tersebut
02	Ketersediaan Platform	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat mempunyai platform sistem yang terdiri daripada komponen aplikasi mudah alih, <i>dashboard</i> dan <i>backend integration</i> yang boleh diubahsuai dan bersifat dinamik
03	Kepakaran	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat mempunyai pengalaman dalam pembangunan aplikasi dan analisa data serta mempunyai kakitangan yang kompeten melaksanakan kerja-kerja pembangunan sistem
04	Tempoh Pembangunan Pantas	<ul style="list-style-type: none">• Pembangunan aplikasi dapat dibuat dalam tempoh 2 minggu untuk <i>Live</i> pada 20 April 2020
05	Perakuan Penilaian Teknikal	<ul style="list-style-type: none">• Cadangan syarikat dibentangkan dalam mesyuarat dan dinilai melalui tadbir urus projek
06	<i>Corporate Social Responsibility (CSR)</i>	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat telah menawarkan pembangunan secara CSR bermula untuk tempoh 3 bulan seterusnya dilanjutkan kepada satu tahun (27 Mac 2020 - 31 Mac 2021)

Fungsi MySejahtera (Sewaktu mula dilancarkan)




1. Membantu Kerajaan dalam usaha **memutuskan rantai jangkitan** seterusnya menangani wabak COVID -19 melalui kaedah pemantauan berkesan.
2. Membantu individu mengenalpasti tahap kesihatan mereka sepanjang penularan wabak COVID -19 melalui **penilaian sendiri**.
3. Membantu individu **mendapatkan bantuan kesihatan** dan tindakan yang perlu diambil jika dijangkiti COVID -19 dalam tempoh yang cepat.
4. Membantu individu **mengenal pasti hospital dan klinik terdekat** untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan COVID -19.
5. **Menyalurkan maklumat secara digital dengan pantas dan cepat** dalam kekangan pergerakan orang awam semasa tempoh pandemik.

Fasa Pembangunan 15 Modul



Modul-modul yang dibangunkan turut melibatkan integrasi data/ sistem dengan pihak MOSTI, NADMA, JPN

 Modul saling berkait dengan *enhanced features*

Sejarah Penambahbaikan Versi Aplikasi


1. Keperluan pembangunan berterusan bermula pada Mac 2020
2. Setiap *build updates* tersebut terus dimuat naik ke Store oleh pihak MAMPU

App Version	Completion	Description	Feature Summary
1.0.1	Mar-20	-(New Feature)	Registration page in web link
		-(New Feature)	Adding dependent in web link
		-(New Feature)	Auto-trigger announcements and Day 0 assessment for new user
		-(Enhancement)	Added strategic collaboration details in login page
1.0.3	7 April 2020	-(New Feature)	Added user guideline screens for first-time users
		-(Enhancement)	Added strategic collaboration details in login page
1.0.6	10 April 2020	-(New Feature)	Added lab test results card to the user's Profile page
		-(New Feature)	Added MySejahtera Home Care and MySejahtera Self Report Features for monitoring
		-(New Feature)	Confirmed Cases
		-(Enhancement)	Updated the New User Guide Splash Screens
1.0.11	23 April 2020	-(Enhancement)	Added checkbox functionality to assessment form type
		-(Enhancement)	Added "Refresh" button in profile page
1.0.12	27 April 2020	-(New Feature)	Vaccination Module
		-(New Feature)	IC and Name verification
		-(Enhancement)	UI Changes for vaccination registration screens
		-(New Feature)	Registration for dependents
1.0.13	2 May 2020	-(New Feature)	Permissions pop up
		-(New Feature)	Added link for KKM online appointment app
		-(New Feature)	Change MySJ ID in the app settings page
		-(Enhancement)	Adding Self-Test option for users to buy and report their self-test
1.0.14	3 May 2020	-(New Feature)	Adding Minda Sihat
		-(New Feature)	IC and Name verification
		-(Enhancement)	UI Changes for vaccination registration screens
		-(New Feature)	Registration for dependents
1.0.15	4 May 2020	-(New Feature)	Permissions pop up
		-(New Feature)	Added link for KKM online appointment app
		-(New Feature)	Change MySJ ID in the app settings page
		-(Enhancement)	Adding Self-Test option for users to report their self-test
1.0.15	4 May 2020	-(New Feature)	Adding Minda Sihat to the additional resources
		-(New Feature)	Add DOB, Passport number and Country to the profile settings page to generate vaccination cert
		-(Enhancement)	Updated vaccine certificate design
		-(New Feature)	Check Out feature
1.0.15	4 May 2020	-(New Feature)	Check in page to show the vaccine status
		-(Enhancement)	Increase character limit for IC/Passport number
		-(New Feature)	Download PDF for vaccine certificate
		-(New Feature)	New digital certificate for booster doses
1.0.15	4 May 2020	-(New Feature)	Add Vaccine info for CanSino
		-(Enhancement)	Registration button points to in-app browser link
		-(New Feature)	MySJ Trace for Bluetooth contact tracing
		-(Enhancement)	Hiding the Check Out option
1.0.15	4 May 2020	-(New Feature)	Updated permissions pop up card to include bluetooth permission
		-(New Feature)	Registration button points to in-app browser link
		-(New Feature)	MySJ Trace for Bluetooth contact tracing
		-(Enhancement)	Hiding the Check Out option

Tadbir Urus MySejahtera


1

Sebelum PICK



Tadbir Urus MySejahtera

2 Semasa PICK (Program Proklamasi Darurat 2021)



Pengerusi : CPRC, KKM

Ahli : CPRC, KKM, MAMPU, NACSA, MKN & Syarikat

Sekretariat : Pasukan MySejahtera NACSA

Pemilikan Data

1. Satu (*Non Disclosure Agreement* - NDA) dengan KPISOFT telah ditandatangani pada 1 April 2020 dengan terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
2. Antara terma utama dalam NDA adalah hak milik setiap data dan maklumat yang diperolehi menerusi penggunaan MySejahtera, adalah **hak milik penuh dan mutlak Kerajaan** sehingga satu kontrak baharu dimeterai.
3. Tertakluk kepada :
 - Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
 - Akta perubatan 1971[Akta 50].
4. Data hanya boleh diakses untuk kegunaan aplikasi MySejahtera serta sistem sokongan berkaitan pandemik.

Kawalan Data Privasi MySejahtera

Jenis Data

1. Butiran peribadi pengguna seperti nama, nombor IC, nombor telefon, dan alamat terkini semasa pendaftaran
2. Butiran demografik pengguna seperti jantina dan bangsa semasa pendaftaran
3. Butiran check-in pengguna ke premis perniagaan & butiran check-in pengembara yang tiba ke Malaysia
4. Butiran penilaian kesihatan sendiri pengguna MySejahtera
5. Butiran penilaian lokasi rumah pengguna MySejahtera
6. Butiran tanggungan pengguna & butiran vaksinasi

Polisi

1. Data yang dikumpul oleh aplikasi adalah data yang dikemukakan atas persetujuan pengguna dan dilakukan secara sukarela
2. Data peribadi pengguna yang dikumpul tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga atau bagi tujuan komersil.
3. Data check-in pengguna hanya disimpan selama 90 hari dan akan dihapuskan selepas itu
4. Data penilaian kesihatan dan check-in yang dikumpul dalam aplikasi digunakan oleh KKM di bawah Akta-akta yang telah dinyatakan untuk tujuan seperti pengesanan kontak, pengesanan kawasan hotspot, penentuan PPV dan lain-lain berhubung pengurusan pandemik COVID-19
5. Data lokasi pengguna hanya akan direkodkan apabila kebenaran untuk mengakses lokasi pengguna menerusi peranti pintar diberikan
6. Data *in transit* disulitkan (*encrypt*) dan *data at rest* disimpan dalam pelayan pangkalan data dengan ciri keselamatan selaras dengan piawaian global.

Pengehosan Data MySejahtera

1. Aplikasi dan data MySejahtera ditempatkan di Alibaba Cloud.
2. **Alibaba Cloud mempunyai Pusat Data bertempat di Malaysia iaitu di AIMS Kuala Lumpur** yang merupakan anak syarikat TIME dotCom Berhad (TIME) yang mendapat pengiktirafan kualiti dan keselamatan seperti berikut:
 - a) The Payment Card Industry Data Security Standard (PCI DSS)
 - b) ISO/IEC 27001 - Information Security Management System (ISMS)
 - c) ISO/IEC 20000-1 - IT Service Management System
 - d) ISO 9001 - Quality Management System
 - e) TVRA - Threat, Vulnerability and Risk Assessment
 - f) DCRA - Data Centre Risk Assessment

Keselamatan Aplikasi & Data MySejahtera

1. MAMPU dan NACSA telah melaksanakan ujian dalam memastikan aplikasi ini selamat, pengujian penembusan dan kerentanan dilaksanakan sebelum dan selepas dilancarkan. (Metodologi: Ujian keselamatan Mobil OWASP dan Metodologi: *Offensive Tools, emulate “black hat hackers”*).
2. NACSA melalui *National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4) memantau keselamatan aplikasi MySejahtera secara berterusan dan membantu mengenalpasti tindakan pemulihan yang perlu dilaksanakan oleh pembangun aplikasi ke atas kerentanan yang dikenalpasti.

Pelaksanaan *Corporate Social Responsibility* (CSR)

1. Tempoh setahun CSR yang ditawarkan oleh syarikat KPISoft Sdn. Bhd. mulai 27 Mac 2020 hingga 31 Mac 2021.
2. Kerajaan **tidak pernah** membuat sebarang bayaran kepada syarikat sepanjang tempoh CSR tersebut.
3. Setelah tamat tempoh CSR tersebut, Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 bersetuju supaya perkhidmatan MySejahtera dilaksanakan secara kontrak selama setahun. Rundingan dengan syarikat perlu diadakan bagi mengurangkan kos penyediaan perkhidmatan berbanding RM138 juta setahun seperti yang ditawarkan oleh syarikat.

Bayaran sebanyak **RM9.3 juta** bagi pelaksanaan MySejahtera oleh MKN pada Disember 2021 adalah untuk menampung kos langganan perkhidmatan pihak ketiga (*3rd-party services*) iaitu:

- a. **Perkhidmatan Google API services** (untuk kegunaan Hotspot, Google Maps) dibayar ke syarikat OniGroup (Google Premier Partner).
- b. **Perkhidmatan SMS** (untuk kegunaan penghantaran notifikasi aplikasi) dibayar ke syarikat DAPAT Vista Sdn. Bhd.

Pelaksanaan Pembentukan Kontrak

31 Mac 2021

13 Apr 2021

Apr - Sep 2021

26 Nov 2021

28 Feb 2022

Semasa

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri supaya perkhidmatan **MySejahtera** dilaksanakan secara kontrak selama setahun.

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Hala Tuju Aplikasi MySejahtera (JTMySJ) supaya **MKN, MAMPU dan UKAS mengadakan perundingan, penilaian dan cadangan way forward** aplikasi MySejahtera.

Pelaksanaan bengkel penilaian harga & beberapa siri perbincangan bersama syarikat memperincikan skop projek melibatkan pasukan MAMPU, NACSA, KKM, UKAS, MOF dan SKMM.

Mesyuarat Jemaah Menteri memutuskan supaya pelaksanaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera **dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat MySJ Sdn. Bhd. selama 2 tahun.**

Kementerian Kewangan telah bersetuju **meluluskan permohonan KKM** untuk melaksanakan **perolehan secara rundingan terus.**

KKM sedang melaksanakan **perundingan harga, perincian skop projek & kajian pasaran ke atas Cloud Service Provider (CSP)** bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Hasil rundingan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Way Forward Penglibatan MAMPU dan NACSA, MKN

1. Penglibatan dalam tadbir urus MySejahtera di bawah KKM

- a. Ahli Jawatankuasa Pemandu
- b. Ahli Jawatankuasa Teknikal

2. Pelaksanaan Migrasi data ke Pusat Data Sektor Awam di MAMPU

- a. Bagi memberi keyakinan kepada rakyat, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 6 April 2022 telah memutuskan data aplikasi perlu ditempatkan di PDSA di MAMPU dengan pendekatan seperti berikut:-
 - i. **Quick win** - mirror/ backup data MySejahtera daripada Alibaba Cloud ke PDSA akan dilaksanakan dalam masa terdekat.
 - ii. **Long term** - Penyelesaian secara *on-premise cloud* dengan menempatkan server yang diurus oleh *Cloud Service Provider* (CSP) yang telah dilantik oleh Kerajaan di PDSA di bawah kawal seliaan MAMPU.


Sekian, terima kasih




Disediakan oleh:
Jabatan Perdana Menteri
21 April 2022



GAMBAR PROSIDING









JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur

Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)

E-mel: pacparlimen@parlimen.gov.my